



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEEMPAT
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
Urusan Mesyuarat	(Halaman 1)

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 2)
--	-------------

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007	(Halaman 2)
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2007	(Halaman 13)
Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2007	(Halaman 35)
Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007	(Halaman 51)
Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya 2007	(Halaman 76)
Rang Undang-undang Tafsiran (Pindaan) 2007	(Halaman 86)
Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2007	(Halaman 89)
Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2007	(Halaman 98)
Rang Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2007	(Halaman 105)
Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2007	(Halaman 113)
Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 2007	(Halaman 116)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman (Dilantik)
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
13. “ Dato' Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
14. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
15. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
16. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
17. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
18. “ Dato' Ismail Kassim (Perlis)
19. “ Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh (Dilantik)
20. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
21. “ Tuan Khoo Soo Seng (Johor)
22. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
23. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
24. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
25. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
26. “ Dato' Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
27. “ Puan GK Loga Chitra (Dilantik)
28. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
29. “ Dato Sri Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
30. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
31. “ Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
32. “ Puan Mumtaz binti Md Nawi (Kelantan)
33. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
34. “ Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
35. “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
36. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie (Terengganu)
37. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn (Dilantik)

38. Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
39. “ Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
40. “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
41. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
42. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
43. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
44. “ Tuan Rawisandran a/l Narayanan (Dilantik)
45. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
46. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
47. “ Datuk Soon Tian Szu (Melaka)
48. “ Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
49. “ Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
50. “ Tuan Haji Shamsudin bin Mehat (Dilantik)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain (Dilantik)
52. “ Datuk Sim Kheng Hui (Dilantik)
53. “ Dato' Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
54. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
55. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
56. “ Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
57. “ Dato' Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik)
58. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
59. “ Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
60. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
61. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
62. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
63. “ Dato' Wong Siong Hwee (Dilantik)
64. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
65. “ Dato' Yip Kum Fook (Selangor)

DEWAN NEGARA**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Roosme binti Hamzah

Ketua Penolong Setiausaha (Pengurusan Dewan)

Muhd. Sujairi bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Ahmad Kamil bin Safian

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Ainul Wahidah binti Ismail @ Fahkri

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

Siti Khadijah binti Md Nor

Nooruanizam binti Nasir

Hafizah binti Abu Samah

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 24 Disember 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA***[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Yang di-Pertua Dewan Rakyat yang mengatakan persetujuan Dewan itu kepada Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam sidang Parlimen yang lalu.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“19 Disember 2007

**Perutusan Daripada Dewan Rakyat
Kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan negara mempersetujukannya:

- (i) Rang Undang-undang Penjara (Pindaan) 2007;
- (ii) Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) (Pindaan) 2007;
- (iii) Rang Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2007;
- (iv) Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2007; dan
- (v) Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 2007.

Yang ikhlas,

t.t.

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato’ Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat (11), Majlis Dewan Negara hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PEMBANGUNAN MINERAL (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[19 Disember 2007]**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

10.05 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membaca keseluruhan teks sebab hari itu berhenti para pertama sahaja habis.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembangunan Mineral 1994 telah diluluskan oleh Parlimen pada 29 Ogos 1994, dan mula dikuatkuasakan pada 1 Ogos 1998. Akta Pembangunan Mineral 1994 bersama dengan Enakmen Mineral Negeri di negeri-negeri telah digubal bagi menggantikan enakmen melombong iaitu satu undang-undang kacukan mengenai perlombongan yang sebelum ini diguna pakai oleh negeri-negeri di Malaysia.

Tujuan Akta Pembangunan Mineral digubal adalah untuk menentukan bahawa aktiviti eksplorasi pencaharian dan perlombongan mineral dan bijih yang dijalankan tidak menjejaskan keselamatan dan kesihatan mana-mana orang, mengakibatkan kerosakan harta benda atau menyebabkan kacau ganggu atau mencacatkan kemudahan mana-mana kawasan atau tempat. Di samping itu Akta Pembangunan Mineral juga menetapkan agar aktiviti mentoksikkan, pendulangan, eksplorasi perlombongan dan pemprosesan mineral dijalankan mengikut amalan yang terbaik, selamat dan mematuhi standard alam sekeliling.

Antara ciri-ciri utama akta ini termasuk keperluan untuk mengadakan satu skim pengendalian melombong, *operational mining scheme*, dengan izin, yang perlu diluluskan terlebih dahulu sebelum sebarang kerja perlombongan dijalankan. Operasi perlombongan yang dilaksanakan hendaklah mengikut skim pengendalian perlombongan yang telah diluluskan ini. Selain itu, akta ini memberi perhatian khusus kepada memastikan pengurusan dan penjagaan alam sekitar yang berkesan.

Tujuh peraturan pembangunan mineral di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 telah digubal oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dengan input dan kerjasama daripada Jabatan Mineral dan Geosains dan Jabatan Peguam Negara yang bertujuan untuk memantapkan lagi pelaksanaan Akta Pembangunan Mineral supaya lebih efektif.

Seksyen 5(63) di bawah Akta ini memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk membuat peraturan-peraturan yang telah disediakan seperti berikut:

- (i) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Skim Pengendalian Melombong Pelan dan Buku Rekod);
- (ii) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Keselamatan Dalam Kerja Penjelajahan dan Perlombongan Dedah);
- (iii) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Peletupan);
- (iv) Peraturan-Peraturan Pembangunan Mineral (Pengurusan Alam Sekitar dan Efluen Lombong);
- (v) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Perlombongan Bawah Tanah);
- (vi) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral (Perlombongan Arang Batu Bawah Tanah); dan
- (vii) Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral Pengkompaunan Kesalahan-kesalahan).

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta Pembangunan Mineral 1994 ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Ogos 2007 dan adalah berkaitan dengan seksyen 53, 55 dan 63 iaitu berhubung dengan:

- (a) peningkatan denda bagi kesalahan berterusan yang dilakukan di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994;
- (b) pengenaan kompaun bagi kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan-peraturannya; dan
- (c) peningkatan amaun penalti dan hukuman bagi kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan-peraturannya.

Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral memberi kuasa kepada Jabatan Mineral dan Geosains untuk memeriksa operasi melombong agar mengikut peraturan yang diwujudkan. Bagi mencegah daripada berlakunya pelanggaran terhadap peraturan-peraturan yang disediakan, hukuman yang bersesuaian perlulah diperuntukkan di dalam Akta Pembangunan Mineral.

Pada masa ini, seksyen 53 Akta Pembangunan Mineral hanya memperuntukkan pengenaan sebanyak RM200 bagi setiap hari kesalahan yang dilakukan secara berterusan. Akta Pembangunan Mineral juga tidak memperuntukkan kuasa kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk membuat peraturan-peraturan bagi maksud pengkompaunan kesalahan yang dilakukan di bawah peraturan-peraturan pembangunan mineral tersebut.

Selain daripada itu, Akta Pembangunan Mineral juga tidak memperuntukkan secara eksplisit hukuman atau penalti terhadap perbuatan yang melanggar peraturan-peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 63(2). Ini menyebabkan hukuman terhadap sebarang kesalahan dilakukan di bawah peraturan-peraturannya hanya boleh dikenakan di bawah seksyen 27 iaitu Akta Tafsiran 1948 dan 1967 (Akta 388) iaitu denda tidak melebihi RM1,000 atau penjara tidak melebihi enam bulan atau keduanya sekali.

Sehubungan itu bagi mengatasi kekurangan yang terdapat di dalam Akta Pembangunan Mineral 1994, adalah dicadangkan agar pindaan-pindaan dibuat sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan denda atau penalti bagi pelanggaran kesalahan yang dilakukan secara berterusan yang kini hanya sebanyak RM200 bagi setiap hari perulangan kesalahan yang telah disabitkan. Adalah dicadangkan supaya denda tersebut ditingkatkan kepada RM2,000 sehari. Peruntukan ini bertujuan memastikan orang yang disabitkan kesalahan tersebut menghentikan perbuatan yang menyalahi peraturan seperti menghalang, menyerang atau mengganggu mana-mana pegawai galian di dalam melaksanakan fungsi-fungsinya di bawah akta dan mengalih atau merosakkan papan tanda amaran keselamatan di lombong. Peningkatan amaun denda daripada RM200 kepada RM2,000 adalah untuk memberi amaran dan menggambarkan ketegasan kerajaan dalam mencegah daripada berlakunya pelanggaran kesalahan yang sekiranya dilakukan secara berterusan akan memberi implikasi yang besar terhadap kesejahteraan pekerja dan orang awam serta keselamatan harta benda dan kepentingan awam.

Sementara itu, pada masa ini kompaun hanya dikenakan bagi kesalahan yang dilakukan di bawah Akta Pembangunan Mineral iaitu akta ibu, *parent act*, dengan izin di bawah subseksyen 55(1), akta berkenaan. Peruntukan ini adalah tidak mencukupi kerana Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral yang sedang digubal juga memperuntukkan kuasa untuk mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan yang dikategorikan sebagai kurang serius seperti tidak mematuhi arahan Penolong Pengarah Galian, menyebabkan kehilangan atau kerosakan ke atas peralatan atau mesin yang sedang disiasat dalam suatu kes kemalangan dan kegagalan pemegang lesen melombong untuk mempamerkan papan tanda keselamatan semasa aktiviti peletupan.

Sehubungan dengan itu, adalah dicadangkan supaya pindaan dibuat kepada perenggan 63(2)(j) bagi memberi peruntukan yang lebih jelas berhubung dengan penganan kompaun di bawah Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral. Manakala subseksyen 55(1), Akta Pembangunan Mineral 1994 dipinda bagi memberi kuasa kepada Ketua Pengarah Galian atau Timbalan Ketua Pengarah Galian untuk menawarkan kompaun bagi kesalahan yang dibuat di bawah Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral. Amaun maksimum kompaun yang boleh dikenakan ialah sebanyak 50% daripada amaun denda atau penalti maksimum bagi sesuatu kesalahan.

Pada masa ini penalti maksimum yang boleh dikenakan di bawah Akta ini ialah RM100,000. Selain daripada itu, seksyen 63 Akta Pembangunan Mineral 1994 mencadangkan dipinda dengan memasukkan subseksyen (3) yang memberi peruntukan bagi menggandakan hukuman denda atau penalti dan penjara yang lebih bersesuaian dan bersifat hukuman pencegah *deterrent sentence*, dengan izin.

Dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Pembangunan Mineral, tempoh hukuman penjara yang dicadangkan ialah lima tahun sementara jumlah denda maksimum yang boleh dikenakan ialah RM100,000. Had penalti dan hukuman penjara yang dicadangkan di bawah Peraturan-peraturan Pembangunan Mineral adalah bersamaan dengan had penalti dan hukuman yang diperuntukkan di bawah akta ibu serta berpadanan dengan bentuk dan tahap keseriusan kesalahan yang dilakukan.

Sekiranya peruntukan ini tidak diperkenalkan, had maksimum penalti dan hukuman penjara bagi kesalahan yang dibuat di bawah peraturan-peraturannya hanyalah sebanyak RM1,000 atau tidak melebihi enam bulan penjara atau kedua-duanya. Dengan itu, matlamat untuk memastikan pematuhan kepada aspek keselamatan pekerja dan orang awam, penjagaan alam sekitar dan pematuhan kepada amalan perlombongan terbaik dalam operasi perlombongan tidak akan tercapai. Pada masa ini, Akta Pembangunan Mineral memperuntukkan penalti antara RM40,000 hingga RM100,000 dan hukuman penjara di antara dua hingga lima tahun bergantung pada keseriusan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan terhadap Akta Pembangunan Mineral 1994. Saya yakin cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan itu akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat ke atas keupayaan kerajaan untuk memantau pembangunan sumber mineral negara agar ia dapat dijalankan secara berkesan, mesra alam dan mengikut prinsip-prinsip pembangunan mampan bagi menyumbang kepada pembangunan ekonomi,

kesejahteraan sosial dan kelestarian alam sekitar negara. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Pembangunan 1994, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Datuk Haji Rizuan, selepas itu saya minta Dr. Haji Mohd. Puad untuk bersedia.

10.18 pg.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Akta Pembangunan Mineral 1994. Akta ini telah dibentangkan di dalam Jemaah Menteri pada 29 Ogos 2007 dan untuk tujuan pindaan bagi seksyen 53, 55 dan 63 iaitu subseksyen 3 mengenai dengan kompaun dan denda.

Setakat ini kompaun atau denda yang dikenakan ialah RM200 sehari iaitu amat kecil dan saya amat bersetuju kalau dinaikkan denda kepada RM2,000 sehari dan juga kompaun yang dikenakan sebanyak RM1,000 dan penjara tidak lebih daripada enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Pindaan ini mengehendaki supaya keadaan serius berlaku apabila berlaku kemalangan di tapak lombong, di mana kemalangan jiwa kita dengar di negara China misalnya, lombong arang batu meletup.

Di negeri kita tidak ada lombong arang batu. Hanya ada iaitu bijih timah dan emas. Pada masa akan datang mungkin berlaku jika galian kita didapati akan lebih banyak. Mungkin ada R&D akan dibuat, mungkin kita akan dapat emas lebih banyak seperti di Kelantan, Mersing dan juga Raub, tetapi saya tidak nampak setakat ini. Walau bagaimanapun tujuannya untuk menghalang mereka daripada melakukan kesalahan kepada pegawai-pegawai galian yang bertugas untuk menentukan keselamatan di tempat kerja lombong.

Sebab itu dalam hal ini denda yang telah dikenakan sebelum ini amatlah kecil dan saya amat bersetuju sangatlah kalau kita kenakan denda RM100,000 dan kompaun RM100,000 dan juga penjara maksimum lima tahun. Persoalannya yang saya ingin lontarkan di sini, aktiviti mineral di Malaysia ini bagaimana cergasnya aktiviti ini, berapa banyak hasil yang kita dapat kutip daripada hasil mineral di negara kita ini.

Kita tahu kita ada lombong bijih timah yang tinggal saki baki, kita tahu di Malaysia ini kita dah dengar ada lombong emas di Kelantan, tiga tahun yang lalu Kerajaan Negeri Kelantan keluar lesen untuk melombong emas.

Berapa banyak Kerajaan Negeri Kelantan dah kutip hasil daripada lombong emas? Ataupun untuk mengaburi mata rakyat, dikeluarkan lesen lombong emas kemudian digondolkan hutan, diambil balak dan hutan yang telah digondol menjadi alam sekitar tercemar, akhirnya air sungai menjadi kemerah-merahan dan menyebabkan masalah rakyat dan alam sekitar. Ataupun kita dengar lombong emas di Mersing, ramai orang pergi ke Mersing untuk melombong emas. Jadi apakah hasilnya? Itu yang ingin tahu.

Keduanya ingin saya nyatakan di sini mengenai individu-individu, kita tahu bahawa lesen lombong emas ini tidak boleh diberi kepada individu hanya boleh diberi kepada syarikat. Jadi kalau individu itu berlumba-lumba pergi melombong emas, mendulang ataupun cara yang mereka tahu, mereka melakukan kesalahan. Jadi apakah denda yang kita kenakan kepada mereka ini?

Jadi saya percaya perkara ini perlu diperhatikan oleh kementerian, kerana industri perlombongan negara ini tidaklah menampakkan kecergasan tapi kalau ada bukti-bukti, ada hasilnya tolong bagi tahulah kepada Dewan pada hari ini.

Saya sekali lagi menyokong undang-undang untuk meminda Akta Pembangunan Mineral. Sekian, terima kasih.

10.22 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana turut mengizinkan saya membahaskan Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007 ini.

Saya memang menyokong akta ini sebab ia merupakan satu usaha kita untuk mengawal aktiviti perlombongan di negara kita. Walaupun seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi, bahawa aktiviti perlombongan di negara kita mungkin tidak serancak seperti dahulu, tetapi kita masih lagi terlibat dengan aktiviti-aktiviti perlombongan mineral seperti emas yang disebutkan tadi.

Cuma yang ingin saya bangkitkan selain daripada kita meningkatkan denda yang begitu tinggi RM2,000 sehari sebagai contohnya, ini adalah amat baik. Namun, apakah cara penguatkuasaan *standard of procedure* yang digunakan sebenarnya untuk mengawal tempat-tempat melombong ini? Apakah kita memang cukup kemampuan untuk melaksanakan penguatkuasaannya? Saya ingin tahu, apakah pernah wujud iaitu tindakan diambil kepada pelombong-pelombong yang merosakkan alam sekitar? Apakah pernah berlaku kes perlombongan dilakukan yang merosakkan alam sekitar dan tindakan telah pun diambil? Kita perlukan maklumat seperti ini.

Walaupun kita tidak pernah mendengar seperti mana yang disebutkan tadi bahawa kemalangan-kemalangan yang berlaku di tempat perlombongan seperti yang sering kita dengar seperti di Amerika, di China dan negara-negara Amerika Selatan dan sebagainya. Apa yang kita ingin tahu ialah apabila kita ada undang-undang yang sebegini ketat, maka bagaimanakah dari segi penguatkuasaan?

Satu lagi perkara yang ingin saya bangkitkan ialah, dulu kita pernah mendengar kes seperti yang berlaku di Lubuk Mandi, Terengganu iaitu apabila orang dengar cerita banyak emas di Lubuk Mandi di Marang itu, maka berduyun-duyunlah orang datang beribu. Seheingakan apabila berlaku kemalangan, maka Majlis Daerah Marang terpaksa membuat keputusan mengeluarkan lesen. Ini barangkali yang disebutkan oleh sahabat saya tadi, iaitu apakah kita ini tidak ada peraturan khusus untuk pelombong-pelombong individu ini? Sebab apabila berlaku kemalangan maka dikeluarkan lesen individu. Sehingga orang beratur, lepas subuh ramai yang beratur untuk mendapatkan lesen dan mendatangkan hasil kepada Majlis Daerah Marang pada tahun 1988, Tuan Yang di-Pertua.

Namun akhirnya, yang kita lihat ialah majlis hanya memikirkan soal keuntungan, tetapi ciri-ciri keselamatan tidak diambil kira. Sebab itulah kita lihat ada orang buat terowong untuk menggali sebegini dalam tanpa dikawal dan ada yang buat terowong itu sampai tembus bawah rumah orang. Akhirnya kematian bertambah yang mana kalau kita lihat dari segi gambar kalau kita ingat peristiwa tersebut, memang kita terkejut tengok terowong yang dibina oleh orang kampung ataupun orang ramai kerana nak mendapatkan emas, sebab memang menguntungkan ketika itu sebab ada yang baiki rumah, ada yang beli kereta baru dan sebagainya.

Ini berulang apa yang ada di Mersing sekarang ini. Kita lihat seolah-olah tidak ada satu tindakan bagaimana nak mengawal, hanya polis sahaja yang ada kat situ supaya orang tidak bergaduh, tapi itu dari segi ciri-ciri keselamatan - sebab itulah dalam kes ini kita melihat bahawa hak untuk mengeluarkan lesen ialah kerajaan negeri. Namun dari segi undang-undang yang kita buat ini, yang dibuat oleh pusat ini, apakah tidak menimbulkan permasalahan sebenarnya? Sebab kita hanya membuat undang-undang untuk mendenda, tetapi kerajaan negeri boleh sewenang-wenangnya mengeluarkan lesen termasuklah dalam soal individu tadi. Jadi kalau tidak ada penyelarasan ini, maka sebenarnya kadang-kadang apa yang kita buat ini tidak mendatangkan makna juga kepada kita.

Jadi sebab itulah saya harap ada penjelasan terutamanya tentang peraturan individu ini....

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Ya sila.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi kalaulah rang undang-undang ini diluluskan pada hari ini, sudah tentu ia akan diluluskan, tetapi penguatkuasaannya kita lihat hari ini

banyak perkara yang berlaku di negeri. Kerajaan Pusat walaupun ada undang-undang tetapi tidak boleh mengambil tindakan.

Jadi saya setuju penyelarasan itu kena ada, kalau kita lulus undang-undang ini kita ada lihat denda yang dikenakan begitu berat, penjara tetapi akhirnya kerajaan negeri mempunyai kuasa, Kerajaan Pusat walaupun mempunyai undang-undang tetapi tidak boleh melaksanakan undang-undang ini. Jadi apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Itu yang saya kata bahawa ini yang menjadi masalah sebenarnya, terutama kalau sekiranya negeri itulah pembangkang yang pegang. Jadi lagilah timbul masalah, sebab kadang-kadang mereka beri lesen kepada individu dan sebagainya, sebab itu boleh mendatangkan hasil dari segi pulangan politik. Sebab itu saya kata bahawa peristiwa di Lubuk Mandi itu amat menyedihkan dan akhirnya bila korban bertambah, maka barulah kerajaan membuat keputusan tutup, ambil jentolak tutup dengan terowong-terowong itu ditutup dah tidak ada dah kemudian bagi kepada satu syarikat PMINT. Itu pun kita tidak tahu sekarang ini seperti tidak ada lagi aktiviti melombong bijih emas di situ. Namun sekarang ini berulang balik seperti mana yang berlaku di Mersing dan tidak ada kawalan, kalau kita tengok anak-anak kecil pun ikut sama mendulang duduk di tepi laut, dekat air, ada yang terjun mandi dan sebagainya. Dah menjadi satu pesta dan yang kita bimbang nanti ialah mereka menceroboh di tempat lain, kalau tidak ada peraturan inilah bagi saya sebenarnya kadang-kadang tidak ada makna. Walaupun yang kita bincangkan hari ini tentang syarikat, tetapi saya rasa yang individu juga harus diberi perhatian. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md. Nawi.

10.29 pg.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan) 2007 pada hari ini.

Saya mempunyai beberapa persoalan untuk dikemukakan kepada pihak kerajaan bagi kita membahaskan rang undang-undang. Yang pertama berkenaan dengan adakah kerajaan sehingga kini mempunyai beberapa tempat ataupun lokasi yang telah dikenal pasti di mana negara kita ini mempunyai sumber mineral dengan rizab signifikan yang berpotensi untuk dibangunkan dalam negara. Contohnya yang disebut tadi emas, tembaga, bijih besi serta bahan-bahan mineral yang lain. Kita ingat sebelum ini antara sumber utama negara kita ialah bijih timah. Jadi bijih timah ini tahun 1986 telah turun harganya dan kita ingat antara tarikh 1986 dengan sekarang ini masih lagi belum begitu lama. Jadi adakah kerajaan juga mempunyai cara lain untuk menambahkan pendapatan negara melalui sumber mineral? Itu yang pertama.

Yang kedua, berkenaan dengan yang telah dibahaskan oleh rakan-rakan saya tadi berkenaan dengan perlombongan emas. Saya merujuk kepada data yang ada di hadapan saya difahamkan dalam data ini Johor mempunyai satu lombong emas, di Pahang ada enam, di Kelantan ada satu. Saya mohon pihak kerajaan mengemukakan berapakah hasil pengeluaran lombong-lombong emas di Pahang ini yang berjumlah enam lombong? Jadi kalau di Kelantan ada satu, di Pahang ada enam kenapa isu di Kelantan ini besar sangat?

Kalau di Kelantan itu ada masalah disebabkan oleh pengeluaran lesen berapa luaskah kawasan terbabit? Apakah pihak yang mengeluarkan lesen tidak mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Mineral dan Geosains kerana kita melihat kepada syarat sebelum lesen itu dikeluarkan di atas tanah kerajaan atau tanah kerajaan di bawah tanah pemilik untuk menjalankan operasi perlombongan perlu dipohon kebenaran daripada Jabatan Mineral dan Geosains. Apakah cara pihak Jabatan Mineral dan Geosains ini memantau aktiviti perlombongan setelah lesen dikeluarkan?

Berkaitan dengan Dasar Mineral Negara, saya pohon untuk mengetahui apakah agensi yang telah dikenal pasti oleh pihak kerajaan ataupun yang diarahkan oleh pihak kerajaan untuk menjalankan R&D berkenaan dengan bahan mineral.

Sekiranya ada apakah perkembangan, apa kejayaan terbaru yang telah dibuat oleh R&D tersebut?

Berkenaan juga dengan mineral, kita percaya sekiranya bahan ini tidak dicari dengan baik di negara kita, kita akan menghadapi masalah yang lebih besar kerana akhir-akhir ini kita lihat akibat kesusutan mineral dan tenaga, harga di pasaran dunia tidak stabil dan harga sumber kuasa juga meningkat. Jadi perlulah bagi kita untuk mencari ataupun mengenal pasti sektor perindustrian ataupun tempat-tempat ataupun lokasi agar bahan mineral ini boleh dijadikan sumber kuasa yang baru dan akan membantu pembangunan negara. Bagaimanakah juga pihak kerajaan mempunyai perancangan untuk membantu mana-mana syarikat bagi menggalakkan mereka ini terlibat dalam usaha-usaha yang melibatkan bahan mineral. Bagaimana tentang kos penggunaan tenaga dan bahan api yang akan dibantu oleh kerajaan sebagai satu insentif kepada mereka supaya menceburi bidang yang berkaitan dengan bahan mineral kerana kita tahu mana-mana tempat yang mempunyai bahan mineral ini ia akan menjadi tempat tumpuan penduduk dan akan menjadi maju.

Berdasarkan status PP dan PL dan MC ataupun ML 2005 kita melihat di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur terdapat 654,930 permit mencari gali telah dikeluarkan di kawasan Selangor dan Kuala Lumpur. Saya mohon untuk bertanya kepada pihak kerajaan apakah sijil ataupun lesen bahan mineral yang telah dikeluarkan di negeri-negeri ini kerana di sini tidak dinyatakan tentang apakah jenis perlombongan atau bahan mineral yang dikeluarkan oleh Selangor ataupun Kuala Lumpur.

Berkenaan juga dengan bahan mineral saya juga memohon kepada pihak kerajaan untuk mendapatkan reaksi tentang pendaratan minyak di Kelantan. Adakah perkara ini akan menjadi kenyataan kerana kalaulah ECER itu akan dilaksanakan di Kelantan, sudah tentu keperluan kepada petroleum dan pendaratan minyak di Kelantan ini akan mempercepatkan pembangunan Kelantan sebagai sebuah negeri yang maju kerana perkara ini adalah hak rakyat Kelantan. Kita memilih dalam pilihan raya kerajaan yang dipilih adalah kerajaan yang sah. Sepatutnya perkara ini mestilah juga diberi perhatian yang seimbang kerana perkara ini dapat membantu dari segi pembangunan keseluruhan.

Berkenaan dengan sumber tenaga hidroelektrik dan tenaga biomas, di manakah lokasi-lokasi baru yang pihak kerajaan buat demi untuk membantu rakyat ataupun pembangunan negara dalam mendapatkan sumber-sumber kuasa seperti ini?

Yang terakhir, apakah galakan-galakan yang disediakan oleh pihak kerajaan khususnya kepada siswazah-siswazah yang baru lepas daripada universiti untuk memudahkan mereka ini terlibat dengan kerja-kerja yang berkaitan dengan pembangunan mineral di Malaysia. Terima kasih. Itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk berbahas? Kalau tak ada saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

10.36 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Datuk Haji Rizuan, Dr. Haji Mohd. Puad, dan juga Yang Berhormat Puan Mumtaz yang telah membahaskan berkenaan dengan pembentangan Rang Undang-undang Pembangunan Mineral (Pindaan). Jadi saya secara amnya akan menjawab berkenaan dengan industri perlombongan negara.

Sememangnya kita tahu bahawa Malaysia adalah pengeluar timah terbesar di dunia sehinggalah tahun 1980-an. Apabila harga timah turun mendadak dan apabila kita mengubah dasar daripada perlombongan kepada industri pembuatan dan sebagainya dan sejak daripada itu sehinggalah apabila Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diwujudkan pada tahun 2004, sememangnya aktiviti perlombongan di negara ini telah menurun dari segi penghasilannya tidak sampai kepada RM2 bilion sumbangan kepada perolehan negara.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2004 peningkatan permintaan daripada negara-negara seperti China dan juga India iaitu negara pembuatan yang baru telah

menyebabkan sumber asli tersebut meningkat dengan cara mendadak seperti harga timah telah melonjak daripada persekitaran US\$16 hingga US\$18 satu kilogram kepada sampai dua kali ganda, hingga tiga kali ganda harganya. Ini membuatkan permintaan yang tinggi di luar negara dan membuatkan industri perlombongan di dalam negara juga menjadi begitu aktif dan ini termasuklah bahan-bahan logam dan juga bahan-bahan mineral yang bukan logam termasuklah banyak dari segi untuk dibuat penembak dan sebagainya.

Jadi seperti mana yang kita ketahui juga, oleh kerana terdapat banyak permintaan luar negara, maka terdapat banyaklah lesen-lesen eksplorasi dikeluarkan oleh negeri-negeri tertentu termasuklah negeri Kelantan, termasuklah negeri Selangor, termasuklah Wilayah Persekutuan.

Seperti mana yang ingin saya nyatakan di sini sebenarnya seperti bijih timah, kandungan rizab yang terbesar di dunia adalah di bawah Kuala Lumpur tapi kita tidak boleh hendak lombong walaupun kita tahu rizab timah yang terbesar di dunia adalah di bawah bandar raya Kuala Lumpur. Kita tak boleh buat apa cuma di pinggir-pinggir Lembah Klang inilah kebanyakan lesen-lesen eksplorasi seperti Yang Berhormat Puan Mumtaz tanya tadi yang diberi oleh Kerajaan Negeri Selangor dan juga Wilayah Persekutuan.

Seperti lesen eksplorasi emas di Kelantan contohnya, sehingga tahun 2005 baru-baru ini lebih daripada 100 MC (*Mining Certificate*) diberi untuk eksplorasi kepada bakal-bakal pelombong yang hendak pergi cari kawasan emas ini terutama kepada kontraktor-kontraktor balak, kepada syarikat-syarikat *trading* yang buat paku dan sebagainya iaitu kepada mereka yang bukannya pakar di dalam perlombongan emas tapi pakar dalam mengeluarkan kayu-kayu balak dan sebagainya.

Ini yang terjadi di Kelantan dan ingin saya nyatakan di sini enam lombong emas di Pahang, Pahang kutip lebih kurang RM15 juta, RM13 juta satu tahun. Dari segi royalti iaitu lima peratus, di Kelantan saya tidak ada repot pun daripada jumlah yang seratus lebih MC yang dikeluarkan. Jadi apa permasalahannya kadang-kadang itu niat bukan apa yang dikehendaki, niatnya ambil kayu balak tapi emas yang dapat nama kerana apabila tanah-tanah lebih daripada 7,000 hektar di Hutan Simpan Kekal Sokortaku di kawasan Tanah Merah dan Jeli diberi kepada kontraktor-kontraktor yang saya cakap tadi, pembuat paku, kontraktor binaan kepada kontraktor balak dan sebagainya untuk pergi eksplorasi emas.

Jadi mereka ini oleh kerana tidak ada kecekapan, tidak adanya kepakaran dalam bidang emas, dia tengok, dia bawa cangkul, dia bawa *bulldozer*, dia kata ini apa ini banyak sangat kayu atas tanah ini macam mana kita hendak cari emas. Jadi dia tebanglah balak-balak tersebut dan keluarkan balak apabila dah dapat hasil daripada balak tersebut tanpa membayar sebarang royalti kepada kerajaan negeri kecuali cukai-cukai *tonnage tax*. Maksudnya kayu ini satu tan RM32 bukan sebagai tender dan sebagainya, maksudnya kerajaan negeri pun tidak dapat royalti. Hasil daripada balak yang diambil keluar kononnya hendak eksplorasi emas.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, jadi maksud Yang Berhormat ialah niatnya bukan melombonglah tapi hendak membalak? Iaitu niatnya tidak betul ataupun dengan kata lain niatnya untuk menipu, tapi apakah kita tidak ada undang-undang yang boleh digunakan untuk ambil tindakan kepada mereka ini sebab kalau tidak itu yang saya kata bahawa akhirnya tanah jadi gondol sampai monyet pun lari ke Johor sebab tidak ada hutan untuk bergayut. Jadi macam mana?

Dato' Sazmi bin Miah: Itu masalah undang-undang ini, kita tidak boleh bertindak pada orang yang niat jahat. Undang-undang ini tidak ada yang tulis kata kalau dia ini niat hendak ambil ini buat ini memang kita boleh ambil tindakan, itu yang kita tidak boleh buat. Ini kebanyakannya adalah dari segi moral dan segi etika kerajaan-kerajaan negeri dan juga individu-individu seperti juga niat dia hendak tanam sayur, niat dia memang hendak balaklah tapi dia kata kita tanam sayurlah 2,000 hektar. Atas tanah 2,000 hektar itu ada balak. Atas kertas memang hendak tanam sayur, memang hendak lombong emas, betullah tapi kebetulan di atas tanah seluas 2,000 hektar itu ada balak, jadi...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hak sebagai Ahli Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Pohon penjelasan. Adakah Yang Berhormat yakin rang undang-undang ini akan menutup, dengan izin, *loopholes* tersebut.

Dato' Sazmi bin Miah: Sememangnya saya tidak yakinlah akan menutup apa-apa *loopholes*, tetapi sekurang-kurangnya kita boleh memberi penerangan kepada kerajaan negeri, kepada individu-individu tertentu, bahawasanya apabila kita hendak membuat sesuatu, niat yang kita hendak buat itu kenalah sama dengan apa objektif yang terakhirnya. Kalau benda ini tidak didedahkan kepada rakyat, maka rakyat akan terus tertipu. Maka apa yang dilaporkan di dalam kertas-kertas kerja dan sebagainya punyalah cantik, ini kita boleh menjadi pengeksport terbesar emas, ini kita boleh jadi pengeksport sayur terbesar dunia dan sebagainya. Ini kita cakap kepada rakyat tapi akhirnya bukit jadi gondol, sungai jadi tercemar tapi sekurang-kurangnya kita membahaskan.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Saya sekali lagi Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Adakah Yang Berhormat bermaksud terdapat beberapa kerajaan negeri yang asyik kena tipu sahaja.

Dato' Sazmi bin Miah: Bukan kerajaan negeri yang ditipu, rakyat yang kena tipu. Sebab itulah saya sentiasa menerangkan berkenaan dengan penyelewengan secara tersusun dan sebagainya iaitu persekongkolan di antara individu dan juga kerajaan. Di mana apa yang dicakap, apa yang dilaporkan kepada rakyat adalah tidak sebenarnya niat yang dibuat. Jadi inilah kebanyakan yang berlaku terutama sekali di negeri yang saya dah cakap tadi berkenaan dengan emas tadi. Tidak munasabahlah kalau bagi lesen eksplorasi, dalam seratus lesen eksplorasi cuma hanya ada satu sahaja lombong emas, itu pun tidak mendatangkan hasil sebanyak mana pun kepada kerajaan negeri.

Jadi saya mintalah, kita sebagai kerajaan-kerajaan negeri harus beretika dan bermoral di dalam membuat sesuatu untuk rakyat kita, sebanyak puluhan ribu hektar tanah dibuka untuk melombong dan sebagainya tapi hasil pulangan kepada kerajaan negeri, kepada rakyat adalah kosong. Berapa banyak pekerjaan yang diberikan kepada rakyat negeri Kelantan hasil daripada 25 ribu hektar tanah di buka di Lojing. Berapa banyak pekerjaan kepada rakyat Kelantan hasil daripada eksplorasi emas dan sebagainya di Hutan Simpan Sokortaku, lebih daripada 7,000 hektar, kosong.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih, sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa Akta Pembangunan Mineral 1994 yang digubal pada tahun 1994. Tajuknya sendiri menerangkan bahawa pembangunan mineral dan kita semua sedia maklum juga tanah bermakna lombong adalah kuasa negeri. Tujuan asalnya kalau saya tidak silap, untuk menggubal Akta Pembangunan Mineral, untuk menggalakkan, untuk menyelaraskan seluruh kerajaan negeri supaya memberi dorongan satu akta yang keseluruhan untuk pembangunan mineral. Lebih kurang kini 13 tahun, adakah akta ini menepati tujuan dan objektifnya sehingga bijih timah sudah tidak ada sekarang, apa lain mineral yang telah dibangunkan. Itu soalan saya, terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Ahli Yang Berhormat, terdapat banyak mineral non metalik, bukan logam. Mineral-mineral seperti *red clay*, *feldspar* dan macam-macam lagi yang bukan logam, yang telah dibangunkan secara mendadak selepas daripada 1980 dan banyak juga mineral lain seperti batu-batuan yang lain hasil daripada kuari dan kuari *dust* dan sebagainya yang dibangunkan. Bukan sahaja yang sebelum tahun 80-an itu hanyalah kebanyakannya bijih timah. Yang kita cadangkan ialah pemberian pajakan yang lebih panjang kepada *investors* ini diperkenalkan pada tahun lepas.

Kalau dulu kerajaan negeri hanyalah memberi pajakan kepada pelombong-pelombong secara jangka pendek dari setahun ke setahun, memperbaharui lesen pajakan dan ini menyekat daripada pelabur-pelabur yang hendak datang untuk buat pelaburan di dalam sektor perlombongan. Maksudnya mereka akan teragak-agak untuk melabur di dalam sektor perlombongan apabila pajakan diberi hanya setahun. Mereka tidak akan membawa masuk RM10 juta, RM20 juta, RM30 juta sebab itu risiko yang terpaksa mereka ambil, sebab mungkin tahun depan lesen tidak akan diperbaharui. Jadi kita telah cadangkan kepada kerajaan-kerajaan negeri supaya meningkatkan

daripada setahun, bagilah 10 tahun ke, 15 tahun ke supaya ianya lebih *attractive* dengan izin, kepada pihak pelabur, pihak-pihak pelombong ini hendak masuk ke dalam negeri masing-masing. Kuari, lombong-lombong *non metal* ataupun metalik, benda-benda lain, sekiranya eksplorasi mendapati bahawa di situ terdapat banyak.

Kita ada *mineral maps for the whole Malaysia* yang dibuat oleh Jabatan Mineral dan Geosains, secara amnya. Eksplorasi dari segi *detail* dengan izin, di mana terdapat. Itu adalah dibuat oleh pihak-pihak individu tertentu seperti sekarang ini terdapat satu cadangan yang baru untuk buat lombong emas di Penjom, di Mersing belum lagi.

Di Mersing ini hanya lesen-lesen mendulang yang dikeluarkan oleh jabatan. Kalau dalam tanah tuan milik, di bawah negeri ini ada lesen melombong tuan punya. Melalui lesen melombong, tuan punya ini kita nak menggalakkan tuan-tuan punya tanah, kalau didapati dalam tanah itu ada emaskah apa, dia boleh melombong dan kerajaan negeri akan dapat 5%. 5% ini standard ini tak kira di mana. Hasil mineral ini 5%, standard...

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan sekali lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat, sila Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, sebab sebagai Ahli Dewan Negara, saya dapati gambaran yang digariskan oleh Yang Berhormat sebagai seorang rakyat dan Ahli Dewan Negara, saya dapati ianya merunsingkan paling tidak dan sedikit-sedikit menakutkan kalau pun tidak mengecewakan. Jadi, pada pandangan Yang Berhormat, perkara ini berlaku adakah kerana tak begitu tahu menahu ataupun tak ambil berat ataupun ini yang menggerunkan, bersubahat dengan penipuan itu sendiri. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Tuan Yang di-Pertua, saya apabila lalu naik kapal terbang tiap-tiap minggu balik Kelantan, memang gerunlah. Dah lah bila *cross* saja *border* Pahang, air sungai pun dah berubah, dah jadi *colour* merah. Daripada *satellite picture* kalau kita tengok pun kita boleh nampak ada kawasan-kawasan yang memang dah merah, gondol. Dah tak jadi hijau ataupun kalau kita turun dekat sikit memang nampak hijau tapi dipenuhi dengan buluh-buluh, bukannya pokok-pokok yang hutan tropika ini, buluh. Buluh ini, *pioneer species*. Apabila bukit itu digondolkan, pokok yang mula-mula sekali tumbuh ialah buluh, sebab itu dipanggil *pioneer* spesies, pokok yang mula-mula. Memang dari atas nampak hijau tapi turun bawah sikit memang buluhlah. Ini kita dapat tahulah bahawasanya kawasan ini telah digondolkan secara total sebelum pada itu. Dengan Enakmen Mineral Negeri, dengan undang-undang yang ada, jadi masalah di peringkat nasional ini, kita pembuat dasar dan polisi.

Majlis Perhutanan Negara, Majlis Tanah Negara, Majlis Mineral Negara dan sebagainya adalah untuk membuat dasar dan garis-garis panduan supaya kerajaan-kerajaan negeri mengikut, mematuhi seperti juga Garis Panduan Pembangunan di Tanah Tinggi hanyalah sebagai garis panduan, bukan undang-undang. Jadi kerajaan negeri mempunyai kewajipan dari segi moral dan *ethics*nya untuk mematuhi garis-garis panduan tersebut.

Ini yang tidak berlaku kerana pembuat-pembuat keputusan dan sebagainya hanyalah duduk di ibu-ibu kota, bandar raya seperti Bandar Raya Islam Kota Bharu. Bukannya nak pergi tengok Lojing itu sebenarnya, bukannya nak pergi tengok sako itu sebenarnya. Dia luluskan, dia kata okey ini nampak bagus. Kita boleh jadi pengeluar emas yang terbesar. Luluslah *mining exploration* dan sebagainya berdasarkan kepada *falsification of report*, dengan izin. Ini saya cakap dalam Dewan ini. Kebanyakan maklumat-maklumat terperinci yang dibuat di dalam laporan kajian mineral adalah tipu! *Cut and paste*. Potong lekat, potong lekap. Kawasan ini mempunyai emas yang banyak, maka diberi kelulusan. Sekiranya tidak ada persekongkolan, tidak akan terjadi kerana kerajaan negeri harus mengetahui. Lesen melombong emas ini janganlah diberi kepada orang yang membuat paku.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya mohon laluan. Saya tertarik dengan apa yang dibentangkan oleh Yang Berhormat berkenaan dengan penipuan laporan *mining* ini. Jadi, siapakah yang mengeluarkan laporan ini? Kalau laporan ini dikeluarkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains, adakah kita nak menuduh bahawa Jabatan Mineral dan Geosains ini menipu? Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: Laporan ini daripada perunding-perunding yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang memohon. Ini termasuklah NHR Timber and Constructions Trading, yang dapat lombong emas. Apa orang kontraktor nak pergi buat lombong emas? Yang *share* RM2 pun diberi juga. Ini apa punya kerajaan negeri ini? Baik kita bagi kepada orang yang jual nasi lemak kat tepi jalan...

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Mohon laluan.

Dato' Sazmi bin Miah: Saya tak bagi.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sikit Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Jadi, kita harus bertanggungjawab kepada rakyat. Nak melombong boleh tapi janganlah bagi *compartment* balak. Nak eksplorasi ini, setahu sayalah, kalau dalam pelan itu, orang balak dia tahu. Kalau dia keluar lesen eksplorasi emas, dia tengok kawasan yang diberi itu selalunya mengikut aliran sungai tapi yang kita tengok dalam kertas itu kawasan empat segi macam itu ha.... [Menunjukkan dokumen berkaitan] Orang balak dia tahu, oh ini kawasan balak. Dia kata, "Bukan, ini kawasan eksplorasi emas." Jadi tak munasabah! Diberi kepada syarikat-syarikat yang tidak pakar, diberi kepada syarikat-syarikat yang tak pernah buat perlombongan emas pun! Jadi salah siapa? Salah undang-undangkah salah orang yang menjalankan undang-undang tersebut? *Loopholes* memang tak boleh ditutup, mana-mana pun. Kejap lagi saya akan bentangkan Kanun Tanah Negara pun akan ada *loopholes* juga. Tingkatkan ribuan ringgit pun akan ada juga. Sampai hukum mati pun ada orang juga buat kesalahan.

Jadi inilah, kita minta kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri sebab kebanyakannya hasil sumber asli ini kebanyakannya di bawah kerajaan negeri. Saya tak nak cakap pasal yang minyak tadi sebab bukan di bawah bidang kementerian, yang dinaikkan di negeri Kelantan dan juga *hydropower* dan *biomass* tadi pun bukan di dalam bidang bil ini dan ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang tanya pasal tindakan atau penguatkuasaan yang kita buat kepada perosak-perosak, penjenayah-penjenayah alam sekitar ini. Ada, kebanyakannya dalam kes-kes yang melibatkan kuari-kuari ya, kuari-kuari yang melibatkan pencemaran kepada sungai, pencemaran habuk, debu dan sebagainya. Ini banyak, terlalu banyak. Kalau Yang Berhormat inginkan juga, saya terpaksa minta diberi secara bertulislah jumlah kes yang telah dibuat. Kita juga ada *post mining activity*, dengan izin, di mana sekarang ini kalau nak melombong, kalau nak buat kuari dan sebagainya, kita kena sediakan pelan perancangan selepas lombong-lombong tersebut ditinggalkan, selepas kuari-kuari tersebut ditinggalkan.

Seperti lombong-lombong bijih timah yang kita tengok kalau kita terbang, memang banyaklah lubang-lubang lombong besar yang tidak terurus. Jadi dalam perancangan kita, selepas perlombongan juga adalah amat penting. Amat penting untuk dibaikpulih semula seperti banyak kawasan yang telah dibaikpulih seperti Sunway Resort, di Bukit Merah dan sebagainya di mana dibuat kawasan rekreasi, dibuat kawasan perumahan, ditimbus balik dan sebagainya.

Ini di dalam bidang kuasa kita di mana kita mempromosi kawasan-kawasan yang ditinggal ini, lombong *direhabilitate* balik, dengan izin. Seperti kejadian di Lubuk Mandi dan juga di Mersing ini kebanyakannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Kadang-kadang yalah ini rezeki rakyat kan. Terutama sekali kalau di Mersing, di Lubuk Mandi dan sebagainya, emas-emas yang dalam bentuk *alluvial* ini, dia campur dengan pasir, campur dalam saliran sungai dan sebagainya di mana kita keluarkan lesen-lesen mendulang tetapi kita tak ada keluarkan lesen-lesen untuk mengorek lepas itu nak buat terowong dan sebagainya.

Cuma kadang-kadang penguatkuasaan dari segi di bidang kuasa bawah Majlis Kerajaan Tempatan tidak dibuat. Kita mohonlah sekiranya untuk beri lesen-lesen mendulang dan sebagainya, penguatkuasaan pun perlu juga diadakan dan hendaklah dijadikan kalau betul-betul nak buat, buatlah sebagai industri kecil. Buatlah secara *proper* lah, secara yang teratur. Jadi saya terima kasihlah semua kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berbahas, yang telah memberi pandangan. Segala pandangan yang telah diberi yang tidak terjawab, insya-Allah pegawai-pegawai saya ada kat belakang ini ambil maklum dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA
(PINDAAN) 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.03 pg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh huraikan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kanun Tanah Negara 1965, Akta No. 56, tahun 1965, telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 1966 di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Kanun ini telah digubal dengan berasaskan kepada Perkara 76(4) Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan untuk menyeragamkan sistem pentadbiran tanah ke seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Sejak penguatkuasaan kanun ini, ia telah dipinda sebanyak 30 kali oleh Dewan yang mulia ini bermula dari 1968 sehinggalah ke tahun 2001. Pindaan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan sistem pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia dapat memenuhi keperluan dasar dan pembangunan sosioekonomi semasa.

Namun begitu, akhir-akhir ini pentadbiran tanah kembali menjadi perhatian apabila isu-isu yang menyentuh kecekapan pentadbiran tanah telah diketengahkan oleh pelbagai pihak. Kerajaan sememangnya peka mengenai rungutan yang diterima dan sentiasa berusaha untuk mengatasinya. Ini adalah selaras dengan kehendak dan keperluan semasa berkaitan urusan pentadbiran tanah bagi menyokong ke arah mewujudkan sebuah negara Malaysia yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Justeru itu, pihak kerajaan akan terus merangka dan melaksanakan usaha-usaha memodenkan pentadbiran tanah bagi tujuan meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan atau *government delivery system*, dengan izin kepada rakyat jelata.

Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan) ini telah pun dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 November 2007, dan Mesyuarat ke-63 Majlis Tanah Negara pada 20 November 2007. Semua cadangan pindaan ini telah dirangka dengan teliti untuk menambahbaikkan dan menepati keperluan semasa yang melibatkan pentadbiran dan pengurusan tanah di negeri-negeri khususnya dan negara amnya.

Secara keseluruhan, cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan 25 seksyen. Jadual Pertama iaitu pindaan terhadap borang-borang, Jadual Keempat

Belas, iaitu mengenai pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) dan pengenalan Jadual Keenam Belas yang baru bagi tujuan pelaksanaan Sistem Pentadbiran Tanah Secara Elektronik iaitu sistem e-Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, umumnya pentadbiran tanah di negara ini telah mengalami perubahan selari dengan kehendak dan perkembangan pembangunan negara. Selaras dengan itu, telah timbul keperluan untuk memperkenalkan tafsiran baru di samping memperkemaskan lagi tafsiran yang sedia ada di dalam seksyen 5, Kanun Tanah Negara. Sehubungan dengan itu, tafsiran *Digital Cadastral Database* dan *Disaster Recovery Centre*, dengan izin, diperkenalkan sejajar dengan pemodenan pentadbiran awam ke arah kerajaan elektronik.

Tafsiran *Digital Cadastral Database* diperkenalkan bagi mengiktiraf Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK), sebagai maklumat tanah berdigit yang sah di sisi undang-undang dan boleh diguna pakai dalam pentadbiran tanah khususnya bagi penyediaan dokumen hak milik. Pengiktirafan ini perlu bagi mengesahkan pemakaian PDUK serta memastikan integriti dan kesahihan maklumat berhubung pengukuran tanah seperti *bearing*, jarak, keluasan serta lain-lain maklumat dalam PDUK. Dalam sistem manual yang dilaksanakan sebelum ini, pelan akui yang diluluskan akan dikemas kini di dalam *sheet* piawai. Sekarang ini pelan akui telah dibuat secara digital dan terus dikemas kini di dalam PDUK.

Seterusnya juga diperkenalkan tafsiran *Disaster Recovery Centre* bagi mengiktiraf fungsinya yang akan bertindak sebagai *back up* dengan izin, dan sistem pemulihan bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan sistem e-Tanah apabila berlakunya bencana. Pada masa yang sama, ia juga akan berfungsi sebagai Pejabat Pendaftaran Tanah yang akan membolehkan urusan-urusan tanah terus dilakukan tanpa gangguan sekiranya berlaku apa jua bencana.

Selain daripada itu, tafsiran yang diperkemas pula ialah *Pre-computation Plan* iaitu pelan pra-hitungan dan *rock material* dengan izin, iaitu bahan batuan, dipinda bagi memenuhi keperluan semasa. Tafsiran *Pre-computation Plan* sebelum ini tidak menyatakan secara jelas mengenai pihak mana yang seharusnya menyediakan pelan-pelan ini.

Sehubungan itu, seksyen 5, Kanun Tanah Negara dipinda dengan memasukkan perkataan-perkataan "*prepared by director of survey and mapping department*", dengan izin, bagi menjelaskan pihak yang dibenarkan dan dipertanggungjawabkan, iaitu kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan atau juruukur tanah berlesen sahaja.

Cadangan pindaan ini bertujuan untuk memastikan pelan ini disediakan oleh mereka yang berkelayakan di dalam bidang ukur tanah sahaja. Jaminan agar perkara ini dilaksanakan sedemikian adalah penting kerana pelan pra-hitungan yang melibatkan maklumat-maklumat ukur seperti *bearing*, jarak, koordinat dan sebagainya memerlukan kepakaran dalam bidang berkenaan.

Pindaan yang dilakukan ke atas tafsiran, *rock material*, dengan izin, yang sedia ada bertujuan mengelakkan kekeliruan dan memudahkan kerja mengenal pasti bahan-bahan batuan yang boleh diambil di bawah Kanun Tanah Negara dan pengambilan bahan mineral bernilai tinggi di bawah Enakmen Mineral Negeri serta menyelaras dan mengelakkan pertindihan tafsiran bahan batuan dan bahan mineral.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini pihak kerajaan telah pun melaksanakan proses pendaftaran tanah secara berkomputer yang dikenali sebagai Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB). Selaras dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi ICT yang begitu cepat dan sentiasa berubah, maka terdapat keperluan untuk membuat pindaan ke atas peruntukan am dan borang-borang yang sering digunakan melalui SPTB ini.

Sehubungan itu, dicadangkan pindaan ke atas seksyen 5B, Kanun Tanah Negara dilakukan untuk memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara membuat apa-apa pindaan yang sewajarnya ke atas Jadual Keempat Belas kepada Kanun Tanah Negara. Jadual ini meliputi kaedah pentadbiran SPTB, borang-borang dan peruntukan-peruntukan lain yang bersesuaian dengannya. Lanjutan daripada pengkomputeran sistem pendaftaran melalui SPTB tersebut, Bahagian baru, Satu (C) diperkenalkan dalam Kanun Tanah Negara dengan

memasukkan seksyen 5D, iaitu mengenai pelaksanaan sistem e-Tanah yang merangkumi hampir keseluruhan urusan pentadbiran di pejabat-pejabat tanah.

Melalui peruntukan ini, Jadual Keenam Belas diperkenalkan yang akan memperuntukkan secara terperinci mengenai kaedah, borang-borang dan peruntukan-peruntukan yang bersesuaian dalam melaksanakan sistem e-Tanah. Selain daripada itu juga, peruntukan ini memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri dengan kelulusan Majlis Tanah Negara untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa sistem e-Tanah di mana-mana pejabat pendaftaran tanah serta kuasa untuk membuat sebarang pindaan kepada Jadual Keenam Belas sekiranya terdapat keperluan pada masa hadapan. Selanjutnya selaras dengan usaha untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan, dicadangkan agar dipinda sub perenggan 14(1)(i) Kanun Tanah Negara bagi membolehkan pihak berkuasa negeri melantik agen untuk memungut atau menerima bayaran hasil tanah.

Dengan pindaan yang dicadangkan ini, bayaran hasil tanah boleh dilakukan melalui sistem perbankan *internet* atau kaunter-kaunter seperti pejabat pos dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tanah-tanah rizab kerajaan di negeri-negeri hendaklah dikawal dengan ketat penggunaannya agar tidak disalahgunakan oleh mana-mana pihak. Oleh sebab itu, peraturan memperuntukkan bahawa hanya penjawat awam, *public officer*, dengan izin, sahaja boleh dilantik sebagai pegawai pengawalnya. Perkara ini tidak begitu jelas dalam Kanun Tanah Negara. Oleh yang demikian adalah dicadangkan dipinda sub perenggan 62(2)(c) Kanun Tanah Negara dengan memasukkan perkataan "*public*" bagi memperuntukkan supaya pegawai pengawal tanah rizab kerajaan hendaklah daripada penjawat awam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan berkaitan pentadbiran tanah, usaha-usaha untuk mempercepatkan urusan tertentu telah diberikan perhatian. Bagi mempercepatkan urusan pengeluaran hak milik tanah, adalah dicadangkan pindaan dibuat ke atas seksyen 80 Kanun Tanah Negara. Pindaan ini akan memasukkan peruntukan mengenai pengeluaran hak milik tetap, tanpa perlu mengeluarkan hak milik sementara terlebih dahulu dengan syarat ukuran halus telah disempurnakan dan segala keperluan lain telah pun dipenuhi.

Melalui pindaan ini, kerajaan berharap agar jumlah tunggakan penukaran hak milik sementara kepada hak milik tetap akan dapat dikurangkan.

Selaras dengan hasrat itu, pindaan juga turut dibuat ke atas sub perenggan 81 (1)(d) Kanun Tanah Negara bagi membolehkan pendaftar memungut bayaran fi untuk penyediaan dan pendaftaran hak milik tetap sahaja. Sementara itu Tuan Yang di-Pertua, peruntukan proviso kepada seksyen 92D Kanun Tanah Negara pula bercadang dipinda bertujuan untuk mensyaratkan supaya semua cukai tanah yang perlu dibayar kepada pihak berkuasa negeri hendaklah dijelaskan terlebih dahulu sebelum sebarang urusan atau permohonan berkaitan tanah bahawa tanah *stratum*, dengan izin, dibuat. Syarat ini telah tertinggal untuk dimasukkan semasa peruntukan mengenai tanah di bawah tanah diperkenalkan dahulu. Sub perenggan 124(4)(c), Kanun Tanah Negara pula dicadangkan dipinda untuk memasukkan perkataan "*or restriction in interest*" dengan izin.

Perkataan ini sepatutnya telah dimasukkan semasa pindaan dibuat kepada seksyen 124 Kanun Tanah Negara melalui Akta A587 yang telah berkuat kuasa pada 25 Mac 1985 tetapi kita telah tertinggal untuk dimasukkan dalam pindaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang prihatin dengan kehendak dan keperluan rakyat. Terutamanya dalam meneruskan projek pembangunan. Menyedari kehendak ini, tuan punya tanah dikehendaki menyediakan kawasan tertentu bagi maksud awam apabila mengemukakan permohonan pembangunan tanah kepada kerajaan. Seterusnya tuan punya tanah juga dikehendaki bersetuju menyerahkan apa-apa bahagian kepada kawasan tanah itu untuk digunakan bagi maksud awam. Sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa perancang yang berkenaan. Bagi memenuhi keperluan tersebut, dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 136(1) Kanun Tanah Negara dengan memasukkan perenggan baru iaitu (ca).

Kerajaan juga prihatin ke atas masalah tuan punya bersama iaitu *co-proprietor* bagi tanah-tanah berkategori pertanian atau berkeluasan 2/5 hektar atau kurang yang tidak dapat membangunkan tanah mereka kerana halangan untuk memecah bahagi

tanah tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, dicadangkan dipinda peruntukan subseksyen 140(3) Kanun Tanah Negara bagi membolehkan tanah berkategori pertanian yang melibatkan keluasan 2/5 hektar atau kurang pecah bahagi.

Seterusnya sub perenggan 141(1)(c) Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda bagi mengetepikan syarat yang melarang tanah pertanian yang kurang daripada 2/5 hektar tersebut dipecah bahagi. Bagi memudahkan urusan, seksyen 141A Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda untuk membolehkan urusan pecah bahagian dilakukan oleh mana-mana pemilik bersama. Sebelum ini di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara sedia ada, pemilik bersama yang mempunyai pegangan minoriti tidak dibenarkan memohon untuk pecah bahagian kecuali mendapat persetujuan daripada semua pemilik bersama yang lain.

Seterusnya subseksyen 142(5), Kanun Tanah Negara pula dicadangkan dipinda bagi memperuntukkan mengenai prosedur permohonan pecah bahagian tersebut. Bagi memenuhi hasrat tersebut, dicadangkan peruntukan seksyen 143A Kanun Tanah Negara diperkenalkan bagi memberi kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk menimbang permohonan pecah bahagi tanah pertanian yang melibatkan keluasan 2/5 hektar atau kurang.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 147(1) pula dicadangkan dipinda bagi mengecualikan permohonan penyatuan tanah ataupun *amalgamation*, dengan izin, daripada dikenakan syarat menyediakan sebahagian tanah untuk kawasan awam sebagaimana yang dikenakan atas permohonan pecah sempadan di bawah cadangan pindaan subseksyen 136(1), Kanun Tanah Negara. Penyatuan tanah hanya melibatkan lot-lot tanah tersendiri untuk kegunaan sendiri sahaja dan tidak melibatkan pihak awam.

Sementara itu bagi memperkemaskan lagi tatacara berkaitan proses serah dan beri milik semula. Seksyen 204GA, Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda dengan memasukkan subseksyen dalam (1A). Bagi tanah-tanah yang tertakluk kepada gadaian, kebenaran pemegang gadaian perlu diperoleh sebelum tuan tanah membuat permohonan. Pindaan ini mengkehendaki pentadbir tanah membatalkan catatan persetujuan pemegang gadaian atas dokumen hal milik pendaftaran jika permohonan berkenaan ditarik balik atau urusan yang dibuat ditolak oleh pihak berkuasa negeri. Pada masa ini peruntukan berhubung pembatalan catatan persetujuan pemegang gadaian ini tidak diperuntukkan.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 254(1) Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda untuk memberikan tempoh minimum yang tidak kurang dari satu bulan kepada penggadai sebelum pemegang gadaian boleh menyampaikan notis Borang 16D iaitu borang tuntutan kepada penggadai iaitu tuan tanah, kerana apa-apa kemungkiran dalam perjanjian gadaian. Cadangan pindaan ini bertujuan memberi tempoh masa yang munasabah kepada penggadai dan menghalang pemegang penggadaian mengemukakan notis yang singkat jika berlaku kemungkiran perjanjian gadaian. Sebelum ini tiada tempoh minimum ditetapkan dan terpulanglah kepada pemegang gadaian menetapkan tempoh tersebut di dalam *charge and next year*, dengan izin.

Subseksyen 264A(1), Kanun Tanah Negara pula dicadangkan dipinda bagi memperbetulkan kesilapan cetakan semasa pindaan kepada Kanun Tanah Negara pada tahun 2001, Akta A1104 di mana Borang 16O dicetak sebagai Borang 16P.

Tuan Yang di-Pertua, seiring dengan pelaksanaan sistem e-Tanah. Seksyen 375 Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda bagi meletakkan tanggungjawab ke atas pendaftaran hak milik untuk memastikan penyimpanan selamat data digital dan maklumat yang disimpan dalam pangkalan data Pejabat Pendaftaran Tanah dan Pusat Pemulihan Bencana iaitu *Disaster Recovery Centre*, dengan izin.

Selain daripada itu, perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pentadbiran tanah juga dapat dilihat dalam konteks pengukuran tanah iaitu dengan wujudnya Pangkalan Data Ukur Kadaster (PDUK) yang menyimpan maklumat berhubung pengukuran tanah yang berkaitan dengannya.

Oleh itu subperenggan 399, dalam (1)(d) dicadangkan dipinda bagi meletakkan tanggungjawab kepada Pengarah Ukur dan Pemetaan untuk memastikan penyimpanan selamat data-data bekalan, data ukur kadaster tersebut. Dalam konteks ini, dicadangkan juga dipinda seksyen 412 Kanun Tanah Negara untuk mengiktiraf salinan-salinan pelan yang dikeluarkan daripada Pangkalan Data Ukur Kadaster sebagai salinan-salinan pelan yang boleh didepositkan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memandang berat terhadap kesalahan mengambil atau mengalihkan bahan batuan secara tidak sah. Sehubungan itu, seksyen 426, Kanun Tanah Negara dicadangkan dipinda bagi meningkatkan hukuman denda daripada RM10,000 kepada RM50,000 dan tempoh penjara daripada satu tahun kepada lima tahun. Adalah diharapkan agar peningkatan hukuman denda dan penjara ini dapat menjadi satu langkah *deterrent* dengan izin, agar bahan batuan ini tidak diambil dengan sewenang-wenangnya.

Sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perkara 145(3) Perlembagaan Persekutuan, kuasa mendakwa dan mengkompaun hanya ada pada pendakwa raya. Begitu juga dengan proses mendakwa dan mengkompaun hanya boleh dimulakan dengan kebenaran bertulis daripada pendakwa raya.

Oleh itu adalah dicadangkan seksyen 429A, dan seksyen 429B Kanun Tanah Negara dipinda bagi memperuntukkan dengan jelas bahawa pendakwaan dan kompaun bagi sebarang kesalahan di bawah Kanun Tanah Negara hanya boleh dimulakan oleh pendakwa raya atau dengan kebenaran bertulis daripadanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan yang utama terhadap Kanun Tanah Negara 1965. Pindaan-pindaan lain yang tidak dinyatakan adalah merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit atau *consequential amendment*, dengan izin. Saya yakin cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan itu akan dapat meningkatkan keyakinan rakyat ke atas pentadbiran tanah dalam menangani masalah-masalah semasa dan menerajui pembangunan negara pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lapan Ahli Yang Berhormat. Saya minta Dato' Lee Sing Chooi. Saya minta pihak Setiausaha untuk merekodkan Ahli Yang Berhormat yang hendak berucap. Silakan Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi.

11.23 pg.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana membenarkan saya berbahas suatu akta untuk meminda Kanun Tanah Negara Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran dari sistem sekarang yang menguruskan hal tanah kepada sistem e-Tanah adalah sesuatu usaha pemodenan dan juga peningkatan sistem penyampaian yang positif, tetapi ini adalah satu langkah yang drastik, langkah ini mesti diuruskan dengan berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, kini terdapat kelemahan dalam sistem pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tanah dan kes-kes penipuan sering dilaporkan Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tahu bilangan kes penipuan dalam pertukaran hak milik tanah setiap tahun mengikut negeri dalam lima tahun yang lalu. Mengikut negeri, setiap tahun, dan berapakah kes penipuan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu juga berapakah kakitangan yang berkaitan dengan kes-kes tersebut dibawa ke mahkamah dan apakah keputusan selama ini dan juga berapakah kakitangan yang bersalah telah dijatuhkan hukuman Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sistem e-Tanah, satu *pilot project* telah diusahakan di Pulau Pinang. Saya hendak tahu dalam *pilot project* itu, apakah dapatan-dapatan atau *findings* dalam *pilot project* ini? Apakah kelebihan dan juga kelemahan yang ditemui semasa menjalankan *pilot project* ini Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan keselamatan yang mustahak itu, apakah *authorization* atau kekuasaan pengguna dan pengurus sistem ini dan bila sesuatu transaksi atau pertukaran dibuat dalam sistem itu, adakah direkodkan berkenaan dengan siapa yang buat, bilakah ia dibuat dan apakah yang ditukar itu, dan siapa yang meluluskan direkodkan dan semua rekod ini adakah disimpan supaya tidak boleh diubah langsung. Ini kerana ia adalah satu rekod berkenaan dengan transaksi dan penukaran Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sistem dan praktis anti virus yang diguna pakai berkenaan dengan sistem *back up* yang tadi disebutkan, apakah kekerapan *back up* tersebut dibuat, apakah *fire wall*, dengan izin, digunakan dan sekuriti yang efektif untuk menghalang *hacking*?

Tuan Yang di-Pertua, ketika pengesanan kesalahan oleh sesuatu individu seumpamanya masuk ke dalam sistem itu dan menukar data-data dan juga hak milik tuan punya tanah dan lain-lain, apakah tindakan yang boleh diambil? Jika orang yang melakukan kesalahan itu adalah rakyat asing dan bermastautin di luar negara, apakah dan juga adakah peruntukan undang-undang yang boleh kita ambil terhadap orang-orang itu?

Tuan Yang di-Pertua, macam mana sistem ini dapat mengehadkan dan mengesan kesilapan manusia, *human mistake*, dengan izin, semasa memasukkan data-data tersebut? Adakah sistem atau *auto check* itu atau audit atau *counter checking* semasa kelulusan diuruskan oleh pegawai atasan?

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman diuruskan kerajaan, terdapat kelemahan dalam penguatkuasaan dan juga penyelenggaraan. Sistem yang tidak diselenggarakan dengan baik dan dikemas kini tanpa waswas akan membangkitkan kerumitan dan juga keyakinan sistem. Apakah usaha dan *best practices* yang berkaitan dengan penguatkuasaan dan penyelenggaraan ini akan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentuk sistem e-Tanah, berapakah sistem e-Tanah negara lain termasuk sistem pengurusan dan pentadbiran hal ehwal tanah negara-negara maju dirujuk? Apakah dapatan, *findings*, dalam rujukan tersebut dan berapa *findings* yang utama sudah diterima pakai ke dalam sistem e-Tanah kita?

Setiap negeri ada perundangan berkenaan dengan tanah dan perbezaan itu wujud dalam perundangan, praktis dalam pentadbiran. Apakah perbezaan ini dan macam mana perbezaan ini dapat diuruskan dalam sistem e-Tanah ini? Sistem e-Tanah yang dibentuk atau akan dikemaskinikan, siapa yang menguasai *source code*, dengan izin, di mana pasukan IT ini dan macam mana prosedur dan proses *authorization* yang berkuasa untuk membuat pertukaran ini?

Selepas penggunaan e-Tanah, adakah *hard copy land title* dikeluarkan dan juga atau sistem elektronik KLC skrip saham disimpan secara elektronik bagi kebanyakan transaksi.

Tuan Yang di-Pertua, pertukaran sistem tidak bermakna pertukaran minda kakitangan di pejabat tanah. Dengan wujudnya *flying squad* untuk meningkatkan sistem penyampaian di pejabat tanah, apakah langkah-langkah atau rancangan untuk peningkatan kakitangan pejabat tanah memupuk minda kelas pertama. Sistem saya tidak cukup, pengguna-pengguna, pengurus-pengurus tanah itu mesti cekap dan efektif. Dengan pertukaran sistem secara drastik kepada e-Tanah, apakah manfaat yang boleh dinikmati oleh rakyat? Berapa peratusan kekurangan *backlog* disasarkan dalam pelaksanaan e-Tanah selepas satu tahun, dua tahun dan lima tahun?

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Apakah KPI direka untuk peningkatan sistem penyampaian. Bolehkah pelanggan menggunakan sistem e-Tanah untuk menyemak *progress* berkenaan dengan sebarang permohonan mereka itu. Adakah *help desk* diwujudkan untuk maklum balas oleh pengguna di pejabat tanah dan juga rakyat tentang isu dan masalah berkenaan dengan sistem e-Tanah ini, kerana ini satu pertukaran yang drastik dan juga satu langkah yang positif. Dengan pertanyaan-pertanyaan tersebut, saya harap ambil tindakan dan juga meningkatkan sistem yang akan digunakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dr. Puad Zarkashi, kemudian Datuk Soon.

11.32 pg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ada beberapa perkara sahaja yang ingin dibangkitkan. Sebelum itu saya ingin membangkitkan soal kenapakah rang undang-undang ini hampir 95% menggunakan bahasa Inggeris? Bagaimanakah *delivery system* akan dapat dilakukan terutama bagi orang ramai, orang kampung yang sebenarnya yang banyak tanah apatah lagi kita sekarang tengah sibuk melakukan pembangunan wilayah. Jika mereka tidak faham perkara ini maka ini sudah tentulah menimbulkan lebih banyak masalah dan memudahkan berlaku penipuan seperti mana yang dibangkitkan oleh Pengarah CCID Bukit Aman baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apa Yang Berhormat kata, berlaku apa?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Penipuan.

Tuan Yang di-Pertua: Kecurian? Penipuan?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Pencerobohan kepada sistem, Pengarah CCID Bukit Aman baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua memaklumkan ..

Tuan Yang di-Pertua: Makna di negara kita orang boleh curi tanah?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Bukan curi tanah, mencerobohi sistem maklumat tanah.

Tuan Yang di-Pertua: Andai kata di negara kita kalau bukan orang curi wang, bukan orang curi kereta, orang curi tanah. Sebagai rakyat rasa malu tak?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Tuan Yang di-Pertua, punca kepada pencurian tanah ini ialah kerana apabila sistem pengurusan tanah kita sebenarnya tidak begitu efisien. Barangkali inilah yang menyebabkan puncanya kenapa kita meminda rang undang-undang ini, membawa rang undang-undang ini untuk meminda akta yang sedia ada sebab apa yang kita tahu kerugian berjuta ringgit hasil daripada penipuan ini. Cara mudah Tuan Yang di-Pertua, pertama dia kata, tanah hak milik dia hilang so dia memohon geran baru dan maklumat dipinda melalui geran baru ini dengan bantuan mungkin orang dalam. Kemudian dijual kepada orang lain terutama tanah di kawasan-kawasan yang *prime area*.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya kesan mutlaknya ialah tanah itu dicuri.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Betul Tuan Yang di-Pertua, saya setuju sebab itulah saya ingin menyentuh perkara yang penting tentang e-Tanah ini. Pertama apakah e-Tanah yang akan diperkenalkan, dilaksanakan secara menyeluruh menggunakan *pilot system*, dengan izin, yang digunakan di Pulau Pinang ini adalah berkesan. Pertama dari segi supaya pengurusan tanah lebih efisien iaitu jangan kita tunggu berbulan, bertahun dan sebagainya.

Yang kedua, dari segi keselamatan iaitu kekebalan yang tidak boleh dicerobohi oleh mana-mana pihak apabila sistem ini diperkenalkan. Jika tidak ia bermakna maka penipuan akan berterusan seperti mana saya berikan contoh tadi iaitu akhirnya orang itu tak tahu pun tanah dia dijual dan si pembeli pula apabila dia nak membangunkan tanah itu nak buat projek perumahan, maka si pemilik asal itu menuntut. Puncanya ialah seperti mana yang disebut oleh Pengarah CCID ialah kekebalan dalam sistem pengkomputeran maklumat tanah di beberapa negeri termasuk disebut Pulau Pinang, itu yang kita hairan itu adalah mudah dicerobohi.

Jadi yang penting di sini ialah soal kekebalan itu, apakah maksudnya apabila e-Tanah ini diperkenalkan ia tidak lagi boleh dicerobohi walaupun menggunakan perkara-perkara baru antaranya ialah tandatangan digital. Apakah ini menjamin sebenarnya? Apakah orang yang pandai, saya bukan menuduh orang dalaman semata-mata Tuan Yang di-Pertua tetapi kebimbangan kita. Apakah mereka ini yang diberi tanggungjawab ini akhirnya boleh buat apa sahaja terutamanya ialah bagaimanakah kita hendak mengenal pasti dengan sistem baru ini orang yang menggunakan kad pengenalan palsu. Kalau saya lihat dalam kes-kes yang berlaku seperti kes Adorna Properties, puncanya ialah orang menggunakan kad pengenalan yang dipalsukan maka sebab itulah perkara ini berlaku. Saya fikir juga ini berpunca adanya kerjasama daripada orang-orang yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, maka yang saya ingin tanya dan ini juga dibangkitkan oleh sahabat saya tadi iaitu apabila kita memperkenalkan e-Tanah ini maka apakah kita

masih mengguna pakai bilik kebal ini? Iaitu bahawa bilik kebal ini tetap wujud untuk memastikan bahawa maklumat yang ada di dalam e-Tanah adalah sama dengan maklumat yang ada di dalam bilik kebal. Apa yang saya difahamkan ialah bahawa antara hujah yang dibangkitkan semasa perbicaraan dan sebagainya ialah tidak ada pemantauan, maklumat yang ada di dalam sistem elektronik ataupun komputer dengan yang ada di dalam bilik kebal tidak dipantau.

Jadi orang mudah menipu iaitu kerana kita tidak merujuk dan memantau apa yang ada dalam maklumat bilik kebal ini maka dengan hanya dapat satu salinan baru Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh menjual tanah. Sebab itulah saya mengharapkan bahawa sistem e-Tanah ini juga mampu membantu mengesan jika orang ingin menggunakan kad pengenalan palsu.

Maka isu yang paling besar di sini Tuan Yang di-Pertua ialah isu orang dalam, isu orang dalam iaitu apakah ada juga sistem pemantauan orang dalam ini supaya mereka ini tidak melakukan penipuan, bekerjasama dengan sindiket ini. Ini bukan tujuan menuduh Tuan Yang di-Pertua tetapi soalnya bagaimana orang boleh pinda maklumat jika sekiranya tidak ada bantuan pihak-pihak tertentu. Jadi pemantauan ini adalah amat penting supaya jangan nanti digital *signature* itu, dengan izin, pun boleh mereka ubah suai dan sebagainya untuk tipu dan sebagainya. Dan akhirnya tidak bermakna e-Tanah yang kita perkenalkan ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya bangkitkan ialah soal pampasan. Saya tidak tahu apakah, dan kenapakah sebenarnya soal pampasan ini tidak termasuk dalam rang undang-undang ini. Dalam kes Adorna Properties ini, perbicaraan yang dibuat di Mahkamah Federal, Mahkamah Persekutuan. Keputusan mahkamah ialah si pembeli itu yang menang, si pemilik asal kalah tapi si penipu terlepas dan lebih menyedihkan Tuan Yang di-Pertua ialah pampasan tak dapat kepada si pemilik asal.

Dalam satu kes Mahkamah Rayuan iaitu dalam kes melibatkan Au Meng Nam dan Au Ming Kong, keputusan terbalik iaitu si pemilik tanah yang menang, si pembeli yang kalah, tetapi si penipu tetap terlepas dan pampasan tidak dapat juga kepada si pembeli, dan Hakim Mahkamah Rayuan ini mengatakan bahawa keputusan Hakim Mahkamah Federal dalam kes tahun 2001 itu dia kata silap. Di sinilah Tuan Yang di-Pertua, menyebabkan banyak pihak badan-badan NGO dan sebagainya mencadangkan dibuat beberapa pindaan tetapi dalam soal pampasan tidak ada, satu.

Yang kedua, pindaan Perkara 340 pun tidak ada, iaitu hak dalam kes tanah di Cheras baru-baru ini cuba di kaveat oleh pemilik tanah tetapi tak jalan. Kaveat pun tak boleh. Tidak mendatangkan sebarang kesan untuk menghalang tanahnya itu terjual walaupun cuba dikaveat. Jadi sebab itulah kenapa banyak pihak mencadangkan supaya Tuan Yang di-Pertua, iaitu Perkara 340 juga dipinda tapi tidak ada dalam rang undang-undang ini. Jadi sebab itulah saya mengharapkan bahawa untuk keadilan, untuk semua pihak baik pembeli ataupun kepada si pemilik. Hasil daripada sindiket ini maka perlu difikirkan soal Perkara (340) ini, cuma...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa pindaan yang merupakan masalah di hadapan kita ini masih tidak cukup komprehensif memandangkan kepada segala isu-isu yang...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Benar, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya masih belum lengkap sebenarnya, sebab yang menjadi masalah Tuan Yang di-Pertua ialah si penipu ni, orang yang menjadi sindiket terlibat ini terlepas. Kadang-kadang si pembeli menjadi mangsa, kadang-kadang si pemilik asal menjadi mangsa, yang lebih menyedihkan pampasan tidak ada. Sebab itulah...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam aspek "Malaysia Boleh!", padam lampu stadium Inggeris bila Liga Perdana sedang berjalan pun rakyat Malaysia. Penipuan kad kredit pun Malaysia agak top juga. Malaysia Boleh!

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Betul, Tuan Yang di-Pertua, tetapi bagi saya, oleh kerana banyak pandangan dikemukakan oleh NGO-NGO termasuklah *Bar Council*, mereka yang pakar juga dan tahu dalam bidang undang-undang, tetapi kenapakah perkara itu seperti tidak diberi perhatian sebenarnya. Sebab itu saya kata dia akan menjadi tidak lengkap pindaan yang kita buat ini, terutamanya dalam isu orang dalam inilah Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kalau Pengarah CCID Bukit Aman boleh membuat teguran, iaitu bahawa kenapa tidak dipantau antara maklumat dalam komputer dengan maklumat bilik kebal, maka sebab itu saya kata bahawa kita boleh

jawab bahawa ini berbalik kepada soal amanah dan sebagainya, tetapi kalau kita jawab begitu Tuan Yang di-Pertua, itu yang timbul nanti "Malaysia Boleh". Samalah macam kita nak menghapuskan politik wang tapi macam-macam cara orang boleh buat tetapi usaha mesti dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang *Disaster Record Centre* ini. Saya rasa ini amat penting juga sebab kalau kita ambil pengalaman seperti di Aceh apabila berlaku Tsunami, habis rekod-rekod hilang, pegawai-pegawai tanah pun mati. Akhirnya orang berebut tanah sehingga akhirnya mereka terpaksa menggunakan secara tradisional, memacak kayu bahawa tanah ini masih ada pemilik, pemiliknya masih hidup, belum mati kerana Tsunami. Tetapi mereka menghadapi masalah untuk merujuk, bagi saya ialah *Disaster Record Centre* ini yang penting ialah di mana kedudukannya, tempatnya. Sebab ini penting, bukanlah kita kata bahawa suatu hari nanti berlakunya Tsunami dan sebagainya, tetapi kita kena ambil kira kalau berlaku kebakaran dan sebagainya.

Ini adalah amat penting sebenarnya dan saya ingin menyentuh satu perkara iaitu ada pemilik tanah yang mendapat geran tanah yang diberikan oleh kerajaan, tetapi apabila dia pergi ke tempat tersebut dia mendapati tanah itu sudah pun dicerobohi hampir 30 tahun sebagai contoh. Maka mereka menghadapi masalah untuk mengusahakan tanah pertanian tersebut, kerana sudah dicerobohi walaupun mereka mempunyai geran. Alasan si penceroboh ialah dia kata mereka sudah lama menceroboh. Maka sepatutnya geran itu beri kepada mereka. Jadi, apakah kita mempunyai sistem bagaimana sebenarnya untuk kita menyelesaikan perkara-perkara seperti ini, walaupun ini tidak berkaitan dengan soal e-Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan menyentuh perkara-perkara tersebut, soal pampasan, soal kaveat dan sebagainya, saya berharap bahawa kita harus beri perhatian supaya sistem tanah ini adalah lebih efisien, sebab kita tahu manusia sanggup berperang, sanggup berbunuhan soal tanah, sebab manusia sendiri berasal daripada tanah. Sebab itu dia sebenarnya tidak boleh bertolak-ansur sebab tanah ini walaupun seinci sebenarnya. Jadi, oleh kerana itulah tidak ada makna pindaan ini jika sekiranya ia tidak menyentuh perkara-perkara yang saya bangkitkan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

11.46 pg.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada beberapa perkara untuk dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, undang-undang tanah di Malaysia pada hari ini adalah berasaskan 'Sistem *Torrance*', yang diperkenalkan oleh penjajah British. Undang-undang tanah yang pertama ialah...

Tuan Yang di-Pertua: Kuat sedikit Yang Berhormat, tidak dengar.

Datuk Soon Tian Szu: Undang-undang utama ialah Kanun Tanah Negara 1965 (KTN). KTN berkuat kuasa di seluruh negara kecuali di Sabah dan Sarawak. Sebelum penjajahan British, negeri-negeri Melayu sudah pun memiliki sistem perundangan yang tersendiri berasaskan Undang-undang Adat dan Islam. Oleh yang demikian, sejarah perkembangan Undang-undang Tanah di Malaysia bolehlah dibahagi kepada dua fasa. Iaitu fasa pemakaian Undang-undang Islam dan Adat dan fasa pemakaian Undang-undang Inggeris. Cuma apa yang hendak dibangkitkan di sini ialah berhubung kerajaan negeri hari ini diminta menguatkuasakan sepenuhnya Kanun Tanah Negara bagi mengurangkan masalah tanah terbiar di negara ini. Jadi saya melihat kerajaan negeri harus lebih tegas dalam isu tersebut kerana masalah tanah terbiar masih gagal diselesaikan sehingga hari ini. Jadi, saya ingin tahu pendirian kerajaan dalam soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah tanah terbiar perlu ditangani dengan baik kerana kita mahu pelbagai sektor umpamanya pembangunan sektor pertanian negara dapat dibangunkan dengan baik. Walaupun kerajaan negeri sahaja yang berkemampuan menyelesaikan masalah ini, kerana bidang kuasa tanah terletak di bawah mereka, kerana saya juga difahamkan, tuan-tuan tanah yang gagal memajukan tanah dalam tempoh tertentu boleh dikenakan tindakan mengikut Kanun Tanah Negara, dan ini amat merugikan pelbagai pihak dalam mana negara sedang menuju ke arah misi nasional.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu saya ingin meminta kepada kerajaan dalam soal jaminan terhadap sistem keselamatan bagi memantau dan menangani masalah penyelewengan berkaitan penukaran hak milik tanah selain meningkatkan...

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat pindah kepada hujah yang berikutnya - sebab ini Dewan Negara, saya rasa secara peribadi pun minat dalam *federalism* dan mengikuti hujah Yang Berhormat yang pertama tadi, bolehlah dikatakan bahawa objektif penggabungan Kanun Tanah Negara dan segala pindaannya, kerajaan negeri boleh meniadakan matlamat murni tersebut ke kerajaan negeri iaitu pihak yang prihatin dan bersungguh, mendukung semangat Kanun Tanah Negara. Adakah itu hujah Yang Berhormat?

Datuk Soon Tian Szu: Tuan Yang di-Pertua, ya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta kepada pihak kerajaan, jaminan terhadap sistem keselamatan bagi memantau dan menangani masalah penyelewengan berkaitan penukaran hak milik tanah, selain daripada meningkatkan integriti pegawai dan juga kakitangan di pejabat tanah kerana berdasarkan faktor yang saya peroleh, sebanyak 63 kes penyelewengan berkaitan perkara itu pada tahun 2005, dan meningkat kepada 83 Tuan Yang di-Pertua pada tahun 2006.

Jadi saya nak tahu berapa kes yang berlaku pada tahun 2007 ini? Adalah jaminan yang terus dan selamat bila akta yang kita pinda ini membolehkan kerajaan dapat melaksanakan sistem pentadbiran tanah berkomputer dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, adakah e-Tanah ini memelihara dan mengekalkan hak pemilih tanah daripada sebarang penyelewengan semasa proses pertukaran hak milik?

Walaupun saya tahu bahawa sistem berkenaan mempunyai ciri-ciri keselamatan seperti penggunaan tanda tangan digital dan dicetak dalam dokumen hak milik. Cetakan berkod ke atas dokumen hak milik keluaran hak milik berdaftar selain merekodkan pengenalan penggunaan bagi setiap transaksi bagi setiap dokumen. Tuan Yang di-Pertua, adakah kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi menangani kes penipuan termasuklah menggunakan kaedah cap jari bagi permohonan mendapatkan hak milik gantian?

Di samping itu, adakah pejabat tanah ini menyediakan program-program ICT kepada kakitangan supaya mereka ini akan lebih celik IT dalam menguruskan sistem pentadbiran tanah berkomputer? Dengan itu saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Datuk Dr. Haji Rizuan, kemudian Tuan Ahmad bin Husin dan Dato' Yip. Kalau boleh, jangan panjang-panjang sangat sebab kita ada banyak bil.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk dua, tiga perkara, yang pertama sekali tentang pelaksanaan e-Tanah. Saya mengambil pengalaman saya dalam permohonan untuk melanjutkan tempoh pajakan. Saya baru-baru ini telah membuat permohonan bertarikh 3 April 2007, tetapi telah diluluskan pada 22 Oktober 2007.

Jadi penggunaan e-Tanah yang disebut akan selesai selama tiga bulan itu saya percaya hanya tidak menepati hasrat kerajaan. Pertama, dalam menyampaikan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan yang lebih berkesan kerana kaedah yang digunakan saya percaya menggunakan kaedah lama. Kita tidak ada kaedah lain. Apabila kita menggunakan kaedah e-sistem ini ataupun kaedah yang lama kalau dibandingkan, yang pertama sekali kita kena serahkan balik geran itu kepada kerajaan, kerana tempoh pajakannya hampir luput. Kita kena memohon untuk mendapatkan balik hak milik kita dan proses itu dibuat oleh pejabat tanah dengan mengambil kira dia kena pergi ke tapak tanah tersebut untuk melihat keadaan sebenarnya. Dia buat laporan, apabila laporan itu dibuat dia akan balik serah kepada pengarahnya dan pengarah akan membawa satu laporan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Exco.

Jadi jangka masa yang dikatakan tiga bulan itu tidak menepati hasrat sebenarnya, kerana kalau kita lihat apa yang saya lakukan ini ia mengambil masa enam bulan setengah, ini belum lagi diluluskan. Belum dihantar ke Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta. Ianya akan mengambil masa dua, tiga bulan lagi.

Jadi akhirnya orang kata tiga bulan menjadi setahun. Inilah yang dialami oleh semua rakyat Malaysia yang berurusan dengan pejabat tanah. Begitu juga dengan

seperti yang disebut tadi *pre-computation plan* yang istilah yang saya selalu pakai *pre-comp. plan, short form*. Jadi kita nak mengubah syarat tanah pertanian kepada tanah pembangunan sama ada pembangunan itu bercampur mengenai untuk projek perumahan ataupun projek pembangunan perdagangan, tetapi kaedahnya serupa juga.

Kita kena memanggil juru ukur, yang disebut tadi memang betul-betul. Kita kena panggil juru ukur yang bertaualiah untuk menghantar laporan kepada pejabat tanah dan selepas itu laporan dibuat dan dihantar kepada Jabatan Penilaian untuk Jabatan Penilaian menilai harga pasaran kemudian laporan itu akan dihantar kepada pejabat tanah dan dibawa kepada Exco Tanah.

Jadi lama-lama yang berkuasa dalam hal ini, yang melambatkan dalam hal ini ialah Exco Tanah kerana kes-kes tanah ini bertimbun-timbun. Setengah itu *queue*, macam mana kalau nak potong *queue*, tidak ada jalan untuk memotong *queue*. Kita kena tunggu dan akhirnya tiga bulan tak jadi, mengambil masa setahun. Sebab itu saya sarankan di sini supaya minta kaji balik e-Tanah ini dengan lebih efektif, tidak memerlukan masa yang terlalu lama kepada Exco Tanah untuk meluluskan.

Selain daripada itu, saya juga bersetuju langkah bijak kerajaan untuk menukar geran ataupun surat hak milik sementara kepada surat hak milik kekal. Ini kalau tuan-tuan balik kampung, balik tengok geran tanah, sampai tahun akan datang pun, dok lah ini hak milik sementara ni. Macam orang PRLah, PR. Orang luar masuk ke Malaysia pun dapat *permanent resident* dia tidak dapat *temporarily resident*. Sebab itu dia dapat warganegara. Ini hak milik ini sampai bila-bila pun hak milik sementara. Kenapa baru kita nak fikir nak jadikan ianya sebagai hak milik tetap? Jadi yang keduanya...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh tak sampai dua keturunan sementara?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Sampai dua keturunan, sampai ketiga keturunan. Kalau kita tak buat betul-betul. Saya tak tahu ukuran apa, ukuran *detail* apa yang diperlukan. Benda ini sama aje. Hak milik tetap dengan hak milik sementara, yang sama, *detail* benda yang sama.

Jadi kenapa kita harus berlelah-lelah, dan saya nak tanya juga kalau sudah ditukar hak milik sementara kepada hak milik tetap, cukainya bagaimana? Adakah cukainya bertambah, cukai tanah kerana orang kampung amat prihatin tentang cukai ni. Bayar RM200 setahun pun dah bisung.

Akhir sekali, saya amat tertariklah dengan kerajaan meminda denda mengalirkan bahan-bahan batuan. Kes curi pasir ini, tapi saya tak bersetujulah kalau kita kena denda RM50,000. Orang *business* pasir ini kalau orang tahu kawasan itu dia pakat dengan pejabat tanah, dia boleh buat RM1 juta dalam masa tiga bulan. Percaya atau tidak, kerana satu lori pasir harganya RM300. Dia boleh bawa keluar pasir itu, katakanlah minimum 30 lori atau 40 lori kali dengan tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pernah berniaga pasir?

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Saya tidak pernah berniaga pasir, tapi saya tahu kerana kes curi pasir ini berleluasa di Wilayah Persekutuan, Selangor. Dia bayar RM10,000, dia untung RM1 juta. Jadi kalau boleh denda ini, kalau boleh diberi denda yang lebih berat. Penjara lima tahun, tak cukup penjara lima tahun. Dia dah ada RM1 juta, lima tahun. Apa bendanya lima tahun?

Kemudian kalau dia kena RM10,000 dia buat di Rawang, dia kena RM10,000. Esok, dia pindah pergi Kuala Selangor. Dia buat lagi, dia dah untung lagi RM1 juta. Kalau lepas itu dia kena di Kuala Selangor dia pindah pergi Sepang. Akhirnya dia dapat RM3 juta kerana dia berpakat dengan orang pejabat tanah. Inilah yang berlaku. Jadi kalau dapat difikirkan satu kaedah yang mana denda dikenakan tinggi dan penjara dikenakan tinggi, tetapi perbuatan ini tidak merugikan duit kerajaan. Jadi sekali lagi saya ucap terima kasih dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Haji Rizuan. Tuan Ahmad Husin

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk sama membahaskan akta meminda Kanun Tanah Negara. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sistem ini kita pinjam daripada Australia, *Torrens System*, saya rasa sistem ini cukup elok, jelas sebab dia bentuk cermin, apa yang ada atas geran itulah yang ada di atas tanah. Macam kita tengok *mirror*, macam mana

dalam *mirror*, begitulah kita. Sepatutnya tidak ada masalah. Masalah ini, kena cari, apa dia.

Tuan Yang di-Pertua: Cumanya dalam ilmu fizik, dalam cermin itu ialah *laterally inverted*. Yang kanan jadi kiri, kiri jadi kanan, jadi taklah 100% tepat.

Tuan Ahmad bin Husin: Jadi bermakna *the cardinal principle* saya rasa kementerian harus fikirkan tentang seksyen 340, walaupun tidak termasuk iaitu hak milik tidak boleh disanggah kerana apa yang terdapat dalam peruntukan, itulah hak kita. Walaupun kita bawa geran ke mana-mana pun, tetapi nama tidak ada. Jadi kita tidak boleh buat apa-apa. Jadi kita nak kena perbetulkan, nak kunci seksyen 340.

Yang kedua, saya ucap terima kasihlah sebab saya amat bersetuju tentang e-Tanah sebab ini dah bermula dah, kita nak didik supaya lebih bersih, lebih cekap dan lebih amanah. Cuma cara kita nak buat modus operandi itu sahaja pihak kementerian, cara jalan dan kaedah.

Saya amat bersetuju tentang hak milik sementara dengan hak milik tetap memang sementara sampai bila-bila, guru sementara pun tidak dapat apa. Jadi bermakna kita kena tetap, ukur elok, teropong elok, tau sukat semua tanah kita bagi, dia *confident* kerajaan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bila berucap bagi mudah jurutulis. Yang Berhormat kena cakap bahasa baku.

Tuan Ahmad bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kemudian seksyen 143(a), 141.

Tuan Yang di-Pertua, dulu sistem satu ekar tidak boleh diruncitkan sebab ada kaedah ada sifatnya Tuan Yang di-Pertua, supaya akhirnya tidak semua orang jadi miskin tiba-tiba sahaja bila kita runcitkan tanah tersebut. Sekarang kita dah balik kepada asal, kita ubah balik kita nak runcitkan.

Saya terpulang kepada kementerian memikirkan adakah maksud semua sekali yang mempunyai tanah boleh keluar daripada *the vicious circle of poverty*, garis lingkaran kemiskinan atas seksyen ini, Tuan Yang di-Pertua.

Satu seksyen lagi ialah seksyen 426. Seksyen ini saya rasa kalau sekiranya sahabat saya kata denda lima tahun penjara pun tidak cukup, denda RM50,000 tidak cukup. Orang-orang ini orang yang bijak, orang yang pandai-pandai, orang yang profesional.

Orang yang mencuri sekarang ini orang pandai-pandai, kenapa kita tidak mandatori? 10 rotan sekurang-kurangnya, baru dia rasa mencuri ini salah, salah besar, hudud, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh main benda-benda macam ini! Pindah daripada satu tempat kepada satu tempat ialah mencuri! Dalam Kanun Keseksaan. Minta kerajaan timbang tengoklah.

Last sekali cuma saya nak mintalah saya kesian kat sahabat saya yang depan ini, tanah Orang Asli bagilah geran, saya masuk seksyen lainlah. Bagilah dah lama sangat dah, biar dia orang rasa *confident*, rasa yakin duduk di bumi bertuah ini bila kerajaan nak ambil pun dia dapat balik pampasan, kasihanilah mereka. Kedua, satu lagi....

Tuan Yang di-Pertua: Banyak kali dah yang kedua Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Husin: Bagi PTD *officer*, ada satu pekeliling yang PTD *officer* dapat 10 ekar, saya rasa PTD *officer* boleh minta, ada Pekeliling tahun 1984, Tun Musa Hitam sains, masa itu Dato' sahaja dan dua lot tanah. Ini kita bagi insentiflah, kita dah tahu, kita bagi tahu, di mana-mana mintalah, bagi Pegawai Tadbir dan Diplomatik.

Akhirnya walaupun apa pindaan Tuan Yang di-Pertua, janganlah bercanggah dengan Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan "Hak terhadap harta 13(1) tidak ada seseorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang, 13(2) tidak ada satu undang-undang pun boleh membuat peruntukan bagi mengambil atau menggunakan harta-harta dengan paksa dengan tiada pampasan yang mencukupi". Dengan ini saya menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

12.05 tgh.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya turut membahaskan dalam Rang Undang-undang suatu Akta meminda Kanun Tanah Negara.

Saya suka mengalu-alukan dan bersetuju dengan sistem pentadbiran tanah elektronik ini. Tahniah dan syabas saya ucapkan. Undang-undang di semua bidang mesti terang, pasti dan muktamad, dengan izin, *clear, certain and final*.

Keputusan Mahkamah Persekutuan dalam Adorna Properties vs Boonsoom Boonyanit sejak beberapa tahun kebelakangan ini telah menimbulkan banyak masalah syak prasangka serta kekeliruan di bidang undang-undang tanah. Kita tidak tahu bilakah satu hari di waktu pagi apabila kita baca akhbar, kawan-kawan kita akan kehilangan tanah dengan cara penipuan seperti yang itu. Kenyataan yang jelas bahawa keputusan dan *reasoning*, dengan izin, dalam Adorna Properties sangat mengelirukan. Kedua-dua Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan telah berulang kali mengatakan demikian dan telah dengan izin, *distinguished*, mengecualikannya dengan kes-kes Adorna Properties ini.

Majlis Peguam Malaysia pun ada mengemukakan memorandum supaya mereka tidak diminta mengubah seksyen 340. Sebenarnya rakan saya telah mengatakan seksyen 340 itu baiknya ialah kita tidak boleh selalu mahu tukar undang-undang. Sebenarnya dalam seksyen 340 itu baik, sudah cukup, kita hanya perlu menubuhkan supaya kes ini dikaji semula, *judicial review*, dengan izin, dengan kuorum lima hakim. Seperti yang telah diadakan dalam kes Joselin Tan Bo Chu *versus* Mutusamy.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah sebut dengan satu seksyen 141(A) kita mempunyai banyak masalah berkenaan dengan *co-owner* ini dengan izin, ini ramai-ramai dalam satu tanah. Tadi kawan saya telah katakan beliau bimbang kalau dipecahkan lagi maka akan jadi miskin, saya berpendapat lain. Sebenarnya harga tanah sekarang mahal, kita kalau boleh pecahkan saudara mara, rakan-rakan atau kawan-kawan lebih lagi orang akan menjadi kaya. Kita tidak perlu risau berkenaan dengan itu petisyen khasnya untuk kawasan-kawasan yang berpuluh-puluh tahun telah mengadakan bengkel atau industri kecil atau industri sederhana di dalam satu plot 10 ekar misalnya ada 50 industri kecil kalau mereka dibenarkan menggunakan seksyen 141(A) ini adalah lebih baik.

Saya ucapkan tahniah kementerian dapat membangkitkan perkara ini kerana ia tidak memerlukan semua, kalau dahulu kita memerlukan semua 100%, satu orang ketinggalan pun tidak boleh, itu menyusahkan. Ada orang sengaja, ada 50, ada 49 orang setuju, satu orang tidak setuju kita tidak boleh buat pembangunan. Cuba kita renungkan dalam kawasan pinggir Kuala Lumpur, kalau ada satu tapak macam ini, apakah pandangan, apakah ia terjadi kepada keadaan sekelilingnya? Akhir kata....

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna hujah Yang Berhormat dalam melindungi hak seseorang boleh juga kita menidakkan hak banyak orang lain.

Dato' Yip Kum Fook: Tidak sebaliknya Tuan Yang di-Pertua. Kita mesti lebih mengutamakan majoriti maksud saya dalam perkara ini. Kita kalau ada ramai setuju nak petisyen atau diruncitkan, maka kita runcitkan, kita jangan biar satu orang menghalang kita daripada membuat pembangunan, itu sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata sekiranya terdapat sebarang kepincangan atau kekurangan saya berharap kementerian dapat melalui pentadbiran, meningkatkan kelemahan tersebut jika ada.

Kalau terdapat kesilapan kerajaan seperti kes Adorna Properties itu, maka kerajaan harus menimbangkan pampasan dikeluarkan dan sekiranya firma peguam didapati bersahabat dengan si penyeleweng, maka firma itu mempunyai insurans untuk membayar kepada orang yang tidak bersalah itu. Maka, dengan kata-kata demikian saya suka menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu, Puan Mumtaz, Tuan Rawisandran. Yang Berhormat, saya tidak jangka adakah Yang Berhormat berhasrat untuk menggulung dan mengemukakan masalah sebelum pukul 1.00?

Dato' Sazmi bin Miah: Saya boleh gulung lima minit ataupun lima jam tapi saya rasa sebab kebanyakannya menyokong apa-apa masalah yang timbul cadangan

kita akan ambil maklum cuma saya akan terangkan sedikit sahaja berkenaan dengan kenapa undang-undang dibuat dan berkenaan dengan seksyen 3/40 yang menjadi isu utama dan e-Tanah. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat saya harap jangan terlalu panjang.

12.11 tgh.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan pindaan Kanun Tanah Negara. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada kementerian kerana telah menampakkan satu perkara atau teknik yang jelas dan dapat mengelakkan segala penipuan-penipuan yang akan dirancang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana Yang Berhormat Senator Ahmad Husin kata tadi hak milik Orang Asli ingin saya fokuskan lagi sekali agar isu mengenai pemilikan tanah Orang Asli ini bukan saja baru dibincangkan malah telah dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan pada tahun 1992 dan dibincangkan semula pada tahun 1997 oleh Jawatankuasa Khas dan seterusnya kertas dasar dan garis panduan syarat-syarat pemberi milikan tanah kepada Orang Asli telah dibentangkan dan dipersetujui oleh Pengarah-pengarah Tanah Malaysia pada bulan September 1997. Rujuk Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, Bilangan 6/1999.

Begitu juga kepada keputusan mahkamah yang memihak kepada Orang Asli mengenai hak Orang Asli, tanah pada tanah terhadap dua kes saman. Satu, Adun bin Gawai lawan negeri Johor dan Sagung Tasi lawan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1998 dan 1999 menuntut agar satu dasar holistik dan komprehensif dibuat supaya ia memberi kesejahteraan kepada semua pihak khususnya pihak kerajaan dan amnya kepada masyarakat Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, saya melihat status tanah Orang Asli di sini ada yang tanah rizab Orang Asli. Maksud rizab ini, boleh diambil bila-bila masa, boleh dipindah pada bila-bila masa. Anak-anak yang ada dekat tanah di tempat Orang Asli boleh dipindah ke mana-mana kerana itu tanah sementara.

Jadi, sudah tentulah tanah yang ada sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan Orang Asli di bawah seksyen 6, dan seksyen 7, Akta Orang Asli 1954 sebagai kawasan Orang Asli atau undang-undang tanah lama yang lain adalah seluas 19222.15 hektar. Hanya 44% tanah yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri untuk dirizab kawasan Orang Asli sebanyak 28,764 hektar atau sebanyak 21% dan juga tanah yang sedang dipohon banyak Tuan Yang di-Pertua tapi ini tidak dapat menjamin hak Orang Asli kerana Akta Tanah Kanun Negara tidak dapat meluluskan bahawa hak milik tanah ini perlu diberi kepada Orang Asli. Tuan Yang di-Pertua, kesannya amat besar kalau kita lihat dalam memberikan hak milik tanah ini, pertama kita tahu akan memberi *sense of security*, dengan izin, yang kepada masyarakat Orang Asli serta persamaan pemilikan tanah seperti yang dinikmati oleh kaum-kaum lain. Yang kedua, ia membolehkan Orang Asli tinggal kekal tidak lagi mengamalkan budaya kehidupan....

Tuan Yang di-Pertua: Adakah isu Yang Berhormat timbulkan sekarang ini merupakan sebahagian daripada perkara yang diberi perhatian dalam pindaan ini?

Tuan Osman bin Bungsu: Ya, ini merupakan sebahagian e-Tanah. Kalau dia meminda melalui komputer, kalau tidak betul maka tanah-tanah rizab di atas komputer ini akan hilang dan akan berpindah kepada orang lain. Ini telah berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya harap perkara ini perlu diberi serius.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi maknanya walaupun tidak jelas tersurat, secara tersiratnya bahayanya ada.

Tuan Osman bin Bungsu: Ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membantu saya dalam membahas.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak berniat membantu, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Osman bin Bungsu: Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanah ini akan menunjukkan rasa tanggungjawab ke atas aset yang dipegang, dapat mengatasi masalah tanah yang diduduki dieksploitasi oleh pihak-pihak yang tertentu. Kita tahu bila tanah tidak ada geran, tidak ada hak milik maka bila-bila boleh dieksploitasi oleh pihak-pihak yang berkenaan. Mungkin tanah yang diduduki oleh Orang Asli dah begitu lama tapi atas dasar tiada hak milik tiada apa tanda-tandanya, maka boleh dipergunakan dan diperalatkan oleh orang tertentu.

Yang ketiga, tanah akan dapat dijadikan faktor ekonomi. Kita tahu mudahkan pelaburan, pembangunan dan tidak lagi Orang Asli jadi miskin di tanah sendiri - 50 tahun merdeka, tanah banyak tapi miskin. Kita juga dapat mengawal, memudahkan tindakan sebarang pencerobohan yang berlaku terhadap tanah ini. Maka dengan keprihatinan kerajaan dalam meminda akta ini, saya amat menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz.

12.18 tgh.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan panjang-panjang ya Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya ada lapan isu sahaja. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang membenarkan saya untuk turut sama membahaskan Kanun Tanah Negara pindaan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua: Di antara lapan tu ada atau tidak yang berulang? Kalau ada yang berulang, potong dahulu.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Tiada yang berulang, insya-Allah. Yang pertama berkaitan, adakah pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan apa yang telah pun diperkatakan oleh Senator sebelum ini tanah-tanah mungkin dipindah milik secara tidak sah disebabkan penggunaan ataupun penglibatan orang dalam, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan *title* insurans sebagaimana yang telah diperkenalkan oleh negara-negara lain khususnya untuk memberi perlindungan kepada pemilik-pemilik tanah sekiranya tanah mereka ini dipindahkan secara tidak sah, mereka akan boleh menebus balik secara insurans. Itu yang pertama.

Yang kedua, berkaitan dengan *disaster discovery centre* saya sebenarnya amat terkejut bilamana Yang Berhormat Dr. Haji Mohd Puad menyebut tentang *disaster record centre* sebab bila kita lihat antara *Disaster Recovery Centre* dan *Disaster Record Centre*. Nama *Disaster Record Centre* itu mungkin lebih sesuai sebab kalau kita pandang *Disaster Recovery Centre* mungkin kita akan silap faham sebagai pusat pemulihan untuk mana-mana bencana alam. Jadi kalaulah ini hanya bermaksud untuk kita boleh merujuk *centre* ini sekiranya kita menghadapi masalah tentang kesahihan *title* ataupun hak milik-hak milik selepas berlaku bencana alam saya rasa mungkin perlu ada sedikit pemindaan nama ini ataupun apakah rasionalnya diletakkan nama sebagai *recovery centre*. Yang berkaitan dengan *Disaster Recovery Centre* juga, saya ingin bertanyakan adakah penubuhan *Disaster Recovery Centre* ini akan dibuat pada pusat mengikut negeri ataupun mengikut pejabat tanah jajahan.

Ketiga berkaitan dengan, apakah cara-cara yang kita perlu buat untuk mengelakkan penipuan dalam tukar milik hak tanah? Adakah kerajaan bercadang untuk mewajibkan kepada semua peguam ataupun kepada semua orang yang ingin membuat pindah milik tanah mendapatkan sijil daripada bilik kebal, sijil pengesahan daripada bilik kebal, ataupun kalau yang tadi *Disaster Recovery Centre* perlu diperoleh terlebih dahulu sebelum sebarang pindah milik dibuat?

Keempat berkenaan dengan Perbankan Internet, tadi dinyatakan bahawa bayaran hasil boleh dibayar melalui Perbankan Internet, jadi saya mohon pihak kerajaan untuk menjelaskan bagaimanakah pembuktian pembayaran Perbankan Internet ini, adakah ia pembuktian muktamad tanpa kita perlu mendapatkan resit hasil daripada mana-mana PTG?

Berkenaan dengan penyatuan tanah, saya bersetuju dengan pendapat Senator sebelum ini, bahawa ini adalah satu perkara yang amat baik kerana memandangkan pada hari ini penyatuan tanah sekiranya tidak dipersetujui oleh semua pemilik ataupun pemegang-pemegang harta tanah, ianya akan menyebabkan masalah

yang banyak. Jadi dengan pindaan pada hari ini, ianya akan memudahkan proses untuk penyatuan ataupun pemecahan tanah kepada pemilik-pemilik yang berhak.

Yang seterusnya berkaitan dengan seksyen 92D dan oleh kerana yang dibekalkan kepada kita ialah bahasa Inggeris, saya ingin memohon untuk melihat kepada bahasa di barisan terakhir "...*that their consent ought in the circumstances of the case be dispensed with.*" Dalam perkataan ini tidakkah perlu perkataan 'to' dimasukkan, "*their consent ought to in the circumstances of the case be dispensed with.*" Jadi dalam ini saya pohon, kerana apakah tidak dimasukkan perkataan "to", sekiranya kalau benda ini tidak membabitkan apa-apa kesan tidak ada masalahlah, tetapi kalau ia tertinggal saya mohon diperbetulkan.

Berkaitan dengan seksyen 204GA, saya ingin bertanya, apakah rasionalnya dalam seksyen ini dimasukkan satu klausa "...*where the approval of the State Authority is not accepted by the proprietor, the Land Administrator shall cancel or cause to be cancelled the note endorsed on the register document of title pursuant to subsection (1).*" Dalam kes ini kita melihat beberapa klausa telah diberikan oleh pihak kerajaan yang pertama, *where the proprietor withdraws his application*, satu.

Yang kedua, *the State Authority rejects the application.*

Yang ketiga, *where the approval of the State Authority is not accepted by the proprietor.* Dalam kes ini saya melihat klausa untuk *approval of the State Authority is not accepted by the proprietor* ini tak perlu dimasukkan, kerana bila mana *proprietor* tidak setuju dengan apa yang telah diberikan oleh *state*, maka dengan sendirinya perlu menarik balik dan tidak perlulah kita mengatakan bila mana *proprietor* itu tidak setuju dengan apa yang dibuat oleh *state authority*. Maka *land administrator* boleh batalkan. Jadi cukuplah dengan sama ada *diwithdraw* ataupun *state authority rejects the application.*

Berkaitan juga dengan seksyen 140, di mana dikatakan bahawa untuk tanah-tanah yang berkaitan dengan pertanian ada *agreement* yang diperlukan di kalangan *co-proprietors*. Yang ini saya hendak tanya, adakah *agreement* ini adalah *agreement* lisan ataupun mesti *agreement* bertulis, sebab bila dimasukkan perkataan *agreement*, di sini kita hendak lebih jelaslah. Kalau perlu bertulis mungkin kita akan lebih seragamkan di seluruh negara, perlu satu *agreement* bertulis barulah boleh diselesaikan masalah ini dengan cara yang lebih baik.

Berkaitan juga dengan perkara yang telah ditimbulkan oleh rakan-rakan di Dewan Negara sebelum ini, berkaitan dengan kita bimbang, takut ada masalah tidak amanah ataupun sindiket tertentu, saya mohon agar pihak kerajaan memantau juga pekerja-pekerja sementara ataupun yang membuat kerja secara perantisan, ataupun praktikal yang berada di pejabat tanah agar mereka ini juga mempunyai liabiliti yang sama dengan pekerja tetap. Kita bimbang mungkin penyalahgunaan ataupun penipuan ini dibuat oleh orang yang hanya datang mungkin untuk dua tiga bulan dan hanya datang untuk membantu. Jadi sekiranya mereka ini dipantau dan diberikan liabiliti yang sama ataupun mereka ini mestilah menandatangani apa-apa kontrak, sekiranya terlibat mana-mana kes pada masa mereka ada perlu juga mereka ini diberi hukuman sebagaimana juga dengan pekerja-pekerja tetap dalam pejabat-pejabat tanah. Dengan demikian saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Rawisandran a/ Nayaranan.

12.23 tgh.

Tuan Rawisandran a/ Nayaranan: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih ke atas usaha kerajaan melancarkan program e-Tanah yang merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjayakan program e-Kerajaan ataupun *e-Government*. e-Tanah adalah di antara strategi yang akan dapat menambah baik sistem pentadbiran tanah untuk menuju ke arah pembedaan pejabat tanah. Ini adalah disebabkan projek e-Tanah itu sendiri merupakan satu *approach* baru yang dapat mengatasi perbincangan pentadbiran tanah dari segi sistem, dan juga dapat membantu mengatasi masalah dari segi teknologi, struktur dan tenaga manusia di pejabat tanah, di mana objektif e-Tanah ini adalah untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan pentadbiran tanah di Semenanjung Malaysia dengan menggunakan ICT secara bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, Kabinet telah meluluskan peruntukan RM840 juta bagi membangunkan sistem ini secara berperingkat kesemua negeri dengan segera. Ia diputuskan selepas kejayaan projek perintis di Pulau Pinang sejak tahun lalu membabitkan kira-kira 60 juta dan kini hampir 80% siap dibangunkan.

Manakala mengikut Menteri Dato' Seri Azmi bin Khalid, e-Tanah "... *enhance the effectiveness, transparency and integrity of the delivery system throughout the introducing red tape*", dengan izin, sistem pentadbiran dan pengurusan tanah berkomputer atau e-Tanah dijamin akan memelihara dan mengekalkan hak milik tanah daripada sebarang penyelewengan. Semasa proses pertukaran hak milik sistem itu diyakini dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti sistem penyampaian menerusi bank data tanah, kerana ini rangkaian ke semua pejabat PTD di seluruh negara. Kerajaan memutuskan sistem e-Tanah yang diperkenalkan bagi mengatasi masalah kelewatan, kerana birokrasi dalam pengurusan pentadbiran tanah di pejabat tanah daerah diperluaskan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pelbagai rungutan sering dikemukakan oleh pengguna-pengguna sistem ini, seterusnya berhubung dengan *system down* yang menyebabkan *work load* yang bertimbun dan masa menunggu berpanjangan.

Baru-baru ini laporan akhbar *The Star* yang menunjukkan pengguna terpaksa datang awal jam 4.00 pagi untuk mendapatkan nombor giliran di Pulau Pinang, kalau ini keadaannya bagaimanakah kita hendak menentukan hala tuju pentadbiran tanah supaya ianya menjadi satu perkhidmatan awam yang unggul dan cemerlang dan akhirnya menjadi pentadbir tanah bertaraf dunia.

Dengan masalah yang sedia ada, bolehkah pihak kementerian menyelesaikan kira-kira 500 ribu kes tertunggak berkaitan hak milik tanah dan geran dijangka dapat diselesaikan apabila kerajaan melaksanakan sistem e-Tanah mulai tahun depan sepertimana dilaporkan oleh *Utusan Malaysia* baru-baru ini. Pihak kementerian harus mengambil perhatian yang serius mengenai hal ini, saya berpendapat selain *software* dan *hardware* dan *human factor* adalah sangat penting dalam hal menyelesaikan masalah ini.

Saya yakin bahawa dengan adanya kepimpinan dan sokongan pentadbir tanah ke atas program-program pemodenan, pejabat-pejabat tanah seperti pelaksanaan projek e-Tanah ini, pentadbiran tanah akan dapat menangani sebarang rintangan dan cabaran pada masa kini mahupun pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, berikutnya saya juga ingin tahu bagaimana pihak kementerian hendak menjamin tidak berlaku penipuan ke atas...

Tuan Yang di-Pertua: Dalam Yang Berhormat menyebut...

Tuan Rawisandran a/l Nayaranan: Lagi lima minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat bila saya bercakap, dalam Yang Berhormat menimbulkan persoalan-persoalan ini, adakah Yang Berhormat sedar di sini terdapat sesuatu yang istimewa. Dalam mana pihak yang membuat ataupun menggubal dasar tidak merupakan pihak yang menjadi pelaksana yang utama. *It is a very unique case of the policy maker being different from the implementer, because the implementers are the state government.*

Tuan Rawisandran a/l Nayaranan: Saya setuju Tuan Yang di-Pertua, tapi saya hendak menegaskan penyelewengan sering berlaku di pejabat tanah.

Saya hendak sambung sedikit sahaja, oleh yang demikian dalam situasi sedemikian bagaimanakah pihak kementerian hendak mengatasi masalah penyelewengan yang berlaku dalam sistem pendaftaran tanah dan pindah milik dan kes-kes penipuan yang berlaku.

Adakah dengan terlaksananya sistem e-Tanah ini dapatkan pihak kementerian menjamin sistem pendaftaran secara elektronik. Ini dapat menghalang penipuan dari berlaku apabila pindah milik dijalankan, apabila hak milik didaftarkan dan sebagainya. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Munusamy.

12.31 tgh.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang meminda Kanun Tanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah dan syabas kepada pihak kerajaan yang telah mencadangkan untuk pindaan kepada Kanun Tanah Negara bagi memperkenalkan dan menggunakan sistem pentadbiran tanah secara elektronik di Semenanjung Malaysia iaitu e-Tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ada 2-3 perkara sahaja. Satu berkenaan dengan fasal 5 berkenaan dengan pelantikan agen bagi mengutip, memungut dan menerima bayaran bagi apa-apa jenis hasil tanah. Adakah ini bermakna bahawa pihak pejabat tanah akan melantik agen-agen pengutipan seperti Syarikat Telekom dan lain-lain syarikat di mana agen-agen ini mengambil tindakan sehingga tindakan perundangan. Saya ingin mendapat penjelasan sedikit berkenaan dengan perkara ini.

Satu lagi perkara adalah berkaitan dengan fasal 11 di mana penyerahan sebahagian tanah bagi kegunaan awam. Tuan Yang di-Pertua perkara ini adalah satu perkara yang penting kita perlu lihat bahawa apabila satu-satu tapak, di satu-satu tanah dimajukan, pihak swasta perlu menyerahkan sebahagian tanah untuk kegunaan awam sebagai tapak rekreasi, tapak keagamaan dan sebagainya tetapi pihak kerajaan mengenakan syarat bahawa ada angka yang berapa banyak rumah baru ada tapak tanah bagi sesuatu kegunaan. Apa yang kita dapati pembangunan-pembangunan bagi projek-projek kecil di mana 100 rumah atau 200 rumah dibina, tapak-tapak *reserve* bagi kegunaan rekreasi atau agama dan lain-lain ini tidak dirizabkan. Hanya bagi tapak ataupun projek-projek perumahan besar sahaja terlibat dalam syarat-syarat ini.

Apa yang kita dapat, kadang-kadang ada juga 3 atau 4 projek di satu kawasan, tetapi projek-projek itu adalah projek-projek kecil. Satu projek mungkin 100 rumah, satu projek mungkin 150 rumah tetapi tiap-tiap projek itu tidak akan adakan kawasan rizab. Oleh itu apabila semua kawasan itu dimajukan, mungkin terdapat 1,000 rumah atau 1,500 rumah tetapi tidak ada kawasan untuk permainan bola sepak seumpamanya. Tidak ada kawasan untuk kegunaan agama, membina kuil, membina gereja dan sebagainya. Itu ada menjadi masalah. Oleh itu saya berharap apabila *pre-complex* disiapkan dan bila tanah diserahkan balik dan kurnia semula, perkara-perkara ini harus diambil kira.

Satu lagi perkara ialah berkaitan dengan hak milik kelompok. Kita terdapat banyak tempat di mana pihak kelompok mempunyai satu tapak tetapi 20 atau 30...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa Akta Perancangan Bandar dan Desa hendaklah dibaca bersekali dengan pindaan-pindaan ini?

Tuan M. Munusamy: Saya rasa perlu juga kita ambil kira perkara itu sebab apabila perancangan dibuat, pihak yang meluluskan perancangan *pre-comp* adalah Perancang Bandar dan Desa. Oleh itu, saya juga mencadangkan ataupun bersependapat dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa akta ini perlulah dibaca...

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada pendapat Yang Berhormat, saya cuma tanya tadi.

Tuan M. Munusamy: Memang betul. Satu lagi adalah berkenaan dengan kelompok tadi di mana satu kelompok penghuni ataupun pembeli tanah tidak mendapat geran berasingan. Mereka mempunyai satu geran kelompok dan mereka selalunya menghadapi masalah apabila nak bina rumah, mereka tidak dapat kelulusan kerana geran itu bukan atas tanah mereka. Mereka hanya mempunyai surat-surat perjanjian sahaja.

Apabila mereka memohon untuk pinjaman daripada syarikat institusi, juga mereka sahaja akan menghadapi masalah. Oleh itu, saya rasa perkara-perkara ini haruslah diambil kira. Satu lagi adalah berkenaan dengan geran bagi kelompok yang ini. Apa yang terjadi adalah pemilik tanah kelompok itu adalah seorang dan apabila mereka menjual tanah itu, mereka memecah tanah itu kepada 20 atau 30 orang dan geran sementara pun tidak dapat dikeluarkan bagi mereka ini. Oleh itu saya berharap perkara-perkara ini akan diambil kira. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin kemudian Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan menjawab dan menggulung.

12.36 tgh.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang dan ruang...

Tuan Yang di-Pertua: Saya berbelah bahagi tadi nak sebut Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Mungkin itu satu petanda, saya pun tak tahu.

Dato' Gooi Hoe Hin: Untuk memberi sedikit sebanyak pandangan mengenai rang undang-undang untuk Kanun Tanah Negara. Saya telah dengar dengan teliti hujah-hujah yang Berhormat Setiausaha Parlimen kementerian berkaitan tentang angka kerajaan untuk meminda Akta Kanun Tanah Negara supaya keperluan semasa untuk menyesuaikan sistem pentadbiran tanah secara digital dan elektronik. Itu adalah satu usaha yang baik, cukup murni. Apa yang berfikir dalam fikiran saya adalah bagaimana Kerajaan Persekutuan yang jadi dasar...

Tuan Yang di-Pertua: *Principal policymaker.*

Dato' Gooi Hoe Hin: ...yang menjadi dasar untuk memastikan supaya sistem pentadbiran tanah itu sempurna, cekap, telus, selamat, penuh dengan integriti serta kesahihan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu cabarannya Yang Berhormat, di sini *The Principal policymaker is not The Principal ...*

Dato' Gooi Hoe Hin: Ya, saya nak hujah arah itu, bermakna seperti mana kini yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Syabas kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerajui sistem e-Tanah walaupun kini mengalami gangguan awal, *'teething problem'*.

Jadi saya nak tanya, sebagai Kerajaan Persekutuan, Ketua Pengarah Tanah dan Galian yang menjadi induk kepada Pengarah Tanah Galian Negeri-negeri. Soal pokok saya ialah bagaimana kini KPTG dalam usaha memodenkan sistem pentadbiran tanah yang menjadi bidang kuasa kerajaan negeri, kemungkinan saya ingin mencadangkan semua urusan pentadbiran tanah apabila tekan sahaja satu butang dikata di Negeri Pulau Pinang, KPTG seterusnya akan mendapat maklumat. Sama ada sistem pemodenan mengguna komputer ini akan merangkumi segala-galanya.

Saya tahu manusia tidak boleh teka teki seluruhnya tetapi pandangan saya ialah perlu sebagai KPTG menjadi induk, perlu. Perlunya macam *octopus*, seluruh negara urusan pentadbiran tanah dihalusi.

Mengapa saya cakap sebegini? Kita semua sedia maklum. Dasar dan akta ini cantik, molek, tak perlu saya halusi tetapi apabila dilaksanakan, tanpa sistem pentadbiran pemodenan pengkomputeran, kita semua sedia maklum, pejabat tanah yang menjadi suatu agensi yang menjadi satu usaha Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menambah baik sistem penyampaian. Jadi...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, isu Yang Berhormat sudah cukup jelas. Kalau boleh dan Yang Berhormat simpulkan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Saya akan sependek-pendeknya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya perlukan Yang Berhormat perlu setelah jawab, kemudian gulung, kemudian kemukakan masalah tiga peringkat untuk diputuskan. Saya perlu masa sedikit.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Itu penting. Saya harap kementerian akan mengambil cadangan supaya KPTG akan menjadi kukuh. Tak perlu ulang, ulang, ulang semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas kerjasama. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, silakan.

12.41 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih saya ucapkan kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan rang undang-undang yang telah saya kemukakan tadi. Terutama kepada Dato' Lee Sing Chooi, Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi, Datuk Soon Tian Szu, Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid, Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin, Dato' Yip Kum Fook, Yang Berhormat Tuan Osman bin Bungsu, Yang Berhormat Mumtaz binti Md Nawawi, Yang Berhormat Tuan Rawisandran, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy dan juga Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin.

Adalah, mustahillah saya hendak jawab semua soalan tapi kebanyakan yang dibentangkan ataupun yang dibincangkan adalah berkenaan dengan pemalsuan dan juga bagaimana keseimbangan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kanun Tanah Negara tersebut. Ingin saya maklumkan di sini, sebenarnya Kanun Tanah Negara ini terpaksa melalui pelbagai perbincangan, pelbagai kajian kerana seperti mana yang kita tahu, saya bersetuju dengan Senator Dr. Puad yang mengatakan orang pergi berperang pasal tanah. Sebab kita boleh ada rakyat tapi tak ada tanah, kita tidak ada negara. Sebab wilayah ataupun tanah ini adalah asas yang pertama dalam membentuk sebuah negara yang berdaulat. Seperti rakyat Palestin tak mempunyai tanah, tak ada negara. Jadi sebab itulah wilayah atau tanah ini adalah sesuatu yang penting dan kita di pihak kementerian dan jabatan menganggap ianya begitu.

Sebab itulah kadang-kadang untuk meminda sesuatu akta dalam Kanun Tanah Negara ini memakan masa, tambahan pula kita di dalam sistem di mana di setiap negeri pula mempunyai enakmen masing-masing, mempunyai undang-undang tanah negeri sendiri. Berbeza daripada negeri Selangor dengan negeri Pulau Pinang. Jadi untuk menyediakan satu Kanun Tanah Negara yang menyeluruh untuk semua adalah mustahil. Sebab itulah diperkenalkan sistem e-Tanah dan sebagainya. Iaitu dari segi pentadbiran tanah hendaklah dimudahkan, iaitu dari segi urusan-urusan tertentu akan dimudahkan, mengambil masa yang singkat di samping menetapkan supaya keselamatan pemilik-pemilik tanah terjamin. Sebab itu, ingin saya sentuh di sini yang banyak diperkatakan ialah mengenai seksyen 340 Kanun Tanah Negara. Sebenarnya kerajaan memang mengambil maklum berkenaan dengan pemalsuan dan penipuan yang berhubung dengan hak milik tanah tersebut.

Apa yang terjadi ialah pentafsiran seksyen 340 itu yang menjadi permasalahan. Oleh kerana, ianya melibatkan prinsip asas sistem pentadbiran tanah kita yang berasaskan Sistem *Torrent* tadi, ianya akan mengambil masa yang agak lama untuk pihak Peguam Negara meneliti seksyen tersebut dan insya-Allah dalam tahun hadapan di dalam Mesyuarat Majlis Tanah Negara akan diperbincangkan dengan lebih lanjut berkenaan dengan seksyen 340 ini dan kita di peringkat Pejabat Tanah dan Galian akan memastikan cadangan-cadangan tertentu termasuklah seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Mumtaz tadi, insurans tanah. Sebab kita tidak ada tabung, kita tidak ada tabung untuk membayar *compensation* dengan izin, kepada mereka yang telah ditipu dan sebagainya.

Jadi insurans tanah, penggunaan kaedah cop jari kita perkenalkan di Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan yang menunjukkan peningkatan dari segi kebaikan, maksudnya kurangnya kes-kes penipuan dan kes-kes penipuan ini kebanyakannya melibatkan pemalsuan dokumen-dokumen. Pemalsuan borang-borang tukar hak milik, pemalsuan geran, perjanjian jual beli dan juga surat kuasa serta perintah mahkamah.

Ini sebenarnya adalah di luar bidang kuasa kita. Kita bukannya satu agensi yang hendak *check* kad pengenalan ini palsu atau tidak, tetapi kerana kita bersikap proaktif dari segi hendak memastikan satu dokumen yang dibawa kepada kita itu adalah yang asli, kita pada masa akan datang akan mengadakan *Mykad reader* untuk memastikan bahawasanya IC itu bukan palsu ataupun kita mengadakan hubungan secara *online* dengan pejabat-pejabat tertentu yang boleh mengesahkan sama ada ini perintah mahkamah ke betul, sebab ada yang datang tipu ini dengan perintah mahkamah. Penipuan yang berlaku. *Powers of attorney* dan sebagainya. Jadi ini di luar bidang kuasa yang mana kita masukkan di dalam kaedah sistem kita hendak *check* sama ada ini dokumen betul atau tidak. Ini kebanyakannya daripada 63 kes seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, 83 kes - 2006, 63 kes - 2005 dan setakat Jun 2007 ini, kita ada 39 kes. Maksudnya mungkin ada sedikit pengurangan. Jadi kita ambil maklum yang boleh kita buat secara pentadbiran seperti juga kita menambah baik Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB), mengeluarkan garis-garis panduan keselamatan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri dan insya-Allah pada 2008 ini, juga di Wilayah Persekutuan kita akan menggunakan biometrik dari segi pengenalan...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, cuma sedikit sahaja. Ada tak penglibatan orang dalam, dalam kes-kes yang terlibat tadi?

Dato' Sazmi bin Miah: Setakat yang kita kesan hanya satu kes di Perak. Itu pun pengendali komputer yang menukar maklumat di dalam *title*, yang kita dapat kesan. *The rest*, semua daripada luar. Apa yang ingin saya tekankan di sini, sistem yang kita laksanakan seperti e-Tanah dan juga SPTB adalah sistem yang amat baik. Sistem kita tiada mempunyai masalah. Cuma seperti pagi ini saya berbincang dengan pegawai tanah, kadang-kadang di luar daripada sistem, sebelum masuk sistem itu yang masalah. Seperti yang beratur pukul 2.30 pagi yang terjadi di Penang, bukannya penukar hak milik. Ini semua adalah *runner*, pelari-pelari kepada peguam-peguam. Yang buat sistem dia sendiri, tidur dekat situ hendak ambil nombor pagi itu.

Ini masalah kita bukan saya kata bukan masalah kita, tetapi ini di luar daripada sistem. Ini bukan masalah sistem e-Tanah. Ini masalah yang sebelum orang itu sampai ke pejabat kita hendak ambil nombor. Saya tidak akan terkejut sekiranya ada masalah esok ada orang bayar kepada orang dalam hendak mendapatkan nombor pun. Ini permasalahan yang kita tidak kaji semasa kita buat sesuatu sistem. Memang saya punya pegawai pun cakap. Dia kata, "Kita kaji tidak macam mana orang yang pertama, orang yang buta huruf hendak datang, pemilik sendiri yang hendak datang, *runner* yang bawa fail bertimbun-timbun macam itu, atau *lawyer* sendiri datang". Ini yang luar daripada sistem. Sistem e-Tanah adalah baik. SPTB adalah baik, tapi bila benda itu masuk dalam sistem jadi dia okeylah. Semua berjalan tetapi sebelum sampai itu, kadang-kadang ini yang kita tidak fikirkan dan ini yang telah kita ambil maklum yang kita akan selesaikan, insya-Allah. Jadi seperti juga macam e-Tanah ini, seperti kita minta *extension* sampai tahun depan, bulan enam sebab penambahan modul.

Kita ada 84 modul, daripada 24 kita tambah 84 dari segi semua jenis urusan niaga yang dilakukan di pejabat-pejabat tanah. Jadi, itu yang saya hendak jelaskan di sini bahawasanya kerajaan memang ingin memberikan khidmat yang terbaik kepada rakyat dan juga kepada pentadbir-pentadbir tanah negeri sebab ini adalah *revenue*.

Kalau sistem ini berjalan dengan lancar, sistem ini berjalan dengan efisien, mereka juga mendapat pulangan yang amat baik daripada peralihan kepada sistem e-Tanah tersebut. Ada beberapa perkara lagi yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya boleh baca di sini. Saya bersimpati berkenaan dengan tanah Orang-orang Asli yang sebenarnya, sebagai rakyat Malaysia, undang-undang sama rata kepada sesiapa yang menjadi warga negara. Cuma ada kes-kes tertentu seperti yang saya dapat daripada pegawai saya, yang tanah Orang Asli ini sebenarnya Kementerian Pembangunan dan Luar Bandar telah pun menyediakan kertas kerja untuk membantu memberi hak milik kepada Orang Asli dan ini sedang dilakukan. Saya pun tidak tahu jangka masa bila tapi telah pun diambil maklum. Ada beberapa perkara lagi berkenaan dengan resit dan sebagainya. Ini biasalah macam kita bayar *internet* biasa, kita bawa kaki resit, kita *print* dari komputer, *this* kita dah bayar.

Pada tindakan undang-undang yang hanya boleh ambil tindakan undang-undang, orang yang macam kementerian, jabatan. Macam pejabat pos tidak boleh mengambil tindakan undang-undang kalau kita tidak membayar bil air, bil api. Dia orang cuma tukang kutip, yang boleh ambil tindakan TNB. Jadi, samalah kita yang mengambil tindakan, kalau kita suruh pos *collect*, pos tidak boleh ambil tindakan. Itu jangan risau.

Jadi, kita juga memastikan dalam sistem tanah ini sendiri ada *audit trail* maksudnya setiap perjalanan dokumen itu akan direkod secara digital, maksudnya kita tahu *officer* mana yang buat satu-satu proses supaya kalau ada penipuan diakhirnya, kita boleh *trail* balik, kita boleh ikuti balik susulan-susulan tertentu, sejak daripada awal sampailah terakhir, di mana yang kita boleh tengok *fraudulent cases* yang berlaku.

Jadi ini antara pembaikan sistem yang kita jalankan dan ia akan dilakukan dari semasa ke semasa. Jadi ada satu tadi, berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Senator Mumtaz binti Md Nawi, berkenaan *language* saya ada jawapan. Berkenaan pindaan seksyen 92D yang tiada perkataan "*to*" selepas perkataan "*ought...*", mengikut *officer* saya, ia adalah *grammatically correct* dan ini adalah kerana *in the circumstances* yang terdapat selepas perkataan *ought*. Apa pun, pindaan *grammar* boleh dibuat melalui *clerks amendment* di bawah *Standing Orders* Dewan Rakyat sebelum rang undang-undang diwartakan. Jadi kalau ada *grammar* pun ia tidak perlu dipinda.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak perlu dipinda di peringkat dalam jawatankuasa.

Dato' Sazmi bin Miah: Ya, ya, satu lagi berkenaan dengan rang undang-undang dalam bahasa Inggeris. Sebenarnya ini antara rang undang-undang yang lama. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara dibuat pada tahun 1965. Penggunaan bahasa Malaysia, penggunaan bahasa kebangsaan adalah pada tahun 1967. Jadi, apa-apa akta selepas 1967 itu memang merujuk kepada bahasa kebangsaan. Jadi, Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara terkecuali. Jadi saya rasa itu sahaja penjelasan yang saya boleh berikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan komen, pandangan dan sebagainya serta keresahan Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan wilayah kita.

Kita perlu menjaga wilayah kita kerana wilayah tidak bertambah, rakyatnya bertambah, pecahan tanah bertambah. QT kepada FT itu sebenarnya sedikit masalah. Kalau tanah-tanah kampung itu *okay*, cuma orang kampung mereka boleh mengurus niaga dengan QT, *is bankable*. Jadi, kalau macam pemaju-pemaju pun *since QT is bankable* kenapa mereka perlu bersusah payah tukar kepada FT *which cost them money*, dengan izin, untuk buat urus niaga, boleh. Jadi sebab itulah banyak yang tertunggak.

Satu lagi masalah sekarang, rumah teres dan sebagainya, ini yang menjadi masalah. Pengukuran dari segi apa yang dalam pelan, memang betul tetapi apabila dibuat di tapak, dari segi binaan batunya lari dua, tiga inci atau satu milimeter dan sebagainya. Ini yang nak diukur balik yang mendatangkan masalah, sekiranya dibuat satu-satu ukuran tersebut. Jadi sebab itulah, kadang-kadang penggunaannya sendiri yang tidak mahu pergi FT kerana akan meningkatkan kos dan boleh jual-beli. Jadi tidak mengapa.

Sebenarnya QT pun adalah *as good as safety. Final title*. Jadi, terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mana saya tidak dapat berikan statistik dan sebagainya, pegawai-pegawai saya akan hantar secara bertulis dan komen-komen yang kami fikir baik dan boleh menambah baik perjalanan pengurusan tanah akan kami ambil maklum. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya percaya tentu Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Dewan Negara menghargai Yang Berhormat cuba menghayati cara bijak, semangat, keterbukaan yang dipelopori oleh Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi Majlis putus.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 29 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang.

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.59 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara untuk mengadakan peruntukan mengenai arah dasar dan strategi yang wajar berhubung dengan sosioekonomi untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kira eloklah jika Yang Berhormat huraikan apabila Dewan bersidang pada pukul 2.30 petang.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang. Dewan bersidang semula pukul 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya silakan Yang Berhormat untuk mengemukakan rang undang-undang.

2.33 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesembilan telah memberi penekanan kepada pembangunan merentasi sempadan bagi mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar.

Dalam hal ini, Rancangan Malaysia Kesembilan telah mengenal pasti lima teras utama untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang, yang mana salah satu daripada teras berkenaan ialah untuk membangunkan koridor pertumbuhan merentasi sempadan, negeri, untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di kawasan kurang membangun.

Sehubungan ini beberapa koridor pertumbuhan telah dikenal pasti untuk dibangunkan seperti Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di selatan Johor; Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang merangkumi negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara; Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang merangkumi negeri-negeri Kelantan, Pahang, Terengganu dan Daerah Mersing, Johor. Koridor Pembangunan Sabah dan juga Koridor Pembangunan Sarawak.

Bagi NCER, satu pelan pembangunan NCER telah pun disediakan bertujuan untuk mencetus transformasi ekonomi dan sosial di kawasan yang telah ditetapkan serta mempertingkatkan taraf hidup dan juga tahap pendapatan penduduknya. Pelan pembangunan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara (NITF) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 2 Julai 2007 yang lalu.

Pelan pembangunan ini akan dilaksanakan melalui beberapa fasa mulai tahun ini dan sehingga 2025. Pelan pembangunan ini memperuntukkan rangka keseluruhan wawasan dan objektif pembangunan NCER termasuk strategi-strategi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial serta inisiatif-inisiatif perancangan dan pelaksanaannya. Ia juga memberi perhatian kepada dasar-dasar negara dan negeri-negeri yang terlibat serta dirumuskan dengan perundingan bersama dengan setiap kerajaan negeri dalam NCER. Pelan pembangunan ini membolehkan perancangan dan pembangunan di NCER dikendalikan secara sistematik, komprehensif dan holistik. Pelan pembangunan NCER ini telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri-negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang

dan Perak di Majlis Pelancaran NCER yang telah diadakan pada 30 dan 31 Julai 2007 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai potensi pembangunan sepenuhnya dan memastikan pelaksanaan yang berkoordinat, satu badan penyelarasa antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta yang beroperasi di NCER dicadangkan ditubuhkan. Badan penyelarasa ini adalah bertujuan memastikan pembangunan di NCER dilaksanakan secara berkoordinasi dan terancang serta dilaksanakan berlandaskan prinsip-prinsip yang mampan dan komersial.

Bagi merealisasikan visi untuk membangunkan NCER sebagai sebuah wilayah yang kukuh dan mampan, koordinasi dan kerjasama antara pelbagai agensi dan pihak berkuasa di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan amatlah diperlukan. Bagi mencapai tujuan ini adalah wajar diwujudkan satu badan berkanun bernama Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* yang akan menentukan arah tuju, dasar dan strategi pembangunan di NCER.

Di samping itu, NCIA juga akan memberi perkhidmatan pentadbiran dan bantuan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat. Dalam hal ini satu Rang Undang-undang Persekutuan telah dicadangkan kerana ia akan dapat memberikan ketetapan yang jelas berkenaan dengan bidang kuasa NCIA bagi jangka masa panjang. Ia akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur terhadap komitmen Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat untuk memajukan NCER.

Bagi tujuan membantu kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan untuk menyelaras pembangunan. Selain daripada pelan pembangunan, pelan-pelan implementasi sektor juga akan disediakan oleh NCIA untuk setiap sektor teras yang telah dikenal pasti dalam pelan pembangunan tersebut. Pelan implementasi sektor ini akan diguna pakai oleh NCIA untuk melaksanakan program-program pembangunan dan sosial bagi mencapai aspirasi serta matlamat NCER.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan draf rang undang-undang ini telah mengambil kira pandangan dan ulasan kerajaan-kerajaan negeri dan kementerian-kementerian yang berkenaan. Draft Rang Undang-undang NCIA 2007 ini telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama dalam Rang Undang-undang NCIA 2007, rang undang-undang adalah seperti berikut:

Bahagian I, melibatkan *preliminary* seperti tafsiran bagi takrif-takrif yang berkaitan.

Bahagian II, fasal 4 hingga 18, memberikan penerangan mengenai NCIA termasuk objektif, fungsi, kuasa dan keanggotaannya.

Bahagian III, fasal 19 hingga 21 memperuntukkan hal-hal mengenai Ketua Eksekutif, pegawai dan kakitangan NCIA .

Bahagian IV, fasal 22 hingga 27 pula memperuntukkan mengenai arah, dasar dan strategi pembangunan NCER.

Bahagian V, memperuntukkan mengenai keselarasan di antara entiti kerajaan di NCER seperti dinyatakan dalam fasal 28 hingga 30.

Bahagian VI, fasal 31 hingga 40, memperuntukkan mengenai hal-hal kewangan NCIA.

Bahagian VII, fasal 41 hingga 52, membincangkan antara lain peruntukan am seperti kuasa untuk memberi khidmat, kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Fasal 3(l) rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang memastikan bahawa bidang kuasa dan fungsi kerajaan-kerajaan negeri dan entiti kerajaan tidak tergugat.

Rang undang-undang ini akan dibaca secara bersama dan tidak mengurangkan hak, kuasa, fungsi, mana-mana entiti kerajaan yang diberi di bawah mana-mana undang-undang bertulis fasal 3(2). Setiap kerajaan negeri juga diwakili oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri masing-masing.

Fasal 5, 6, dan 7, memperuntukkan objektif, fungsi dan kuasa NCIA. Objektif NCIA adalah untuk menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER menjadi

sebuah wilayah ekonomi yang bertaraf dunia dan sebagai destinasi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan serta memastikan pembangunan sosial dan pembangunan mampan menjadi keutamaan dalam memacu pembangunan di NCER. Antara fungsi-fungsi statutori NCIA adalah seperti yang berikut:

- (a) membentuk dasar arah tuju dan strategi berhubung dengan pembangunan di NCER;
- (b) mengesyorkan dasar, undang-undang dan tindakan kepada entiti-entiti kerajaan yang berkaitan untuk dipakai di NCER; dan
- (c) menyelaraskan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh entiti-entiti kerajaan di NCER.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keanggotaan NCIA, fasal 9 rang undang-undang ini mencadangkan seperti berikut:

- (a) Pengerusi iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (b) Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (c) Yang Amat Berhormat Menteri Besar atau Yang Amat Berhormat Ketua Menteri setiap negeri yang terlibat, manamana yang berkenaan;
- (d) dua orang menteri persekutuan yang akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (e) seorang wakil perkhidmatan awam yang akan dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dan
- (f) dua orang ahli daripada sektor swasta yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ahli-ahli berkenaan hendaklah pada pendapat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri terdiri daripada mereka yang berpengalaman atau sesuai untuk dilantik kerana pengetahuan, pengalaman atau kelayakan akademik mereka yang khas.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah fasal 19, perjalanan, pentadbiran dan pengurusan am bagi fungsi aktiviti dan hal ehwal harian NCIA, adalah di bawah tanggungjawab ketua eksekutif yang dilantik oleh pihak berkuasa NCIA. Ketua eksekutif juga merupakan setiausaha kepada NCIA. Dalam menjalankan fungsi-fungsinya di bawah rang undang-undang ini, NCIA dipertanggungjawabkan untuk memastikan bahawa fungsinya dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat serta dasar-dasar yang terkandung dalam pelan pembangunan yang diluluskan di bawah fasal 24.

Bagi membantu kerajaan negeri menyelaraskan pembangunan di NCER, NCIA akan menyediakan pelan pembangunan dan dalam merumuskan cadangan-cadangan dalam pelan pembangunan ini, NCIA dikehendaki berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan. Cadangan-cadangan dalam pelan pembangunan pada amnya hendaklah menurut rancangan struktur semasa negeri-negeri yang terlibat dan mengikut fasal 23(4)(a).

Setelah siap disediakan oleh NCIA, pelan pembangunan tersebut perlu dikemukakan pada kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan untuk kelulusannya fasal 24(4).

Setelah pelan pembangunan diluluskan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan seperti yang dijelaskan dalam fasal 24(5):

- (a) untuk kawasan di mana rancangan tempatan belum lagi mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri-negeri, Jawatankuasa Perancangan Negeri atau *State Planning Committee*, dengan izin, SPC akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan yang terlibat untuk memasukkan ke dalam draf rancangan tempatan bagi kawasan itu, apa-apa pelan pembangunan; dan

- (b) untuk kawasan di mana rancangan tempatan telah mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri-negeri yang berkaitan, SPC akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan yang terlibat untuk meminda rancangan tempatan dengan memasukkan kandungan pelan pembangunan.

Fasal 25 rang undang-undang ini membolehkan pindaan kepada pelan pembangunan ini boleh dibuat secara bersama oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan dan NCIA pada bila-bila masa dengan mengikut prosedur yang serupa mengikut fasal 24(5).

Fasal 27 membuat peruntukan mengenai pembangunan atau kawasan yang mungkin mempunyai kesan ekonomi yang signifikan kepada NCER. Pihak berkuasa dengan persetujuan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan boleh menetapkan sesuatu jenis pembangunan atau kawasan masing-masingnya sebagai pembangunan atau kawasan strategi yang ditetapkan. Mana-mana entiti kerajaan atau orang yang ingin melaksanakan sesuatu pembangunan strategik, yang ditetapkan atau apa-apa bentuk pembangunan di suatu kawasan strategik yang ditetapkan perlu merujuk cadangan pembangunan tersebut kepada NCIA untuk arahnya bagi memastikan pematuhan dan keselarasan dengan kandungan pelan pembangunan yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan keselarasan antara entiti kerajaan di NCER, fasal 28 rang undang-undang ini memperuntukkan NCIA sebagai ejen penyelaras utama atau ejen yang diberi kuasa bagi pihak entiti kerajaan yang terlibat untuk menerima, memproses dan mempercepatkan kelulusan dan tindakan pentadbiran berkaitan dengan permohonan untuk kelulusan yang dikehendaki.

NCIA dibenarkan di bawah fasal 29 untuk membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana entiti kerajaan yang berkaitan dengan perjalanan fungsi kuasa kerja-kerja ataupun perkhidmatan masing-masing atau pemungutan fi, kos atau caj permohonan kelulusan oleh NCIA bagi pihak entiti kerajaan tersebut. Sebarang perjanjian atau perkiraan tersebut adalah tertakluk kepada:

- (a) persetujuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di mana ia melibatkan entiti Kerajaan Persekutuan;
- (b) persetujuan pihak berkuasa negeri di mana ia melibatkan entiti kerajaan negeri-negeri berkenaan; dan
- (c) undang-undang yang mengurus tadbir kuasa dan fungsi entiti kerajaan yang berkaitan.

Fasal 31 memperuntukkan penubuhan Kumpulan Wang NCIA yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh NCIA. Pada amnya kumpulan wang ini hendaklah dibelanjakan untuk membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan rang undang-undang ini iaitu fasal 32.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 52 memperuntukkan bahawa rang undang-undang ini tidak terpakai kepada mana-mana projek entiti kerajaan yang telah dilaksanakan atau diberi kelulusan sebelum berkuat kuasanya rang undang-undang ini, tetapi rang undang-undang ini akan terpakai kepada projek yang belum diluluskan jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutuskannya sedemikian dan pelaksanaan projek-projek itu tidak akan terjejas dengan berkuat kuasanya rang undang-undang ini kelak. Dalam menjayakan pembangunan NCER ini, Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri serta pelbagai agensi lain yang berkaitan perlu bekerjasama untuk memaju dan merangsang pembangunan di kawasan NCER.

Oleh itu penubuhan satu badan penyelaras iaitu NCIA adalah merupakan satu tindakan positif bagi memastikan pembangunan di NCER dapat dilaksanakan secara berkoordinat berlandaskan prinsip-prinsip yang mampan dan komersial. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan

sosioekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara, untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara agensi kerajaan, untuk menggalakkan perdagangan, pelaburan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua dan terbuka untuk dibahaskan.

Ya, Dato' Ismail Kassim, Dato' Musa, selepas itu Dato' Dr. Norraesah dan... Sebelum Dato' Dr. Norraesah, saya bagi peluang kepada Profesor Datuk Dr. Ismail Salleh dahulu. Silakan Dato' Ismail Kassim.

2.50 ptg.

Dato' Ismail Kassim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam rang undang-undang bagi menubuhkan perbadanan yang dikenali sebagai Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan, adakah selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan, ianya melibatkan projek-projek yang telah dirancang di dalam projek Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi maksudnya di sini semasa NCER dirancang, ianya telah diberi tugas kepada syarikat-syarikat konglomerat tertentu seperti di WPI, di ECER dan NCER di mana di Northern Corridor ini tanggungjawab yang penting telah diberi kepada Sime Darby dalam merangka dan merancang konsep termasuk komponen-komponen dan projek-projek teras yang terdapat dalam NCER.

Jadi di sini kita tengok kalau sekiranya perkara ini dilaksanakan dan dilancar selepas pelancaran Rancangan Malaysia Kesembilan, adakah berlaku pertindihan dari segi pelaksanaan dan sebagainya bagi pihak berkuasa yang hendak kita luluskan rang undang-undang yang hendak kita luluskan pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama kali kita mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang memikirkan pembangunan yang lebih seimbang di antara wilayah-wilayah yang selama ini menjadi kebimbangan yang kita walaupun banyak pihak yang melihat ini terutamanya di kalangan mereka yang merasakan bahawa menerusi pelancaran NCER, WPI dan juga ECER ini adalah merupakan perkara yang benar-benar memberi tumpuan ataupun fokus untuk memastikan taraf sosioekonomi dapat diseimbangkan di seluruh negara, tidak hanya dinikmati oleh negeri-negeri tertentu sahaja.

Jadi apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini sebagai satu perkara yang cukup penting, yang hendak dilaksanakan dengan kadar yang segera, kita melihat ada sehingga Yang Amat Berhormat bersungut kerana ada di kalangan kerajaan-kerajaan negeri termasuk Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang kadang-kadang setengah daripada kakitangan kerajaan, mereka tidak mendapat gambaran yang jelas tentang NCER ini, apa perkara yang hendak dilaksanakan. Malah ada orang mentafsirkan bahawa ini sebagai projek durian runtuh yang terjun ke kawasan berkenaan yang orang memikirkan bangunan, projek besar, itu ini dan sebagainya.

Tetapi kalau kita melihat perkara ini sebelum ianya dilaksanakan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mahu melihat memperkasakan benda yang sudah sedia ada di kalangan negeri-negeri berkenaan sebelum dilaksanakan. Jangan tunggu hendak ada bangunan, hendak ada ini, baru kita hendak buat sedangkan kita lihat di peringkat awal kakitangan kerajaan seolah-olah mereka tidak mendapat gambaran yang jelas, malah pada masa proses pengambilan tanah untuk diadakan pusat benih besar di Malaysia iaitu yang diberi tanggungjawab kepada Sime Darby bagi melaksanakan projek ini.

Kita lihat pihak berkuasa tempatan dan juga seolah-olah semacam tidak tahu apa sepatutnya perlu dipegang. Semuanya hendak menanti arahan daripada kepimpinan negeri, daripada pemimpin-pemimpin, baru perkara ini dapat bergerak, hendak ia boleh dilaksanakan kerana yang jadi masalah kita sekarang, Sime Darby sekalipun pada masa peringkat merangka komponen-komponen dalam perancangan NCER ini, ia sendiri dalam *blueprint*nya, dia mahu semua benda yang hendak dilaksanakan sebagai badan pengawas dan pelaksana ini, dia tidak mahu *blueprint* yang dicadangkan dalam NCER boleh ditakrifkan sebagai obligasi daripada Sime Darby kepada pelaksanaan projek-projek dalam NCER.

Makna kata Sime Darby tidak memberi tanggungjawab penuh sebenarnya. Sepatutnya Sime Darby adalah menjadi peneraju, pelaksana kepada projek-projek utama yang boleh dilihat memberi impak yang penting dalam pertumbuhan ekonomi NCER seperti mana yang kita sasarkan. Kadangkala kalau kita ikut dalam konteks negeri Perlis, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pusat benih, kita ada pembangunan industri herba, *Technology Park* yang ketiga di negara kita yang bakal didirikan iaitu selain daripada Batu Talam di Raub, Pahang, Bukit Jalil dan ketiga adalah di Batu Pahat di negeri Perlis.

Tetapi kita menyahut seruan ini kerana kalau kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melahirkan rasa kesal dia melihat perkara ini ataupun *progress* perjalanan ini tidak seperti di Wilayah Pembangunan Iskandar, ia berjalan begitu cepat. Di Wilayah Pembangunan Iskandar, tanah-tanah sudah mula menjadi rebutan sama ada orang dalam dan luar negeri, *investor* sudah mula masuk dan sebagainya, tetapi di ketiga-tiga negeri ini masih dalam peringkat yang agak kabur kerana kalau kita ikut pintu terakhir iaitu hab untuk perjalanan, perniagaan dan sebagainya adalah Pulau Pinang dan sepatutnya kalau kita melihat pejabat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara ini mungkin akan ditempatkan di Pulau Pinang, kalau tidak silap saya.

Tetapi kita minta biarlah pastikan walaupun Pulau Pinang dengan Perlis itu lebih kurang dua jam perjalanan, Kedah dengan Pulau Pinang hanya bersebelahan, Perak Utara dengan Kedah juga bersebelahan, tetapi biar cawangan pejabat ini ditubuhkan di tiap-tiap negeri. Saya ingat negeri-negeri tidak ada masalah kerana semuanya ingin melihat kemajuan kepada negeri masing-masing, sudah tentulah mereka akan menyediakan pelbagai tawaran yang baik untuk memastikan segalanya ini dapat berjalan dengan lancar.

Jadi sebab itulah contohnya saya ambil tadi tentang biji benih yang Sime Darby diberi amanah untuk melaksanakan projek ini. Sepatutnya Sime Darby ini ia jangan melihat perkara ini sebagai negeri-negeri ini hanya bergantung harap kepadanya. Dia tidak mahu lihat perkara ini berlaku. Sepatutnya apa yang Sime Darby hendak buat, ia adalah sebuah syarikat konglomerat yang besar yang mempunyai rangkaian dalam hartanah, perladangan, di dalam dan luar negara.

Jadi kalau benda-benda yang hendak dihasilkan ini biarlah ia menawarkan peluang *in-house*, dengan izin, yang amat besar kepada peluang-peluang pekerjaan. Jadi benda-benda ini ia mesti mempunyai hubung kait antara satu sama lain. Dengan ladang-ladang yang ada kelapa sawit, getah dan lain-lain, makna kata pusat benih ini dapat mengeluarkan benih yang bermutu yang mencapai standard piawai antarabangsa dan dia merasai ini dan diambil oleh Sime Darby ini untuk digunakan dalam perniagaan dan juga dalam rangkaian perniagaan mereka.

Jadi benda-benda macam ini yang kita tengok daripada awal dan sepatutnya daripada sekarang ini, pejabat-pejabat Sime Darby di peringkat negeri sudah mula ditubuhkan. Macam di Perlis, kita beri tawaran sebuah bangunan iaitu pejabat Menteri Besar lama yang telah berpindah ke bangunan baru, sepatutnya pejabat ini sudah boleh diduduki dan sudah boleh dimulakan operasi. Jangan tunggu setiap kali Perdana Menteri cakap, "Oh, bila hendak laksanakan? Bila hendak buat? Hendak tunggu bila?" Sedangkan segala-galanya sudah berada dalam tangan dan hari ini kita telah meminda akta bagi membolehkan satu badan autoriti yang di peringkat *region* ini yang membolehkan perkara ini dapat berjalan dengan lancar. Kita minta dengan segeralah, kita minta dalam hal ini apabila sebaik sahaja hari ini kita meluluskan akta ini, semua komponen yang telah dipersetujui dalam *blueprint* asal NCER ini dapat kita laksanakan dengan secepat mungkin, termasuklah kalau di Perlis, kita ada *Technology Park* yang kita sudah sedia tanah dan sebagainya, kemudian Halal 1, Halal 2 yang dalam proses pelaksanaan dan termasuklah...

Walaupun kita sedar dari segi sekarang ini apabila hendak berlaku sesuatu projek pembangunan, ia ada halangan. Halangannya ialah tanah macam kita telah bahaskan Akta Tanah tadi – kalau kita hendak buat bangunan, takkan kita hendak buat di atas angin, mesti ada di atas tanah. Bermakna tanah inilah yang menjadi perkara penting tetapi ada anasir-anasir apabila dia hendak berlaku sesuatu pembangunan di tempat berkenaan, mereka ini saya tumpukan soal siapa di kalangan pembangkang dan sebagainya, mereka masuk jumpa orang kampung, tuan-tuan tanah mereka supaya letakkan harga mahal supaya membolehkan kalau dalam keadaan sekarang kalau tidak ambil kesempatan, bila lagi kita hendak ambil kesempatan.

Jadi keadaan ini sebenarnya tidak sepatutnya berlaku. Rakyat boleh minta dalam harga yang munasabah tapi dalam hal ini kalau kita nak buat pengambilan, ataupun normal ataupun pengambilan biasa dia mengambil masa sampai tiga-lima bulan mengikut proses undang-undang tanah yang perlu kita laksanakan. Jadi sebab itulah dalam hal ini, dengan lulusnya akta pada hari ini, kita berharap sesuatu yang amat baik, sesuatu yang amat ditunggu-tunggu kerana NCR ini sebenarnya merupakan sesuatu dasar yang Pak Lah buat demi kebaikan, demi meningkatkan sosioekonomi di antara wilayah yang selama ini kita lihat jurangnya agak besar kalau kita bandingkan pembangunan wilayah-wilayah yang pernah berlaku dahulu. Walaupun kita sedar akan berlaku kelemahan ataupun kekurangan, tetapi dengan adanya autoriti atau sebuah badan yang akan mengawal selia semua perjalanan dan komponen-komponen yang ataupun *blueprint* yang telah kita lancarkan ini kita hendak biarlah ianya berjalan seperti yang dijadualkan. Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir.

3.03 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2007. Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah dapat menubuhkan ataupun NCER yang mana NCER ini meliputi empat negeri iaitu Pulau Pinang, Perak, Kedah dan Perlis. Jadi apa yang saya lihat pada hari ini juga, satu lagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara ditubuhkan. Sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua kita mempunyai empat negeri di bawah NCER.

Bagaimanakah kerajaan akan melaksanakan dan bagaimanakah empat negeri akan duduk untuk menyelesaikan masalah-masalah yang ada pada hari ini. Kita lihat pada hari ini, dengan tertubuhnya Wilayah Ekonomi Utara kita ada tiga agensi sekarang, kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan dan juga Wilayah Ekonomi Koridor Utara. Bagaimanakah tiga-tiga ini akan menyelesaikan? Apa yang kita takut pada hari ini, kerajaan negeri mempunyai kuasa kerajaan negeri, Kerajaan Persekutuan kadang-kadang tidak boleh memaksa kerajaan negeri misalannya, masalah tanah, begitu juga Wilayah Ekonomi Koridor Utara ini. Kita tidak mahu ada pertindihan kuasa di antara satu sama lain dan kita tidak mahu juga dengan adanya masalah begini sudah tentulah birokrasi akan berlaku dan kalau birokrasi berlaku sudah tentulah akan melambatkan projek-projek di kawasan.

Tujuan penubuhan NCER adalah membangunkan kawasan-kawasan di negeri Pulau Pinang. Kita lihat ada kawasan-kawasan yang patut dibangunkan, kawasan yang lembap. Jadi inilah yang kita minta, supaya apabila tertubuhnya agensi ini maka kita hendaklah tiga agensi ini duduk berbincang. Kalau tidak saya rasa jadi gajah putih, lagi satu. Tuan Yang di-Pertua, jadi saya berharaplah Wilayah Ekonomi Koridor Utara dipengerusikan oleh Perdana Menteri sendiri. Perdana Menteri tidak boleh buat seorang sahaja. Jadi dia akan serah kepada orang lain, Perdana Menteri hanya membuat dasar. Begitu juga Timbalan Perdana Menteri, tapi yang hendak membuatnya pegawai-pegawai kerajaan. Kita lihat kalau ada pegawai kerajaan daripada Persekutuan, dia bolehkah memberi arahan kepada kerajaan negeri dan CEO daripada Wilayah Ekonomi Koridor Utara yang akan dilantik, bolehkah dia memberi arahan kepada kerajaan negeri?

Jadi inilah yang saya takut Tuan Yang di-Pertua apabila berlakunya percanggahan-percanggahan kuasa, masing-masing hendak mempertahankan kuasa masing-masing, masing-masing nak tunjuk kuasa masing-masing, sudah tentulah projek-projek ini akan terbengkalai. Yang kedua, projek kita lihat sudah tentulah NCER ini, pihak swasta khususnya syarikat milik kerajaan akan membangunkan kawasan-kawasan NCER. Kita minta kepada GLC supaya janganlah pentingkan keuntungan. Kita takut pada hari ini, syarikat-syarikat milik kerajaan ini dia mudah sahaja, kalau tidak ada pekerja, dia akan bawa buruh asing masuk. Jadi apa manfaat yang akan dapat khususnya rakyat? Saya bercakap mengenai Pulau Pinang, apa manfaat yang akan dapat rakyat Pulau Pinang? Jadi kita minta pada syarikat-syarikat milik kerajaan ini jangan ambil cara yang mudah, maka mereka mestilah cari anak-anak tempatan dahulu untuk bekerja.

Yang kedua kalau nak membangunkan kawasan-kawasan satu itu, berundinglah dengan pemimpin-pemimpin masyarakat di kawasan itu. Kalau tidak, maka mungkin projek yang dilakukan oleh pihak-pihak swasta ini, NCER ini tidak menguntungkan masyarakat di kawasan itu. Kita lihat hari ini, kalaulah CEO ini daripada syarikat Wilayah Ekonomi Koridor Utara sendiri, duduk di Kuala Lumpur dia mana nak tahu masalah di Pulau Pinang. Jadi itulah sebabnya, kerajaan negeri sendiri kena bincang dengan kerajaan negeri bincang dengan masyarakat tempatan apa yang patut dilakukan dan dibangunkan di kawasan itu. Pembangunan di kawasan itu menguntungkan rakyat Pulau Pinang. Jangan ambil perkara mudah, rakyat Pulau Pinang tidak boleh membeli rumah, rakyat Pulau Pinang tidak boleh membantu untuk membangunkan kawasan itu, kemudian bawa syarikat-syarikat daripada luar dan kita bawa buruh asing daripada luar. Ini akan merugikan rakyat Pulau Pinang.

Jadi saya berharaplah supaya kerajaan dapat mengambil perhatian tentang perkara ini supaya rakyat Pulau Pinang dapat manfaat dalam apa sahaja projek yang akan dilaksanakan di negeri Pulau Pinang. Saya pohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Salleh.

3.06 ptg.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin juga turut serta dalam membahaskan rang undang-undang berkaitan dengan NCER ini. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mencetuskan idea untuk menyamaratakan wilayah di negara kita ini. Ini adalah inisiatif yang begitu berani sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasakan salah satu motif utama dalam kita membina dan membentuk NCER ialah merupakan teras daripada misi ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu untuk merapatkan jurang sosioekonomi dari segi pendapatan, pekerjaan, ekuiti dan juga *regional* di negara kita ini. Seajar dengan teras ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertamanya daripada pengamatan saya, saya dapati bahawa setakat ini pelan yang disediakan mengenai dengan NCER ini terdapat beberapa kelemahan.

Yang pertamanya daripada segi dasar asas kita, iaitu dasar untuk mewujudkan dengan izin, *growth with distribution*. Kalau kita lihat secara rata-rata pelan ini lebih menjurus kepada pembangunan sektor dan juga pembangunan bagi menghapuskan kemiskinan di kawasan NCER, tetapi dari segi aspek-aspek yang berkaitan dengan *growth with distribution*, kita dapati bahawa tidak ada satu sasaran yang jelas, yang terdapat dalam pelan ini.

Kita ambil sahaja contoh, apakah akan jadi daripada segi *parity income* antara kaum, antara bandar dan luar bandar dalam jangka 5, 10 dan 25 tahun yang akan datang. Apakah komposisi pekerjaan mengikut kaum itu juga dapat diperbetulkan dalam tempoh yang sama, dan di manakah akan lahirnya usahawan-usahawan bumiputera yang juga merupakan asas kepada pembinaan MPPB.

Jadi saya minta kalau boleh supaya NCIA meneliti aspek ini dan memastikan yang isu-isu utama seperti ini, isu *growth with distribution*, dengan izin, dapat dimantapkan dan dimasukkan dalam perancangan-perancangan yang akan datang.

Dalam kita menentukan projek-projek yang hendak dilaksanakan, adakah kita pastikan sasaran-sasaran *growth with distribution*, dengan izin, ditepati.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat NCER ini merupakan satu kawasan yang boleh kita katakan sebagai dengan izin, *low level of development*, berbanding dengan *the Klang Valley* ataupun WPI. Sebagai kawasan yang agak rendah dari segi tingkat pembangunan sudah tentu kita memerlukan peranan kerajaan yang lebih hebat daripada kawasan-kawasan lain terutamanya di peringkat awal.

Di samping itu juga kerajaan telah mensasarkan bahawa sektor swasta dijangka dapat memainkan peranan yang penting. Sebagaimana yang telah disentuh oleh rakan saya tadi, bagaimanakah sektor swasta dapat memainkan peranan yang penting sekiranya kita tidak jelas daripada segi insentif dan juga faedah-faedah yang boleh mereka peroleh dengan memasuki kawasan-kawasan ini. Lagi sekali....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat mohon laluan Yang Berhormat.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Ya. Lagi sekali saya minta supaya isu ini juga dapat diberi pertimbangan dalam kita menentukan peranan yang boleh dimainkan oleh sektor swasta itu supaya ada elemen-elemen insentif yang lebih luas dari apa yang diberikan oleh MIDA kepada keseluruhan negara pada hari ini. Ini kerana kalaulah insentif itu hanyalah setakat apa yang diberikan oleh MIDA, maka saya rasakan agak sukar untuk kita menarik pelaburan daripada pelabur asing. Isu yang ketiga, pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat mohon laluan.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Boleh saya habiskan dulu. Tuan Yang di-Pertua, ketiga ialah isu mengenai dengan perbelanjaan. Sebagaimana yang kita maklum bahawa NCER memerlukan satu perbelanjaan yang begitu besar lebih daripada RM170 bilion kalau tidak silap saya dalam tempoh tersebut dan ECER pula mengambil belanja lebih RM112 bilion. Kita tidak tahu banyak manakah Sabah dan Sarawak memerlukan untuk koridor-koridor masing-masing.

Saya ingin tahu daripada mungkin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kah, apakah perkiraan kita daripada segi *fiscal implication* dari segi perbelanjaan ini? Apakah defisit kita akan terjejas dengan tingginya kerana adanya pembangunan seperti ini?

Isu yang keempat ialah kalau kita lihat rata-rata Tuan Yang di-Pertua, selalunya negeri yang agak maju sentiasa akan mendapat faedah yang paling baik dalam satu-satu koridor pembangunan. Kalaulah *truism* ini dengan izin, benar, maka apakah langkah-langkah yang kita boleh ambil untuk mengimbangi pembangunan yang agak pantas yang sedang berlaku di Pulau Pinang berbanding dengan Perlis dan di Kedah? Kalaulah ini tidak dibetulkan di peringkat awal lagi maka akhirnya nanti kita akan lihat juga kepincangan dalam kita mencapai objektif *growth with distribution*, dengan izin. Dengan itu saya ingin menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat apa sebenarnya, Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail dah habis ucapannya mungkin Yang Berhormat Dr. Puad boleh simpan soalan itu untuk ditanya kemudianlah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Merujuk kepada kebimbangan kepada Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail tadi tentang *growth with distribution* kemudian mungkin negeri-negeri yang lebih maju seperti Pulau Pinang mungkin mendapat lebih banyak manfaat di Koridor Pembangunan Utara ini.

Satu lagi isu yang beliau bangkitkan ialah tentang kawasan pembangunan Koridor Utara ini beliau sebut sebagai *low level economy*. Jadi pada pandangan Yang Berhormat sebab yang kita bahaskan ini ialah satu badan pihak berkuasa tempatan sebenarnya iaitu *authority* yang akan mengendalikan aspek pembangunan Koridor Utara yang dipengerusikan secara bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Besar serta Ketua-ketua Menteri. Jadi, tidakkah Yang Berhormat merasakan bahawa apa yang dibicarakan oleh Yang Berhormat itu boleh diselesaikan jika sekiranya *authority* ini diwujudkan apa yang dikatakan *social net*, iaitu untuk menentukan bahawa isu-isu soal pertumbuhan dan pengagihan itu dan supaya penumpuan lebih fokus kepada pembangunan pertanian dan sebagainya. Supaya menjadi kepelbagaian dan supaya berlaku keseimbangan antara negeri sudah pun maju, seperti Pulau Pinang dapat diselesaikan difokuskan melalui *social net* ini, mungkin tidak dapat disebut secara keseluruhan dalam *authority* ini. Jadi *social net* inilah yang akan diwujudkan oleh *authority* ini, pihak berkuasa inilah yang boleh membincangkan secara lebih *detail* apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu tadi termasuklah bank tanah supaya jangan orang suka-suka hati jual tanah, maksudnya *social net* ini kena fikirkan. Apa pandangan Yang Berhormat Profesor sebenarnya?

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dan kerana inilah saya bangkitkan kerana saya ingin menyuarakan isu-isu yang sensitif yang boleh diambil kira oleh NCER nanti dalam merencanakan projek-projek di sini.

Saya cuma mengasaskan pandangan saya kerana saya telah juga melihat *blueprint* yang disediakan untuk NCER sendiri *as a background* kepada pembentukan kepada NCER itu dan dalam *blueprint* itulah saya dapati beberapa kelemahan-

kelemahan yang wujud. Saya rasakan kalau ada NCER nanti, insya-Allah kita harapkan macam apa Yang Berhormat sebutkan tadi tentang *social security net* dan juga isu-isu yang berkaitan dengan keseimbangan ini bolehlah ditangani. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas ucapan ulung daripada Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah.

3.18 ptg.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membolehkan saya bersama-sama membahaskan tentang satu rang undang-undang yang saya anggap sebagai satu rang undang-undang yang berinsentif tinggi dan mempunyai matlamat dan impak yang tinggi kepada kita.

Seperti yang telah dicakapkan oleh sahabat-sahabat saya yang lain matlamat objektif rang undang-undang ini ialah untuk menyediakan satu kesamarataan di dalam pembangunan wilayah yang pada masa kini adalah berbeza-beza.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan yang diutarakan oleh semuanya iaitu terutama sekali yang disebutkan oleh Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail dan juga Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir iaitu tentang pelaksanaannya, tentang koordinasi di dalam pelaksanaan. Rang undang-undang mungkin satu rang undang-undang yang hebat yang cantik, yang mempunyai satu matlamat yang mulia dan murni tetapi kalau pelaksanaannya itu tidak dilaksanakan dengan baik koordinasi, tidak ada dengan tertib maka segala matlamat dan objektif tidak tercapai.

Dalam perkara pertama iaitu untuk mencapai kesamarataan di antara negeri-negeri yang keempat ini di dalam wilayah utara ini tidak dapat kita nafikan bahawa tentu sekali ada sesuatu masalah yang akan timbul, oleh kerana negeri yang lebih maju Pulau Pinang akan tentu sekali mendapat perhatian dan tarikan yang lebih daripada pelaburan terutama sekali pelaburan yang datangnya daripada pihak swasta.

Perlis tetap akan tidak mempunyai tarikan yang begitu besar. Maka tentu sekali seperti yang disebutkan oleh kawan-kawan beberapa insentif kewangan fizikal dan lain-lain tentu akan diperkenalkan. Di sini kalau kita benar-benar hendak menarik perhatian pelabur-pelabur asing swasta dalaman juga maka tentu sekali akan ada dengan izin, *differentiated incentive* yang akan dibenarkan. Umpamanya Perlis yang akan berusaha dengan lebih lagi untuk menarik pelabur ke negerinya akan mempunyai insentif yang jauh lebih tinggi ataupun lebih banyak, lebih bermakna umpamanya dan Pulau Pinang sememangnya insentif sudah sedia ada tetapi bagaimana hendak menarik perhatian mereka kepada apa matlamat kita iaitu pertumbuhan dengan pengagihan. Kadangkala ada syarikat-syarikat swasta tidak gemarkan perkara ini.

Pada mereka pertumbuhan itu yang terlebih penting daripada pengagihan. Bagaimana kita meyakinkan mereka yang akan datang membawa wang yang besar untuk melabur sama-sama mempunyai pandangan, hasrat, niat, matlamat dan objektif sama dengan negara kita. Ini satu kemusykilan yang memang ditimbulkan tetapi kita harus teliti lagi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan. Yang Berhormat apa yang saya faham dengan NCER ini ialah setiap negeri ini mempunyai fokus tertentu. Pulau Pinang pelabuhan, Perak hab pendidikan, Kedah dan Perlis pertanian. Jadi apakah itu menimbulkan masalah sebenarnya apatah lagi pihak berkuasa ini dianggotai juga oleh Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri sendiri?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita lihat kepada pembiayaan yang datang daripada kerajaan, ini tidak menjadi masalah. Kerajaan boleh menentukan pertanian untuk Perak. Saya bagikan sebanyak ini wang dan Perlis untuk bioteknologi umpamanya, tetapi kalau kita ingin menyarankan ataupun menarik perhatian pelabur-pelabur asing, dia tidak kira segala-gala ini. Yang dikira ialah pembangunan syarikatnya sendiri, keuntungan yang diperoleh. Maka selepas itu barulah ia akan memikirkan tentang pengagihan. Ini yang saya ingin memberi fokus.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam NCER ini, sektor utama yang hendak dibangunkan ialah memodenkan *production* ataupun pengeluaran makanan. Hendak

dijadikan zon pemakanan yang moden di seluruh negara dan ia juga akan dijadikan satu hab perkilangan. Ketiganya yang amat penting diberi tekanan ialah *world class tourism destination*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita dapat melihat Kedah dengan mudah sahaja akan menyelenggarakan ini dan akan membangunkan industri *tourism*nya. Pulau Pinang juga dan Perak dengan adanya *Lenggong Archeology Site* itu mungkin juga akan menjadi satu destinasi pelancongan yang amat baik.

Kalau kita lihat kepada sektor perkilangan dengan secara automatik kita lihat kepada Pulau Pinang. Ini semestinya pertumbuhan tentang perkilangan ini akan terus difokuskan atau di konsentrasi di Pulau Pinang. Mungkin juga di pinggiran Kedah. Maka di sini Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengaitkan kepada soal insentif yang akan dibentuk dan diberikan di bawah NCER ataupun yang akan diperkenalkan oleh NCIA.

Soal koordinasi ini amat penting seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Dato' Musa tadi. Kita ada NCIA, kita ada *state planning*, kita ada identiti kerajaan, di samping itu kita ada MIDA dan kita ada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang akan memberi lesen perkilangan umpamanya.

Apakah akan terjadi sebab di dalam 7M di bawah rang undang-undang ini, NCIA dibenarkan berunding dengan secara *direct*, secara langsung dengan syarikat-syarikat yang ingin hendak menetap di tempat-tempat yang sudah pun dikenal pasti.

Maka di sini apa peranan MIDA? Apa peranan *state planning unit* dan tentu sekali kerajaan negeri akan patuh kepada NCIA oleh kerana Perdana Menteri sendiri yang mempengeruskannya, tetapi kadangkala sungguhpun Perdana Menteri yang meletakkan sesuatu kaedah ataupun peraturan banyak kali kita dapati ianya tidak dipatuhi dengan 10%. Jadi apabila berlaku perkara ini apakah penyelesaiannya? Ini akan melambatkan saya rasa...

Dato' Ismail Kassim: Mohon laluan Yang Berhormat.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:membuat keputusan.

Dato' Ismail Kassim: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat mengenai satu perkara yang saya rasa kita ada sedikit masalah ketika kita hendak melaksanakan satu perancangan. Saya lihat salah satu kementerian telah ditinggalkan pada peringkat itu iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi kita lihat biarlah kalau *Economy Planning Unit* ataupun Unit Perancang Ekonomi hendak merancang sesuatu, membuat keputusan dan sebagainya, biarlah ianya kalau kuasa terletak di bidang kementerian berkenaan, biarlah kementerian berkenaan diberi peluang untuk membuat keputusan terakhir kerana kementerian berkenaan yang akan melaksanakan segala-galanya.

Saya ambil contoh tentang perlanjutan tempoh AP import beras. Walaupun bukan sebagai *sole importers*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua kepada padi beras nasional berhad, ia tidak dimaklumkan kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani terlebih dahulu. Bidang penguatkuasaan dari segi kawalan harga dan sebagainya adalah terletak di bawah penguatkuasaan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tapi terus dibuat keputusan di peringkat Unit Perancang Ekonomi yang menyebabkan kita lihat ada sedikit masalah.

Jadi bila banyak kementerian ataupun pegawai-pegawai di bawah kementerian berkenaan yang sepatutnya tahu sesuatu perkara terutamanya mereka adalah agensi pelaksana, tetapi mereka tidak mendapat pengetahuan ataupun tidak dilibatkan. Sudah barang tentu kita lihat ianya tidak akan dapat berjalan dengan lancar seperti mana yang Profesor Datuk Dr. Ismail bangkitkan tadi. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' berhubung perkara ini?

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tadi sahaja menyebut tentang *federal*, *state* dan juga NCIA. Belum lagi saya masukkan masalah yang akan timbul sekiranya ianya berkaitan dengan kementerian-kementerian yang berlainan. Jadi di sinilah kita hendak sarankan supaya koordinasi yang amat berkesan harus diwujudkan supaya masalah-masalah tidak akan timbul oleh kerana apabila kita hendak melaksanakan sesuatu program yang begini besar, yang penting sekali ialah pembuat keputusan. Jangan ianya lambat dan lewat.

Jadi ini satu perkara yang saya rasa saya ingin menghidupkan semula perbahasan yang dibuat oleh Dato' Musa tadi. Koordinasi pelaksanaan itu amat

penting dan semua yang terlibat harus saya rasa tentu sekali saya harap akan menduduki di dalam NCIA.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Bila kita wujudkan NCIA ini, tidakkah akan ada pihak-pihak misalnya Unit Perancang Ekonomi dan pihak-pihak daripada katakan contohnya di Kedah, MADA ataupun FELDA yang terasa bahawa sekarang mereka akan rasa bahawa tugas merancang pembangunan itu telah tidak ada di bahu mereka kerana kita sudah ada badan baru untuk menguruskan pembangunan di bawah nama NCER ini. Jadi tidakkah ini akan jadi satu yang merugikan pembangunan kelak? Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Pada jangkaan saya ini adalah satu perkara yang akan timbul rasa iri hati dan rasa kecil hati tetapi akhirnya tujuan NCER ialah untuk membangunkan Koridor Wilayah Utara ini. Bermakna juga LADA di Langkawi akan diperluaskan aktiviti mereka.

Itu jangkaan saya di bawah NCER inilah tujuannya, sebab Langkawi umpamanya satu kepulauan yang amat indah dan cantik tetapi tidak digembargemburkan, promosinya tidak begitu seperti Bali umpamanya. Kalau kita lihat kepada Langkawi, ianya satu yang lebih baik daripada Bali pada pandangan saya. Sebab Langkawi sudah pun diiktiraf sebagai *geopark* di bawah 'ESCAP', ia merupakan satu *heritage*. Maka dengan ini akan lebih ramailah penduduk dunia yang akan mengenali Langkawi.

Namun dengan adanya NCIA dan NCER di bawah jagaan Perdana Menteri itu sendiri tentu sekali saya rasa wang yang akan ditabur untuk mempromosi dan menghidupkan Pulau Langkawi akan menjadi satu kenyataan yang lebih yang akan membesarkan lagi jumlah pelancong-pelancong yang akan datang.

Jadi masalah yang ketiga yang saya hendak timbulkan, sejumlah RM51.2 bilion akan diperlukan untuk NCER dan permulaannya ialah akan datang daripada Kerajaan Persekutuan sendiri. Masalahnya pada saya, dalam masa kita hendak menentukan bahawa jurang perbezaan dalam pendapatan di antara kaum, di antara luar bandar dan bandar, dia antara kaum itu sendiri hendak dijadikan satu realiti yang hendak kita perjuangkan. Namun pada permulaan pelaksanaan NCER umpamanya tentu sekali banyak insentif yang akan diberi, banyak *resources* sumber-sumber akan ditumpukan kepada pembangunan NCER. *Corporate taxes* kita tentu sekali akan diberi tekanan untuk lagi penurunannya akan bertambah kurang dan ini *tax ratenya* akan lebih menarik umpamanya.

Segala-gala ini akan bererti bahawa jumlah wang dalam tangan kerajaan akan berkurangan untuk sebenarnya melaksanakan projek-projek, program-program sosial yang sedia ada. Umpamanya untuk menentukan pengagihan di dalam soal *social expenditures*, dengan izin dalam pendidikan, dalam perumahan dan dalam *health care*, soal-soal kesihatan. Ini akan mempunyai impak pada jangka masa yang pendek itu sebelum program ini diteruskan dengan secara besar-besaran sebab kewangan yang diperlukan untuk permulaan itu akan menjadi sesuatu yang amat tinggi sekali.

Di sini juga saya hendak bertanya, di manakah pekerja yang akan kita peroleh untuk menjayakan program ini? Sebelum program ini sahaja pun, pekerja-pekerja asing sudah pun begitu ramai termasuk PATI itu juga, tapi dalam untuk melaksanakan pembangunan NCER dan juga ECER yang akan kita bincangkan selepas ini akan memerlukan ramai pekerja. Maka seperti Yang Berhormat Dato' Musa menyebutkan tadi, kita akan menerima lambakkan pekerja-pekerja asing. Bagaimana kita menentukan bahawa pekerja asing itu tidak datang dalam jumlah yang begitu besar tetapi prioriti diberikan kepada pekerja-pekerja dalam negeri.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin menanya, satu dana akan di tubuh di bawah NCIA/NCER. Bagaimana diagihkan di antara empat negeri yang berkenaan. Adakah mengikut penduduk, adakah mengikut keperluan untuk membangun dengan lebih cepat umpamanya Perlis dan Kedah memerlukan satu *impetus*, dengan izin, dengan lebih besar daripada negeri-negeri lain. Bagaimana ianya akan diagihkan? Di sini *charge, fee* yang akan dikenakan oleh NCIA ini tidakkah ini juga satu perkara dalam tangan kanan kita memberi inisiatif kepada pelabur-pelabur dalam erti kata yang satu lagi kita kenakan *fee*, kita kenakan *charge*, NCIA sudah pun menjadi satu khidmat nasihat. Tiap-tiap khidmat nasihat dan *consultancy* yang dilakukan dan *charge* akan *fee*. Bagaimana kita imbangkan ini, satu *incentive* satu *disincentive*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi pertanyaan saya bagaimanakah koordinasi ini akan dilakukan? Adakah yang MIDA dan *licensing* untuk pekilang daripada perkilangan, daripada Kementerian Perdagangan dan Industri umpamanya akan diketepikan kerana sudah adapun satu *body* yang baru yang akan menjaga segala-galanya di dalam pembentukan dan pembangunan NCER. Berasaskan ini kita memohon agar kerajaan akan meneliti segala-gala ini supaya matlamatnya iaitu pertumbuhan dengan pengagihan mendekatkan jurang perbezaan antara yang ada dan dengan tidak ada itu tidak akan diperkecilkan dan ketepikan dan kita melihat tentang kita gah dengan pembangunan NCER semata-mata...

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan. Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan yang saya hendak tanya sejauh mana kuasa yang diberi kepada NCIA ini untuk beri arahan ataupun cakap sesuatu kepada pegawai-pegawai di peringkat negeri ataupun peringkat persekutuan bahawa perkara ini perlu dilaksanakan dikod dan sebagainya. Kerana apa yang saya dimaklumkan bahawa sebahagian besar daripada anggota NCIA ini adalah terdiri daripada pihak-pihak swasta. Jadi dalam konteks ini sejauh mana keberkesanan kuasa mereka ini untuk mendengar mereka ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Yang Berhormat untuk menjawab ini saya rasa orang yang berkenanlah harus menjawabnya tetapi pada jangkaan saya, keberkesanan pelaksanaan, keberkesanan NCIA ini belum kita lagi kita nampak, belum lagi ia cuma dalam tingkat yang pertama. Kalaulah Perdana Menteri itu sendiri yang mempengeruskannya secara logik ianya harusnya berkesan tetapi saya ingin merujuk kepada perkara 25 muka surat 33 rang undang-undang ini, peruntukan 26 yang berbunyi "Kewajipan untuk mengambil tahu tentang rancangan pembangunan NCER". Kewajipan mengambil tahu ialah di kalangan rakyat dan penduduk yang diharuskan mengetahui tentang pembangunan ini dan apa yang akan dilakukan.

Saya rasa kewajipan untuk memberitahu itu jauh lebih penting daripada mengambil tahu. Kedua-duanya adalah penting tetapi sebagai permulaan ini kewajipan untuk memberitahu oleh kerajaan kepada penduduk itu jauh lebih penting untuk dijalankan. Oleh kerana kita boleh bertanya, dapat jawapan sana sini tidak dengan secara komplit tetapi kalau kerajaan yang memberitahu kepada penduduk di empat-empat negeri ini, maka ia akan lebih berkesan apabila kita memahami tentang hajat dan hasrat kerajaan itu maka dengan mudahlah pelaksanaan itu juga akan dilakukan.

Di sini juga saya ingin menyambung apa Yang Berhormat Dato' Ismail sebutkan tadi ramai yang tidak mengetahui. Saya rasa informasi yang turun itu tidak begitu berkesan dan saya mengharapkan bahawa tindakan yang lebih diambil untuk menerang seterang-terangnya kepada penduduk, kepada rakyat, kepada pelabur. Pelabur yang pentingnya mereka memahami tentang keperluan mendekatkan jurang perbezaan. Ini satu perkara yang penting.

Keduanya bagaimanalah kerajaan hendak mengimbangkan *incentive* dan *disincentive* yang saya sebutkan tadi, dan Tuan Yang di-Pertua dengan saranan-saranan yang kita buat dengan ikhlas ini kita harap kerajaan akan mengambil dalam pertimbangan dan dengan itu juga saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Tuan Wan Nordin.

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan untuk memberi ruang untuk kita membahaskan Rang undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Koridor Utara.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar-dasar Ekonomi Baru yang telah genap 50 tahun ini sentiasa menyarankan di antara objektif utama ialah mengurangkan jurang perbezaan pendapatan, pertumbuhan di antara bandar dengan luar bandar. Perkara ini selepas Wilayah Pembangunan Iskandar telah pun diaktakan dan hari ini tiba pula bagi Koridor Utara diaktakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Perlis, negeri yang terlibat dalam usaha pembangunan Koridor Utara ini, ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kini yang telah merealisasikan satu cita-cita awal penubuhan negara kita hari ini untuk bersungguh-sungguh melaksanakan idealisme merapatkan jurang perbezaan di antara luar bandar dan bandar.

Tuan Yang di-Pertua, adalah dijangkakan di antara tahun 2007 sehingga 2025, pelaburan sebanyak RM177 bilion dan dijangka RM59 bilion akan dibiayai oleh kerajaan dan bakinya oleh PFI, inisiatif pembiayaan swasta. Ini adalah merupakan satu angka yang begitu besar bagi sebuah negeri yang kecil, salah satu daripada ahli dalam Koridor Utara ini, sudah pasti mengharapakan harapan yang begitu besar supaya inilah mungkin jalan yang ada untuk negeri Perlis membangun setanding dengan negeri-negeri yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, merafakkan syukur ke hadrat Illahi kerana akta ini telah pun diwujudkan dan kita dapat melihat di hujung terowong itu adalah cahaya yang akan bersinar memancar seluruh negeri Perlis untuk membangun seperti negeri-negeri dalam Malaysia yang lain. Tuan Yang di-Pertua, satu amanah dan tanggungjawab seperti mana yang dinyatakan oleh Perdana Menteri telah diberi kepada Sime Darby untuk melonjakkan pembangunan ini. Kita mempunyai keyakinan penuh bahawa agensi ini akan dapat memainkan peranan tapi ini tidak bererti bahawa kerajaan-kerajaan negeri, rakyat-rakyat dan pemimpin-pemimpin tidak mempunyai peranan dalam menggerakkan Koridor Utara ini.

Harapan kita, tiap-tiap negeri yang terlibat dalam Koridor Utara ini dapat bersama-sama memikirkan masa depan bersama-sama. Satu fakta yang sama dihadapi dalam suasana ini Tuan Yang di-Pertua ialah Perlis, Kedah dan Perak Utara memang bersempadan dengan negara Thailand.

Kita percaya bahawa *enriching neighbours* ataupun bersama-sama membangun ini sudah pasti kita jangka bahawa satu usaha atau satu kerjasama haruslah diwujudkan. Ini supaya negara-negara persekitaran sempadan Thailand itu bersama-sama dengan kerajaan untuk membangun bagi kita merealisasikan kejayaan pelaksanaan Koridor Utara ini. Kekuatan yang ada pada negeri Perlis sebagai pintu keluar masuk dari segi ekonomi antara Thailand dan Malaysia ini ialah merupakan satu kekuatan ekonomi yang boleh dibangunkan bersama-sama untuk sama-sama kita mencapai matlamat ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali kita mengharapakan supaya mereka yang terlibat itu ikhlas seperti mana yang disebutkan oleh ramai antara pembicara-pembicara, pembahas-pembahas usul ini yang menyarankan - saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Dato' Dr. Norraesah yang mencadangkan supaya bagi negeri yang kecil diberi insentif yang lebih supaya pelabur-pelabur akan melabur di Perlis umpamanya. Itu satu pandangan yang baik dan kita harap ia dapat diberi pertimbangan yang sewajarnya oleh pihak berkuasa.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar yang dilaksanakan di bawah akta ini adalah merupakan dasar-dasar yang baik, terlalu baik tetapi yang biasanya menjadi masalah ialah pelaksanaannya. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang harus ditumpukan perhatian sepenuhnya ialah kepada pelaksanaan projek-projek atau pembangunan-pembangunan yang hendak dilaksanakan. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang untuk berbahas? Kalau tak ada, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

3.47 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada lima orang Yang Berhormat Senator kita yang telah mengambil bahagian membincangkan rang undang-undang ini iaitu pertama sekali Dato' Ismail Kassim, yang kedua Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir, yang ketiga Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh.

Saya juga mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Profesor yang baru dilantik sebagai Senator dan juga memberi ucapan sulung beliau pada hari ini dan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah dan akhir sekali Senator Tuan Wan Nordin yang baru sahaja selesai.

Untuk makluman Dewan dan Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba oleh kerana kita masih banyak *bill*, saya akan cuba menjawab isu-isu yang telah ditimbulkan

dan tidak secara berseorangan. Saya ingin memberi keyakinan kepada Senator yang telah berucap, ada sebenarnya perkara-perkara yang tidak boleh saya jawab tetapi pandangan-pandangan ini adalah penting untuk kita bawa balik kepada pihak kerajaan untuk membincangkannya. Maka saya akan pastikan perkara ini kerana pegawai-pegawai saya pun ada di belakang sana yang telah mencatat perkara-perkara yang saya rasa sangat berguna untuk dijadikan panduan di dalam lonjakan kedua tahap pelaksanaan NCER ini.

Sebagai maklumat awal, saya ingin memberitahu bahawa seperti mana yang telah kita sebutkan tadi iaitu tujuan koridor-koridor ini ditubuhkan adalah untuk memastikan bahawa dari segi pembangunan sosioekonomi negara kita, akan dapat kita laksanakan secara menyeluruh dan tidak tertumpu kepada satu-satu kawasan sahaja.

Sebenarnya apabila kita tubuh koridor ini, niat kerajaan tidak lain dan tidak bukan ialah untuk hendak mempercepatkan lagi pembangunan di seluruh negara kita. Pada hari ini kita telah dapat melihat bagaimana kerajaan sekali lagi cuba memastikan bahawa pembangunan negara kita ini akan dapat dikecapi oleh semua pihak di mana dalam fokus utama kita mewujudkan NCER ini iaitu pertama sekali kita akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru, di mana dianggarkan bahawa selama 17 tahun dalam perjalanan, Pembangunan Wilayah Koridor Utara ini sebanyak 540,000 pekerjaan akan dapat diwujudkan insya-Allah, di mana program dan projek kerajaan yang dirancang itu dan akan dibelanjakan sebanyak RM170 bilion. Ini peruntukan daripada swasta dan juga kerajaan.

Selain daripada itu, saya juga ingin beritahu kepada Dewan yang mulia ini, iaitu di dalam pelaksanaan Koridor Utara ini, tiga sektor penting yang akan menjadi fokus kepada kita iaitu sektor pertanian, sektor perkilangan dan sektor pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat ada juga menimbulkan tentang bagaimanakah perkara, kedudukan ataupun peranan Sime Darby dalam memastikan bahawa Sime Darby ini memainkan peranan yang lebih penting? Sebenarnya dari segi perancangan kerajaan, Sime Darby tidak akan memainkan peranan yang lebih aktif apabila NCIA ini wujud. Kerana peranan aktif ini akan dimainkan oleh NCIA di mana NCIA sendiri akan bertungkus lumus memastikan apa sahaja perancangan yang diaturkan oleh NCIA yang ditubuhkan ini nanti di mana kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku pengerusi dan Menteri-menteri Besarnya akan memainkan peranan memastikan semua program ataupun projek di bawah NCIA ini dapat kita laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan analisa yang telah kita jalankan bagi menentukan bahawa kelebihan ataupun kompetitif Wilayah Koridor Utara ini yang seperti saya sebutkan tadi, iaitu tiga sektor penting yang telah pun dicadangkan sebagai tunjang sektor ekonomi di rantau ini iaitu pertanian, pembuatan dan pelancongan. Aspek modal insan juga akan diberikan penekanan yang sewajarnya dan setiap sektor ini akan mengandungi subsektor yang strategik untuk Wilayah Koridor Utara ini Tuan Yang di-Pertua. Saya suka menyebutkan bahawa di sektor pertanian, subsektor kita ada lima subsektor utama. Ini sebagai matlamat kita. Iaitu subsektor akuakultur, subsektor haiwan ternak, ternakan khas, buah-buahan dan sayur-sayuran dan padi. Selepas itu kita kenal pasti juga sebanyak 20 subsektor yang agak spesifik macam herba seperti mana disebut ada 20 subsektor. Anggaran jumlah inisiatif ataupun cadangan bagi subsektor ini sebanyak 80. Jadi itu di bidang ataupun sektor pertanian.

Bagi sektor pembuatan pula, kita dapati tiga subsektor utama industri hiliran, pertanian, bioteknologi, farmaseutikal dan elektrik dan elektronik. Anggaran jumlah cadangan inisiatif ataupun jumlah projek dianggarkan sebanyak 46 dan 11 subsektor yang lebih spesifik.

Kemudian dari segi pelancongan, kita mempunyai tiga subsektor utama iaitu mempunyai tema pengembaraan, tema keluarga dan tema sejarah dan kebudayaan. Anggaran jumlah cadangan inisiatif ataupun projek sebanyak 53 semuanya. Jadi ini adalah dalam rangka waktu selama 17 tahun yang akan datang dan dana yang saya sebutkan tadi akan disumbangkan oleh pihak kerajaan, pihak swasta dan juga melalui PFI.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara yang ditimbulkan, di antaranya ialah adakah akan berlaku percanggahan dengan pihak entiti yang lain? Seperti mana yang saya sebutkan tadi bahawa Wilayah Koridor Utara yang akan ditadbirkan, ditadbir urus

oleh NCIA ini, ia mengandungi wakil, negeri-negeri itu diwakili oleh Menteri Besar ataupun Ketua Menteri. Sudah tentulah ia tidak akan bercanggah kerana dalam pelan perancangan pembangunan bagi NCIA, kita mengambil kira rangka perancangan struktur kerajaan-kerajaan negeri supaya ianya tidak bercanggah. Bahkan sekiranya berlaku umpamanya, dari segi kemantapan pelan struktur itu, tidak kukuh, maka mereka akan menyelaraskan. Ini yang akan berlaku.

Ertinya dalam pelaksanaan nanti, NCIA akan mengambil kira pelan yang telah ditentukan oleh kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Perancangan Kerajaan Negeri, begitu juga sampai ke peringkat majlis daerah dan sekiranya ada keraguan mengatakan bahawa kemungkinan kuasa pihak-pihak yang lain, pihak badan berkanun dan sebagainya, sebenarnya dalam perancangan nanti NCIA sudah pasti mengambil kira penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa di peringkat jawatankuasa di mana ada sahaja, umpamanya sesuatu badan atau agensi kerajaan yang terlibat, mereka akan dijemput untuk turut serta membincangkan perkara-perkara *detail* yang perlu diselesaikan.

Jadi tidak ada masalah yang akan berlaku, insya-Allah dan saya berharap semua pihak mengambil sikap memandangnya secara positif. Sebab Tuan Yang di-Pertua, pelan ini niat, hasratnya sangatlah baik iaitu kita hendak.. selain daripada kita hendak membasmi kemiskinan, dalam waktu yang sama kita juga akan memastikan dalam pelaksanaan yang akan dilakukan oleh NCIA ini, tindakan ataupun program-program yang akan disediakan sudah pasti akan mengambil kira umpamanya untuk membangunkan usahawan bumiputera, memberi pendapatan seimbang di kalangan mereka yang terlibat di kawasan Koridor Utara ini. Semuanya ini akan diambil kira dan akan dibincangkan secara *detail*.

Ini merupakan kali pertama ataupun peringkat awal penyediaan yang diaturkan oleh pihak Sime Darby ini adalah merupakan satu pelan awal dan akhirnya kita akan mendapat apa yang kita katakan pelan pelaksanaan pembangunannya. Jadi sudah pasti dalam menyediakan ataupun mengadakan pelan-pelan ini, sudah pasti akan diambil kira agensi-agensi yang terlibat di bahagian-bahagian mana yang terlibat. Satu lagi perkara yang juga ditimbulkan iaitu berkenaan dengan bagaimanakah peruntukan ini diberikan kepada adakah berdasarkan kepada penduduk, berdasarkan kepada negeri dan sebagainya. Ini sebenarnya belum lagi ditentukan secara *detailnya* secara terperinci.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Saya yakin ianya akan ditentukan mengikut projek ataupun program yang hendak dilaksanakan di sesuatu kawasan itu. Jadi sudah pastilah yang lebih penting sama ada kita dapat mengenal pasti projek-projek itu dan keperluan kewangan yang diperuntukkan kepada projek-projek yang hendak dilaksanakan itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Senator yang telah mengambil bahagian dalam memberi pandangan kepada perkara ini. Jadi saya ingin mencadangkan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya Dewan Negara tentu prihatin bebanan Yang Berhormat pikul untuk menerangkan sesuatu yang kompleks di kalangan anggapan masyarakat agak samar-samar, tetapi yang penting ialah sesuatu masalah rang undang-undang di hadapan kita untuk memperbadankan satu pihak berkuasa pelaksanaan makna untuk menterjemahkan konsep menjadi realiti.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa kedua-dua Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 52 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.07 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategik yang wajar berhubung dengan pembangunan sosioekonomi dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategik yang wajar berhubung dengan pembangunan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk mengadakan peruntukan bagi pelarasan antara agensi kerajaan untuk menggalakkan aktiviti perdagangan, pelaburan dan pembangunan dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau yang bersampingan dengannya dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, seperti digariskan dalam teras ketiga, misi nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau RMK-9 iaitu bagi menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, kerajaan telah memperkenalkan beberapa pendekatan baru bagi mengurangkan jurang ketidakseimbangan pembangunan antara wilayah dan negeri serta bandar dan luar bandar. Antara pendekatan tersebut ialah menerusi pembangunan lima koridor baru, iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar, Wilayah Ekonomi Koridor Utara, Wilayah Ekonomi Pantai Timur, atau *East Coast Economic Region* atau ECER, Koridor Pembangunan Sarawak dan Koridor Pembangunan Sabah.

ECER merupakan salah satu pusat pertumbuhan utama dan kawasan tumpuan untuk pembangunan di bahagian Timur Semenanjung Malaysia. Wilayah ini merangkumi seluruh negeri Kelantan, seluruh negeri Terengganu, seluruh negeri Pahang dan Daerah Mersing, di Johor.

Memandangkan ECER ini melibatkan kawasan yang luas, iaitu 67,742 kilometer persegi ataupun 51% daripada keluasan Semenanjung Malaysia. Maka suatu perancangan yang komprehensif perlu diadakan bagi memastikan segala projek pembangunan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan dapat dilaksanakan secara terancang dan menepati Teras Pembangunan RMK-9. Dalam hubungan ini, satu draf pelan induk ECER telah disediakan dan satu badan penyelaras bagi pelaksanaan pelan berkenaan akan dibentuk dalam usaha memastikan pembangunan di ECER dibuat secara terancang, selaras dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pelan induk di ECER, lima sektor teras iaitu pertanian, pelancongan, minyak, gas dan petrokimia, pendidikan dan pembuatan telah dikenal pasti untuk dimajukan di kawasan ECER. Pelan induk ini telah diluluskan oleh Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau *National Implementation Task Force (NITF)* pada 2 Julai 2007.

Pelan induk berkenaan juga telah diserahkan kepada semua kerajaan negeri terlibat semasa Majlis Pelancaran ECER pada 29 dan 30 Oktober 2007. Bagi merealisasikan visi untuk membangunkan ECER sebagai sebuah wilayah yang kukuh dan mampan, koordinasi dan kerjasama antara pelbagai agensi di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan amatlah diperlukan. Bagi mencapai tujuan ini adalah wajar diwujudkan satu badan berkanun bernama Majlis Pembangunan Wilayah

Ekonomi Pantai Timur atau *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC) yang akan menentukan arah tuju, dasar dan strategi pembangunan di ECER.

Di samping itu, ECERDC juga akan memastikan pelaksanaan pembangunan ECER yang berkoordinasi mempercepat pertumbuhan serta memainkan peranan sebagai badan penyelarasan antara agensi-agensi kerajaan dan sektor swasta. Dalam hal ini satu Rang Undang-undang Persekutuan telah dicadangkan kerana ia dapat memberikan ketetapan yang jelas berkenaan dengan bidang kuasa ECERDC bagi jangka masa panjang. Ini akan membantu meningkatkan keyakinan pelabur terhadap komitmen Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat untuk memajukan ECER.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini, pelan induk ECER memperuntukkan rangka keseluruhan wawasan dan objektif pembangunan ECER termasuk strategi-strategi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial serta inisiatif-inisiatif perancangan dan pelaksanaan. Pelan induk ECER akan memberi perhatian kepada dasar-dasar negara dan semua negeri yang terlibat serta dirumuskan dengan perundingan bersama Majlis Perancang Fizikal Negara, Jabatan Perancang Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan di kawasan ECER. Ini akan membolehkan perancangan dan pembangunan di ECER dikendalikan secara sistematik, komprehensif dan holistik.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyediaan draf rang undang-undang ini telah mengambil kira pandangan dan ulasan kerajaan-kerajaan negeri dan kementerian-kementerian yang berkenaan. Draft Rang Undang-undang ECERDC 2007 ini, telah pun diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan utama dalam rang undang-undang ECERDC 2007 adalah seperti berikut:

- (i) Bahagian I - melibatkan *preliminary* seperti taksiran, bagi takrif-takrif yang berkaitan;
- (ii) Bahagian II - fasal 5 hingga 13 memberikan penerangan mengenai ECERDC termasuk objektif, fungsi, kuasa dan keanggotaannya;
- (iii) Bahagian III - fasal 14 hingga 16 memperuntukkan hal-hal berkaitan ketua eksekutif, pegawai dan kakitangan ECERDC;
- (iv) Bahagian IV - fasal 17 hingga 22 pula memperuntukkan hal-hal berkaitan pelan induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur;
- (v) Bahagian V - memperuntukkan mengenai arah, dasar dan strategi pembangunan di ECER seperti dinyatakan dalam fasal 23 hingga 24;
- (vi) Bahagian VI - memperuntukkan mengenai keselarasan di antara entiti kerajaan dan di ECER seperti dinyatakan dalam fasal 25 hingga 28;
- (vii) Bahagian VII - memperuntukkan mengenai hal-hal kewangan di ECERDC seperti dinyatakan dalam fasal 29 hingga 41;
- (viii) Bahagian VIII - fasal 42 hingga 46, memberikan penerangan mengenai kesalahan dan penalti yang boleh dikenakan sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan yang dinyatakan dalam fasal yang berkaitan; dan
- (ix) Bahagian IX – fasal 47 hingga 55 membincangkan antara lain peruntukan am seperti kuasa untuk mengambil khidmat dan kuasa untuk menubuhkan syarikat.

Fasal 3(l) rang undang-undang ini mengandungi peruntukan yang memastikan bahawa bidang kuasa dan fungsi kerajaan-kerajaan negeri dan entiti kerajaan tidak terganggu. Rang undang-undang ini akan dibaca secara bersama serta tidak mengurangkan hak, kuasa dan fungsi mana-mana entiti kerajaan yang diberi di bawah

mana undang-undang bertulis fasal 2. Setiap kerajaan negeri juga akan mempunyai wakil yang menganggotai ECERDC.

Fasal 6, 7 dan 8 rang undang-undang ini memperuntukkan objektif, fungsi dan kuasa ECERDC. Objektif ECERDC ialah untuk mempercepatkan pertumbuhan ECER secara saksama dan mampan. Antara fungsi *statutory* ECERDC adalah seperti berikut:

- (a) menetapkan dasar, arah tuju, strategi dan inisiatif berhubung dengan pembangunan di kawasan ECER dan bagi pelaksanaan pelan induk ECER;
- (b) memaju, merangsang, memudah dan menyelaras pelaksanaan aktiviti pembangunan yang dijalankan oleh entiti kerajaan di ECER; dan
- (c) merancang dan menyelaras aktiviti yang dijalankan oleh mana-mana entiti kerajaan yang disifatkan oleh ECERDC sebagai mempunyai kepentingan negara yang strategik.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keanggotaan ECERDC, fasal 10 rang undang-undang ini mencadangkan seperti berikut:

- (a) Pengerusi iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (b) Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri;
- (c) Menteri-menteri Besar Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor;
- (d) dua orang menteri persekutuan yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri;
- (e) seorang wakil perkhidmatan awam yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri; dan
- (f) dua orang ahli daripada sektor swasta yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang pada pendapat beliau, mereka mempunyai pengetahuan, pengalaman atau kelayakan akademik yang khas.

Di bawah fasal 14, perjalanan pentadbiran dan pengurusan am bagi fungsi, aktiviti dan hal ehwal harian ECERDC adalah di bawah tanggungjawab Ketua Eksekutif yang dilantik oleh pihak berkuasa. Ketua Eksekutif juga merupakan setiausaha kepada ECERDC. Bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri menyelaras pembangunan di ECER, ECERDC akan menyediakan pelan induk yang antara lain:

- (a) merumuskan cadangan rangka keseluruhan wawasan dan objektif pembangunan ECER termasuk strategi-strategi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial;
- (b) merumuskan cadangan inisiatif-inisiatif perancangan dan pelaksanaan untuk merealisasikan strategi-strategi yang tersebut di atas; dan
- (c) merumuskan cadangan dasar dan strategi yang terpakai kepada kawasan dalam ECER.

Dalam merumuskan cadangan-cadangan dalam pelan induk ini, fasal 18(1)(a) memperuntukkan bahawa ECERDC dikehendaki berunding dengan kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan dalam ECER, serta memastikan bahawa cadangan-cadangan pada amnya menurut rancangan struktur semasa negeri-negeri yang terlibat.

Setelah siap disediakan oleh ECERDC, pelan induk tersebut perlu dikemukakan kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan untuk kelulusannya. Setelah pelan induk diluluskan oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan, seperti yang dijelaskan dalam fasal 19(5), untuk kawasan di mana rancangan tempatan belum lagi mendapat persetujuan pihak berkuasa negeri-negeri, Jawatankuasa Perancangan Negeri ataupun *State Planning Committee* ataupun SPC, akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan yang terlibat, untuk memasukkan ke dalam draf rancangan tempatan bagi kawasan itu, apa-apa kandungan pelan pembangunan. Untuk kawasan di mana rancangan-rancangan tempatan telah mendapat persetujuan pihak berkuasa

negeri-negeri yang berkaitan, SPC akan mengarahkan pihak berkuasa tempatan yang terlibat untuk meminda rancangan tempatan dengan memasukkan kandungan pelan.

Fasal 20 rang undang-undang ini membolehkan pindaan kepada pelan pembangunan ini dibuat secara bersama oleh kerajaan-kerajaan negeri yang berkaitan dan ECERDC pada bila-bila masa dengan mengikut prosedur yang serupa seperti di bawah fasal 18 dan 19.

Fasal 22 adalah mengenai pewartaan sebarang pembangunan atau kawasan yang berimpak ekonomi yang tinggi kepada ECER sebagai satu pembangunan strategik dengan persetujuan SPC yang berkaitan. Sebarang bentuk pembangunan di kawasan pembangunan strategik perlu merujuk kepada ECERDC bagi memastikan pematuhan dan keselarasan dengan pelan induk yang diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam fasal 23 menjelaskan tanggung jawab ECERDC untuk memastikan fungsinya dilaksanakan mengikut cara yang dapat menjayakan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan dan kerajaan-kerajaan negeri, negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor yang sedang berkuat kuasa khususnya dasar yang berkaitan dengan pembangunan ECER. Dalam menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya di bawah rang undang-undang ini, fasal 23(C) memperuntukkan bahawa ECERDC perlu merujuk, merundingkan dan menyelaraskan tindakannya dengan entiti-entiti lain kerajaan yang mempunyai tanggung jawab dalam kawasan ECER.

Di bawah fasal 24 adalah menjadi tanggung jawab setiap entiti kerajaan untuk bekerjasama dan membantu ECERDC dalam melaksanakan fungsinya di bawah rang undang-undang ini serta memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada dasar undang-undang dan tindakan yang disyorkan oleh ECERDC untuk diguna pakai di ECER.

Tuan Yang di-Pertua, bagi memudahkan keselarasan antara entiti kerajaan di ECERDC, fasal 25 rang undang-undang ini memperuntukkan ECERDC sebagai agen penyelarasan utama ataupun agen yang diberi kuasa bagi pihak entiti kerajaan yang terlibat untuk menerima, memproses dan mempercepatkan kelulusan dan tindakan pentadbiran berkaitan dengan permohonan untuk kelulusan yang dikehendaki.

ECERDC dibenarkan di bawah fasal 26 untuk membuat perjanjian atau perkiraan dengan mana-mana entiti kerajaan berkaitan dengan perjalanan fungsi, kuasa, kerja-kerja atau perkhidmatan masing-masing atau pungutan fi, kos atau caj permohonan kelulusan oleh ECERDC bagi pihak entiti kerajaan tersebut.

Fasal 28 memperuntukkan ECERDC boleh menubuhkan jawatankuasa pelaksanaan dan penyelarasan untuk setiap negeri terlibat, dan anggota jawatankuasa ini dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri setelah dirujuk Menteri Besar bagi negeri-negeri yang berkenaan. Jawatankuasa ini bertanggung jawab antara lain untuk:

- (a) mengenal pasti cadangan pembangunan dan pelaburan utama atau strategi di ECER;
- (b) memantau status semua kelulusan berhubung dengan cadangan pembangunan atau pelaburan utama;
- (c) mengenal pasti apa-apa kesulitan atau isu yang timbul semasa pelaksanaan cadangan pembangunan dan pelaburan utama atau strategik; dan mengambil atau mengesyorkan langkah dan tindakan pentadbiran yang sesuai untuk menyelesaikan isu berkenaan; dan
- (d) melaksanakan mana-mana fungsi atau kewajipan lain yang diwakilkan kepadanya oleh ECERDC.

Fasal 29, peruntukan penubuhan Kumpulan Wang ECER yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh ECERDC. Pada amnya, kumpulan wang hendaklah dibelanjakan untuk membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan peruntukan rang undang-undang ini.

Fasal 32 menyentuh mengenai kewajipan ECERDC untuk berjimat cermat dalam penggunaan kumpulan wang dan memastikan hasilnya mencukupi untuk membayar semua perbelanjaan dan tanggungannya.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 55 memperuntukkan bahawa rang undang-undang ini tidak terpakai kepada mana-mana projek entiti kerajaan yang telah dilaksanakan atau diberi kelulusan sebelum berkuat kuasanya rang undang-undang ini, tetapi rang undang-undang ini akan terpakai kepada projek yang belum diluluskan itu, jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memutuskan sedemikian dan pelaksanaan projek itu tidak akan terjejas dengan berkuat kuasanya rang undang-undang ini kelak.

Dalam menjayakan pembangunan ECER ini Kerajaan Persekutuan, kerajaan-kerajaan negeri serta pelbagai agensi lain yang berkaitan perlu bekerjasama untuk memajukan dan merangsang pembangunan di kawasan ECER. Oleh itu penubuhan satu badan penyelarasan iaitu ECERDC adalah merupakan satu tindakan wajar bagi memastikan pembangunan di ECER dapat dilaksanakan secara berkoordinat berlandaskan prinsip-prinsip yang mampan dan komersial. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbadankan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk mengadakan peruntukan mengenai arah, dasar dan strategi yang sewajarnya berhubung dengan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur untuk mengadakan peruntukan bagi penyelarasan antara entiti kerajaan, untuk menggalakkan aktiviti perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pembangunan di dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Puan Sri Kelana.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lepas itu Tuan Lee dan Puan Hazani, saya bagi keutamaan kepada yang Pantai Timur dulu.

4.28 ptg.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan dan ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya dan penuh keyakinan rakyat Pantai Timur berterima kasih kepada kerajaan dalam usaha memperkasakan agenda pembangunan ekonomi dengan tertubuhnya Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas itu Dato' Lee Sing Chooi, selepas Dato' Lee, siapa sambung? Wan Ubaidah.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Langkah transformasi itu saya melihat boleh merapatkan jurang pendapatan dan pembangunan antara Pantai Barat dan Pantai Timur. Di Wilayah Timur sahaja lebih 35,000 penduduk miskin tegar dikenal pasti iaitu hampir separuh daripada jumlah kemiskinan di negara kita. Daripada jumlah itu kira-kira 57% daripada kemiskinan tegar di kawasan ini dari peringkat umur yang masih produktif iaitu di bawah 60 tahun. Kalau di Kelantan sahaja, sebanyak 17,537 isi rumah yang miskin tegar iaitu 49.6% berbanding di Terengganu 28.3% dan Pahang 22.1%.

Atas faktor itu saya amat berharap pihak yang menyelia dan memantau iaitu Petronas supaya melihat lebih terperinci mekanisme yang membolehkan golongan miskin tegar menikmati pembangunan wilayah ECER.

Kalau boleh saya mahu program-program tertentu diumumkan kepada masyarakat supaya nanti kelak rakyat tahu apa yang sebenarnya yang mereka boleh membantu kerajaan di dalam ECER. Umpamanya, satu program khas yang boleh dilaksanakan untuk mengubah syarikat kecil dan sederhana bumiputera yang terpilih dengan perolehan pendapatan jualan tahunan antara RM100,000 hingga ke RM1 juta dibantu menjadi syarikat besar.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ECER perlulah dilakukan dengan lebih teliti kerana 40% kawasan tanah yang terlibat dengan projek itu merupakan rizab Melayu. Pengendali ECER perlu memastikan bahawa orang Melayu akan mendapat manfaat yang banyak kerana melibatkan sebahagian besar tanah milik mereka. Kalau di negeri Kelantan, tanah-tanah rizab memang banyak. Saya hendak bertanya adakah ada satu tahap penyelesaian antara pemilik tanah bersama dengan kerajaan negeri dan pengendali ECER? Ini penting dalam memastikan tidak banyak masalah akan berbangkit, apatah lagi soalan geran yang milik tanah, yang bakal terbabit dalam projek pembangunan ECER.

Sejauh mana kajian telah dilakukan terhadap kawasan tanah yang akan terbabit kelak? Siapakah konsultan yang akan dilantik oleh Petronas, kerana soal tanah memang sentimental di kalangan orang-orang Melayu. Seboleh-bolehnya pemilik tanah dan kawasan rizab Melayu hendaklah mendapat manfaat daripada pembangunan ECER...

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Silakan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak beri tak? Beri laluan, sila duduk sebagai isyarat Yang Berhormat benarkan.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat membangkitkan isu tanah. Kalau begitu, Yang Berhormat setuju atau tidak bahawa kita wujudkan amanah hartanah atau REID, iaitu mereka ini jangan jual tanah itu untuk mendapat untung segera, tetapi menjadi pemegang amanah dalam tabung amanah yang diwujudkan itu dan mereka mendapat pendapatan yang tetap, iaitu jangan jual dan ini barangkali boleh dimainkan peranan melalui mewujudkan apa yang saya sering sebut sebagai *social net*. Apa pandangan Yang Berhormat sebenarnya?

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya percaya sekiranya rancangan ini baik, kita boleh hebahkan bahawasanya rancangan ini lebih baik lagi supaya mereka atau kepunyaan tanah itu dapat memahami apakah sebenarnya kebaikan untuk mereka. Saya teruskan, Tuan Yang di-Pertua.

Seperkara lagi saya ingin membangkitkan mengenai peranan Unit Perancang Ekonomi (EPU), di Jabatan Perdana Menteri berikutan kelak nanti semua wilayah ekonomi akan mempunyai majlis pembangunannya sendiri. Jadi saya ingin tahu adakah fungsi dan peranan EPU akan diambil alih oleh Majlis-majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi seperti ECER ini boleh timbul satu persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi cuma saya ingin kepastian laporan akhbar *Berita Harian* pada 14 November 2007, ada menyatakan ECER tidak mempunyai laman web khas bagi Pembangunan Ekonomi Pantai Timur. Jadi sejauh mana kebenaran itu dan sekiranya masih tiada, saya bimbang pelaksanaan ECER mungkin agak sukar digerakkan. Ini kerana saya melihat ECER sendiri bakal melaksanakan 227 projek bernilai RM112 bilion dalam tempoh 12 tahun ini, dan sekiranya tiada laman web, agak sukar juga menarik minat pelabur untuk menanam modal berikutan maklumat lengkap mengenainya tidak diketahui langsung. Jadi saya perlu penjelasan di sini.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan sesi persidangan ini merupakan sesi yang terakhir untuk saya sebagai Ahli Dewan Negara yang mulia ini selama dua penggal, izinkanlah saya merakamkan jutaan terima kasih atau menjunjung kasih kepada matan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kini bersemayam di takhta Kerajaan Negeri Perlis, Duli Yang Maha Mulia, Tuanku Syed Sirajudin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail kerana memberikan saya ruang dan peluang untuk menyumbang kepada Dewan yang mulia ini. Ucapan ribuan terima kasih juga saya rakamkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi dan juga mantan Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir dan Ketua Wanita UMNO Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah binti Abd. Aziz yang telah mengangkat nama saya kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Terima kasih khususnya kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua atas tunjuk ajar, teguran, bimbingan yang berguna sepanjang

perjalanan sidang. Saya rasa begitu bertuah menjadi sebahagian daripada Ahli Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata yang sedemikian, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya pun rasa bernasib baik memberi peluang. Kalau tidak, kempunan sebab tidak dapat peluang hendak bercakap menjelang...

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa Dewan pun akan merasa kehilangan Yang Berhormat. Tuan Ir. Hiang A Li. Pahang ya?

4.37 ptg.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang untuk saya membahaskan dalam Rang Undang-undang Majlis...

Tuan Yang di-Pertua: Bagi membantu supaya perbahasan lebih menjurus kepada masalah di depan Majlis, saya ingin tarik perhatian Yang Berhormat bahawa masalah di hadapan kita ialah soal kuasa...

Tuan Ir. Hiang A Li: Okey.

Tuan Yang di-Pertua: ...Negara yang sudah ditadbir, negara-negara bersekutu dengan undang-undang induknya, perlembagaannya dan undang-undang enakmen dan beberapa strategi pembangunan selepas 50 tahun diperkenalkan undang-undang untuk memberi kuasa undang-undang yang merupakan masalah untuk kita putuskan. Jadi, saya harap Yang Berhormat janganlah terlalu banyak sangat menarik perhatian kepada perkara-perkara yang bakal akan ditempuh oleh pihak-pihak berkuasa, yang bakal ditubuhkan ini, setelah ditubuhkan di bawah undang-undang kerana itu akan merupa terlalu banyak andaian. Masalah di hadapan Majlis ialah soal *living force of law, the concept, the idea and the authority*. Terima kasih, sila.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih sekali lagi kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh sahaja.

Yang pertama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah melancarkan tiga pembangunan baru-baru ini, tetapi hari ini kita memang bincang berkenaan rang undang-undang untuk dua wilayah iaitu satu untuk pihak berkuasa dan satu majlis. Saya pelik mengapa, sepatutnya kedua-dua ialah pembangunan wilayah, tetapi mengapa namanya lain daripada antara satu sama lain. Adakah berbezanya? Kalau ada, apakah bezanya?

Soalan-soalan lain yang ingin saya sentuh ialah yang pertama, dalam fasal dalam rang undang-undang ini di fasal 7(e), kebanyakan fungsi yang penting dalam Majlis ini hanya untuk memberi perkhidmatan nasihat sahaja dan tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan ke atas apa-apa yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, saya kuarir kemungkinan untuk peranan yang berkesan yang akan dimainkan oleh majlis yang akan ditubuhkan kelak.

Soalan yang kedua, dalam rang undang-undang ini adalah disebutkan dalam fasal 6(e), objektif pembangunan ini adalah untuk merancang, penggalakan dan mempercepatkan penubuhan wilayah ini dengan secara yang saksama dan mampan. Akan tetapi yang saya pelik ialah pembangunan wilayah yang tersebut telah tidak memasukkan kawasan-kawasan pedalaman di Pahang Tengah iaitu di daerah-daerah macam di Temerloh, Jerantut, Maran dan sebagainya.

Saya nampak ini tidak selaras dengan objektif yang saya sebutkan tadi. Jadi saya nampak ini satu kelemahan yang kita perlu perbetulkan. Jadi saya harap majlis yang akan ditubuhkan kelak perlu memperbetulkan keadaan ini dan memasukkan pembangunan ini ke dalam Pelan Induk Pembangunan ini.

Yang ketiga, dalam fasal 6(e)(f) telah menyebutkan insentif yang sesuai, tetapi tidak adakan satu cara yang jelas dan disebut satu insentif yang menarik supaya

menggalakkan banyak lagi pelabur-pelabur mahupun dari luar negara ataupun dalam negara. Ini tidak tersebut. Saya nampak ini penting, perlulah disebut dengan cepatnya supaya ketiga-tiga wilayah pembangunan ini dapat penggalakan yang baik daripada pelabur-pelabur yang besar.

Yang keempat, saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan kerana dalam rang undang-undang ini memang dalam fasal 7, yang telah mengadakan peruntukan bagi perlindungan, pengurusan dan pemuliharaan alam sekitar kawasan yang terlibat. Ini memang satu amalan yang baik tetapi saya ingin dan berharap pihak Majlis dapat memastikan peruntukan ini dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya tidak menjejaskan alam sekitar kita, walaupun kita pada yang sama inginkan pembangunan, tetapi alam sekitar perlu dijaga dengan sepenuhnya juga.

Kelima, rang undang-undang ini fasal 7(b), pembangunan dan peningkatan infrastruktur dan sistem pengangkutan memang adalah satu tarikan yang baik, satu aspek yang sangat penting.

Saya berharap pihak majlis bukan sahaja dapat membangunkan infrastruktur dan juga sistem pengangkutan, tetapi penyelenggaraan selepas itu perlu diamalkan supaya jalan atau sistem pengangkutan dan infrastruktur ini diselenggarakan dengan baik, selalu dalam keadaan yang baik dan selamat digunakan. Ini memang satu aspek yang penting untuk menarik pelabur atau pembangunan yang akan diadakan pada masa akan datang.

Jadi dengan itu, ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, dengan perkataan sedemikian saya ingin menyokong Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Hj. Roslan bin Awang Chik, Terengganu.

4.44 ptg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana dapat merangka satu pembangunan yang begitu penting di Wilayah Pantai Timur iaitu Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Kalau...

Tuan Yang di-Pertua: Saya, minta maaf saya mengganggu sedikit. Saya beri giliran membahaskan begitu rupa sebab kalau kita rujuk tajuk fasal 3, biarlah juru cakap, biarlah ahli-ahli yang dicalonkan oleh negeri masing-masing, jadi juru cakap kerana fasal 3. Yang Berhormat boleh rujuk dan sila Yang Berhormat...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Iaitu yang dinamakan Wilayah Ekonomi Pantai Timur. Dengan jelaskan W.E.P.T, iaitu WEPT. WEPT ini merupakan satu tangisan kegembiraan kepada rakyat Pantai Timur khususnya di negeri Terengganu yang telah mendapat satu angka yang begitu baik untuk membangunkan Pantai Timur ini. Kita sering mendengar bahawa perbezaan pendapatan daripada Pantai Barat dengan Pantai Timur begitu jauh sekali. Ini dengan perbelanjaan sejumlah RM112 bilion dalam masa jangka 12 tahun merupakan lebih kurang dalam RM10 bilion tiap-tiap tahun merupakan juga satu angka yang begitu besar untuk dibelanjakan.

Jika dibahagikan kepada tiga negeri, ataupun tiga..., setengah negeri merupakan hampir-hampir setengah bilion satu negeri yang akan dibelanjakan kepada kawasan ini. Pengkhususan ini yang saya katakan baik, dari segi mikronya telah dibuat oleh pihak kerajaan dan diselenggarakan oleh Petronas, maka sudah tentu sebagaimana saranan Tuan Yang di-Pertua, bahawa masalah yang kita hadapi sekarang ialah untuk melihat secara kasarnya bahawa perancangan yang dibuat oleh kerajaan ini merupakan satu perancangan yang begitu rapi. Hanya dalam pengisian seperti mengendalikan dalam masa 12 tahun yang akan datang, ia mungkin perlu dilihat dengan lebih jelas lagi oleh sebab yang pertama sekali kawasan ini sudah tentu, terlibat dengan orang-orang Melayu yang ada di Pantai Timur yang begitu ramai sekali.

Maka dengan adanya orang-orang di Pantai Timur ini yang sebahagian besarnya merupakan orang-orang Melayu, maka sudah tentu apa yang diperlukan ialah dari segi penglibatan mereka ini secara menyeluruh di dalam merangka pelaksanaan projek-projek ini ataupun perbelanjaan-perbelanjaan pembangunan di Wilayah Pantai

Timur. Jadi, saya mengharapkan bahawa makluman ini perlu diperjelaskan lebih awal lagi daripada pihak Petronas khususnya untuk memberitahu, menghebahkan apakah di dalam melaksanakan 12 tahun yang akan datang itu, dari setahun ke setahun apakah yang boleh disertai oleh peserta-peserta di dalam membangunkan Wilayah Pantai Timur ini.

Seterusnya dari segi penglibatan mereka ini, kita perlukan di dalam mengurangkan jarak pendapatan di antara orang-orang bumiputera dengan orang-orang bukan bumiputera supaya di dalam mikro ini nanti, *fair distribution*, dengan izin, dapat dilaksanakan oleh pihak yang mengendalikan projek-projek ataupun pembangunan-pembangunan di Pantai Timur ini. Saya juga berharap supaya di dalam kita merancang ini, projek-projek seperti di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Malaysia Kesepuluh, Malaysia Kesebelas nanti, ia tidak *overlapping*. Kalau RM3 bilion sahaja tentu tidak mencukupi untuk membangunkan 51% daripada jumlah tanah yang ada di Semenanjung.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya juga mungkin perlu melihat dari segi keupayaan penyertaan yang saya nyatakan tadi. Pertama, penyertaan, *participation* oleh orang-orang bumiputera. Kedua dari segi *fair distribution* kepada mereka, mungkin oleh sebab dengan keadaan jarak ekonomi mereka ini mungkin mereka tidak mampu lagi untuk menyertai dengan lebih cepat dalam masa 12 tahun.

Pada pendapat saya, mungkin ianya boleh dibuat dengan *delay*, mungkin ianya lebih baik sekiranya kita dapat memperlahankan sedikit supaya mereka ini dapat mengejar dari segi pembangunan-pembangunan yang begitu pesat yang dirancang oleh kerajaan. Takut-takut nanti apabila diberi dengan satu perancangan yang begitu pesat mereka masih akan jadi jauh ketinggalan pada masa-masa yang akan datang.

Walau bagaimanapun saya percaya dan yakin di bawah kepimpinan di bawah kerajaan sekarang ini mereka tidak akan mengasingkan perkara-perkara yang sudah tentu telah diambil kira demi untuk kebaikan semua kaum. Kata-kata itu saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan panggil Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh kemudian Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi selepas beliau. Kemudian Puan Wan Hazani, selepas itu Puan Wan Ubaidah.

4.50 ptg.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk membincangkan pembangunan ECER ini.

Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini pertamanya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah terutamanya kepada Petronas yang telah mengemukakan satu pelan yang begitu komprehensif. Segala pandangan saya tadi mengenai dengan NCER agak berbeza kalau dibandingkan dengan ECER ini. Dalam menyediakan pelan ini Petronas telah pun mengambil kira tentang isu-isu utama yang saya sentuh tadi iaitu isu-isu yang berkaitan dengan *growth with distribution* dengan izin, isu mengenai dengan *distribution of employment* dan lain-lain lagi. Syabas kepada Petronas.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana mengambil pendekatan yang *magnanimous* kerana menyediakan pelan ini. Selalunya kita akan mempunyai keraguan tentang hasrat kerajaan terutamanya untuk membangun sebuah negeri yang bukan di bawah naungannya. Namun begitu kita dapati bahawa dalam pelan ini kerajaan tidak membuat diskriminasi daripada segi negeri itu sendiri, ini adalah satu perspektif yang *very positive*.

Jika kita lihat misalnya dalam peruntukan untuk menduduki jawatankuasa, kita dapati bahawa pelan ini juga mengambil kira Menteri Besar daripada Kelantan sendiri boleh menduduki dalam ECER itu. Ini juga selalunya kalau kita lihat dalam kes-kes yang lain seperti kes di mana berlakunya perbincangan tentang *the rules*, kita dapati kadang-kadang ada negeri yang tidak diwakili disebabkan *political differences*. Kita dapati misalnya di negeri Kelantan ada diwujudkan JPP yang cuba mengendalikan hal-

hal yang berkaitan dengan isu-isu federal. Namun begitu dalam kes ECER kerajaan mengambil satu pendekatan yang saya katakan tadi yang *magnanimous*, lagi sekali *congratulation*.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, ialah kalau kita lihat bahawa untuk kita mencapai sasaran keseimbangan ataupun pertumbuhan wilayah, ECER ini mestilah lebih maju berbanding dengan wilayah-wilayah lain untuk ianya setanding sekurang-kurangnya kalau tidak dapat melewati pertumbuhan di kawasan lain. Sekali lagi Petronas telah mengambil kira aspek ini dan saya jangka ini adalah satu aspek yang perlu diberi penekanan untuk masa hadapan. Terutamanya kalau kita lihat daripada segi penggunaan modal di negara kita, rata-rata kita memerlukan lebih kurang tujuh unit pelaburan untuk menjana satu unit GNP atau pun GDP. Ini adalah satu angka yang amat tinggi berbanding dengan beberapa negara, *our neighbour countries*. Di kebanyakan negara, angka tersebut adalah empat kepada *ratio of satu*. Bererti kita hanya memerlukan empat unit pelaburan *to generate one unit of GDP*. Ini adalah *big challenge for Malaysia*. Sekiranya kita ingin mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi bagi kawasan ini maka faktor ICO ataupun *incremental capital output ratio*...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat kos menjana pertumbuhan di negara kita sedangkan di negara-negara jiran empat unit...

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Empat unit untuk satu.

Tuan Yang di-Pertua: ...bagi negara kita tujuh.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Ya, hampir tujuh.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bermakna kos menjana pertumbuhan di negara kita amat tinggi.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Ya, ini adalah amat tinggi. Jadi ini adalah satu *challenge* kepada kita. Ada banyak sebab berlakunya sedemikian, mungkin saya tidak hendak sebut secara *detail* lah antaranya mungkin *issue of corruption*, isu *rentier*, *this kind of issue* yang akan timbul. Jadi kita perlu mencari jalan untuk membendung gelagat-gelagat yang negatif ini *for us to get best output* daripada satu unit input yang kita keluarkan nanti. Jadi kalaulah kita nak bertumbuh dengan kadar yang lebih maju, lebih laju daripada wilayah lain, kita tidak ada alternatif melainkan kita terus mempertingkatkan ICOR ataupun produktiviti kita itu kalau tidak *to me, is going to be very difficult for us to make the challenge*.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

4.57 ptg.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007.

Satu, saya nak tanya dalam fasal 5 rang undang-undang ini diperuntukkan membangun satu perbadanan dengan nama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur tetapi di koridor utara kita mewujudkan satu pertumbuhan dengan nama Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara. Apakah perbezaan dan apakah sebabnya untuk menubuhkan perbadanan yang berlainan ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi telah pun disebut oleh Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li tadi. Yang Berhormat nak mengulangi perkara ini?

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah saya nakal sedikit bertanya ataupun menyebut 'macam-macam Yang Berhormat tak tau'. Okey, teruskan.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Orang utara kata 'buat macam tak tau'.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih. Sekarang ini saya nak bahaskan prinsip mengadakan rang undang-undang ini dan juga konsep koridor dalam pembangunan

negara. Konsep dan prinsip ini adalah untuk menyeimbangkan dan menyelaraskan pembangunan wilayah Tuan Yang di-Pertua.

Usaha pembangunan di luar Lembah Klang adalah kritikal dalam membawa pembangunan Malaysia ke fasa yang lebih seimbang dan juga berdaya saing Tuan Yang di-Pertua. Sekarang hasil minyak petroleum menyumbang melebihi 30% jumlah hasil negara. Namun, petroleum yang kita bergantung itu kian kehabisan. Baru-baru ini, Presiden Petronas, Tan Sri Hassan Merican berkata, "Malaysia akan menjadi *nett* import petroleum, pada tahun 2010.." Iaitu hanya dua hingga tiga tahun lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Menteri Kewangan Kedua semasa memberi jawapan di Dewan yang mulia ini minggu lalu yang mesejnya adalah terang iaitu Malaysia mesti menggunakan wang atau hasil petroleum untuk membina *city*.

Mesej ini wang yang dihasilkan oleh petroleum sekarang ini mesti kita menggunakan untuk membina pertumbuhan ekonomi, membina daya saing, membina modal insan berminda kelas pertama supaya Malaysia terus maju dan rakyatnya terus mendapat pendapatan yang kian meningkat Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak ada peluang kedua. Selepas kehabisan wang petroleum dan kalau pembangunan koridor-koridor masih ketinggalan, kerajaan mesti berhati-hati. Urusan pelaksanaan wilayah ekonomi koridor mesti berintegriti dan efektif. Kita tidak sanggup lagi mensia-siakan wang pembangunan dengan projek-projek yang bermasalah bayaran lumayan kepada *rent-seekers* sampai wang pembangunan itu mencari jalan masuk ke poket-poket individu Tuan Yang di-Pertua.

Kelakuan mengisi nafsu *rent-seekers* yang tak kehabisan tentu mendatangkan keburukan kepada pembangunan wilayah ekonomi ini Tuan Yang di-Pertua. Kalau sesuatu wilayah ekonomi koridor itu tidak berjaya siapa akan menderita? Rakyat miskin, rakyat yang berada di wilayah tersebut ini tentu menjejaskan matlamat negara menyelaraskan pembangunan ekonomi dan menolong rakyat setempat. *Rent-seekers stay up, don't be a traitor to a rakyat* tempatan Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. RM177 bilion akan dibelanjakan di NCER dan berbilion juga akan dibelanjakan ECER Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan peluang keemasan untuk mencari wang atau mendapatkan kontrak. Ini adalah peluang dan ruang untuk kita menolong dan membangunkan ekonomi tempatan.

Kerajaan semasa mengendalikan projek saya hendak tahu macam mana kerajaan hendak memastikan wang-wang pembangunan betul-betul dibelanjakan ke atas pembangunan dan bukan ke dalam poket *rent-seekers*. Apakah prosedur yang diguna pakai dan diperketat dalam penilaian kos kontrak dan projek, keberkesanan pejabat, pengeluaran tender dan kontrak dengan berintegriti dan transparansi, efektif dan berimpak tinggi dan manfaat maksimum dapat dinikmati oleh rakyat tempatan Tuan Yang di-Pertua.

Setiap ringgit pasti digunakan untuk membina kapasiti, membina daya saing, membina produktiviti dan juga membina modal insan Tuan Yang di-Pertua. Setiap pemborosan, setiap pemborosan kita tidak akan dapat wang modal itu lagi. Hasil dan wang petroleum tidak akan datang selama-lamanya. Kalau pemborosan berlaku, kalau wang pembangunan tidak dibelanjakan dengan efektif di mana kita akan dapat wang pembangunan lagi Tuan Yang di-Pertua. Malaysia pasti pinjam dan berhutang. Hutang akan meningkat tanpa hasil minyak petroleum nanti. Malaysia dalam keadaan ini akan menjadi negara yang tergadai dan rakyat menjadi hamba negara sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi saya hendak bahaskan ialah dengan kewujudan lima wilayah ekonomi koridor iaitu tiga di sini dan dua di Sabah dan Sarawak. Kerajaan pasti mengenalkan adanya risiko dan cabaran. Lembah Klang mengambil berpuluh-puluh tahun untuk membangun sampai kemajuan setakat sekarang Tuan Yang di-Pertua. Pembangunan lima koridor mengehendaki pelaburan yang sangat besar dan setiap wilayah mengehendaki *economy of size*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua pembangunan *sustainable*, mesti ada *critical mass*, dengan izin, kerana kos infrastruktur dan lain-lain sahaja untuk setiap wilayah akan memerlukan kos yang sangat tinggi. Saya harap kerajaan pasti menguruskan risiko dan cabaran ini dengan lebih efektif. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Puan Hajah Wan Hazani.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua memberi peluang kepada saya turut sama membahaskan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007. Setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang dapat melontar idea untuk pembangunan negara yang menyeluruh dan seimbang.

Fungsi Majlis iaitu Perkara 7, seksyen 23(h) iaitu majlis berfungsi untuk menjalankan kajian membuat tinjauan dan mengumpul semak yang berkaitan dengan pembangunan perniagaan atau pelaburan di ECER. Cadangan agar hasil kajian *progress* atau perkembangan ECER dilakukan secara berkala dan hendaklah dibentangkan di persidangan dewan negeri atau persidangan Dewan Rakyat. Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur Perkara 17(2b) iaitu mengenai peningkatan kualiti persekitaran tempat tinggal di dalam ECER kita maklum dan tahu sebahagian besar kawasan ECER kini sedang dilanda banjir dan kita juga maklum fenomena ini biasa berlaku.

Persoalannya adakah kerajaan memandang serius perkara ini dan kita tidak mahu faktor banjir ini akan mengganggu kualiti persekitaran tempat tinggal penduduk-penduduk ECER, malahan akan menjadi faktor yang membantutkan usaha pembangunan ECER. Menurut Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sebanyak RM21 bilion diperlukan bagi projek tambatan banjir di seluruh negara. Pada masa ini Kerajaan Pusat memberi RM4 bilion kepada JPS untuk melaksanakan lebih 300 projek tambatan banjir di seluruh negara. Manakala menurut ucapan Bajet 2008 hanya RM1.1 bilion sahaja yang telah diperuntukkan bagi projek tersebut – tambatan banjir di seluruh negara.

Saya merasa dengan jumlah peruntukan ini amat sukar untuk mengurangkan atau dan menjamin kejadian banjir tidak berulang lagi. Justeru itu, saya mencadangkan agar pihak swasta juga harus dilibatkan dalam usaha membina tambatan banjir di ECER selain daripada penambahan peruntukan terhadap projek penempatan banjir di kawasan ECER.

Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur, perkara 17(2d) iaitu mengenai tindakan dan inisiatif bagi perlindungan, menguruskan, memelihara, meningkatkan dan pembangunan mapan sumber asli alam sekitar, ekosistem pantai yang sensitif dan tanah tinggi. Saya cadangkan agar pihak ECER akan menyediakan suatu pusat pelupusan bahan yang berjadual bagi kawasan pembangunan ECER memandangkan banyak kawasan yang terlibat dengan pembangunan ECER adalah melibatkan kawasan-kawasan sensitif dan juga selari dan satu teras pembangunan dalam ECER ini yang melibatkan industri minyak, gas dan petrokimia yang kemungkinan akan memberi kesan yang kurang baik kepada alam sekitar. Sekiranya sisa-sisa ini tidak diolah dan dilupuskan secara betul.

Program atas inisiatif Kerajaan Pusat ini merupakan program ekonomi ketiga selepas Wilayah Pembangunan Iskandar WPI di Johor dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara NCER di Utara Semenanjung Malaysia, ECER melibatkan tiga buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan serta Daerah Mersing di Johor. Luas kawasan yang melibatkan 66,735 kilometer persegi atau 51% daripada keluasan Semenanjung Malaysia, ECER melibatkan 3.9 juta penduduk. Pembangunan ECER adalah selama 12 tahun dari tahun 2007 hingga 2020. Peneraju utama ialah perbadanan minyak dan gas iaitu Petronas. Teras utama ialah pelancongan, kemudian pusat peranginan dan hotel bertaraf antarabangsa di kawasan persisiran pantai bakal menarik kehadiran 7.4 juta pelancong luar negara dan 21.4 juta pelancong tempatan menjelang 2020.

Kuala Terengganu akan menjadi hab aktiviti pinggir pantai, marina, pasaran kraf tangan dan pusat membeli belah dan beberapa taman tema, Taman Negara Endau-Rompin, Jeti Mersing, Pulau Tioman bakal menjadi daya tarikan pelancong negara. Pengkalan Kubor menjadi pusat pelancongan sempadan, pusat perdagangan peringkat Asia Tenggara. Kota Bharu City Center (KBCC), Palekbang di kawasan Kota Bharu akan dibangunkan Sungai Nenggiri, Sungai Brooke, Sungai Jenderak, Sungai Puyan serta kawasan sekitarnya akan dimajukan sebagai Taman Negara di kawasan Gua Musang. Kawasan industri minyak, gas dan petrokimia, industri pembuatan, industri hiliran berasaskan minyak sawit dan susu getah serta hasil pertanian lain untuk mengeluarkan barangan seperti bahan-bahan perabot, sarung tangan dan makanan halal.

Taman Industri Halal di Pasir Mas dibina bagi menjana sektor hiliran. Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KISDA) akan dimajukan, 5,200 keluarga di Gua Musang, ini melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Gua Musang, Dabong dan Lembangan Sungai Nenggiri diwartakan sebagai Taman Negeri. Lebih 10 ribu Orang Asli daripada suku Temiar yang miskin tegar akan menikmati kemajuan ECER ini. Lembah Pertanian moden di Bachok dan Pasir Puteh, ladang buah-buahan dan sayur-sayuran seluar 2,000 hektar. Terminal Makanan Nasional (TEMA) Kota Bharu di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bakal memajukan 4,000 petani. Ladang ayam di Gua Musang, Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) akan memajukan 4,250 keluarga dalam pertanian komersial. Projek tebatan banjir dan mencegah hakisan pantai. Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Taman Ilmu di Batu Buruk seluas 283 hektar dan menjadikan bandar baru Universiti bakal didiami kira-kira 10 ribu penduduk. ECER tingkat nilai Tanah Melayu, tanah-tanah hak orang Melayu. Selepas umat Islam..., *sorry*, Wilayah Ekonomi Pantai Timur ECER dirangka oleh Syarikat Multi Nasional Negara Petronas.

Sebahagian pelan Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), ECER juga dirancang untuk meningkatkan pembangunan ekonomi, menambah tahap pendapatan sekali gus mengubah kualiti hidup rakyat Pantai Timur kepada lebih baik. Objektif utama pelan pembangunan ECER adalah untuk mempercepatkan pertumbuhan di wilayah itu secara berdaya maju seimbang dan mampan. Pelan induk ini dirangka sebagai sebahagian sumbangan sosial Petronas kepada masyarakat tempatan bagi meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan. Negeri-negeri dan ECER dicatatkan antara pendapatan purata isi rumah paling rendah di Malaysia. Terengganu mencatatkan kemiskinan tertinggi di negara ini iaitu 15.4 % diikuti Kelantan 10.6% dan Pahang 4.9%. Rancangan pembangunan ini bertujuan untuk memberi manfaat terus kepada pelbagai peringkat masyarakat kira-kira 3.9 juta penduduk. Di ECER daripada seluruh 26.8 juta rakyat di negara ini....

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagikah Yang Berhormat? Panjang lagikah? Tidak saya cuma tanya panjang lagikah?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Saya ambil yang penting.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat mula dengan....

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Hakikatnya wilayah ekonomi...

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat mula fasal...., fasal 17, kemudian melencong ke mana pun tidak tahu?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pergi pada masalah kepada Tanah Simpanan Melayu dan juga tanah pusaka. Nama pemilik begitu ramai, mereka juga hanya nampak keuntungan jangka pendek dan lupa faedah jangka panjang. Mereka mahu wang tunai daripada bersabar mahukan saham dan perkongsian pembangunan di atas tanah milik keluarga. Jadi saya mencadangkan supaya digunakan sistem tuntutan semula tanah daripada Akta Pengambilan Tanah dan menempatkan semula tanah yang dimajukan. Isu di dalam pengusahaan tanah, mengusahakan tanah penduduk Melayu luar bandar oleh pihak Petronas iaitu kesanggupan tuan tanah memajakkan tanah mereka untuk satu tempoh yang panjang, iaitu tanah diselesaikan melalui pertubuhan koperasi yang akan mengusahakan kawasan sawah pertanian, ternakan secara estet secara am.

Institusi koperasi di Malaysia bukanlah satu gerakan yang baru, ia boleh dilaksanakan melalui satu perancangan di dalam pelan tindakan gerakkan yang teratur dan bersifat jangka panjang. Koperasi dimiliki oleh tuan tanah tetapi diuruskan oleh mereka yang pakar di dalam bidang masing-masing secara profesional. Di dalam kes tanah ECER, Majlis Pelaksanaan ECER boleh menguruskan koperasi milik orang Melayu, tuan tanah secara profesional. Para petani sering kali memperoleh pendapatan bermusim, berhadapan dengan risiko musim. Kadar pengeluaran yang rendah, masalah pekerjaan, tanah terbiar dan kurangnya jaminan masa depan. Dengan penubuhan sebuah koperasi masalah ini mungkin boleh diatasi. Kawasan pertanian digabung dan uruskan oleh koperasi, pemilik koperasi ialah tuan tanah. Saham mereka di dalam bentuk nilai keluasan tanah mereka masing-masing. Kajian awal perlu

dilaksanakan, kesanggupan tuan tanah memajak tanah mereka ke koperasi untuk satu tempoh yang panjang.

Ini memerlukan penelitian dari segi adab, peraturan, institusi dan Kanun Tanah Negara. Konsepnya hampir sama seperti cadangan kerajaan untuk memajukan Kampung Baru di Kuala Lumpur tetapi pelaksanaannya berbeza, ia boleh dimajukan oleh koperasi atau tuan tanah, merupakan milik koperasi dan koperasi diuruskan secara profesional oleh Majlis ECER. Majlis ECER terdiri dari Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri Besar Kelantan, Terengganu, Pahang dan Johor, Ketua-ketua Setiausaha Kerajaan, wakil-wakil Kerajaan Persekutuan, dan wakil-wakil sektor swasta.

Aset, kos operasi perkara ini penting untuk menentukan keupayaan koperasi untuk membayar pulangan kepada tuan tanah, pemegang saham secara bulanan. Saham koperasi dimiliki oleh dua pihak, pertama tuan tanah dan kedua ialah pihak pemaju yang dilantik oleh Majlis ECER.

Aset utama koperasi ialah tanah, walau bagaimanapun ia bukanlah aset milik pemaju, pemaju hanya mengusahakannya. Satu peraturan dan perjanjian yang jelas diperlukan bahawa pemegang saham, tuan tanah tidak akan hilang hak di atas tanah mereka dan tidak menanggung sebarang hutang jika projek yang dilaksanakan gagal. Pulangan kepada tuan tanah terbahagi kepada dua. Pertama bayaran bulanan, hasil dari pajakan tanah amnya lebih luas tanah yang dipajak kepada syarikat pemaju, lebih tinggi hasil bulanan mereka. Kedua, setiap hujung tahun, pemegang saham tuan tanah akan mendapat dividen. Dividen ini bergantung kepada pulangan koperasi daripada projek-projek yang dilaksanakan oleh pihak pemaju.

Tuan Yang di-Pertua: Saya memohon izin mengajak Yang Berhormat agar kita sama-sama kembali pada masalah di hadapan kita. Itu satu masalah oleh kuasa undang-undang kepada penubuhan sesuatu badan yang akan selaraskan aktiviti empat buah negeri dan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Timur. Jadi kalau Yang Berhormat kurang sedikit... [*Gangguan sistem pembesar suara*] Tanah balik kepada soal kuasa dan penyelesaiannya. Kita memahami kesangsian Yang Berhormat terhadap masalah yang di... [*Gangguan sistem pembesar suara*]

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima Kasih Yang di-Pertua. Yang saya sebutkan pada hari ini adalah kesaksian atau permasalahan tanah yang akan diambil oleh ECER. Terima kasih. Dijangka masalah membangun kawasan luar bandar di Koridor Pantai Timur yang paling utama ialah masalah tanah yang tidak ekonomi dan kekangan sumber manusia. Suntikan faktor modal dan teknologi tidak akan banyak membantu membangun kawasan luar bandar tanpa disokong atau tindakan drastik menggabungkan tanah-tanah yang tidak ekonomi, mengusahakannya secara estet dan faktor modal dan sumber manusia kemahiran dan berinovasi tinggi. Institusi koperasi boleh digerakkan dalam mengatasi...

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Saya pohon laluan. Pendek sahaja.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih. Silakan.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Bercakap tentang penggunaan tanah, di antara matlamat dan objektif ECER ialah untuk mengguna dengan secara optimum tanah-tanah yang ada terbiar dan juga tanah-tanah rizab Melayu. Ini dengan cara mewujudkan satu teras yang akan membangunkan tanah-tanah rizab Melayu. Adakah penduduk di Kelantan bersetuju membangunkan tanah-tanah rizab Melayu. Adakah penduduk di Kelantan bersetuju dengan cadangan ini?

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Rakyat Kelantan memang bersetuju, banyak juga tanah-tanah yang terbiar dipunyai oleh orang perseorangan dan keluarga, tanah pusaka. Saya ingat kalau kitar cara kita buat macam *shareholder* kita bagi sebagai saham pada mereka dan pendapatan bulanan kita berikan kepada mereka dan diusahakan oleh mereka yang profesional. Saya ingat tiada halangan bagi penduduk Pantai Timur terutama di negeri Kelantan. Terima kasih.

Koperasi boleh digerakkan apabila mengatasi masalah kesanggupan tuan tanah memajakkan tanah kepada pemaju untuk satu tempoh yang panjang. Kedua-dua pihak, tuan tanah dan syarikat pemaju akan mendapat faedah daripada projek-projek pembangunan dilaksanakan dan yang paling penting penduduk luar bandar harus diberi peluang untuk terlibat dalam aktiviti ekonomi dan mengambil peluang yang wujud hasil

daripada pembangunan ekonomi yang pesat dan bukan hanya sebagai pemerhati. Ini secara langsung akan mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan di antara bandar dan luar bandar. Dengan itu, saya pohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Wan Ubaidah binti Omar.

5.20 ptg.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kemudian Dato' Idris.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: ...kerana mengizinkan saya untuk turut sama membincangkan Rang Undang-undang Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007. Ini adalah merupakan satu pandangan kerajaan yang tidak mendiskriminasikan kerana turut memasukkan dan tidak menganaktirikan negeri Kelantan walaupun diperintah oleh parti yang tidak sama dengan Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua: Kerajaan terus kukuh, adakah Yang Berhormat bermaksud Kerajaan Persekutuan ini mengamalkan demokrasi dengan baik mungkin rupa bentuknya.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Agak baik tetapi perlu diperbaiki lagi. Itulah perlunya kepada pembaikan SPR sebagaimana yang diterangkan dahulu.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Minta laluan. Ya.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang di-Pertua. Awal mukadimah Yang Berhormat telah pun menuduh Kerajaan Persekutuan menganaktirikan...

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak tuduh, Yang Berhormat memuji.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Saya tidak tahu mungkin pendapat saya, tetapi saya nampak adakah Yang Berhormat sebagai seorang ibu mengakui bahawa apabila dapat anak tiri, ibu itu menjadi ibu tiri yang tidak baik?

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Apabila kita ada anak semua itu adalah anak kita dan seharusnya kita menjaga semua harta kita sebab itu saya katakan tadi tidak menganaktirikan dan masih memasukkan Kelantan sebagai salah satu wilayah yang perlu dibangunkan. Itu saya ucapkan terima kasih.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Laluan.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Sikit sahaja, nanti Tuan Yang di-Pertua potong masa.

Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi: Sikit sahaja. Kalau di Selatan namanya ialah Wilayah Pembangunan Iskandar. Jadi tidakkah Yang Berhormat bercadang minta di Timur dinamakan Wilayah Pembangunan Nik Aziz.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Saya cukup sokong di atas saranan Yang Berhormat. Itu terpulanglah kepada pihak kerajaan.

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Saya minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang di-Pertua. Saya ingat Kerajaan Pusat tidak menganaktirikan Kelantan. Kalaulah Kerajaan Pusat menganaktirikan Kelantan bererti Perdana Menteri sebagai Perdana Menteri tidak bagi RM7.6 bilion kepada Kelantan. Sepatut dia boh layanlah, Kelantankan tidak BN. Pemerintahnya PAS, tetapi dia bagi tandanya dia sayang dia bukan dianaktirikan Kelantan. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Yalah, sebab itu saya kata...

Tuan Yang di-Pertua: Biarlah saya betulkan persepsi. Mukadimah Yang Berhormat tadi berbunyi saya terima kasih Kerajaan Persekutuan kerana tidak menganaktirikan Kerajaan Negeri Kelantan sebagai terbukti dengan rang undang-undang yang diperkenalkan ini. Itu pujian.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penjelasan, harap tidak ada lagilah gangguan di atas tajuk itu. Cuma harapan saya kerana dalam bahasa Inggerisnya, *East Coast Economic Corridor* ataupun dalam bahasa Kelantan disebut 'ecer' maksudnya ditabur. Harapannya dia tidak ditabur secara tidak tentu arah supaya rakyat tidak menangis. WEPT ataupun Wilayah Ekonomi Pantai Timur ringkasnya WEPT. Harapan ia dibangunkan secara apa yang dirancang agar rakyat semua mendapat merasai hasil daripada apa yang dirancang dan rakyat tidak menangis, Tuan Yang di-Pertua.

Perkara pertama yang saya pohon supaya difikirkan oleh pihak kerajaan ialah pembangunan infrastruktur terutamanya dari sudut pengangkutan kerana infrastruktur adalah satu perkara yang sangat penting dan sistem pengangkutan yang baik adalah merupakan satu perkara yang penting untuk meningkatkan mobiliti rakyat, di mana bila rakyat mempunyai satu pengangkutan yang baik maka mereka mudah bergerak dan dapat meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi.

Saya ingin mencadangkan supaya Tumpat dirancang untuk diadakan satu pelabuhan kerana dari sudut geografinya Tumpat itu adalah satu bandar kecil yang paling utara di negeri Kelantan dan berhampiran ataupun bersempadan dengan negara Thai. Jadi kalau satu pelabuhan dapat diwujudkan di Tumpat, maka dia boleh menjana ekonomi kerana *proximity* ataupun dekatnya dia dengan Songkhla dan juga Bangkok dan juga negeri-negeri ataupun negara-negara di Lautan Pasifik termasuk Hong Kong, *Japan* dan sebagainya.

Saya juga ingin mencadangkan supaya kerajaan memikirkan sebagaimana yang disebutkan oleh seorang Yang Berhormat tadi, membangunkan industri marina kerana kita sebagai sebuah negara semenanjung yang dikelilingi oleh pantai-pantai, seharusnya industri marina kita adalah satu yang sudah dibanggakan tetapi kita lihat hari ini, industri perkapalan kecil kita ini masih lagi terkebelakang dan sukan-sukan air ini masih lagi tidak digemari oleh orang tempatan.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebab itulah kita terpaksa dalam *Monsoon Cup* contohnya, terpaksa memanggil orang daripada luar. Jadi perkara ini harus difikirkan oleh kerajaan kerana selain dari meningkat, menjana ekonomi, dia boleh memberi satu aliran, satu industri yang baru kepada rakyat di Pantai Timur khususnya.

Saya juga memohon agar kerajaan benar-benar serius memikirkan untuk meningkatkan perkhidmatan Kereta Api Tanah Melayu kerana ini adalah satu punca pengangkutan bagi rakyat-rakyat pendalaman negeri Kelantan terutamanya dan pengangkutan ini adalah satu-satunya ataupun salah satunya yang agak selamat untuk membawa pelancong-pelancong ke tempat-tempat pelancongan di negeri Kelantan seperti di Gunung Stong, Gunung Ayam dan sebagainya. Pada masa ini untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, untuk pergi ke Gunung Stong kena naik kereta api jam 3.00 pagi dan itulah satunya bentuk kenderaan yang terus boleh sampai ke Dabung.

Jadi kalaulah pihak kerajaan ingin meningkatkan pelancongan ke tempat-tempat seperti Gunung Stong, maka perlulah difikirkan untuk mengadakan perkhidmatan kereta api yang lebih selesa dan pada masa yang agak sesuai mungkin di waktu awal pagi supaya pelancong-pelancong sama ada pelancong daripada luar ataupun daripada dalam boleh pergi ke tempat-tempat yang agak popular iaitu Gunung Stong dan juga Taman Negara. Kalau boleh diperbaikilah koc-koc untuk perkhidmatan kereta api yang dipanggil sebagai kereta api lokal sebab koc yang ada pada hari ini adalah tersangat teruk.

Kalau kita lihat sebagai sebuah negara yang sudah 50 tahun merdeka sepatutnya koc-koc itu sudah dilupuskan ataupun diperbaiki supaya dapat mencerminkan satu keadaan yang lebih baik atau sekurang-kurangnya sama standardlah dengan komuter yang ada di Pantai Barat sebab yang ada di Pantai Timur belum ada perkhidmatan komuter. Kalau boleh diadakan perkhidmatan yang sejenis ataupun yang agak sama dengan komuter, perkhidmatan daripada Kota Bharu terutamanya ke Gua Musang. Kalau boleh diadakan satu laluan yang baru sebab sekarang ini kalau kereta api hendak pergi daripada Kota Bharu ke Kuala Lumpur masih lagi terpaksa melalui Gemas. Sedangkan kita sudah pun begitu *advance* saya kira kita boleh mengadakan satu laluan yang baru tanpa melalui Gemas. Mungkin daripada Mentakab boleh terus cari satu laluan baru terus ke Kuala Lumpur supaya perjalanan tidaklah mengambil masa 12 jam sebagaimana yang ada pada hari ini.

Saya juga berharap laluan-laluan ataupun jalan-jalan raya dapat dipertingkatkan supaya lebih selamat dan supaya tidak terlalu ramai rakyat yang menggunakan jalan-jalan raya menjadi korban kerana terpaksa berulang alik. Sebab perkara ini sudah pun disentuh dan saya mintalah kalau boleh pihak kerajaan mengambil langkah-langkah supaya diperbaiki jalan raya terutamanya daripada Kelantan ke Kuala Lumpur kerana mobiliti itu sangat penting dalam menjana ekonomi rakyat setempat.

Saya pohon supaya dipercepatkan kenaikan taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra supaya rakyat Kelantan terus sama ada pergi ke Mekah ataupun pergi ke lain-lain negara tanpa melalui lapangan terbang di Kuala Lumpur. Boleh sahaja terus apabila dinaikkan taraf sebagai lapangan terbang antarabangsa boleh terus sahaja daripada Kota Bharu terus ke mana-mana destinasi antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk memajukan juga wilayah di negeri Kelantan, saya memohon supaya pihak Petronas mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan industri gas dan petroleum di negeri Kelantan supaya apa-apa gas ataupun petroleum yang disalurkan di Songkhla, kalau boleh dinaikkan juga di negeri Kelantan supaya rakyat di negeri Kelantan dapat turut sama dinikmati khazanah yang dihasilkan ataupun dianugerahkan oleh Allah di bumi Kelantan dan rakyat Malaysia juga akan turut dapat limpahan daripada hasil bumi tersebut.

Saya juga memohon agar kerajaan mewujudkan *government link industries* di Kelantan khususnya untuk mencetuskan ekonomi di negeri Kelantan. Kalau boleh lebih banyak lagi bantuan diberikan kepada agensi-agensi persekutuan kalau nak beri kepada agensi Kelantan pun lagi bagus, tapi melalui agensi persekutuan seperti KADA, KESDAR, FELCRA supaya ditingkatkan lagi bantuan-bantuan kepada mereka supaya boleh disalurkan kepada keluarga-keluarga yang terlibat secara *direct* dalam pertanian dan supaya Kelantan dapat dibangunkan sebagai satu hab makanan di Koridor Pantai Timur.

Saya juga amatlah berharap supaya dilaksanakan sebagaimana yang tercatat di dalam rang undang-undang yang kita bincangkan hari ini supaya Kerajaan Kelantan, Menteri Besar Kelantan, Exco Negeri Kelantan turut sama dilibatkan dalam apa jua perancangan dan tidak hanya melalui JPP sebagaimana amalan sekarang di mana peruntukan disalurkan terus melalui JPP tanpa melalui Kerajaan Negeri Kelantan.

Itulah antara perkara yang saya sebut dan mudah-mudahan apa yang dirancang ini akan dilaksanakan dengan adil dan agar semua rakyat negeri Kelantan dan rakyat dalam Wilayah Ekonomi Pantai Timur dapat, insya-Allah pada suatu hari merasai hasil daripada apa yang dirancang jika ianya dilaksanakan dengan baik, adil dan tulus. Sekian, saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Haji Idris Buang.

5.38 ptg.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Hanya ingin turut serta dalam perbahasan mengenai ECER ini dan menyokong rang undang-undang ini. Hanya sebagai Ahli Dewan Negara walaupun ini tak menyentuh sebelah Sarawak tetapi kita mempunyai satu juga apa yang digelar RECODA iaitu *Regional Economic Corridor Development Authority Sarawak* dan saya juga ingat di Sabah pun ada. Jadi selepas Wilayah Pembangunan Iskandar, kita ada Wilayah Pembangunan Utara juga dan sekarang ini ECER iaitu Wilayah Pembangunan Pantai Timur.

Empat-empat ini saya rasa adalah badan yang diwujudkan untuk mencetus ataupun mensimulasikan ekonomi atau pembangunan di wilayah-wilayah yang berkenaan, tetapi sebagai Ahli Dewan Negara saya rasa kita juga terpanggil untuk menyentuh. Bagaimana keempat-empat atau kelima-lima perbadanan yang berkuasa ke atas wilayah-wilayah ini dapat bekerjasama supaya dapat memikirkan yang terbaik dan membuat strategi yang terbaik di mana isu-isu ataupun masalah-masalah yang boleh dikatakan, kalau bahasa Inggerisnya *common issues* atau *common problems* itu dapat diatasi mengikut perkongsian pengalaman masing-masing supaya dapat menjimatkan tenaga manusia, menjimatkan masa, menjimatkan kewangan dan seterusnya menjimatkan sumber-sumber yang perlu dikeluarkan.

Saya rasa di tempat-tempat bangunan baru seperti ini mempunyai banyak masalah bersama dan juga ada masalah yang tersendiri yang hanya wujud di tempat-tempat berasingan. Namun permasalahan yang sama seperti *social impact*, *economy impact*, dengan izin, *national policies impact*, *legal impact* di antara negeri-negeri, *environmental impact*, dengan izin. Semua itu walaupun ada *peculiarity* di tempat-tempat yang berasingan ini, tetapi cara mengatasinya dan pengalaman mengatasinya harus dikongsi bersama. Bagaimanakah kerajaan memastikan pengalaman di ECER pengalaman di utara, pengalaman di Johor dapat dikongsi di Sarawak dan Sabah supaya dapat penjimatan dari apa yang saya sebut atau dahulu dapat dibuat.

Itu satu, saya rasa kepentingan *stakeholders*, ataupun daripada kerajaan sendiri hinggalah kepada semua lapisan rakyat dan juga pelabur-pelabur yang akan melabur hendaklah dikenal pasti lebih awal. Bagaimanakah kepentingan mereka ini dapat diberi perhatian dari mula supaya tidak ada satu pun *stakeholders* yang ketinggalan dari segi apa jua yang harus dijaga tentang hak-hak mereka.

Selain daripada itu, saya rasa saya tidak hendak sebut banyak, hanya saya mengucapkan syabas kepada kerajaan agar dapat menubuhkan satu kerjasama erat di antara semua kerajaan negeri seluruh negara. Ini supaya pengalaman tadi dapat dikongsi dan juga dapatlah pembangunan di tempat masing-masing lebih fokus dan kurang bermasalah, itu sahaja dengan ini saya menyokong rang undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz binti Md Nawî.

5.43 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawî: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut membenarkan saya membentangkan Rang Undang-undang Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007. Saya mempunyai dua, tiga isu untuk dikemukakan. Pertama saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Pusat kerana memberi kepercayaan dalam usaha untuk ECER pada kerajaan Kelantan bagi hak untuk pembinaan insan. Jadi oleh kerana kerajaan Kelantan telah mengamalkan dasar membangun bersama Islam dan Kerajaan Pusat mengamalkan Islam Hadhari saya bagi pihak kerajaan merayu agar Kerajaan Negeri Kelantan diberikan hak sepenuhnya untuk melaksanakan Islam dalam keseluruhan sistem yang ada di Kelantan.

Ini termasuk hukuman hudud untuk kesalahan-kesalahan jenayah kepada orang Islam kerana sekiranya kita ingin menjadikan Kelantan sebagai hak untuk pembinaan insan, maka keseluruhan pemakaian undang-undang Islam, perlu diguna pakai dan bukan hanya terhad untuk hal nikah kahwin sahaja. Ini kerana kita melihat sistem perbankan Islam telah pun diamalkan dan dianjurkan oleh kerajaan Kelantan dan disambut baik oleh Kerajaan Pusat dan kita melihat bagaimana perkara ini memberikan kejayaan.

Oleh yang demikian adalah tidak salah sekiranya Perdana Menteri kita yang ada sekarang ini memberikan kelulusan yang sama untuk kerajaan Kelantan melaksanakan undang-undang syariah berdasarkan kepada undang-undang hudud. Ini supaya perkara ini kita boleh lihat sebagai satu *pilot project*, sebelum Kerajaan Pusat melaksanakan keseluruhan undang-undang jenayah Islam kepada orang Islam di Malaysia. Ini kerana kita melihat jenayah indeks yang telah dilaporkan dalam negara kita makin meningkat dan bagaimana kejayaan Islam Melaka menerima pakai undang-undang hudud telah berjaya menaikkan Melaka sebagai satu empayar. Itu yang pertama.

Kedua, berkaitan dengan seksyen 8E tentang tugas-tugas majlis. Saya amat berharap dan berdoa agar kedua-dua pihak, pihak pusat dan pihak kerajaan negeri boleh memperkenalkan satu polisi ataupun undang-undang yang boleh mengawal mana-mana laporan media yang akan menjejaskan kepada potensi perkembangan ECER. Tidak kiralah apa berita pun, kalau berita ini kerana untuk melihat untuk mengajak pelabur asing datang ke mana-mana negeri, kita memerlukan promosi dan cerita yang positif bukan cerita-cerita negatif. Jadi kalau Kerajaan Pusat telah pun menyediakan kesediaan untuk membantu kerajaan Kelantan dan kerajaan-kerajaan lain di Pantai Timur, saya rasa perlulah diadakan satu polisi supaya media-media perdana

tidaklah membuat ataupun memberikan cerita-cerita yang negatif yang kadang-kadang tidak berasas kerana ini akan membantutkan kedatangan pelabur-pelabur asing ke Kelantan khususnya.

Kita melihat ini merupakan satu projek yang terulung yang akan menguji bagaimana aplikasi dan *enforcement* kerajaan dalam mengamalkan demokrasi. Sekiranya ECER ini gagal melihat kerjasama yang padu dan sama-sama berbaik sangka antara Kerajaan Negeri Kelantan dan Kerajaan Pusat ini akan menunjukkan ketidakmatangan kita dalam kita mencadangkan pentadbiran menurut lunas-lunas demokrasi.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat mengatakan supaya media-media ini jangan membawa berita-berita negatif berkenaan dengan kerajaan Kelantan supaya pelabur-pelabur dan *tourist* dapat ke sana.

Apa pandangan Yang Berhormat di atas PAS dan juga sama dengan Hindraf hari itu membuat demonstrasi yang tidak mendapat permit itu di pusat Kuala Lumpur. Sekiranya ini berlaku di Kuala Lumpur, pendapat Yang Berhormat tentang pelabur asing dan juga *tourist* tidak datang ke Malaysia oleh kerana Kuala Lumpur sebagai ibu negara telah dicemarkan dengan demonstrasi haram, apakah keuntungannya yang dapat di Kelantan. Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Saya rasa pandangan Yang Berhormat menyamakan Bersih dengan HINDRAF itu satu pandangan yang tidak adil. Ini kerana kita melihat Tuan Yang di-Pertua pun sebelum ini ada menyatakan perhimpunan mana-mana pun yang pentingnya motif. Jadi perhimpunan yang diadakan oleh Bersih bermotifkan kesucian dan kebersihan dalam pilihan raya. Tidak berbentuk mewakili mana-mana ataupun membuat fitnah yang tidak berasas, itu yang pertama.

Kedua, dari segi kita hendak membetulkan keadaan, kebenaran bagi saya perkara ini akan lebih menunjukkan kerajaan yang ada sekiranya mampu mengawal keadaan lebih bertanggungjawab. Ini kerana kita melihat apa-apa isu yang dikemukakan oleh rakyat sebagaimana kata Yang Mulia Raja Nazrin perlu ada saluran untuk rakyat mengeluarkan luahan hati mereka. Saya rasa cukup untuk itu.

Seterusnya berkenaan dengan seksyen 7B(v), iaitu menyebut tentang kawasan bebas cukai. Saya memohon untuk melaksanakan ECER ini lebih banyak insentif-insentif perlu diberikan atau diperkenalkan di kawasan bebas cukai kerana kita tidak mahu kawasan bebas cukai yang telah pun sedia ada ini hanya mampu berkembang, tetapi tidak mampu untuk melahirkan jutawan-jutawan daripada kawasan-kawasan bebas cukai ini. Jadi mungkin perlu ada bantuan ataupun nasihat secara intensif dari pihak kerajaan untuk membangunkan kawasan-kawasan ini. Seksyen 7E (ii), saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah strategik yang telah dikenal pasti untuk merangsang pelabur-pelabur asing datang ke kawasan ECER kerana kita melihat kawasan ECER ini merupakan kawasan Pantai Timur yang majoritinya orang Melayu.

Jadi apakah kerajaan mempunyai strategi yang strategik untuk menarik pelabur-pelabur asing ini datang kerana kita bimbang kalau tidak dikenakan strategik yang betul, ianya akan tidak mendapat sambutan sebagai di Pantai Barat.

Berkenaan dengan seksyen 7H, saya ingin juga bertanya kepada pihak kerajaan, manakah badan akademik yang bertanggungjawab yang telah pun atau akan diberi geran untuk penyelidikan bagi membangunkan kawasan ECER kerana sekiranya tidak diberi, badan akademik yang khusus itu, yang dipertanggungjawabkan dengan geran penyelidikan yang tertentu, kita bimbang pelaksanaan fasa-fasa ini akan tergendala.

Berkenaan dengan seksyen 17(9), sebagaimana yang telah diungkapkan oleh Yang Berhormat Senator Wan Hazani, berkenaan dengan pengurusan penggunaan tanah. Saya melihat kemungkinan perbezaan kanun-kanun tanah ataupun enakmen-enakmen tanah di negeri-negeri di Pantai Timur akan menyukarkan kedatangan pelabur asing.

Oleh yang demikian, saya mencadangkan agar untuk ECER ini kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa khas bagi mengawasi atau memantau serta melihat

isu-isu berkenaan dengan pengurusan penggunaan tanah kerana kita jangka ini perkara yang akan memberi kesan kepada ECER sendiri.

Berkaitan dengan seksyen 19(1), saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan adakah pihak kerajaan akan menetapkan satu jangka masa tertentu antara penyediaan draf pelan induk Wilayah Pantai Timur ataupun tidak ada jangka waktu yang diberikan, kerana kita melihat untuk ECER ini masa yang diberikan lebih kurang 12 tahun. Jadi kita hendak tahu ada tidak jangka masa yang ditetapkan. Sekiranya pelan induk ini dikemukakan, adakah ianya akan dijalankan secara serentak atau mengikut negeri?

Berkenaan juga dengan seksyen 19(4), saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah untuk kelulusan draf pelan induk Wilayah Pantai Timur ini memerlukan ianya diundi atau dibahaskan melalui Dewan Undangan Negeri dan ianya mungkin perlu kepada enakmen yang perlu mencerakinkan dengan lebih spesifik supaya pelaksanaan ECER ini akan betul-betul menjadi kenyataan.

Saya juga ingin bertanya dalam seksyen 20(2), adakah juga antara draf dan pelan induk Wilayah Pembangunan Pantai Timur ini juga mempunyai jangka masa yang tertentu, kerana kita bimbang kalau tidak ada jangka masa yang ditetapkan, ianya mungkin akan berpanjangan dan orang lain sudah ke depan, kita masih lagi di peringkat dalam draf sahaja. Saya dengan demikian, mohon untuk menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau tidak ada Ahli-ahli lain yang hendak berucap, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

5.53 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian iaitu seramai sembilan orang, Yang Berhormat Senator Che Puan Sri Kelana D'Raja Dr. Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya, Yang Berhormat Senator Ir. Hiang A Li, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Dr. Ismail Md. Salleh, Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi, Yang Berhormat Senator Hajah Wan Hazani Haji Wan Mohd. Nor, Yang Berhormat Senator Puan Wan Ubaidah, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Idris Buang dan Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz Md. Nawī yang telah mengambil bahagian dan perbahasan mengenai cadangan rang undang-undang bernama suatu akta untuk memperbadankan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur 2007.

Adalah diharapkan penubuhan badan berkanun bernama Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) akan dapat merealisasikan wawasan untuk mempercepatkan pertumbuhan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER sebagai sebuah wilayah yang pesat membangun secara saksama dan mampan seperti yang telah dirancang di bawah pelan induk ECER dan seterusnya dapat membantu kerajaan mencapai hasrat pembangunan wilayah yang seimbang seperti yang digariskan di bawah teras ketiga Misi Nasional iaitu untuk mengurangkan ketidakseimbangan pembangunan antara kawasan di dalam negara kita.

Tadi Yang Berhormat Datin Dr. Hajah Nik Azizah Nik Yahya ada menimbulkan bersama-sama juga dengan Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz berkenaan dengan isu mengenai bagaimana kerajaan mengoptimumkan potensi untuk tanah rizab Melayu, tanah yang terbiar, yang merupakan 40% daripada kawasan ECER.

Tanah Rizab Melayu merupakan lebih 40% daripada kelulusan tanah ECER. Jadi apa yang diperlukan sekarang adalah satu struktur atau satu pendekatan yang boleh membuka kepada kunci penggunaan serta nilai tanah. Pada masa yang sama memastikan semua pemilik tanah mendapat ekuiti terus yang boleh diwariskan kepada generasi akan datang, mereka sendiri dan juga kepada waris mereka.

Itulah sebabnya kerajaan akan menubuhkan satu badan amanah hartanah atau dipanggil *Real Estate Trust* (RET) bagi menjaga kepentingan tuan-tuan tanah. Di bawah pendekatan ini, pemilik tanah akan diberi peluang untuk turut serta dalam pembangunan wilayah ini dengan menjadi pemegang saham di dalam badan amanah ini dan bukannya menjual tanah mereka untuk mendapatkan faedah segera. Ini seperti juga yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Senator tadi. RET ini akan memberikan

pemilik tanah pendapatan secara berterusan melalui dividen dan juga perolehan modal. Ini saya rasa satu pendekatan yang sangat baik jika dapat dilaksanakan dengan sebenar-benarnya.

Mengenai penerimaan idea ini adalah disedari bahawa RET adalah konsep baru dan ia memerlukan penerangan yang terancang serta kempen kesedaran bagi memastikan kesedaran rakyat memahami kebaikan pengurusan tanah secara berkelompok ini. Jadi sebab itu kita harus meningkatkan lagi penerangan tentang pemahaman mengenai konsep RET ini. Kalau tidak, nanti ia tidak akan mencapai matlamat seperti yang kita kehendaki.

Mengenai isu faedah pembangunan ECER kepada rakyat tempatan, pembangunan wilayah ini berhasrat untuk memangkinkan pembangunan sosioekonomi demi kepentingan dan kesejahteraan semua lapisan rakyat. Fokus pembangunan ECER adalah menjurus kepada usaha untuk membasmi kemiskinan, mencipta peluang-peluang pekerjaan baru dan menggalakkan penyertaan usahawan tempatan khususnya di kalangan bumiputera. Rakyat ECER akan diberi keutamaan agar dapat melibatkan diri mereka dalam peluang-peluang yang muncul dari pembangunan wilayah ini.

Selain itu melalui pengenalan projek-projek pemangkin dan berimpak tinggi, ini akan turut memberi ruang kepada rakyat tempatan untuk menjalankan perniagaan seperti perniagaan inap desa dan *resort-resort* di kawasan berhampiran dengan projek pelancongan *East Coast Economic Region* atau ECER, dan sebagainya.

Bilangan penduduk di ECER adalah sebanyak 3.9 juta yang mana 87% adalah daripada golongan bumiputera. Secara amnya, pendapatan isi rumah di ECER adalah rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri yang lain. Adalah diharapkan dengan projek-projek pembangunan yang telah dikenal pasti dalam pelan induk ECER yang melibatkan kelompok-kelompok pelancongan, pertanian, pembuatan, minyak dan gas petrokimia serta pendidikan akan mewujudkan sebanyak 560 ribu peluang pekerjaan baru.

Secara tidak langsung ini akan dapat menambah pendapatan rakyat yang seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan per kapita sebanyak RM7,650 iaitu dari RM5,860.

Jadi kita akan dapat meningkatkan sebanyak RM7,000 lagi menjadikan kepada RM13,510 menjelang 2020, insya-Allah. Kadar pertumbuhan ECER di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan adalah 4% berbanding 6% kadar pertumbuhan negara. Pelan Pembangunan ECER dirancang untuk mengimbangkan kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar KDNK kepada 7.2 di mana ia lebih tinggi berbanding KDNK negara iaitu 6.3. Dengan mewujudkan projek-projek pemangkin dan berimpak tinggi bagi merencanakan lagi pembangunan ekonomi ECER. Tanpa ECER, ketidakseimbangan pembangunan antara negeri-negeri Pantai Timur dengan Pantai Barat Semenanjung dijangka akan berterusan. Rakyat tempatan akan diberi keutamaan dari segi peluang pekerjaan serta pembangunan usahawan dalam projek-projek yang telah dikenal pasti di bawah kelompok pelancongan, pertanian, pembuatan, minyak, gas dan petrokimia serta pendidikan.

Di bawah kelompok pelancongan sebagai contoh, pembangunan pusat pelancongan secara *incremental* atau kecilan oleh rakyat tempatan akan digalakkan di sekitar kawasan pembangunan pusat pelancongan bersepadu yang dimajukan di bawah rancangan pembangunan ECER. Dengan ini lebih banyak usahawan tempatan dalam bidang pelancongan akan dapat diwujudkan di ECER. Masyarakat tempatan akan turut mendapat faedah dari segi peluang pekerjaan, usahawan tempatan, perkhidmatan untuk khidmat pelancongan seperti pemandu pelancong, pengusaha, pemanduan, restoran, pengusaha makanan, pengusaha kraf tangan dan sebagainya.

Di bawah kelompok pertanian pula sebagai contoh ECER akan membantu petani, penternak dan nelayan meningkatkan pendapatan daripada kemahiran mereka dengan menggunakan pendekatan lebih bersepadu seperti menguruskan rangkaian bekalan. Mereka akan juga mendapat manfaat daripada penubuhan pusat-pusat pengumpulan, pemprosesan dan pembungkusan atau *Collection, Processing and Packaging Center* atau CPPC, dengan izin, dan Pusat Pengumpulan dan Pemasaran atau *Collection and Marketing Center (CMC)*. Kedua-duanya merupakan pusat sehati bagi perkhidmatan, pensijilan dan akreditasi sebelum produk-produk ini dijual ke pasar raya atau dieksport.

Satu lagi inisiatif utama untuk memanfaatkan rakyat tempatan adalah lima projek agropolitan yang dikenal pasti untuk ketiga-tiga negeri di Gua Musang, kawasan KADA Ulu Setiu, Kuala Lipis dan Pekan. Sari pati projek-projek ini sebenarnya adalah menyediakan pendekatan bersepadu daripada 'A' hingga ke 'Z', untuk memajukan kawasan pedalaman. Melalui aktiviti-aktiviti yang mengoptimumkan dan menambah nilai bidang pertanian dan lain-lain industri kampung dan berasaskan tani. Oleh sebab golongan tenaga kerja kaum wanita, ini satu di koridor timur ini ada beza sikit oleh sebab golongan tenaga kerja kaum wanita merupakan satu kekuatan untuk ECER. Golongan ini akan digalakkan untuk menyertai aktiviti ekonomi dan bekerja sebagai usahawan. Bagi mewujudkan motivasi, keyakinan serta kemahiran kepada golongan wanita di ECER, latihan akan diberikan menerusi program pengurusan dan keusahawanan khusus untuk kaum wanita. Program yang akan dijalankan setiap tahun ini akan mensasarkan 6,000 orang bagi setiap program latihan kemahiran selama enam bulan. Jadi selama enam bulan akan dilaksanakan kursus-kursus ini untuk kita selesaikan pada setiap tahun bagi 6,000 orang.

Datin Dr. Hajah Nik Azizah juga ada menimbulkan isu mengenai peranan Unit Perancang Ekonomi dalam perancangan ekonomi negara memandangkan telah wujud lima koridor di Malaysia. Sebenarnya untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi masih berperanan dalam perancangan ekonomi makro untuk keseluruhan negara walaupun wujud pihak-pihak berkuasa di koridor-koridor berkenaan. Peranan pihak berkuasa ini adalah berbatasan kepada aktiviti pembangunan dalam kawasan tersebut sahaja. Perancangan oleh pihak berkuasa koridor-koridor ini perlu mengambil kira perancangan ekonomi makro yang disediakan oleh Unit Perancang Ekonomi Malaysia.

Mengenai isu adakah ECER mempunyai laman web. Adalah tidak tepatlah tadi Yang Berhormat kata tak ada. Memang sudah ada pun sekretariat yang boleh dihubungi iaitu kalau sekretariatnya beroperasi pada waktu pejabat setiap hari, hari Isnin hingga Jumaat di Aras 50, Menara 1, Menara Berkembar di Petronas Kuala Lumpur. Sekretariat boleh kita hubungi melalui nombor telefon ada di sini, tak payahlah saya bagi nombor telefon tapi memang adalah, termasuk webnya iaitu kalau laman web saya bagi di sini, www.ecerdc.com, untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai Wilayah Ekonomi Pantai Timur sila hubungi web tersebut.

Yang Berhormat Ir. Hiang Li dan Dato' Lee Sing Chooi tadi ada menimbulkan isu mengapakah pihak berkuasa bagi ECER dirujuk sebagai Majlis sedangkan pihak-pihak berkuasa bagi wilayah ekonomi yang lain dirujuk sebagai pihak berkuasa. Jadi jawapannya, oleh sebab peneraju yang diamanahkan telah memilih Majlis Pembangunan ECER sebagai nama badan berkuasa kerana perkataan Majlis melambangkan perhimpunan ataupun perkumpulan yang mempunyai lebih dari satu entiti. Peneraju yang diamanahkan juga berpendapat bahawa perkataan Majlis lebih sesuai digunakan untuk melambangkan satu entiti yang mewakili Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, perkhidmatan awam serta sektor swasta yang dapat berunding dan bermusyawarah untuk mencapai persetujuan sepakat dalam pembangunan ECER. Peneraju yang diamanahkan juga berpendapat bahawa perkataan "Majlis" membawa maksud bahawa keputusan mengenai hal-hal yang membabitkan pembangunan ECER akan dibuat selepas rundingan antara ahli-ahli Majlis dan dicapai secara sebulat suara. Dalam menjadikan sesuatu asas penubuhan ECER bahawa semua tindakan untuk membangunkan kawasan ini secara keseluruhannya akan dibuat secara musyawarah serta persetujuan semua ahli majlis mengikut perkara 3(1)(6) Jadual Pertama.

Majlis juga tidak akan menjalankan fungsi biasa pihak berkuasa tempatan malahan teras utama Majlis selain daripada merumus pelan induk ECER adalah memantau serta melaksanakan projek – projek pembangunan yang terkandung di dalam pelan induk ECER di samping bertindak sebagai badan penyelaras utama bagi ECER. Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, dengan nama sesuatu badan yang ditubuhkan oleh Parlimen itu tidaklah begitu penting jika kita membandingkan niat di sebalik penubuhannya dan tugas yang akan dijalankan oleh badan tersebut.

Mengenai mengapa projek pembangunan ditumpukan di kawasan-kawasan pesisiran pantai sahaja. Jawapannya, ECER tidak mengetepikan kawasan-kawasan pedalaman dan pelbagai projek diperuntukkan di setiap kawasan tersebut seperti saya bagi contoh kita ada projek agropolitan, projek pembangunan koko, projek lembah pedaging ini di Kuala Lipis. Kemudian kita ada juga projek *agro valley* Kuantan, Maran, projek pusat koleksi koko, zon ternakan lembu di Maran. Kemudian kita ada projek

pembangunan koko, taman kekal pengeluaran makanan di Jerantut, projek ternakan lembu, projek ekopelancongan, projek infrastruktur jalan raya di Jerantut, ini semuanya meliputi kawasan-kawasan pedalaman. Jadi tidaklah benar kalau dikatakan bahawa kita meninggalkan beberapa tempat pedalaman di kawasan pesisiran negeri Pahang.

Ada projek-projek yang telah sedia ada dan ada juga projek-projek baru yang dicadangkan di dalam Pelan Induk ECER. Peranan Majlis Pembangunan Malaysia dalam untuk menambah nilai setiap projek yang dicadangkan serta untuk meningkatkan lagi pembangunan di kawasan-kawasan tersebut. Sebagai contoh, ECER akan membantu petani, penternak dan nelayan meningkatkan pendapatan daripada kemahiran mereka dengan menggunakan pendekatan yang lebih bersepadu seperti pengurusan rangkaian bekalan.

Mereka akan juga mendapat manfaat daripada penubuhan pusat-pusat pengumpulan, pemprosesan dan pengurusan. Begitu juga pusat pengumpulan dan pemasaran seperti yang telah saya sebutkan sebentar tadi. Memandangkan kawasan pembangunan ECER adalah meliputi seluruh negeri Pahang - tentang program kemiskinan tidak akan merangkumi isi rumah di tempat-tempat tertentu, ia adalah tidak benar bahawa kita melaksanakan projek ini adalah secara menyeluruh kepada kawasan-kawasan yang terlibat dengan koridor ini.

Yang Berhormat Ir. Hiang A Li juga ada menimbulkan tentang insentif kepada pelabur-pelabur asing dan tempatan bagi menggalakkan mereka melabur dan seterusnya membantu pertumbuhan Projek Pembangunan Koridor Pantai Timur di mana dua koridor yang telah dilancarkan sebelum ini iaitu Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER). Kerajaan juga akan berusaha menarik pelabur sama ada pelabur tempatan mahupun pelabur asing datang melabur di Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini (ECER). Bagi merencanakan pembangunan di ECER ini, kerajaan melihat bahawa pelaburan asing ini amat penting dalam pembangunan sosioekonomi negara.

Oleh itu, di samping mengkaji semula insentif-insentif pelaburan sedia ada di negeri-negeri Pantai Timur ini, kerajaan juga akan mengkaji dan menyediakan insentif-insentif baru yang bersesuaian untuk menjana pelaburan daripada sektor swasta bagi mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi, pekerjaan dan penyediaan kemudahan infrastruktur dan sosial di ECER. Dengan pembangunan terancang ini adalah diharapkan pendapatan rakyat akan meningkat dan kualiti hidup diperbaiki ke tahap yang lebih tinggi. Setakat ini, cadangan insentif bagi ECER sedang dirangka oleh kerajaan dan ianya akan diumumkan apabila telah mendapat kelulusan Jemaah Menteri.

Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik ada menimbulkan isu mengenai manfaat kepada golongan bumiputera. Program-program khusus dalam lima sektor teras utama – pelancongan, minyak, gas dan petrokimia, pembuatan, pertanian dan penyelidikan dan sektor sokongan akan dilaksanakan bagi membantu golongan bumiputera seperti berikut:

- (i) mempertingkatkan penglibatan SME dan enterprise makro bumiputera dalam aktiviti-aktiviti bernilai tinggi di sepanjang rantaian nilai;
- (ii) memperteguh SME dan enterprise makro bumiputera di bawah inisiatif pembangunan industri kraf tangan berasaskan kemahiran batik, tenunan songket, barang-barang perak, ukiran kayu dan pemprosesan makanan berasaskan ikan. Contoh, Program Anjar Vendor, Program Inkubator, Program Pembangunan, Kemahiran dan Program Pembekal Global;
- (iii) mengenal pasti syarikat-syarikat GLC tertentu sebagai rakan perkongsian pintar seperti juga yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi iaitu *smart partnership*, bimbingan dan khidmat nasihat kepada usahawan bumiputera; dan
- (iv) memberikan perkhidmatan lebih efektif dengan mempertingkatkan keberkesanan agensi-agensi berkaitan pembangunan usahawan bumiputera sedia ada.

Merujuk kepada saranan yang dikemukakan Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh iaitu isu mengenai penglibatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Kelantan dalam melaksanakan Projek Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur ini, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan berpandangan penglibatan semua negeri yang terlibat adalah penting bagi menjamin kejayaan pembangunan ECER tanpa mengira sama ada mereka ditadbir oleh parti pemerintah mahupun parti pembangkang.

Dari segi penglibatan kerajaan-kerajaan negeri setakat ini, sambutan dan sokongan semua kerajaan negeri adalah baik dan ini telah membantu dalam penyediaan pelan induk bagi ECER mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Sokongan padu kerajaan-kerajaan negeri tidak boleh disangkal dan ianya amat diperlukan. Saya yakin bahawa termasuk Kerajaan Negeri Kelantan pun menyokong perkara ini kerana kedua-dua Senator daripada Kelantan tadi telah pun menyatakan sokongan mereka kepada *bill* yang kita bentangkan. Cuma bila dia kata anak tiri itu tadi saya pun terasa kecil hati juga. Yang sebenarnya, emak tiri itu elok, yang tidak elok itu anak tiri, tadi dia pusing kata emak tiri yang jadi tidak elok. Itu sudah tidak ada hendak buat macam mana. Sokongan padu kerajaan negeri tidak boleh disangkal kerana semua negeri memberi kerjasama kepada perkara ini dan insya-Allah Koridor Pantai Timur ini akan dapat dilaksanakan dan kita harap tanpa apa-apa gangguan daripada mana-mana pihak kerana ia adalah untuk kepentingan rakyat seluruhnya.

Yang Berhormat Senator Wan Hazani bin Haji Wan Mohd. Nor ada menimbulkan tentang isu peningkatan kualiti hidup penduduk khususnya menangani masalah banjir di kawasan ECER. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan induk yang dirangka bagi pembangunan ECER sememangnya telah pun mengambil kira aspek kualiti hidup penduduk dan alam sekitar di dalam perancangannya bagi membolehkan wilayah ini dibangunkan secara mampan untuk mencapai hasrat pembangunan yang lebih saksama dan seterusnya memberi faedah kepada penduduk tempatan.

Dalam hal ini, ECER mempunyai kawasan hutan dan tanah lembap (*wetlands*), yang luas serta kaya dengan ekosistem marin yang kebanyakannya berada dalam kawasan sensitif alam sekitar. Justeru itu, segala pembangunan yang akan dijalankan di ECER ini akan mengambil kira kekayaan warisan alam ini. Secara ringkasnya, beberapa contoh projek-projek tebatan banjir yang dirancang adalah seperti berikut:

- (i) di Kelantan – macam mana kata kita anak tirikan – projek tebatan banjir Sungai Kelantan, Empangan Lebir, projek pembaikan sistem perparitan bandar Kota Bharu, projek pembaikan sistem pengairan (*irrigation*), sawah padi - KADA Kelantan;
- (ii) di Terengganu, projek tebatan banjir dan pembaikan perparitan Dungun, projek tebatan banjir dan pembaikan perparitan Chukai, pembaikan sistem pengairan sawah padi KETARA;
- (iii) di Pahang, pembaikan sistem perparitan bandar Kuantan dan Pelabuhan Kuantan, kajian banjir lembangan Pahang, pembaikan sistem pengairan sawah padi pekan Rompin dan di daerah Mersing, Johor adalah projek banjir daerah Mersing.

Memang benar bahawa perbelanjaan untuk tebatan banjir ini adalah besar. Kalau dikira untuk 17 tahun yang akan datang, ia akan memerlukan RM20 bilion lebih. Ini adalah satu peruntukan yang besar tetapi dalam kajian yang dibuat bahawa peruntukan banjir ini tidak akan berdasarkan kepada kerajaan negeri ataupun negeri tetapi berdasarkan kepada lembangan dan bandar-bandar. Pihak JPS telah pun mengenal pasti perkara-perkara seperti ini.

Senator Wan Ubaidah ada menimbulkan mengenai perancangan Pembangunan Ekonomi Wilayah Pantai Timur supaya semua negeri di bawahnya dibangunkan secara saksama. Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, dalam Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur ini sudah pasti semua kerajaan negeri diberi perhatian secara saksama. Kalau kita lihat maklumat pecahan projek yang dicadangkan di bawah ECER ini, bayangkan tengok ini, nampak, saya ingat kena tengok lebih dalam. Maklumlah mereka bercakap sahaja, selepas itu dia keluar. Di Kelantan sahaja, sebanyak 99

projek, di Terengganu 97 projek, kurang dua dari Kelantan, Kelantan lebih lagi, 99 projek, Pahang 90 projek, Johor 13 projek.

Jadi kita lihat bahawa dari segi itu tidak ada. Maksudnya memang saksama kerajaan kita tidak ada hendak anak tiri dekat siapa-siapa. Malangnya itulah kadang-kadang, kita bagi bunga orang tidak bagi balik bunga dekat kita. Apa hendak buat. Kemudian, mengenai pertanyaan hendak diberi projek-projek di Kelantan, antara projek baru di Kelantan yang dicadangkan dalam Pelan Induk ECER ini, adalah seperti berikut:

- (i) Projek Agropolitan;
- (ii) kemiskinan tegar di kawasan Kelantan Selatan dan Kelantan Utara;
- (iii) Taman Herba di Gua Musang;
- (iv) Pusat Inkubator Enterprise Mikro dan Kecil di Kota Bharu;
- (v) Taman Perikanan Bersepadu di Tok Bali;
- (vi) Taman Pemprosesan Makanan di Pasir Mas; dan
- (vii) Pembangunan Industri Kenaf di Bachok.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya berikan jawapan ataupun penjelasan kepada rakan-rakan yang telah menimbulkan ini. Sebenarnya banyak lagi yang tidak dapat saya sebutkan di sini dan pegawai-pegawai saya telah pun mengambil maklumat ini. Mana-mana saranan yang kita fikirkan baik, akan kita gunakan dalam pelaksanaannya nanti dan mana-mana yang kita fikir perlu, kita bincangkan lebih teliti lagi. Sudah tentu kerajaan akan membincangkan ini khususnya bukan sahaja kerajaan selepas ini pihak Majlis ini sendiri pun akan mengadakan perbincangan.

Jadi saya inginlah menyatakan bahawa tugas Majlis ini adalah berat kerana untuk kita kena fahami bahawa bukan sahaja keluasan kawasan, tetapi kita akan melibatkan 50 agensi kerajaan. Selepas itu kita juga akan melibatkan 32 Pihak Berkuasa Tempatan, di mana 11 dari Pahang, 7 - Terengganu, 13 - Kelantan, 1 - Johor, memang adalah satu perkara yang perlu diselaraskan dengan sebaik-baik mungkin. Rundingan-rundingan akan berterusan, bukan setakat itu sahaja dan pihak kerajaan akan terus berunding, khususnya Petronas sendiri yang akan melaksanakan dalam bidang gas dan petrokimia. Mereka akan meneruskan projek-projek tertentu dan projek-projek lain akan dibuka kepada pihak-pihak yang nanti akan turut serta di dalam pembangunan Koridor Pantai Timur ini. Jadi sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada semua Senator yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ORANG KURANG UPAYA 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.29 ptg.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya 2007 iaitu suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh huraikan.

Datuk G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tanggal 10 Disember 2007, merupakan detik yang amat bermakna dalam sejarah negara. Tarikh tersebut merupakan julung kalinya satu rang undang-undang berhubung hak asasi kepentingan dan kesejahteraan Orang Kurang Upaya dibentangkan di Dewan Rakyat untuk Bacaan Kali Pertama.

Bacaan Kali Kedua Rang Undang-undang OKU di Dewan Negara pada hari ini bakal melakar satu era baru dalam kehidupan golongan OKU di Malaysia yang merupakan salah satu dari golongan sasaran Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kementerian yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal wanita, keluarga dan masyarakat aspek kesejahteraan dan kebajikan OKU sentiasa menjadi perjuangan kami kerana OKU juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat dan mereka perlu berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan anggota masyarakat yang lain.

Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di atas pelantikan Yang Berhormat Senator Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh sebagai Ahli Dewan Negara pada 18 Disember 2007. Ia merupakan hari yang penuh bersejarah kepada komuniti OKU di Malaysia. Di bawah kepimpinan Perdana Menteri banyak kemudahan positif telah dicatat untuk komuniti OKU. Rang Undang-undang OKU amat dinantikan oleh golongan OKU, keluarga mereka dan masyarakat yang prihatin kepada OKU. Dalam hal ini saya sungguh gembira kerana hasrat dan impian OKU telah dapat dipenuhi oleh pihak kerajaan yang sentiasa prihatin terhadap semua lapisan masyarakat, khususnya golongan yang memerlukan seperti OKU.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang OKU penting bagi meningkatkan dan melindungi hak OKU supaya mereka dapat hidup berdikari, bermaruah dan mempunyai harga diri. Seterusnya golongan OKU ini diharap dapat menjalani kehidupan yang sempurna dalam masyarakat serta bersama-sama menyumbang kepada proses pembangunan negara. Selain itu rang undang-undang ini membolehkan pihak kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan setiap anggota masyarakat melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam memastikan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat sama seperti anggota masyarakat yang berupaya.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, semenjak dua dekad yang lepas isu-isu berkenaan golongan OKU telah mengalami anjakan paradigma daripada pendekatan berasaskan kebajikan atau *charity based* kepada pendekatan berasaskan hak atau *rights based*. Sejajar dengan perkembangan ini kerajaan pada bulan November 2007 telah meluluskan dasar dan pelan tindakan OKU yang memberi hala tuju kepada semua bagi pihak memperdanakan OKU dalam arus pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kepada golongan OKU semakin nyata apabila kerajaan bersetuju supaya Malaysia menandatangani Konvensyen mengenai Hak Orang Kurang Upaya yang telah dibuka untuk ditandatangani oleh semua negara, ibu

pejabat, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, di New York pada 30 Mac 2007. Negara Malaysia dijadualkan untuk menandatangani konvensyen ini pada bulan Februari 2008.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, secara amnya Rang Undang-undang OKU yang digubal telah mengambil kira keperluan-keperluan di bawah Konvensyen mengenai Hak OKU serta dasar dan pelan tindakan OKU. Ia mengandungi 46 fasal yang dibahagikan kepada lima bahagian meliputi, pendaftaran, perlindungan, habilitasi, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU dan perkara-perkara yang berkaitannya dengannya.

Bahagian satu yang terdiri daripada fasal 1 dan 2 merujuk kepada permulaan perundangan ini dan tarikh yang akan berkuat kuasa. Menteri yang bertanggungjawab boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan penguat kuasa peruntukan yang berlainan bagi akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, bahagian ini juga diberikan tafsiran kepada istilah-istilah yang digunakan.

Bahagian 2 rang undang-undang ini yang meliputi fasal 3 hingga 19 menggariskan perkara-perkara berkaitan Majlis Kebangsaan OKU termasuk keahlian, fungsi, jawatankuasa yang boleh diwujudkan tanggungjawab pelbagai pihak yang berkaitan dan laporan. Seramai sembilan orang ahli daripada kerajaan dan 10 orang yang terdiri daripada individu sama ada mewakili pertubuhan bukan kerajaan OKU serta mereka yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran yang sesuai untuk membantu majlis menjalankan fungsinya.

Antara fungsi utama majlis ini ialah menyelia, pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubung dengan OKU serta membuat syor kepada kerajaan mengenai sokongan penjagaan, perlindungan, habilitasi dan rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan fungsi dan kuasanya secara berkesan di bawah akta ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merancang untuk menubuhkan sebuah Jabatan Pembangunan OKU. Perkara ini akan dikemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam dalam masa terdekat.

Majlis Kebangsaan bagi OKU juga boleh menubuhkan apa-apa Jawatankuasa bagi membantu melaksanakan fungsi dan kuasa tertentu. Anggota Jawatankuasa boleh dilantik daripada kalangan anggota majlis atau mereka yang difikirkan sesuai oleh Majlis.

Bahagian 3 Rang Undang-undang OKU yang terdiri daripada fasal 20 hingga fasal 25 meliputi aspek pelantikan, pendaftar dan pendaftaran OKU termasuk penyenggaraan daftar, permohonan bagi mendaftar sebagai OKU dan pengeluaran kad OKU.

Saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk memohon bantuan dan kerjasama daripada semua Ahli Yang Berhormat untuk menggalakkan OKU di kawasan masing-masing mendaftarkan diri dengan jabatan atau pejabat kebajikan masyarakat yang terdekat. Pendaftaran ini juga boleh dipohon oleh penjaga OKU jika OKU berkenaan tidak berupaya untuk melakukannya sendiri.

Bahagian 4 meliputi fasal 26 hingga fasal 40 dan terbahagi kepada lima bab yang memberi tumpuan kepada aspek penggalakan dan pembangunan kualiti hidup serta kesejahteraan OKU. Ini meliputi aspek kebolehaksesan atau *accessibility*, habilitasi dan rehabilitasi, kesihatan, perlindungan kepada mereka yang mempunyai ketidakupayaan yang teruk dan keadaan yang berisiko serta kecemasan kemanusiaan.

Bahagian terakhir ialah Bahagian 5, mengandungi fasal 41 hingga fasal 46 iaitu fasal umum termasuk perlindungan daripada tindakan guaman dan prosiding perundangan, kuasa membuat peraturan dan pencegahan anomali.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk pihak kerajaan pelaksanaannya akan dibuat secara berperingkat mengikut kesediaan sumber-sumber yang ada. Dalam hal ini penyertaan aktif dan sumbangan daripada sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan serta orang perseorangan amat dialu-alukan bagi memperbanyakkan lagi sumber untuk membantu OKU.

Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberi kerjasama yang tidak berbelah bagi dalam memungkinkannya Rancangan Undang-undang Orang Kurang Upaya 2007 menjadi kenyataan. Khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Berbahagia Tan Sri Peguam Negara serta para pegawai beliau.

Kepada golongan OKU pula saya ingin menyatakan bahawa Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan meneruskan perjuangan bagi golongan OKU supaya mereka dapat hidup berdikari, bermaruah dan mempunyai harga diri serta menyumbang secara aktif dalam pembangunan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi pendaftaran, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan orang kurang upaya, penubuhan Majlis Kebangsaan bagi Orang Kurang Upaya dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

6.41 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya turut berbahas dalam rang undang-undang ini. Pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian atas kesungguhan dan keprihatinan terhadap warga OKU di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang dinyatakan oleh yang Berhormat Timbalan Menteri, penggubalan rang undang-undang ini menunjukkan komitmen Kerajaan Malaysia dalam memastikan warga OKU turut diberi hak dan kuasa dalam penyataan ekonomi dan sosial negara dengan berasaskan visi dan misi OKU negara seperti mana yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini Profesor Datuk Dr. Ismail, Puan Heng.

Puan Heng Seai Kie: Walau bagaimanapun, setelah meneliti rang undang-undang ini, berikut ialah beberapa pandangan dan cadangan yang ingin saya ketengahkan untuk tujuan penambahbaikan. Pertama sekali saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada fasal 3, subseksyen 2 berkenaan dengan anggota pertubuhan Majlis Kebangsaan bagi orang kurang upaya. Selain daripada mereka yang disenaraikan daripada perenggan (a) hingga (i), perenggan (j) memberikan kuasa kepada Menteri untuk melantik maksimum 10 orang yang di fikirkan sesuai dalam permasalahan dan isu berhubung dengan OKU.

Persoalan saya ialah, apakah kriteria pelantikan calon ini? Yang kedua, bagaimana pula dengan struktur keanggotaan bagi mereka yang akan dilantik ini? Adakah ia akan meliputi perwakilan daripada semua lapisan masyarakat terutamanya daripada golongan minoriti.

Selain itu, berhubung dengan fasal 3 subseksyen 3, saya juga ingin meminta penjelasan tentang hak jumlah elaun yang akan dibayar kepada setiap anggota Majlis ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan seksyen 4 fasal 3, saya juga meminta penjelasan daripada kementerian tentang justifikasi mengehadkan lanjutan pelantikan seseorang anggota Majlis kepada maksimum dua penggal, walaupun anggota berkenaan terbukti berkaliber dan masih dapat terus menyumbang.

Akhir sekali, saya ingin menyentuh tentang elaun pekerja cacat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, fasal 38 seksyen 1 telah memperuntukkan perlindungan sepanjang hayat dan sistem sokongan sosial kepada orang dengan ketidakupayaan teruk melalui insentif yang diberikan kepada NGO ataupun individu yang menjaga orang yang ketidakupayaan teruk ini. Persoalan saya ialah, bagaimana pula dengan OKU biasa yang juga tidak berdaya saing?

Walaupun telah dikenal pasti dan telah berdaftar, OKU ini tidak diberikan sebarang elaun yang berkaitan, hanyalah elaun pekerja cacat di mana hanya OKU yang bekerja sama ada secara makan gaji atau cara sendiri dengan pendapatan kurang daripada RM600.00 sebulan sahaja yang akan diberi elaun pekerja cacat sebanyak RM200.00 setiap bulan dan jumlah ini akan ditingkatkan kepada RM300.00 mulai tahun 2008.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya ialah majoriti OKU ini telah terpaksa untuk tidak bekerja kerana masyarakat kita sendiri tidak sanggup ataupun tidak dapat menyediakan peluang pekerjaan yang sesuai untuk mereka. Dengan lain perkataan, mereka terpaksa menganggur.

Sementara itu, sistem pendidikan yang ada pula tidak dapat memastikan setiap OKU di negara ini akan dilatih dengan satu kemahiran hidup khas untuk membolehkan mereka berdikari ataupun mendapat pekerjaan kelak. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak adil bagi kita menafikan hak mereka untuk mendapatkan bantuan kewangan iaitu elaun hidup semata-mata kerana mereka tidak dapat bekerja. Sebaliknya.....

6.46 ptg.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, laluan.

Puan Heng Seai Kei: Ya, silakan.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat menyebut tentang isu pekerjaan tadi di kalangan orang kurang upaya ini. Saya ingin membangkitkan apakah istilah orang kurang upaya ini sesuai dan relevan diguna pakai sekarang ini dengan melihat pencapaian, kebolehan, kemampuan, daya saing yang mereka ada. Mungkin ada istilah lain yang lebih sesuai seperti warga boleh, warga intan, warga istimewa, sebab kita melihat kalau konvokesyen ramai warga seperti ini mendapat ijazah dan pendidikan yang baik dan mereka boleh bekerja. Cuma ada persepsi yang negatif bila mereka ini disebut OKU.

Jadi, ada sesetengah majikan dia tidak tahu OKU yang memohon kerja. Bila masuk dalam bilik temu duga dia terkejut dan dia sudah ada satu persepsi bahawa orang ini tidak boleh bekerja sebab mungkin tidak ada kemudahan di tempat dia ataupun orang ini tidak boleh bercampur dengan orang ramai dan sebagainya. Jadi istilah itu mungkin kena ubahsuai sedangkan kita lihat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md Salleh, beliau pernah menjadi pensyarah, sekarang naib canselor dan menjadi anggota kepada badan-badan ekonomi antarabangsa yang kita sendiri sebenarnya kagum dengan kebolehan beliau.

Jadi, saya rasa istilah OKU ini perlu ditukar kepada istilah baru yang memperlihatkan keupayaan mereka dan jangan ada orang negatif ataupun *preamble* terhadap mereka sebenarnya. Terima kasih.

Puan Heng Seai Kei: Terima kasih Yang Berhormat atas pandangan yang diberikan tetapi sebelum ini sebenarnya pada pendapat saya, konsep OKU ini adalah lebih baik kalau kita bandingkan dengan nama yang diberikan sebelum ini iaitu orang cacat. Jadi, walau bagaimanapun, kalaulah kita dapat carikan satu nama yang lebih sesuai atau lebih sedap didengar, saya rasa kita semua akan mengalu-alukannya dan kita mengharap semua pihak akan berusaha sama untuk mendapatkan istilah baru itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya saya ingin mencadangkan supaya sama ada bekerja ataupun tidak, semua OKU yang berdaftar di bawah seksyen 21 iaitu pemegang-pemegang kad OKU diberikan elaun hidup. Pada masa yang sama elaun pekerja cacat turut dibekalkan atau dikekalkan sebagai insentif kepada OKU yang bekerja. Ini adalah penting bagi melindungi hak asasi OKU supaya mereka dapat hidup bermaruah dan menikmati kesaksamaan hak dan peluang serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat sama seperti anggota masyarakat yang berupaya.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan kata-kata itu, saya mohon untuk menyokong Rang Undang-undang OKU 2007. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md Salleh.

Prof. Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi laluan untuk saya membincangkan Akta OKU 2007. Saya berpendapat ini merupakan satu sejarah kepada golongan OKU di negara kita dan juga satu sejarah pada Malaysia. Kini lebih kurang lima ataupun enam tahun semenjak draf utama Akta OKU telah digubal dan dalam penggubalan tersebut peranan utama telah dimainkan oleh golongan OKU itu sendiri. Saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri dan juga Datuk Seri Sharizat yang telah akhirnya dapat meyakinkan Parlimen untuk meluluskan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa isu yang ingin saya sentuh, yang berkaitan dengan akta ini. Pertamanya dari segi keahlian Majlis OKU itu sendiri. Kalau kita lihat keahlian profesional iaitu seramai sembilan orang yang diperuntukkan dalam Majlis ini dan kalau kita telitikan, salah satu bidang yang diberi penekanan ialah bidang pelajaran iaitu *Director General* bagi *education* tetapi malangnya kita dapati bahawa *Director General* bagi *higher education* tidak dimasukkan. Walhalnya kalau kita lihat sekarang ini, agak ramai OKU yang telah pun menjejakkan kaki ke universiti-universiti dan kolej-kolej. Maka saya rasakan adalah penting *Director General* bagi *higher education* juga diminta turut serta sebagai ahli dalam Majlis ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat pula dalam perenggan (j) iaitu perenggan yang mengatakan menteri boleh melantik mana-mana mereka yang mempunyai *experiences knowledge* dan *expertise* dalam bidang dan isu-isu yang berkaitan. Seperti juga Yang Berhormat pertama tadi saya ingin menanyakan, apakah sebenarnya kriteria yang akan digunakan dalam pemilihan sepuluh orang ahli tambahan ini. Pada pendapat saya, adalah lebih baik sekiranya sebahagian besar dari peruntukan sepuluh orang itu diperuntukkan kepada wakil-wakil ataupun orang OKU itu sendiri kerana sebagaimana yang kita maklum, hari ini ramai OKU yang telah pun mencapai tahap profesional yang agak tinggi, mempunyai latar belakang akademik yang baik dan mereka inilah saya rasa yang paling hampir dengan permasalahan OKU itu sendiri. Saya rasa adalah lebih baik sekiranya sebahagian besar daripada *Council* ini ataupun Majlis ini diwakili oleh orang OKU itu sendiri.

Ketiga mungkin pembentukan akta ini, merupakan *precedence* pelantikan saya sebagai Senator di Dewan ini. Jadi saya juga rasa, saya ingin memberi sumbangan saya dalam Majlis ini apabila dibentuk nanti.

Isu yang berikutnya yang saya ingin timbulkan di sini Tuan Yang di-Pertua ialah salah satu peruntukan yang terdapat dalam rang undang-undang ini ialah mewujudkan pendaftaran bagi golongan OKU. Apa yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini merupakan amalan yang dijalankan sekarang ini iaitu mendaftar dengan cara sukarela. Pada hari ini Tuan Yang di-Pertua, terdapat 170,000 orang OKU yang berdaftar dengan JKM. Itu pun saya tidak begitu yakin jumlah ini tepat kerana saya rasa ramai daripada OKU mungkin telah meninggal dunia tapi namanya masih berada dalam daftar.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh WHO, bilangan OKU di negara kita dianggarkan 1% daripada penduduk negara iaitu lebih kurang dalam 260,000. Kalau kita ambil pula anggaran yang dikeluarkan oleh ILO, ILO menganggarkan jumlah itu melebihi daripada 900,000 orang OKU yang terdapat di negara kita. Saya rasakan kalaulah kita masih lagi menggunakan sistem *voluntary* ataupun sukarela ini, hasrat kita untuk mendaftar golongan OKU ini agar sukar kita laksanakan. Sebab itulah saya ingin mencadangkan bahawa kita timbang semula kes pendaftaran secara sukarela ini.

Melihat bagaimana kita melakukan pendaftaran bagi kanak-kanak di sekolah iaitu kanak-kanak yang berumur tujuh tahun, pendaftaran di sekolah adalah *compulsory mandatory*. Mungkin timbul masalah tentang *penalty* sekiranya kita mewujudkan pendaftaran secara *compulsory* ini, tapi saya rasakan isu *penalty* ini boleh kita pertimbangkan kerana setakat ini pun tidak ada pun kita dengar kes-kes kanak-kanak sekolah di mana ibu bapa mereka diambil *penalty* hingga dibawa ke mahkamah misalnya. Saya rasakan hanyalah sekiranya kita dapat melaksanakan pendaftaran ini secara *compulsory*, barulah kita akan lihat ramai daripada OKU ini akan mendapat faedah daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Isu yang seterusnya ialah saya juga berterima kasih kepada pihak kerajaan yang telah pun bersetuju untuk menandatangani *Convention on the Rights of the Disable People*. Ini merupakan satu *convention* yang '*legally binding*' dengan izin, kepada tiap-tiap negara yang menandatangani dan persetujuan kita untuk

menandatangani *convention* ini bererti kita telah yakin dan memberi komitmen kita bahawa segala standard yang di guna pakai di peringkat antarabangsa akan juga *legally binding*, dengan izin, bagi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu isu yang amat sekali dirasai oleh OKU ialah apabila mereka ini mendapat pendidikan yang agak baik. Terutamanya ramai daripada mereka telah berjaya daripada segi mendapatkan ijazah sama ada daripada kolej ataupun universiti.

Malangnya, kita dapati bahawa pekerjaan-pekerjaan yang ditawarkan kepada mereka ini adalah tidak setimpal dengan keupayaan mereka. Mereka terpaksa mengemis untuk mendapatkan pekerjaan. Sungguhpun daripada segi garis panduannya, kerajaan pernah menerbitkan garis panduan untuk memperuntukkan sekurang-kurangnya 1% daripada pekerjaan di sektor awam dan juga 1% pekerjaan di sektor swasta kepada Orang Kurang Upaya tapi, rata-rata kalau kita lihat di sektor awam itu sendiri, hasilnya adalah begitu *dismal*, dengan izin, sekali. Kita, saya rasakan tak pun sampai pada 0.2% ataupun 0.3%.

Sebagai majikan utama dan sebagai majikan yang boleh memberi contoh, saya rasakan ini adalah satu perkara yang perlu dan mesti diberi penumpuan oleh kerajaan. Kalau kita benar-benar mengatakan yang kita ingin lihat OKU itu hidup secara bebas, hidup secara berintegriti dan seterusnya, maka kerajaanlah seharusnya menjadi contoh kepada majikan-majikan lain. Seperkara lagi yang saya ingin sentuhkan dan juga ada kaitannya dengan pendaftaran tadi, bagi golongan-golongan OKU tertentu, terutamanya OKU yang terencat akal, OKU yang autistik, kita dapati bahawa di kalangan mereka ini peratus mereka yang mendapatkan pendidikan adalah amat rendah sekali.

Malah saya diberi maklum, kurang 15% daripada kanak-kanak autistik mendapat pendidikan. Kalaulah kita ingin mencapai apa yang dikenali sebagai *the EFA* atau *Education For All* yang merangkumi bukan sahaja *the 'able' body*, dengan izin. Tetapi juga OKU tahun 2012, saya rasakan langkah-langkah yang drastik perlulah diberi penekanan terutamanya daripada segi kemudahan pendidikan kepada golongan-golongan OKU yang sekarang ini tercicir. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Sri Kelana.

7.04 mlm.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan dan ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya 2007. Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersabit hak Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya melalui rang undang-undang di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi penekanan kepada golongan kanak-kanak istimewa di kalangan OKU hendaklah mempunyai keperluan dan kemahiran setaraf dengan kanak-kanak biasa, tetapi keupayaan mereka dalam bidang tertentu jauh berkurangan. Justeru golongan itu patut diberi peluang membuktikan kemampuan mengikut pendidikan seperti kanak-kanak normal lain. Hak ini merujuk kepada konvensyen mengenai hak kanak-kanak atau CRC Perkara 23 di mana kanak-kanak OKU mempunyai hak terhadap jagaan, pendidikan dan latihan khas untuk membantunya menikmati kehidupan yang sepenuhnya.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam perbincangan meja bulat bersama ibu bapa kanak-kanak OKU yang diadakan di Kuala Lumpur baru-baru ini menyatakan senario hari memperlihatkan masih banyak persoalan yang perlu diselesaikan dan jalan yang perlu dicari bagi membantu meningkatkan pendidikan kanak-kanak OKU. Malah saya berharap ibu bapa kanak-kanak OKU agar lebih peka dan prihatin memberikan pendidikan sempurna sejak awal selaras dengan pelaksanaan pendidikan wajib bagi semua kanak-kanak di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan di negara ini sememangnya sudah jauh ke hadapan berbanding selepas merdeka dulu dan dalam beberapa aspek kita

berjaya mengatasi banyak negara-negara sedang membangun lain. Bahkan ketika ini negara sedang mencapai matlamat sebagai pusat pengajian tinggi serantau dengan wujudnya banyak kolej dan universiti sama ada awam mahupun swasta yang menawarkan pengajian kepada pelajar-pelajar luar khususnya dari negara jiran. Begitu pun, senario berbeza pula dalam sistem pendidikan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) yang dilihat belum mencapai tahap boleh dibanggakan.

Keadaan ini menyebabkan ibu bapa yang mempunyai anak Istimewa dan mahu memberi pendidikan yang terbaik kepada anak mereka berdepan dengan pelbagai halangan yang tidak kunjung selesai. Saya nak tahu adakah kerajaan sanggup membantu dari segi kewangan kepada ibu bapa atau si penjaga OKU atau kanak-kanak OKU itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, tidak kurang juga yang terus tercari-cari di mana sekolah atau pusat pengajian tinggi yang boleh memastikan anak-anak istimewa ini memperoleh peluang pendidikan sama seperti kanak-kanak normal yang lain. Persoalan ini mesti diberi perhatian kerana kajian mendapati kebanyakan kanak-kanak istimewa mempunyai keperluan dan kebolehan yang sama dengan kanak-kanak biasa. Bagaimanapun, keupayaan mereka untuk menunjukkan kecemerlangan dalam bidang tertentu terbatu disebabkan kurangnya sistem pendidikan yang mampu menyokong mereka.

Sehubungan itu, golongan ini patut diberi peluang membuktikan kemampuan mengikut pendidikan seperti kanak-kanak normal yang lain. Tuan Yang di-Pertua, lihat sahaja hari kita sudah mempunyai Yang Berhormat Senator yang mewakili golongan OKU dan ini sesuatu langkah yang amat proaktif. Tahniah Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail Salleh. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Munusamy.

7.09 mlm.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya 2007. Saya cuma ada dua perkara sahaja. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang telah mencadangkan satu rang undang-undang bagi mengiktiraf hak bagi warga OKU. Kemudahan mereka ini tidak harus dipandang sebagai *charity* atau kebajikan tetapi sebagai hak mereka dan kuasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, dalam fasal 33, kita telah melihat ada peruntukan supaya pihak pusat penjagaan swasta juga menyediakan kemudahan dan juga suasana bagi OKU yang berada di penjagaan mereka. Dalam negara ini kita terdapat banyak pusat-pusat yang menjaga OKU. Pusat-pusat swasta dan saya cuma ingin tahu adakah pusat-pusat swasta ini mempunyai *expertise* atau kepakaran untuk menjaga OKU ini? Adakah kementerian memberi latihan kepada mereka ataupun adakah mereka perlu mendapatkan sijil kemahiran sebelum mereka diberi tugas ataupun boleh menguruskan sesuatu pusat-pusat OKU yang beroperasi di bawah jagaan mereka.

Satu lagi adalah berhubung dengan peluang pekerjaan bagi OKU yang dan juga berhubung dengan latihan khas kepada OKU yang telah disebutkan tadi. Memang dalam bajet juga kita telah lihat ada juga insentif-insentif yang diberi kepada pihak majikan yang mengambil OKU sebagai pekerja mereka tetapi adakah insentif-insentif ini mencukupi dan adakah selepas insentif-insentif ini ramai lagi pihak majikan memberi peluang-peluang kepada OKU? Saya rasa ini adalah satu, dua perkara yang saya ingin kemukakan. Dengan ini saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Siw Chun selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh gulung.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di atas kesempatan dan peluang yang diberikan kepada saya bagi bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pemahaman saya, dasar isu berkenaan dengan Rang Undang-undang Orang Kurang Upaya atau OKU, adalah penyertaan OKU dalam

pembangunan, kesejahteraan sosial, peluang pekerjaan dan manfaat-manfaat perdagangan antarabangsa di negara ini yang akan menjanakan peluang pendapatan dan pekerjaan bagi OKU. Pendekatannya pula ialah memaksimumkan dan memastikan inisiatif kerajaan berkenaan dengan inovasi pendapatan dan latihan berkenaan dengan penyampaian perkhidmatan kepada OKU dan komitmen kerajaan demi pelaksanaan dasar-dasar yang akan menjamin program dan aktiviti-aktiviti yang berkenaan dengan keputusan yang tercapai serta penyertaan OKU dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini memperlihatkan misi kerajaan iaitu pengiktirafan hak-hak OKU berkenaan dengan pembasmian kemiskinan merangkumi penyampaian perkhidmatan sosial dan sokongan kepada OKU berkenaan dengan program-program yang mempunyai impak pada kesamaan pekerjaan, kesihatan dan kesejahteraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Profesor Datuk Dr. Ismail Md. Salleh sebagai Senator adalah julung kalinya seorang insan yang kurang upaya diberikan kepercayaan untuk menjawat jawatan yang penting di Dewan Negara. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk. Secara tidak langsung membuktikan komitmen serta iltizam kerajaan membantu golongan OKU sekali gus menidakkan sebarang dakwaan pihak tertentu kononnya kebajikan dan nasib golongan OKU tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya dari pihak kerajaan. Seperti mana kerajaan begitu menitik beratkan kebajikan wanita yang akhirnya membawa kepada penubuhan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, jika dulu OKU menghadapi kesukaran untuk meluahkan masalah mereka kepada pihak berkuasa, kini dengan pelantikan Profesor Datuk Dr. Ismail sebagai Senator, kesukaran itu bukan penghalang lagi. Pada masa yang sama dengan pengetahuan luas dalam bidang ekonomi, beliau juga dapat memberikan pandangan, pendapat atau idea bernas yang dianggap berguna kepada kerajaan dalam memantapkan lagi sistem ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga adalah memastikan sasaran pendidikan berkenaan dengan OKU, bagi menjamin penyertaan OKU dalam arus pembangunan dan akses kepada maklumat, komunikasi dan teknologi. Visinya ialah perlindungan hak-hak OKU bagi menjamin OKU menyertai kemakmuran negara dan perumusan rangka komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, Akta OKU ini pada hemat saya mampu merealisasikan objektif ke arah mewujudkan OKU yang berketerampilan. Objektif utamanya adalah mengiktiraf ketidakupayaan OKU sebahagiannya disebabkan halangan sikap dan persekitaran dan sekali gus menidakkan kesamarataan dengan orang yang upaya. Maka amat wajarlah dengan penubuhan Majlis Kebangsaan bagi OKU yang berfungsi antara lain melaksanakan dasar dan pelan tindakan negara terhadap OKU. Mengesyorkan perubahan pada undang-undang yang mampu menjamin penyertaan penuh dan pembabitian golongan OKU dalam masyarakat di sektor kerajaan dan juga swasta.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan dari pihak kerajaan iaitu mengenai dengan Pekeliling Pematuhan dalam sektor awam, Bil.10 (1988) yang menetapkan 1% peluang pekerjaan haruslah diberikan kepada OKU. Bagaimanakah penerimaan sektor awam dan swasta terhadap golongan itu dan dalam konteks ini, adakah peratusan itu sudah dipenuhi?

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pemerhatian, kebanyakan keluarga yang memerlukan bantuan akan mendaftarkan anak mereka di JKM berbanding keluarga yang berpendapatan tinggi dan stabil. Pertanyaan saya, bagaimanakah kerajaan memberikan kesedaran kepada ibu bapa ataupun penjaga supaya mendaftar anak-anak mereka dengan JKM supaya kita boleh dapat bilangan yang tepat ataupun angka sebenar golongan ini di dalam negara kita dan setakat ini berapa ramai OKU yang berdaftar dalam negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan terhadap pihak berkuasa tempatan ataupun PBT yang perlu lebih prihatin dan peka terhadap penyediaan prasarana bagi OKU sebelum meluluskan sesuatu pelan pembangunan. Harus pastikan spesifikasi terhadap golongan OKU ditepati ataupun sebaliknya. Justeru, dengan wujudnya rang undang-undang ini, akan membolehkan pelaksanaan Akta OKU, golongan ini dapat pembelaan seperti akses sama rata terhadap berbagai kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam seperti golongan masyarakat lain. Saya amat yakin tindakan serta merta juga boleh dikenakan juga oleh pihak berkuasa

tempatan dan juga PBT terhadap mereka yang gagal menepati syarat berkenaan sebaik sahaja Akta OKU dilaksanakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru supaya pihak kerajaan berusaha mengubah persepsi dan tidak melabelkan OKU sebagai golongan yang hanya bergantung hidup kepada bantuan sahaja. OKU tidak harus diperlekehkan kerana peluang mereka untuk maju dalam kehidupan tetap ada. Ada golongan OKU mencatat kejayaan cemerlang dalam bidang profesional. Kini sudah ada kalangan OKU yang menjawat jawatan penting dan utama di institusi tertentu dan bidang pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, bersesuaian dengan tema bersama membangun modal insan OKU yang merupakan satu kesinambungan kepada matlamat mewujudkan penyamaan peluang dan penyertaan penuh OKU di dalam masyarakat dan ia juga merujuk kepada agenda utama program pembangunan negara seperti yang ditekankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang memberi fokus kepada usaha membentuk individu berketerampilan dan berkualiti. Maka kita haruslah mengubah sikap dan minda serta berperasaan negatif terhadap golongan OKU. Anggaphlah golongan OKU juga adalah satu komponen penting dalam perjuangan kita bagi mencapai negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, *"Tidak ku minta lahir ke dunia. Tidak ku duga cacat begini. Bukan ku minta kasih dan manja. Bukan ku rayu bantu simpati"...*
[Mendengarkan sebuah lagu]

Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu irama dan lirik lagu yang membawa maksud yang mendalam terhadap isi hati golongan OKU. Maka kehadiran mereka di dunia tetap mewarnai panorama kehidupan dan sepatutnya turut diberi hak serta peluang yang sama rata dalam semua aspek seperti orang yang normal. Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata sedemikian saya amat-amat menyokong rang undang-Undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya sukacita dengan hormatnya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri.

7.20 mlm.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, saya terlebih dahulu mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-Undang Orang Kurang Upaya tahun 2007. Seramai lima orang Senator mengambil bahagian, mereka ialah Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie, Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh, Yang Berhormat Datin Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahaya, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy, dan Yang Berhormat Puan Siw Chun a/p Eam.

Tuan Yang di-Pertua, isu-isu yang disentuh oleh Senator-senator dalam perbahasan rang undang-undang ini ialah berkenaan dengan keahlian Majlis, kriteria untuk pemilihan ahli-ahli Majlis, elaun untuk pekerja cacat, bantuan dan latihan dan kriteria yang diguna untuk memberi bantuan, pendaftaran OKU dan bantuan untuk sukarelawan OKU yang berkelayakan tinggi tetapi tidak mendapat pekerjaan yang setaraf dengan kelayakannya dan kanak-kanak OKU, masa hadapan, pendidikan dan untuk mereka yang bekerja di pusat-pusat OKU atau rumah-rumah yang menjaga OKU, kepakaran dan latihan yang diberi kepada mereka dan peluang pekerjaan.

Yang Berhormat Senator Puan Siw Chun juga membangkit soalan berkenaan 1%, dasar kita untuk memberi peluang kepada OKU untuk mendapat pekerjaan dalam sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengalu-alukan cadangan dan pandangan-pandangan ini dan saya akan jawab bukan satu persatu tetapi dari segi makro, dari segi dasar saya akan cuba jawab. Mengenai keahlian Majlis yang dibangkit oleh Senator Heng Seai Kie dan juga Senator Profesor Datuk Dr. Ismail bin Md. Salleh, 10 orang ahli yang akan dikenal pasti, semestinya terdiri daripada individu yang benar-benar terpilih dan sesuai dan dalam hal ini, NGO bagi kategori-kategori ketidakupayaan iaitu penglihatan, pendengaran, anggota dan pembelajaran akan dipertimbangkan perwakilan dalam Majlis. Begitu juga dengan mereka yang terlibat dalam industri

pengangkutan, kewangan dan perkhidmatan seperti perhotelan akan dilantik sama supaya mereka akan dapat menggunakan pengaruh mereka bagi memastikan golongan OKU menikmati kesaksamaan hak dan peluang serta penyertaan penuh dan efektif dalam masyarakat.

Tidak ketinggalan wakil daripada pihak media massa, kerana kesedaran terhadap kesejahteraan OKU perlu disebar luas dan tanpa bantuan pihak media, matlamat ini tidak akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian akan memberi perhatian yang serius untuk melantik pakar-pakar dari golongan OKU untuk jadi ahli dalam Majlis ini dan berkenaan dengan justifikasi untuk menghadkan pelantikan anggota Majlis Kebangsaan bagi OKU selama dua penggal, sungguhpun mereka berkeupayaan menyumbang untuk memberi peluang kepada lebih ramai orang, memberi sumbangan kepada Majlis itu merupakan tujuan kementerian.

Sekiranya ada ahli-ahli Majlis tersebut menunjukkan prestasi yang memuaskan, yang luar biasa selepas berkhidmat dalam perkhidmatan mereka selama dua tahun, mereka boleh ditimbang oleh Majlis dan menteri untuk berkhidmat semula dua tahun. Berkenaan dengan daftar dan klasifikasi berapa ramai OKU telah didaftar di bawah kempen pendaftaran OKU. Sehingga Jun 2007 seramai 209,000 telah mendaftar dengan JKM. Menyatakan bahawa OKU diklasifikasikan selain mereka yang OKU autisme dan lain-lain kategori. Ini akan dikuatkuasakan selepas rang undang-undang ini diluluskan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Rang undang-undang ini akan mempertingkatkan pendaftaran OKU mengikut klasifikasi OKU.

Kementerian akan memberi perhatian untuk mempertingkatkan data bank yang akan diwujudkan selepas rang undang-undang ini dikuatkuasakan. Pendaftaran OKU tidak dijadikan suatu yang wajib atau automatik kerana ianya melibatkan implikasi perundangan seperti *violation of rights* bagi OKU yang tidak mahu berdaftar sebab itu sehingga kini kita di kementerian menyediakan kemudahan untuk mendaftarkan anak-anak mereka atau orang-orang OKU dengan secara sukarelawan. Walau bagaimanapun, cadangan Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail akan diambil kira oleh Majlis selepas rang undang-undang ini diluluskan dan dikuatkuasakan dan apabila majlis bermesyuarat akan mengambil kira cadangan Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Ismail Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai bantuan untuk OKU, bantuan ini akan diberi kepada mereka yang layak selepas bantuan permohonan mereka disiasat oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jika mereka layak, bantuan akan diberi dan mengenai elaan OKU ini diberi untuk memberi insentif kepada mereka bekerja, jika mereka tidak mampu bekerja, dan tidak boleh membuat sebarang pekerjaan, mereka diberi bantuan di bawah bantuan kebajikan. Kita akan menjaga kebajikan OKU yang memerlukan bantuan. Kementerian selalu menghargai keprihatinan Jabatan Kebajikan Masyarakat terhadap golongan OKU yang sangat baik dan jika ada golongan OKU yang tercicir, saya berharap Yang Berhormat-Yang Berhormat akan memainkan peranan di peringkat akar umbi dan akan memberi maklumat kepada kementerian dan kita akan memberi bantuan yang mereka perlukan.

Mengenai cadangan mengapa tidak melibatkan Ketua Pengarah Kementerian Pendidikan Tinggi, Pelajaran Tinggi. Jawapan ialah Kementerian Pelajaran Tinggi atau kementerian-kementerian lain yang tidak tersenarai dalam seksyen 3, akta ini akan di kop dalam Majlis OKU ataupun dilibatkan secara terus dalam jawatankuasa-jawatankuasa di bawah Majlis tersebut. Langkah ini membolehkan sebarang masalah OKU ditangani secara berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, akses OKU kepada pendidikan, kerajaan memandang serius akan akses OKU kepada pendidikan. Sehubungan dengan itu, kanak-kanak OKU boleh menerima pendidikan secara formal di sekolah-sekolah pendidikan khas di bawah Kementerian Pelajaran serta pendidikan informal di pusat-pusat pemulihan dalam komuniti. Dalam hal ini saya ingin menyeru ibu bapa kepada OKU mengambil peluang untuk mendaftarkan anak-anak mereka dengan sekolah-sekolah pendidikan khas atau PDK yang berhampiran.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi bagi pihak kementerian, saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat. Pandangan, saranan dan teguran Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberikan perhatian dalam merangka dasar dan program-program kementerian dengan lebih cekap dan berkesan. Akta ini ialah satu

permulaan dan saya harap melalui peranan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, kita boleh mempertingkatkan akta ini dan kita akan melaksanakan akta ini dengan sempurna. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan menyatakan penghargaan di atas kesungguhan Yang Berhormat tunggu dari pagi lagi untuk memandu rang undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

RANG UNDANG-UNDANG TAFSIRAN (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

7.36 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara membangun, namun kemajuan dan perkembangan teknologi maklumat di negara ini adalah sejajar dengan arus globalisasi. Kita boleh berbangga dengan kejayaan negara dalam teknologi maklumat dan komunikasi yang dicapai. Projek Koridor Raya Multimedia umpamanya adalah suatu testimoni kepada kejayaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, perkembangan dan kemajuan teknologi maklumat di negara ini kini ingin diadaptasikan untuk menambah baik bagi sistem penyampaian perkhidmatannya. Antara cara yang paling berkesan untuk menyediakan sistem penyampaian yang efisien adalah berlandaskan sistem teknologi maklumat dan komunikasi. Hasil daripada kajian yang dibuat oleh Jabatan Peguam Negara berhubung dengan pelaksanaan pewartaan secara *online*, semua perundangan utama dan subsidiari dalam Akta Tambahan PU(A) dan PU(B) dan pemberitahuan rasmi kerajaan dalam pemberitahuan warta (PW), maka sudah sampailah masanya untuk kerajaan membuat perubahan kepada bentuk pewartaan, perundangan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memaklumkan bahawa Jabatan Peguam Negara dengan kerjasama Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB) telah pun sama-sama pada masa ini membangunkan secara percubaan sistem *online gazette* yang dikenali sebagai sistem e-warta. Ini merupakan fasa ujian yang bermula sejak 1 September 2007 yang lalu. Sistem ini melibatkan proses penghantaran dokumen perundangan secara atas talian daripada Jabatan Peguam Negara kepada PNMB dan PNMB akan menyiarkan dokumen tersebut secara atas talian dalam laman web PNMB yang boleh diakses oleh orang awam secara langganan sebaik sahaja ia disiarkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada fasa ujian sistem e-warta ini akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu peringkat fasa 1 dan fasa II. Fasa I melibatkan penyediaan prasarana di PNMB yang meliputi *dedicated line*, *template* warta dan *window online* dengan izin, bagi mempamerkan warta secara atas talian. Fasa II pula melibatkan gabungan sistem atau *integrated system*, dengan izin, sepenuhnya antara Jabatan Peguam Negara, kementerian-kementerian dan agensi di peringkat negeri-negeri dengan PNB. Pada peringkat ini kesemua pemberitahuan warta iaitu PU(A), PU(B) dan PW boleh diperoleh secara atas talian.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem e-warta ini menyebabkan perlu dibuat beberapa pindaan kepada Akta Tafsiran 1948 dan 1967. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya perkataan gazet ditakrif semula dan diperluas untuk merangkumi penyiaran warta dalam bentuk elektronik atau dalam apa-apa bentuk lain yang diarahkan oleh kerajaan.

Perenggan 18(1)(e) yang menetapkan penyiaran pemberitahuan pada hari tertentu juga dicadangkan supaya dipinda.

Fasal 3(A) dimasukkan bagi menghapuskan kehendak tertentu tentang bila penyiaran pemberitahuan warta boleh dibuat memandangkan pindaan dalam fasal 2(A) akan membawa kepada terlaksananya penyiaran warta secara atas talian.

Selain itu, takrif Semenanjung Malaysia yang terdapat dalam seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388] juga dicadangkan dipinda melalui fasal 2(B). Dicadangkan takrif Semenanjung Malaysia diperluas untuk meliputi Wilayah Persekutuan Putrajaya. Ini adalah selaras dengan penubuhan Wilayah Persekutuan Putrajaya melalui Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001, [Akta A1095] yang berkuat kuasa pada 1 Februari 2001. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Tafsiran 1948 dan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dr. Mohd. Puad.

7.42 mlm.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang ini yang akan mewujudkan apa yang dikatakan sebagai e-warta. Sebenarnya ini amat baik kerana sememangnya selama ini orang ramai menghadapi kesukaran sebenarnya untuk mengakses segala perundangan yang sudah pun diwartakan apatah lagi yang sudah pun kita luluskan di Parlimen ini. Saya mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua seperti WPI. Banyak orang mengkritik IRDA ini, lebih berasaskan kepada andaian-andaian dalam keadaan mereka tidak membaca pun akta tersebut. Kalau saya merujuk kepada apa yang mereka tulis dalam *blog* dan sebagainya, adalah jelas bahawa mereka tidak faham perkara tersebut kerana mereka tidak mempunyai akses untuk mengetahuinya dengan lebih lanjut. Seperti apa yang kita luluskan pada hari ini iaitu rang undang-undang mengenai dengan orang kurang upaya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau nanti setelah digazet, diwartakan dalam e-warta, maka ini sebenarnya memberi ruang kepada orang ramai dengan lebih cepat mengetahui sebenarnya bagaimana kita telah membuat satu perubahan untuk meningkatkan kualiti hidup OKU ini. Cuma dalam isu ini bagi saya kadang-kadang e-warta ini mestilah dibuat dalam bentuk yang lebih menarik sebenarnya untuk orang pergi melihat dalam e-warta ataupun dalam *website* tersebut apa-apa juga perundangan yang diwartakan. Dalam hal ini saya mengharapkan kerajaan tidak mengetepikan keupayaan media elektronik seperti televisyen kita, juga harus diambil kira. Iaitu bahawa apa-apa juga perundangan yang sudah pun diwartakan barangkali wajar juga dibahaskan di dalam media, dimaklumkan dalam bentuk forum dan sebagainya supaya orang lebih memahami isi kandung sebenarnya sesuatu akta yang sudah pun diwartakan supaya mereka lebih mengetahui dengan lebih mendalam sebenarnya apa yang kita uruskan di Parlimen ini.

Kalau tidak mereka hanya mengharapkan sesuatu yang berasaskan petikan-petikan yang akhirnya mereka tidak memahami keseluruhan daripada perundangan tersebut. Jadi saya harap ini diambil kira iaitu apabila kita melaksanakan e-warta maka kita juga tidak boleh melupakan peranan media elektronik sebenarnya. Bukan banyak sangat, sekali kita bersidang, kita meluluskan lebih kurang 15 rang undang-undang yang kemudian akan diwartakan dan saya rasa bukanlah satu perkara yang menyulitkan untuk mereka menjelaskannya melalui media elektronik. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Lee Sing Chooi.

7.45 mlm.

Dato' Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak membahaskan berkenaan dengan meminda Akta Tafsiran ini. Saya hanya nak tanya berkenaan dengan e-warta, di mana laman web itu PNMB dan juga saya nak tahu bila warta digazet oleh *state* atau negeri di laman web yang sama diguna pakai atau laman web yang lain? Di manakah negeri-negeri untuk menggazet, untuk mewartakan apa yang dibenarkan itu? Di manakah boleh dapat gazet itu? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Kalau tidak ada ahli lain yang bercadang untuk berbahas, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

7.46 mlm.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Senator kita yang menyentuh mengenai rang undang-undang yang telah saya bantangkan tadi iaitu Dr. Haji Mohd. Puad dan juga Dato' Lee Sing Chooi.

Perkara yang ditimbulkan oleh Senator Dr. Haji Mohd. Puad tentang iaitu kita meningkatkan kalau ikut kefahaman saya penggunaan media elektronik. Memang salah satu tujuan daripada kalau kita lihat daripada subseksyen ataupun sub fasal 2(A) sewaktu kita hendak mentakrifkan semula perkataan warta itu maka ia kita perluas untuk merangkumi penyiaran warta dalam bentuk elektronik. Jadi oleh sebab kita lihat bahawa penggunaan elektronik ini sudah pun semakin diperkukuhkan oleh kerajaan maka kita dalam hal ini untuk sejajar, selaras dengan penggunaan elektronik ini. Maka sebab itu kita buat pindaan ini untuk memastikan bahawa penggunaan secara *online* dengan pihak Percetakan Negara untuk dapat menggunakan secara elektronik.

Kemudian kita juga melihat bahawa seperti mana yang kita maklum bahawa semua undang-undang yang diluluskan yang ditimbulkan oleh Dr. Haji Mohd. Puad tadi akan disiarkan secara *online* dalam laman web PNMB yang boleh diakses secara langganan. Walau bagaimanapun media elektronik lain akan tetap terus berperanan memaklumkan kepada orang ramai. Jadi ini adalah satu perkara yang baru. Jadi media-media elektronik yang lain boleh terus memainkan peranan mereka.

Yang Berhormat Senator Dato' Lee Sing Chooi juga bertanya tentang perkara undang-undang yang diluluskan oleh negeri. Ini boleh diakses dalam warta negeri masing-masing secara manual. Jadi sekarang ini pada peringkat ini belum lagi kita boleh akses secara *online*. Jadi tahap itu dan insya-Allah pada masa akan datang seperti mana yang saya katakan tadi dalam penerangan pun bahawa sekarang pun kita menggunakan web PNMB dahulu dan selepas ini mungkin boleh terus di peringkat-peringkat negeri dan seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENJARA (PINDAAN) 2007**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

7.53 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta Penjara (Pindaan) 2007 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat boleh beri huraian.

Datuk Fu Ah Kiow: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Akta Penjara 1995 atau Akta 537 merupakan akta yang telah dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang menggariskan mengenai peranan dan bidang tugas Jabatan Penjara Malaysia. Akta ini menyentuh mengenai hal ehwal penahanan, pemulihan dan kepenjaraan. Pindaan Akta Penjara 1995 ini adalah bertujuan untuk memasukkan beberapa penambahbaikan selaras dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Penjara Malaysia pada masa kini termasuk cadangan untuk melaksanakan sistem parol.

Tuan Yang di-Pertua, parol ialah satu kaedah di mana banduan dilepaskan dari penjara dengan bersyarat sebelum tamatnya tempoh hukuman yang disabitkan oleh mahkamah. Banduan dikehendaki menjalani baki hukuman tersebut di luar penjara di bawah pengawasan pegawai parol. Banduan tersebut dibenarkan tinggal bersama-sama keluarga, dalam masyarakat dan bekerja dengan majikan yang telah dikenal pasti oleh pegawai parol. Walau bagaimanapun pergerakan serta tata kelakuan mereka yang menjalani parol tertakluk kepada undang-undang dan peraturan parol yang ditetapkan.

Pelanggaran kepada syarat-syarat boleh menyebabkan perintah parol dibatalkan dan penghuni berkenaan dihantar semula ke penjara untuk meneruskan baki hukuman dan boleh dikenakan tindakan tatatertib. Jabatan Penjara Malaysia melalui Kementerian Keselamatan Dalam Negeri telah mengkaji sistem parol bagi memperkenalkan sistem ini di Malaysia.

Antara lain sistem ini bertujuan:

- (i) untuk mengurangkan kadar *recidivist* iaitu berulang kali masuk penjara akibat ketidakupayaan banduan menyesuaikan diri dengan masyarakat sekeliling apabila dibebaskan. Selain daripada itu pelaksanaan sistem ini juga dapat membantu banduan menyesuaikan diri dalam masyarakat melalui peranan keluarga, majikan atau anggota masyarakat dalam memulihkan banduan;
- (ii) membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara; dan
- (iii) mengurangkan kos operasi penjara kerana bilangan penghuni dalam penjara dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pindaan ini ada banyak fasal. Saya cuma hendak huraikan fasal-fasal utama mengenai dengan pindaan ini.

Fasal 2 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 537 untuk menukar gelaran jawatan Ketua Pengarah Penjara kepada Komisioner Jeneral Penjara dan untuk Timbalan Ketua Pengarah Penjara kepada Komisioner Penjara.

Fasal 11 adalah bertujuan untuk meminda seksyen 44 Akta 537 untuk memberi Komisioner Jeneral kuasa untuk membatalkan mana-mana '*remittent*' bagi apa-apa kesalahan yang berhubung dengan parol.

Fasal 13 adalah bertujuan untuk memasukkan satu bahagian baru iaitu bahagian IV Akta yang bertajuk Parol. Dalam bahagian ini mengandungi seksyen baru 46A hingga 46O ke dalam Akta 537.

Antara seksyen-seksyennya yang penting ialah seksyen 46B yang mana dicadangkan untuk mengadakan peruntukan bagi penubuhan lembaga parol. Seksyen 46C, peruntukan tentang kuasa sesuatu Lembaga Parol. Seksyen 46E yang dicadangkan bertujuan untuk memperkatakan tentang peruntukan berkenaan dengan kelayakan seseorang banduan untuk dipertimbangkan mendapat parol.

Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 46E ini ada subseksyen yang penting yang menyatakan kelayakan seseorang banduan yang layak untuk dipertimbangkan parol. Iaitu antaranya 46E(1), seseorang banduan yang sedang menjalani hukuman pemenjaraan bagi mana-mana kesalahan yang ditetapkan dalam jadual keempat tidak layak untuk mendapatkan pertimbangan parol iaitu mereka yang terlibat dalam kesalahan seperti rogol, membunuh dan sebagainya yang tersenarai dalam jadual keempat, dia tidak layak untuk dipertimbangkan untuk parol.

46E(3) tertakluk kepada subseksyen (4), (5) dan (6), seseorang banduan hanya layak untuk dipertimbangkan untuk mendapat parol dengan syarat di bawah iaitu (a). Jika dia dihukum minimum satu tahun pemenjaraan bagi apa-apa kesalahan selain kesalahan yang ditetapkan dalam Jadual Keempat (b) tertakluk kepada subseksyen 7 selepas dia menjalani sekurang-kurangnya seperdua dari tempoh pemenjaraan tanpa mengambil kira '*remittent*' hukuman yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 44.

Ini bermakna dari jumlah tempoh pemenjaraan, seorang banduan mesti telah menjalani separuh daripada tempoh pemenjaraan dan satu pertiga ialah untuk '*remittent*'. Ini bermakna maksimum tempoh yang dia layak untuk menjalani parol ialah satu perenam sahaja. Untuk (c), banduan itu layak dipertimbangkan selepas dia menjalani program pemulihan yang diluluskan oleh Komisioner Jeneral semasa menjalani hukuman pemenjaraan. Ini bermakna banduan cuma layak dipertimbangkan kalau dia telah menjalani program pemulihan dalam tempoh sekurang-kurangnya setengah tahun.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 46(f) ialah untuk menyatakan perkara-perkara yang perlu diambil kira oleh Lembaga Parol sebelum membuat sesuatu perintah parol. Seksyen ini amat penting sebab ini biasanya dinyatakan oleh ramai. Kekhawatiran mereka dan risiko seseorang banduan dilepaskan untuk menjalani parol.

Dalam seksyen ini, Lembaga Parol perlu mengambil kira iaitu Lembaga Parol perlulah memeriksa dan menilai *dossier parole* yang diterima daripada pegawai penjara berkenaan dengan banduan itu dan apa-apa laporan lain yang disediakan oleh mana-mana pegawai penjara berhubung dengan sesuatu permohonan bagi pelepasan secara parol banduan itu. Ini bermakna, Lembaga Parol perlu menilai laporan daripada pegawai penjara tentang kelakuan dan kesediaan banduan itu dilepaskan di masyarakat. Sama ada banduan itu telah insaf terhadap apa-apa kesalahan yang pernah dilakukan oleh banduan itu dan juga kesediaan mental banduan tersebut untuk kembali ke masyarakat. Ini adalah perkara yang perlu diambil kira oleh Lembaga Parol. Juga Lembaga Parol perlu mengambil keperluan untuk mengekalkan keyakinan orang ramai dalam pentadbiran keadilan dan juga Lembaga Parol perlu mengambil kira rekod jenayah banduan itu, risiko banduan melakukan lagi apa-apa kesalahan jika dia dilepaskan secara parol, dan perlu mengambil kira sama ada banduan boleh menyesuaikan diri dengan kehidupan masyarakat biasa dan juga apa kesan yang mungkin ke atas mangsa banduan dan keluarga mangsa.

Jadi, ini adalah perkara yang telah dinyatakan dalam seksyen 46(f). Seksyen 46(j), menyatakan tugas dan tanggung jawab pegawai parol dan seksyen 46(k) menyatakan tanggung jawab bagi orang yang diparol dan seksyen 46(m) serta 46(n), menyatakan peruntukan tentang penggantungan dan pembatalan perintah parol apabila syarat parol dilanggar dan juga menyatakan peruntukan mengenai akibat pembatalan

sesuatu perintah parol. Lain-lain seksyen, ialah fasal 18 iaitu bertujuan untuk menaikkan penalti bagi kesalahan menyeludup artikel yang dilarang ke dalam dan keluar daripada penjara.

Fasal 20 bertujuan untuk memasukkan bahagian baru 7(a), bagi memperuntukkan tentang penubuhan kadet penjara dan keanggotaannya. Fasal 21, bertujuan untuk menggantikan seksyen 64, Akta 537 untuk memberi menteri kuasa melantik Lembaga Hakim Pelawat bagi setiap negeri dan Wilayah Persekutuan. Fasal 24, bertujuan untuk memasukkan jadual keempat baru di dalam akta ini tentang kesalahan yang tidak layak untuk dipertimbangkan untuk parol dan lain-lain seksyen, lain-lain fasal adalah berkaitan dengan pindaan kecil atau yang berbangkit. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Penjara 1995 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya, Tuan Munusamy, selepas itu Dr. Mohd. Puad.

8.04 min.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Penjara 1995. Sebenarnya saya ada banyak perkara tetapi memandangkan masa ini suntuk sedikit, saya cuma akan membangkitkan satu, dua perkara sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini penjara memainkan peranan yang lebih besar. Ia bukan setakat menahan pesalah dan penjenayah malah ia menjadi institusi pendidikan dan pemulihan. Di Malaysia kini terdapat 28 penjara yang terletak di empat zon iaitu di Utara, Selatan, Timur dan Barat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menumpukan satu perkara berkaitan dengan pesalah juvana. Pesalah juvana juga di tempatkan di penjara. Mengikut laporan akhbar di *The Star*, sebanyak 2,718 kes juvana lelaki ditempatkan di Penjara Kajang, Sungai Buloh dan Simpang Renggam. Kebanyakan tahanan remaja ini adalah di bawah umur 18 tahun di mana kesalahan mereka termasuk kesalahan kecil seperti menjual VCD cetak rompak, Mat Rempit dan pergaduhan sehingga jenayah serius seperti merompak, merogol dan sebagainya.

Salah satu sebab yang dikatakan dengan kesesakan penjara kita ialah kelambatan dalam proses kehakiman negara kita. Banyak usul yang dipanjangkan kepada institusi perundangan dan kehakiman negara sejak kebelakangan ini. Ia mungkin disebabkan kelemahan yang agak ketara sama ada dalam organisasi tersebut ataupun salah faham masyarakat tentang perjalanan sesuatu kes di mahkamah pendakwaan, pembuktian, pembelaan dan sebagainya. Antara yang agak menarik perhatian ialah cadangan supaya pesalah jenayah ringan hanya perlu dikenakan mengikut program khidmat masyarakat dan bukan dipenjarakan sebagai hukuman. Apa yang jelas ialah kerajaan kita semakin bimbang dengan peningkatan kes-kes juvana. Saya percaya ini adalah suatu jalan yang baik di mana lebih banyak perhatian dapat ditumpukan kepada *non punitive approach*, dengan izin, iaitu tidak menghukum tetapi mendidik dan memberi peluang kepada pesalah-pesalah muda kembali ke pangkal jalan.

Tuan Yang di-Pertua, malahan saya juga menyambut baik cadangan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang menyatakan hasrat untuk memastikan pesalah juvana diberi peluang untuk memperoleh sijil akademik iaitu sijil kemahiran sewaktu mereka berada dalam tempoh tahanan, satu cadangan yang cukup baik. Sekurang-kurangnya dengan memiliki sijil itu nanti, mereka boleh mendapat pekerjaan selepas dibebaskan. Semoga usaha murni seperti ini akan membuahkan hasil. Selain itu, saya ingin menegaskan di sini iaitu masyarakat harus diberi kesedaran agar berhemah dengan bekas-bekas banduan ini. Ini secara tidak langsung meningkatkan keyakinan masyarakat untuk bergaul dengan bekas banduan. Peluang pekerjaan untuk mereka juga perlu ditawarkan secara adil. Sekiranya mereka layak dengan kelulusan akademik yang mereka ada kerana setiap orang yang telah dihukum di atas kesalahan

yang dilakukan adalah seorang yang bebas seolah-olah dia tidak pernah melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan parol ini, saya ingin ucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mencadangkan untuk memperkenalkan sistem parol dalam negara ini. Pada satu ketika dahulu saya telah membangkitkan perkara ini dan saya juga telah mencadangkan supaya sistem parol ini diperkenalkan di negara kita.

Sistem parol yang diperkenalkan ini adalah bergariskan dengan tujuh perkara iaitu, menyesuaikan diri dalam masyarakat, mengurangkan kadar residivis dan juga mendorong penghuni berkelakuan baik, peluang mendapatkan pekerjaan yang sesuai, mewujudkan penglibatan yang tinggi daripada masyarakat, mengurangkan kos operasi penghuni di dalam penjara, membantu mengurangkan kesesakan dalam penjara. Berhubung dengan perkara ini, saya ingin membawa perhatian kementerian terhadap mengurangkan kesesakan dalam penjara.

Saya ingin menarik perhatian kepada Penjara Simpang Renggam yang telah disebutkan pada tahun lalu oleh pihak SUHAKAM. Perkara ini telah pun dibangkitkan dan satu rombongan Kabinet juga telah melawat Penjara Simpang Renggam ini dan selepas itu saya tidak tahu apa yang telah terjadi. Adakah kesesakan ini berkurangan. Saya difahamkan bahawa sekarang ada terdapat 34,000 lebih banduan dalam penjara-penjara negara dan hanya 28,000 sahaja boleh muat dalam penjara-penjara kita. Oleh itu penjara-penjara kita perlulah diubahsuai dan juga diberi lebih kemudahan dan sistem parol ini adalah satu sistem supaya kita boleh mengurangkan kesesakan dalam penjara kita. Dalam fasal 13 seksyen 46B...

Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ingin bertanya kepada Yang Berhormat untuk kita melaksanakan sistem parol ini dan bagi mengatasi masalah kesesakan untuk kita mengurangkan kos perbelanjaan kepada penjenayah-penjenayah ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa mereka yang boleh keluar ataupun sistem parol ini adalah penjenayah tegar.

Maknanya memang mereka ini penjual dadah tetapi berpura-pura jadi baik dan didapati oleh pegawai-pegawai dalam itu mereka ini berkelakuan baik tapi sebenarnya mereka hanya berpura-pura. Sebenarnya bila mereka keluar mereka lagi teruk melakukan jenayah. Adakah Yang Berhormat bersetuju mereka yang boleh dimasukkan dalam kategori parol ialah mereka yang termasuk dalam kategori penjenayah tegar maknanya penjenayah yang teruklah. Terima kasih.

Tuan M. Munusamy: Terima kasih. Saya rasa pihak kementerian apabila mengambil kira perkara-perkara seperti ini penjenayah tegar itu tidak termasuklah. Kita pun tak bersetuju penjenayah tegar ataupun mereka yang berpura-pura nampak seperti orang yang baik tetapi berulang kali menjalankan aktiviti-aktiviti mereka yang tidak dipilih dalam sistem parol ini tidak diberi peluang.

Biar saya sambung. Dalam fasal 13 Lembaga Parol. Kuasa Lembaga Parol saya ingin tahu bagaimana Lembaga Parol ini akan berfungsi. Dalam seksyen 46 kriteria penghuni banduan, permohonan sesetengah masa dalam penjara itu mereka boleh memohon. Saya ingin bertanya dengan kementerian adakah ini bermakna bahawa hanya mereka yang mohon sahaja boleh dipertimbangkan ataupun adakah mereka yang layak iaitu pada pandangan pegawai-pegawai penjara sekiranya pegawai-pegawai penjara itu boleh mengesahkan bahawa mereka boleh dibagi peluang dalam sistem parol itu tetapi mereka tidak mohon tetapi pihak penjara boleh kata mereka ini layak maka kita pilih. Adakah pihak pegawai-pegawai penjara boleh memilih tanpa dimohon daripada pihak banduan.

Satu perkara berkaitan dengan seksyen 46L adalah daerah parol. Saya ingin tahu adakah ini bererti bahawa seseorang itu boleh memohon untuk menukar daerah parol pergi ke lain tempat. Satu lagi perkara ialah berkaitan dengan fasal 20 iaitu berkenaan dengan kadet penjara dan anggotanya. Saya ingin tahu apakah kadet penjara ini dan apakah fungsi kadet ini dan siapakah yang menganggotai kadet penjara ini. Satu lagi perkara adalah berkaitan dengan penglibatan masyarakat dalam program untuk membantu banduan-banduan parol ini. Apa *role* masyarakat?

Dalam akta ini mengatakan bahawa semua anggota keluarga dan juga sokongan daripada keluarga, saudara-mara, jiran, rakan-rakan semuanya adalah

terlibat. Kita ingin tahu bagaimana mereka akan terlibat untuk memberi sokongan kepada mereka terutama sekali rakan-rakan. Rakan-rakan memainkan peranan yang penting untuk mempengaruhi banduan-banduan ini apabila mereka keluar dan mereka bercampur dengan kawan-kawan mereka kadangkala mereka akan ulang balik perkara-perkara yang tidak diinginkan itu. Oleh itu, bagaimana pegawai parol ini akan mengawasi supaya mereka ini tidak terlibat balik dalam kegiatan mereka.

Satu lagi adalah perkara berkaitan dengan pegawai-pegawai parol itu sendiri. Kita lihat bahawa dalam negara ini kita tahu penduduk dalam negara ini berbilang kaum, berbilang agama berbilang bahasa dan sebagainya dan seperti itu juga di penjara. Di penjara juga banduan-banduan itu semua kaum terlibat dalam parol sistem ini dan saya difahamkan dalam eksais pertama 2,000 banduan akan diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam sistem parol ini dan apabila 2,000 banduan diberi peluang, jadi saya memohon supaya pegawai-pegawai parol yang dilantik adalah daripada mereka yang memahami budaya, bahasa, agama mereka itu sendiri. Itu adalah sangat mustahak supaya mereka boleh mengawasi dan membimbing mereka dalam semua aspek sosial.

Satu perkara lagi iaitu berhubung dengan pekerjaan kepada pihak parol ini. Semalam saya telah baca satu *interview* oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam *New Straits Times* iaitu berkenaan dengan sistem parol ini. Saya sangat tertarik dan juga bimbang berhubung dengan jawapan beliau berkenaan dengan pekerjaan. Beliau kata pekerjaan itu adalah mereka perlu sendiri cari. Kalau tidak dapat pekerjaan mereka kena tanggung kos kehidupan mereka sendiri. Sekiranya pihak majikan tidak memberi peluang kepada banduan-banduan apa akan jadi kepada banduan ini apabila dapat parol.

Oleh itu, sebelum sistem parol ini diluluskan bagi seseorang itu, perkara-perkara ini haruslah diambil kira. Mestilah dimestikan bahawa apabila parol itu keluar daripada penjara mereka tetap ada kerja, tetap ada peluang untuk cari nafkah. Kalau tidak mungkin mereka akan balik ulang kepada perkara yang mereka sendiri lakukan. Satu lagi adalah apabila sistem parol ini diamalkan bagaimana mereka akan dipilih apabila mereka memohon. Apakah kriterianya? Kriteria saya nampak ada banyak. Adakah perkara-perkara lain akan mempengaruhi dalam sistem ini.

Seperti rasuah, seperti *recommendation* daripada orang kenamaan, seperti saudara mara. Mungkin pegawai-pegawai mempunyai saudara mara dan sebagainya. Adakah perkara-perkara ini mungkin akan terlibat dalam sistem apabila Lembaga itu memilih seseorang ataupun meluluskan permohonan daripada seseorang untuk dapat sistem parol ini. Saya rasa itulah dua tiga perkara yang saya ingin bangkitkan. Dengan ini, saya terus menyokong pindaan rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad.

8.20 mlm.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan rang undang-undang ini. Yang pertama ialah tentang sistem parol ini. Ia memang baik dan memang berjaya di setengah negara seperti di Amerika yang memberi peluang kepada mereka untuk bekerja, memenjarakan mereka di luar penjara sebenarnya dan duduk dengan keluarga mereka bersama masyarakat, tetapi apakah sistem buang daerah itu sudah tidak sesuai untuk digunakan berbanding dengan sistem parol ini? Apakah dengan ini bermakna bahawa sistem buang daerah ini dihapuskan dan tidak dipakai lagi?

Yang kedua ialah mengenai dengan kadet penjara tadi, seperti yang dibangkitkan oleh sahabat saya. Apakah kadet penjara ini taraf mereka ini sebagai pasukan simpanan sahaja yang tidak mempunyai latihan khusus dan sebenarnya bagaimana pemilihan itu dibuat?

Kalau kita melihat tentang pemilihan askar wataniah sebagai contohnya, kalau 1,000 itu yang mendaftar, saya rasa yang boleh lepas cuma 50 orang saja. Yang lain tak boleh lepas sebab ada masalah dadah, rekod-rekod jenayah dan sebagainya. Jadi saya harap dalam pembentukan pasukan kadet ini yang juga melibatkan pelajar sekolah, maka dia mestilah memenuhi syarat yang ketat tentang penubuhan kadet penjara ini dan satu perkara lagi yang disebut dalam rang undang-undang ini ialah fasal

18 iaitu meminda seksyen 58, Akta 537 iaitu tentang membawa keluar masuk artikel yang tidak dibenarkan.

Kita baru-baru ini terkejut apabila ada pendedahan dibuat tentang pegawai warden ini yang menyeludup dadah ke dalam penjara untuk diedarkan kepada banduan. Jadi apakah sebenarnya kerajaan ataupun pihak yang berkuasa mempunyai satu peraturan yang lebih ketat supaya kes-kes seperti ini tidak berleluasa sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain yang bercadang nak berbahas?

Puan Heng Seai Kie: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

8.23 mlm.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya akan menyentuh tentang fasal 13 berhubung dengan Bahagian IVA seksyen 46E serentak dengan seksyen 46F.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan agar semua banduan yang terlibat dengan jenayah merogol, keganasan rumah tangga ataupun kes-kes yang berkaitan dengan jenayah yang menzalimi kanak-kanak dan wanita supaya dikecualikan daripada kategori yang boleh diparolkan. Ini kerana hukuman yang sedia ada sememangnya sudah pun terlalu ringan dan tidak setimpal dengan dosa ataupun kesan negatif yang dilakukan ke atas mangsa terutama sekali bagi kes rogol kerana nafsunya, seumur hidup seorang mangsa terbinasa. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

8.25 mlm.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Fu Ah Kiow]: Terima kasih kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Saya ucapkan terima kasih atas pandangan dan cadangan yang bernas yang membina dalam pindaan akta ini.

Yang pertama, kekhawatiran Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie supaya pesalah yang telah melakukan kesalahan seperti rogol, mendera kanak-kanak dan wanita tidak layak dipertimbangkan. Ini pun telah diambil kira dalam pindaan akta ini. Kalau kita lihat Jadual Keempat di mana ada kesalahan-kesalahan seperti rogol, seperti mencederakan orang dan juga membunuh, ini adalah seksyen-seksyen di bawah Kanun Keseksaan. Jika banduan yang telah disabitkan di bawah jadual tersebut, maka dia tidak layak dipertimbangkan untuk parol kerana ini pun telah diambil kira.

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bertanya sama ada dengan adanya sistem parol ini, itu bermakna kaedah yang dilakukan sekarang iaitu buang daerah tidak terpakai lagi. Sebenarnya dia ada perbezaan. Untuk parol adalah untuk meletakkan banduan yang telah disabitkan dalam mahkamah dan telah dijatuhkan hukuman pemenjaraan dan bagi separuh tempohnya akan diberi parol untuk menjalani hukuman di luar tembok penjara. Untuk kaedah buang daerah, ini ada yang disabitkan oleh mahkamah tetapi kebanyakan buang daerah adalah mereka yang diambil tindakan di bawah undang-undang pencegahan yang tidak disabitkan di mahkamah dan dia adalah berlainan.

Tentang kadet penjara yang juga telah ditanya oleh Yang Berhormat Tuan Munusamy, apakah tujuan Kadet Penjara ini. Kadet penjara adalah bertujuan untuk ditubuhkan pasukan beruniform orang awam khususnya untuk penuntut-penuntut di sekolah menengah, IPTA dan IPTS. Tujuannya ialah;

- (i) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan belia supaya mereka tidak terlibat dalam apa-apa gejala sosial khususnya jenayah-jenayah dan tidak melanggar undang-undang;

- (ii) meningkatkan semangat kaunseling di peringkat belia, penuntut IPT dan IPTS dan juga pelajar sekolah supaya mereka boleh memainkan peranan dalam memberi kaunseling kepada banduan dan orang ramai kelak;
- (iii) menggalakkan kerjaya dalam bidang kepenjaraan; dan
- (iv) untuk menjadi rakan pembimbing kepada rakan sebaya dalam menangani gejala sosial.

Ini ialah tujuan-tujuan kita menubuhkan kadet penjara. Saya akan ambil perhatian atas cadangan iaitu supaya kita berhati-hati dalam memilih sesiapa yang layak untuk menjadi kadet penjara.

Soalan ketiga yang telah diketengahkan ialah tentang membawa masuk artikel larangan keluar masuk di pusat institusi penjara. Saya tidak menafikan memang ada perkara begitu berlaku tapi bilangan kes adalah terkawal. Kalau kita lihat jumlah warden seramai lebih kurang 14,000, memang ada berlaku kes-kes di mana bukan saja anggota penjara terlibat tetapi banduan apabila mereka dibawa keluar untuk perbicaraan di mahkamah, kadang-kadang juga membawa artikel larangan. Artikel larangan yang dibawa masuk termasuk tembakau, duit, telefon bimbit dan juga dadah yang dibawa masuk.

Saya ingin memberi jaminan di sini bahawa pihak penjara memang ambil berat perkara ini dan telah mempertingkatkan lagi usaha dalam pelbagai aspek untuk menangani isu ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita telah meningkatkan prosedur pemeriksaan di pintu masuk untuk banduan yang dibawa keluar dan masuk, untuk pegawai anggota sendiri dan juga untuk orang ramai iaitu ahli keluarga semasa mereka melawat banduan di penjara dan saya juga diberitahu...

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Fu Ah Kiow: Nanti, biar saya habiskan. Saya juga ingin tahu bahawa tindakan tegas telah diambil terhadap mereka yang melakukan kesalahan tersebut termasuk menggunakan Akta Pencegahan, meletakkan warden di bawah tahanan di bawah Akta LOPK di Batu Gajah, Simpang Renggam dan Muar dan ini adalah jaminan daripada pihak Jabatan Penjara Malaysia, kita tidak akan berkompromi dengan apa-apa salah laku sebegini dan kita tetap akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya kepada Yang Berhormat, *body search* yang dibuat oleh pihak warden terhadap banduan yang di bawa keluar dan dimasukkan semula yang mengatakan terdapat bahan-bahan yang di seludup masuk. *Body search* itu dibuat adakah memakai alat-alat yang seperti kita pakai di lapangan terbang dan lain-lain.

Datuk Fu Ah Kiow: Cara banduan membawa masuk artikel larangan memang pelbagai dan tidak boleh difikirkan. Kita bukan sahaja menggunakan *detector* tetapi juga banduan perlu menanggalkan seluar mereka dan duduk di atas kerusi dan kita kena *check* rektum supaya barangan larangan tidak di bawa masukkan dalam rektum dan dibawa masuk. Ini diperiksa dengan kamera dan komputer tanpa kontak fizikal. Dengan cara itu kita telah pun mengurangkan kes-kes membawa masuk barangan yang dilarang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan M. Munusamy saya ucapkan terima kasih atas sokongan yang telah diberikan. Banyak soalan yang telah ditanyakan.

Yang pertama memang benar bahawa institusi penjara bukan sahaja satu tempat untuk menghukum banduan sahaja, tetapi sejak kebelakangan ini kita melaksanakan pelan pembangunan insan ia kian menjadi satu institusi pemulihan iaitu *correctional institute* untuk membantu banduan supaya mereka boleh menjadi insaf atau seorang insan yang dapat menyumbang kepada masyarakat. Ini memang satu kaedah yang baru.

Tentang masalah banduan remaja adalah, ingin saya beritahu bahawa bilangan banduan muda atau banduan juvana setakat 3 Disember adalah seramai 2,316 orang. Di antaranya yang telah disabitkan oleh mahkamah ialah 1,127 manakala di bawah kategori reman ialah 1,189 orang. Antaranya ramai adalah di dalam lingkungan umur 20-21 tahun dan 18-19 tahun. Untuk mereka ini, mereka diletakkan di penjara khas untuk golongan ini, seperti mana mengikut peraturan penjara dan ini telah pun diwartakan. Untuk mereka kita memang sentiasa mementingkan program pemulihan. Program pemulihan termasuk program akademik dan program vokasional telah diberikan. Ada antara mereka yang akan mengambil peperiksaan, PMR, SPM, STPM dan baru-baru ini saya pun telah mendapat persetujuan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran supaya kita akan membekalkan guru tetap daripada kementerian dan juga akan menambah baik kemudahan perpustakaan untuk golongan ini.

Maksudnya kita akan mempertingkatkan lagi usaha memantapkan program pemulihan untuk golongan ini. Untuk mereka yang melakukan kesalahan kecil, awal tahun ini kita telah meluluskan satu akta iaitu CSO (perkhidmatan masyarakat) di mana pesalah di bawah umur 21 tahun mungkin boleh dijatuhkan hukuman menjalankan kerja perkhidmatan masyarakat. Pelaksanaan ini adalah di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan mereka sedang dalam proses membuat persiapan untuk melaksanakan akta tersebut.

Penjelasan ketiga yang diminta adalah tentang kesesakan di penjara. Memang benar kesesakan di penjara adalah satu isu yang mengkhawatirkan. Buat masa ini kapasiti untuk penjara tidak termasuk pusat pertahanan dan depot PATI ialah 28,000 manakala penghuni adalah seramai hampir 35,000. Ini bermakna lebih kapasiti 22.8% dan kesesakan ini boleh menimbulkan banyak masalah. Untuk Simpang Renggam, saya ingin memaklumkan bahawa, kita telah pun mengambil beberapa langkah untuk mengatasi masalah kesesakan, antaranya termasuk membesarkan kapasiti di semua institusi penjara yang ada dan kedua memindah banduan dari satu institusi ke institusi yang lain.

Yang ketiga dalam RMK-9 akan membina 16 penjara baru dan kaedah terbaru ialah untuk Simpang Renggam kita akan buka semula lagi, buat sementara tempoh sementara tiga tahun, penjara di Johor Bahru supaya kita boleh memindah banduan reman daripada Simpang Renggam ke Johor Bahru. Dengan itu makna kesesakan di Simpang Renggam dapat dikurangkan.

Setelah kita ambil sebahagian tindakan dalam tempoh terdekat ini, kita lihat keadaan kesesakan telah pun berkurangan. Misalan untuk penjara di Simpang Renggam kelebihan penghuni cuma 17.4% dan untuk Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam kelebihan kapasiti cuma 22.5%, kalau berbanding dengan hampir 90% pada akhir tahun lepas, maka kita lihat keadaan telah bertambah baik di situ.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesesakan Yang Berhormat maksudkan tadi sebanyak 34,000 banduan, adakah banduan-banduan ini termasuk banduan daripada negara asing yang telah melakukan jenayah berat dan adakah mereka ini juga akan termasuk dalam sistem parol yang akan kita luluskan nanti.

Datuk Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang saya beri itu adalah jumlah penghuni termasuk banduan dan orang tahanan warganegara Malaysia dan asing dan bilangan warganegara asing adalah lebih kurang 36% hingga 40%. Itu tidak termasuk bilangan di depot-depot PATI. Parol juga boleh dikenakan pada banduan asing jika negara asal mereka ada sistem yang sama dan jika negara asal banduan tersebut sedia menerima balik banduan tersebut. Kalau mereka tidak ada sistem parol, dan mereka tidak setuju untuk menerima balik, maka kita tidak dapat melaksanakan parol untuk mereka.

Kuasa Lembaga Parol telah pun dihuraikan di seksyen 46B iaitu tentang keanggotaan Lembaga Parol. Di mana antaranya pengerusi adalah seorang pegawai kanan daripada perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Selain daripada itu ada seorang pegawai kanan penjara, seorang pegawai kanan polis, seorang pegawai kanan kebajikan dan tiga orang awam. Semua anggota ini akan dilantik oleh Yang di-Pertuan Agung.

NGO, peranan NGO saya setuju bahawa peranan NGO, masyarakat umum, keluarga dan teman-teman memang memainkan peranan yang penting dalam menjayakan sistem parol ini sebab tanpa sokongan dari segi sokongan spiritual dan juga sokongan fizikal, maka susah kita melaksanakan sistem parol ini. Misal majikan boleh sokong untuk menjayakan program ini dengan menyediakan peluang pekerjaan dan keluarga perlu sentiasa memberi sokongan kepada mereka yang menjalani sistem parol dan NGO boleh memainkan peranan sebagai *support group*, dengan izin khususnya untuk mereka yang merupakan penagih dadah.

Jadi peranan kumpulan ini memang amat penting dalam kita menjayakan program parol ini. Pegawai yang disarankan supaya pegawai daripada berbilang kaum akan diletakkan untuk menjalankan tugas sebagai pegawai parol, ini memang telah diambil perhatian bukan sahaja sebagai pegawai parol, tetapi juga untuk pegawai di institusi penjara pun kita sentiasa mengambil kira faktor ini. Oleh sebab kita sedar dari pelbagai kaum yang pelbagai bahasa dan budaya, maka dengan adanya pegawai yang berbilang kaum, ia akan memudahkan kerja pihak Penjara Malaysia.

Untuk soalan sama ada mereka perlu pohon atau cuma mereka dipilih oleh pegawai penjara untuk dipertimbangkan oleh Lembaga Parol. Sebenarnya adalah di bawah syarat dan peraturan penjara ini semasa banduan dimasukkan ke dalam penjara, banduan akan diberitahu hak-hak mereka untuk mempertimbangkan parol. Kalau mereka berkelakuan baik dan kalau mereka memenuhi syarat-syarat yang diperlukan mengikut undang-undang ini. Ini sebenarnya akan menjadi satu galakan kepada banduan untuk menjalankan dan mengikuti program pemulihan dan untuk menggalakkan mereka betul-betul menukar fikiran mereka supaya mereka tidak akan cuba melakukan apa-apa lagi jenayah apabila mereka dibebaskan. Mereka memang diberitahu dan bila sampai masa untuk dipertimbangkan, mereka boleh memohon dan semua permohonan akan disampaikan ke Lembaga Parol untuk membuat keputusan.

Cuma dalam kita mengemukakan senarai nama kepada Lembaga Parol untuk buat keputusan, kita akan sampaikan juga laporan penilaian yang dijalankan selama mereka di penjara. Penilaian itu dijalankan secara berterusan oleh pegawai penjara oleh pegawai pemulihan dan sebagainya. Jadi itu akan menjadi satu asas yang penting semasa Lembaga Parol membuat keputusan sama ada meluluskan atau bersetuju dengan cadangan untuk memberi parol kepada banduan tersebut.

Daerah parol, setakat ini kita telah bersetuju bahawa 50 daerah akan ditubuhkan sebagai daerah parol dan mereka yang telah diluluskan untuk parol boleh diletakkan di daerah-daerah tersebut. Dan pemilihan untuk di mana daerah diletakkan akan berpanduan kepada faktor yang paling penting iaitu peluang pekerjaan yang boleh diperoleh oleh yang di parol itu. Itu adalah pemilihan yang paling penting. Kalau orang yang diparol itu boleh mendapat pekerjaan dengan keluarga mereka, kita akan memberi keutamaan tersebut. Kalau dia tidak boleh dapat pekerjaan di satu daerah dan di lain daerah boleh dapat peluang pekerjaan, Lembaga Parol boleh mempertimbangkan permohonan untuk menukar daerah parol supaya dia mendapat pekerjaan. Itu adalah pertimbangan yang paling penting.

Tentang tanggungjawab untuk mendapatkan pekerjaan. Saya nak jelaskan di situ dalam *interview* yang saya ada dengan NST itu. Apa yang saya katakan ialah memang Lembaga Parol dan pihak penjara tidak menjamin seseorang yang di parol itu mendapat kerja, itu bukan tanggungjawab kita untuk memastikan. Ini sebab kalau banduan itu belum diletakkan di luar daripada penjara macam mana dia boleh dapat pekerjaan. Memang menjadi salah satu tugas utama untuk parol di daerah ialah membantu mereka yang diparol untuk mendapatkan pekerjaan.

Jadi kita akan sentiasa membantu untuk mencari tetapi tidak boleh menjadikan satu syarat sebab ada orang diparol mungkin ada hubungan dengan keluarga luar atau rakan-rakan yang telah pun bersedia untuk memberi pekerjaan. Jadi kita boleh bantu tapi tidak boleh menjamin. Selagi mereka dalam sistem parol, mereka masih merupakan banduan di institusi penjara. Kita tidak boleh membayar gaji kepada mereka, itu bukan tujuan parol. Kita akan cuba membantu untuk mencari kerja untuk orang yang di parol.

Tentang salah guna kuasa, seperti tadi saya katakan Penjara Malaysia memang mengambil berat dan kita akan sentiasa menjalankan pemantauan dan saya ingin memaklumkan di sini Penjara Malaysia telah pun menubuhkan satu pasukan khas yang sentiasa menjalankan pemeriksaan mengejut di institusi-institusi penjara untuk memastikan tidak ada penyalahgunaan kuasa oleh mana-mana warden atau pegawai

parol. Jika kita dapat siapa-siapa yang menyalahgunakan kuasa atau terlibat dengan aktiviti rasuah, kita tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan tatatertib dan tindakan undang-undang terhadap mereka.

Jadi saya fikir saya telah menjawab semua pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya sekali lagi ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini yang telah kita dapat sokongan di aspek ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 24 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucap tahniah kerana berjaya mengendalikan rang undang-undang dengan jayanya.

RANG UNDANG-UNDANG HARTA PUSAKA KECIL (PEMBAHAGIAN) (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

8.52 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Sila huraikan, Yang Berhormat.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955, Akta 98 telah mula berkuat kuasa pada 1 Disember 1955. Akta ini telah digubal mengikut Jadual Kesembilan Senarai 1 Perkara 4(e)(i), Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk menyeragamkan pengurusan dan pentadbiran harta pusaka seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Sejak akta ini berkuat kuasa sebanyak empat pindaan telah dilaksanakan oleh Dewan yang mulia ini bermula pada tahun 1975 sehinggalah tahun 1989. Pindaan-pindaan yang dilakukan adalah bertujuan untuk memastikan kesesuaian sistem pengurusan harta pusaka di Semenanjung Malaysia supaya dapat memenuhi keperluan dasar dan pembangunan sosioekonomi semasa.

Akhir-akhir ini pengurusan harta pusaka sering mendapat perhatian utama terutama apabila menyentuh isu kecekapan pengurusan permohonan pembahagian yang diketengahkan oleh pelbagai pihak. Sememangnya pihak kerajaan peka dengan keperluan pindaan bagi sesetengah prosedur kerja yang boleh dibuat penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Memandangkan had nilai bidang kuasa harta pusaka kecil yang sudah tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa ekoran peningkatan nilai hartanah, pihak kerajaan akan terus melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan ataupun *government delivery system*, dengan izin, kepada rakyat jelata.

Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)(Pindaan) ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 14 November 2007 dan dipersetujui oleh Majlis Tanah Negara pada 20 November 2007. Secara umumnya cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan sembilan seksyen.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, umumnya pengurusan pembahagian pusaka di negara ini telah mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan semasa dan kepesatan pembangunan negara. Justeru itu telah timbul keperluan untuk memperkenalkan takrifan baru di bawah seksyen 2, Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) bagi disesuaikan dengan kehendak dan keperluan semasa.

Selaras dengan penubuhan Amanah Raya Berhad di bawah Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995, takrifan "*corporation*" diperkenalkan. Takrifan berkaitan perbadanan ini bertujuan mengiktiraf Amanah Raya Berhad sebagai sebuah perbadanan yang sah di sisi undang-undang dan mempunyai bidang kuasa tersendiri dalam mengurus dan mentadbir harta alih si mati.

Takrifan baru "*valuation officer*" dimasukkan bertujuan untuk membolehkan pegawai penilai di Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) membuat penilaian harta pusaka si mati selain daripada penilaian yang dibuat oleh pentadbir tanah. Cadangan pindaan ini juga turut dibuat ke atas subseksyen 4(5), subseksyen 8(5) dan subseksyen 8(6).

Seterusnya takrifan "*official administrator*" telah dipotong di bawah Akta 98 ini agar selaras dengan pemansuhan yang dibuat di bawah Akta Probet dan Pentadbiran 1959 (Revised 1972).

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan peningkatan nilai hartanah pada masa kini, pihak kerajaan merasakan nilai harta pusaka kecil sekarang ini adalah tidak lagi sesuai dengan keadaan semasa. Sehubungan itu dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 3(2), Akta Harta Pusaka Kecil bagi meningkatkan nilai harta pusaka kecil daripada RM600,000 kepada RM2 juta dan dengan wujudnya pindaan ini, ia akan membolehkan permohonan pembahagian harta pusaka yang nilainya tidak melebihi RM2 juta diuruskan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian, Seksyen Pembahagian Pusaka Kecil tanpa perlu dibawa ke Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta 98 sebelum ini menyatakan di dalam situasi sekiranya terdapat lebih daripada satu permohonan dimasukkan ke atas harta pusaka si mati yang sama, pentadbir tanah di mana hartanah yang paling tinggi nilainya akan mempunyai bidang kuasa bagi mendengar permohonan pembahagian harta pusaka tersebut. Keadaan ini telah menimbulkan kesukaran kepada waris yang terpaksa membuat permohonan agar kes yang difailkan oleh mereka dipindahkan semula ke tempat yang dikehendaki.

Justeru itu adalah dicadangkan pindaan ke atas subseksyen 4(2) bagi menyatakan bahawa pentadbir tanah, di mana permohonan yang pertama dimasukkan akan mempunyai bidang kuasa eksklusif untuk mendengar permohonan tersebut. Keadaan ini timbul dalam kes di mana terdapat lebih daripada satu permohonan dimasukkan atas harta pusaka si mati yang sama, sama ada di daerah atau negeri yang sama atau berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan lagi kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan berkaitan pengurusan harta pusaka, usaha-usaha untuk mempercepatkan proses permohonan perlu diberi perhatian.

Oleh itu subseksyen 8(1), Akta Harta Pusaka Kecil dicadangkan dipinda dengan membenarkan permohonan pembahagian pusaka dibuat di mana-mana daerah atau negeri di mana hartanah tersebut terletak, tanpa mengambil kira nilai hartanah tersebut. Ini adalah bertujuan memberi kemudahan kepada waris untuk berurusan dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian atau pejabat-pejabat tanah dalam mempercepatkan urusan permohonan pembahagian pusaka.

Bagi memudahkan lagi prosedur dalam pengurusan permohonan pembahagian pusaka, pindaan turut dibuat kepada subseksyen 8(2) di mana dalam keadaan dokumen hak milik keluaran tidak dapat dikemukakan oleh pemohon atas sebab-sebab tertentu yang difikirkan wajar oleh pentadbir tanah, salinan yang diakui sah atau dokumen-dokumen yang membuktikan pemilikan boleh diterima pakai.

Seterusnya bagi memberi kemudahan kepada waris dalam memohon penetapan tempat pendengaran perbicaraan, cadangan pindaan juga dibuat terhadap subseksyen 8(8) dalam keadaan di mana jika terdapat dua permohonan atau lebih dimasukkan, pentadbir tanah boleh memohon untuk memindahkan permohonan tersebut dengan kebenaran Pengarah Tanah dan Galian Negeri iaitu di antara daerah dalam negeri yang sama atau Ketua Pengarah Tanah dan Galian di antara negeri yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 8A baru diwujudkan supaya Perbadanan iaitu Amanah Raya Berhad menyerahkan kepada pentadbir tanah apa jua dokumen yang berhubung dengan apa-apa harta alih yang terkandung dalam harta pusaka yang telah ditadbirkan atau sedang ditadbirkan oleh Perbadanan. Ini bertujuan membantu pentadbir tanah menentukan sama ada harta pusaka itu adalah harta pusaka kecil atau sebaliknya.

Di bawah peruntukan sedia ada, tiada peruntukan untuk memasukkan nilai harta alih yang telah atau sedang ditadbirkan Perbadanan iaitu Amanah Raya Berhad tersebut bersekali dengan nilai harta tak alih yang belum dibuat pembahagian. Terdapat waris-waris yang mengemukakan permohonan pembahagian pusaka harta alih terlebih dahulu kepada Perbadanan sedangkan terdapat harta tak alih yang apabila dijumlahkan nilainya melebihi nilai pusaka kecil.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 12(3) Akta Harta Pusaka Kecil juga dipinda dengan memasukkan *Settlement Officer* sebagai seorang saksi yang boleh diterima dalam sesuatu perbicaraan pembahagian pusaka kecil. Ini adalah bersesuaian dengan pindaan yang telah dibuat sebelum ini yang membolehkan seseorang *Settlement Officer* membuat permohonan pembahagian pusaka bagi pihak waris.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 13(a) baru diperkenalkan bagi mengiktiraf perbadanan iaitu Amanah Raya Berhad sebagai pihak yang turut mempunyai kuasa dalam membuat pembahagian harta pusaka si mati yang melibatkan harta alih sahaja. Ini bertujuan untuk membolehkan pentadbir tanah menerima apa jua arahan atau pengisytiharan yang dibuat oleh perbadanan berhubung dengan apa-apa harta alih yang terkandung dalam harta pusaka kecil yang telah ditadbirkan oleh Perbadanan tersebut.

Selanjutnya dengan tujuan memberikan kemudahan kepada waris-waris yang berhak terhadap pembahagian harta alih yang sukar di pecah bahagi, subseksyen 15(5a) baru diperkenalkan bagi memberi budi bicara kepada pentadbir tanah untuk menjual harta alih tersebut supaya hasilnya dapat dibahagikan kepada waris-waris yang berhak. Pindaan ini akan dapat menyelesaikan kebuntuan waris-waris dalam membahagikan harta-harta alih yang tidak dapat dipecahkan bahagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan yang utama ke atas Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Pindaan-pindaan lain yang tidak dinyatakan secara terperinci adalah merupakan pindaan-pindaan yang berbangkit ataupun *consequential amendment*, dengan izin.

Saya yakin pindaan-pindaan yang dicadangkan itu akan dapat memberikan kepuasan kepada rakyat ke atas penambahbaikan yang diusahakan khususnya dalam pengurusan pembahagian harta pusaka kecil ke arah peningkatan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan segala hormatnya mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Harta Pusaka Kecil Pembahagian 1955 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dato' Yip.

9.03 mlm.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin menyatakan saya suka menyokong Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil (Pembahagian)(Pindaan) 2007 pada hari ini. Sebenarnya, Akta Harta Pusaka Kecil Pembahagian ini merupakan satu akta yang istimewa dan baik dalam usaha membantu rakyat kita kerana ia adalah satu proses yang mudah, murah, tepat berbanding dengan proses di Mahkamah Tinggi seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi.

Soalan saya, sekarang ini kita memerlukan empat bulan sekurang-kurangnya di semua tempat yang kita memohon pusaka kecil ini. Tempoh ditunggu adalah sekurang-kurangnya empat bulan. Dengan tambahnya dari 600,000 sekarang kita pergi ke dua juta.

Bermakna kes akan bertambah berlipat ganda. Kita tidak tahu di masa hadapan berapa lama kita kena tunggu, orang kita kena tunggu untuk mendapatkan pembahagian kerana *hearing day* itu dari satu masa ke satu masa, ia sedang meningkat. Ini untuk polisinya memang bagus. Saya ingin menyatakan di sini. Tadi saya sudah mendengar dengan teliti, apa yang dicadangkan itu memang bagus keseluruhannya.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa sekarang misalnya di Wilayah Persekutuan, kita mengadakan perbincangan di Jalan Semarak. Sebelum itu, kita kena bayar per bil di Wisma Persekutuan, Jalan Sultan Ismail. Selepas bayar, kita kena memohon di Jalan Semarak. Kita membuat pemohon, orang-orang kampung kita pergi berulang-alik. Ini tidaklah betul. Perkara ini juga berlaku di Gombak, tempat saya. Tahu tak, pejabat itu dia tersembunyi di belakang satu bangunan. Saya tidak tahu mengapa satu tempat pusaka kecil, satu tempat perbincangan, disembunyikan di satu tempat di belakang satu bangunan.

Saya meminta pelaksanaan ini harus diperbaiki. Apa yang dikatakan oleh kementerian memang benar. Dia lebih mudah berbanding dengan apa yang dibuat di mahkamah tetapi di mahkamah kadang-kadang lebih senang untuk mendapat perintah. Seperti misalnya, di pusaka kecil, mereka memerlukan resit Cukai Tanah... [*Gangguan sistem pembesar suara*] ...Dengan izin, untuk *master title*. Sedangkan *master title* ini, dengan izin, selalunya dipegang oleh pemaju. Pemaju yang ada tidak bayar, ada yang bankrap. Menyebabkan orang kita terlalu susah untuk mendapat resit. Kalau pergi mahkamah, tidak perlu.

Berhubung dengan Amanah Raya Berhad, saya ingin memberitahu Dewan yang mulia ini, mereka mengenakan bayaran caj yang agak tinggi. Diharap kalau kita melalui pentadbiran boleh membuat sesuatu bagi orang kita. Dengan kata-kata itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Che Puan Sri Kelana D'Raja, selepas itu Yang Berhormat Setiausaha Parlimen boleh menjawab dan menggulung perbahasan.

9.08 mlm.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan dan ruang untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Harta Pusaka Kecil Pembahagian (Pindaan) 2007. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin sebelum ini bahawa terdapat kes harta pusaka dengan nilai mencecah RM38 bilion masih lagi tertunggak, seharusnya tidak dipandang sepi. Ia lebih menyentuh hati memandangkan kebanyakan daripada kes tersebut membabitkan harta pusaka orang-orang Melayu.

Mengikut statik Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian terdapat lebih RM6 juta hak milik tanah yang ada di negara kita. Dianggarkan lebih RM1 juta hak milik tanah tersebut adalah milik orang yang telah mati dan masih lagi belum dibuat permohonan harta pusaka untuk diturun milik kepada ahli waris yang layak. Angka tersebut Tuan Yang di-Pertua, membuktikan bahawa masih terdapat banyak lagi hartanah yang pemiliknya meninggal dunia dibiarkan tanpa sebarang tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau bagi-bagi sebelum mati, tidak boleh?

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik

Yahya: Itu lebih elok lagi Tuan Yang di-Pertua. Diharapkan ini dapat diselesaikan. Kesannya maka banyakkah tanah milik orang Melayu terutamanya yang tidak dapat dimanfaatkan. Malahan terdapat tanah pusaka terletak di kawasan yang begitu strategik tetapi tidak dapat dibangunkan memandangkan tanah itu mempunyai bilangan ahli waris yang menjangkau kepada lebih 100 orang.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pengalaman saya, terdapat empat punca utama berlakunya masalah harta pusaka di kalangan orang Melayu. Pertama bukanlah menjadi rahsia keluarga Melayu sama ada di bandar atau di desa untuk berhadapan dengan masalah geran tanah yang tidak boleh diturun milik akibat daripada masalah kematian berlapis.

Kedua, terdapat persepsi di kalangan orang Melayu bahawa oleh kerana terdapatnya hukum faraid maka tidaklah lagi perlu merancang pewarisan harta. Perlu diingatkan walaupun pembahagian harta berdasarkan faraid, masih perlu melalui proses-proses yang ditetapkan oleh Mahkamah Tinggi Sivil atau Pejabat Pusaka Kecil.

Ketiga Tuan Yang di-Pertua, tidak dinafikan bahawa kaedah perancangan pusaka seperti penulisan wasiat, hebah dan amanah merupakan cerita baru bagi masyarakat kita telah tertanam dalam minda pemikiran kita bahawa penulisan wasiat akan disamakan dengan hampirnya kematian.

Keempat, permasalahan pembahagian harta pusaka di bawah tanah-tanah FELDA, FELCRA dan tanah rancangan juga tidak boleh dipandang ringan kerana ia kelihatannya menyumbang kepada masalah harta pusaka orang Melayu memandangkan tanah-tanah rancangan ini memang didominasi oleh orang Melayu kita.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat beberapa kaedah untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah merancang pewarisan harta. Bagi segelintir orang Melayu, jalan mudah bagi menyimpulkan masalah harta pusaka dalam keluarga adalah dengan meletakkan kesalahan kepada hukum faraid. Perlakuan menyalahkan hukum pusaka Islam sebenarnya merupakan manifestasi kepada kurangnya ilmu orang Islam tentang kaedah penyediaan perancangan harta pusaka yang dibenarkan oleh syarak bagi melengkapkan hukum faraid. Kesempurnaan agama Islam dapat diperjelaskan lagi dengan adanya kaedah pembahagian harta seperti surat cara, hebah, hadiah, wasiat, amanah, wakaf, nazar, sedekah dan harta sepencarian.

Fakta yang selalu dimaklumkan oleh orang Islam ialah mereka tidak boleh berwasiat kepada ahli waris dan wasiat tidak boleh melebihi 1/3 daripada jumlah harta. Tanpa menafikan fakta tersebut kita sebenarnya masih boleh menyediakan wasiat yang berlandaskan hukum syarak dan ia dapat membantu orang Islam bagi memastikan prosedur-prosedur yang ditetapkan dalam undang-undang pentadbiran harta pusaka di Malaysia dapat dilaksanakan dengan lebih cepat.

Surat wasiat berperanan untuk melancarkan proses mendapatkan surat kuasa probet dari Mahkamah Tinggi. Wasiat selain daripada pesanan yang bernilai kepada ahli keluarga juga akan memperincikan jenis-jenis harta yang dimiliki dan tanggungan hutang seseorang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu elemen yang paling penting dalam wasiat adalah klausa pelantikan pentadbir harta yang amanah dan penjagaan bagi anak-anak yang masih kecil berdasarkan kehendak si pembuat wasiat. Adalah diharapkan pindaan peruntukan undang-undang pentadbiran pusaka ini dapat membantu menyelesaikan masalah wasiat tertunggak.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan sekarang masalah harta pusaka orang Islam masih lagi berada di dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil Pejabat Pusaka Kecil. Bagaimana mereka masih perlu ke Mahkamah Syariah bagi proses pengambilan sivil faraid. Jelasnya apabila berlaku kematian waris-waris kepada si mati yang beragama Islam perlu pergi ke Mahkamah Sivil dan Syariah. Langkah-langkah perlu dibuat bagi memudahkan proses pembahagian harta pusaka ini bagi orang Islam tanpa perlu menunggu perintah dari dua mahkamah yang berbeza. Ia boleh berlaku sama ada kesemua perintah harta pusaka orang Islam dipindahkan ke Mahkamah Syariah sepenuhnya ataupun sebagai pilihan Mahkamah Sivil sendiri boleh mempunyai bahagian khas.

Tuan Yang di-Pertua: Tapi Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis hanya melibatkan harta pusaka kecil.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan? Walaupun langkah ini hanya boleh dilakukan dengan meminda Perlembagaan Persekutuan, kita seharusnya berfikir jika harta pusaka orang bukan Islam dibicarakan pada satu mahkamah sahaja mengapa pula orang Islam perlu hadir ke dwi mahkamah untuk mendapatkan perintah yang sama. Saya berpendapat jika kita ingin memartabatkan Mahkamah Syariah, kita harus memberi ruang kepada Mahkamah Syariah untuk memperoleh bidang kuasa..

Tuan Yang di-Pertua: Itulah yang saya ganggu tadi ini. Saya tak mahu perbincangan mengenai Akta Harta Pusaka Kecil jadi terus kepada pemisahan kuasa antara Mahkamah Sivil dengan Mahkamah Syariah. Sebab itu saya ajak Yang Berhormat balik kepada soal harta pusaka kecil.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf saya mengganggu.

Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, orang Melayu masih lagi tertinggal dari segi ekuiti pemilikan harta di negara kita. Sudahlah begitu kita masih mendahului kaum lain dari segi pemilikan harta yang dibekukan. Sudah tiba masanya permasalahan harta pusaka umat Islam ditangani dengan lebih serius dan sempurna sebelum ia menjadi begitu terlewat.

Tegasnya, proses penyusunan dan penurunan harta yang sempurna bukan sahaja akan dapat menjaga kebajikan dan permasalahan ahli keluarga yang ditinggalkan, bahkan dapat memastikan harta yang telah diusahakan dengan jerit-perih semasa hidup tidak akan menjadi bahan pertelingkahan antara kaum kerabat. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat.

9.18 min.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pihak kementerian mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook dan juga Che Puan Datin Dr. Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya kerana pandangan dan juga perbincangan yang telah diberikan.

Dato' Yip Kum Fook ada menyentuh berkenaan dengan pertambahan kes-kes sekiranya tahap 600,000 dinaikkan kepada 2,000,000.

Kementerian sedar sememangnya bila ada penambahbaikan ataupun luluskan satu rang undang-undang yang melibatkan pertambahan beban kerja, kita sedar dan kita tahu dan kita juga akan bersedia menghadapi penambahan beban kerja tersebut di mana perjawatan akan dipohon dan juga *planning* dan sebagainya akan dibuat. Itu di bawah pihak jabatan, insya-Allah.

Dari segi yang dibangkitkan berkenaan dengan proses, prosedur dan sebagainya, ini juga kita akan melihat dari segi memudahkan lagi prosedur-prosedur tertentu dan juga ada komen-komen berkenaan dengan borang-borang yang dibuat dan sebagainya. Ini proses yang sentiasa kita adakan di peringkat jabatan iaitu mendapat *feedback* daripada orang awam dan sebagainya apakah yang menjadi permasalahan seperti Yang Berhormat cakap tadi unit pusaka kecil duduk di belakang hujung. Memang betul. Kita tahu. Sebab kita kadang-kadang di pejabat daerah ini ada dua atau tiga orang sebab masa itu 600,000 sahaja. Jadi apabila sudah naik 2,000,000 ini bolehlah kaunter besar sedikit, staf ramai sedikit. Kita boleh pohon dengan kementerian tempatkan di tempat yang baik sedikit supaya diuar-uarkan kepada waris boleh datang tuntutan. Sebab ini banyak sangat ini berbilion-bilion ringgit, RM38 bilion yang tidak dituntut.

Ini menjadi masalah kita juga. Jadi kita kebiasaannya membuat program-program seperti Sehari Bersama Pewaris ataupun macam mana nak tuntutan pusaka-

pusaka kecil ini sebab macam *every year*, setiap tahun kita buat program turun ke padang.

Macam tahun ini saja kita dah mengadakan lebih kurang 81 program dan lima kali kita buat seminar di peringkat daerah, di mana kita nak sedarkan kepada rakyat bahawasanya pusaka kecil ini adalah boleh dituntut tanpa pergi ke mahkamah-mahkamah tinggi dan dengan adanya peningkatan ini, lebih lagilah kita kena buat *road show* kepada rakyat supaya menuntut harta pusaka tersebut.

Saya amat berterima kasih juga kepada Datin Hajah Nik Azizah yang telah membentangkan dengan panjang lebar berkenaan dengan kebanyakannya itu adalah apa yang saya lihat sebagai satu pandangan dan satu saranan kepada pihak kerajaan yang mana kebanyakannya berlegar terhadap persepsi dan sebagainya. Itu kita akan pastikan pegawai-pegawai saya ada kat sini, kita tengoklah yang mana yang elok itu kita boleh ambil kira dan berkenaan dengan Amanah Raya yang caj tinggi, itu bukan bawah bidang kuasa kementerian. Itu di bawah orang lain, jadi saya tak nak komenlah kan. RM10 saja rasanya harga borang itu. RM10 saja, murah saja. Jadi kalau dapat Sijil Faraid pun kita akui *that* Sijil Faraid, kalau dapat daripada Amanah Raya Berhad dia punya penyata pun, kita akui yang itu. Jadi, ini nak memudahkan lagi, dipermudahkan.

Jadi saya mengucapkan ribuan terima kasihlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang tersebut tadi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERDAGANGAN ANTARABANGSA MENGENAI SPESIES
TERANCAM 2007**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

9.25 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Tan Sri. Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Dewan yang saya hormati sekalian, Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam iaitu *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Flora and Fauna*, atau singkatnya CITES adalah perjanjian antarabangsa di antara kerajaan-kerajaan yang bertujuan untuk memastikan perdagangan antarabangsa yang melibatkan spesies fauna dan flora liar tidak akan mengakibatkan spesies tersebut diancam kepupusan. Oleh kerana perdagangan fauna dan flora melibatkan pelbagai negara, maka kerjasama di peringkat antarabangsa adalah penting bagi melindungi spesies-spesies tersebut daripada dieksploitasi secara keterlaluan. Sehubungan itu, Konvensyen CITES yang merupakan perjanjian di antara negara-negara diwujudkan bagi memastikan perdagangan tersebut dikawal dan sekali gus menjamin kemandirian, dengan izin *survival*, spesies fauna dan flora agar sumber alam ini akan terus dapat dinikmati oleh generasi masa hadapan.

Di bawah Artikel ke-8, Konvensyen CITES, setiap negara ahli adalah bertanggungjawab menggubal Rang Undang-undang Kebangsaan CITES bagi melaksanakan keperluan-keperluan di bawah CITES dan mengambil tindakan-tindakan yang sewajarnya untuk mengawal perdagangan spesies fauna dan flora yang terancam. Mesyuarat Conference of Parties (COP) yang ke-14 di The Hague pada 3-15 Jun 2007 telah menetapkan supaya negara-negara ahli seperti Malaysia yang masih belum mempunyai Rang Undang-undang Kebangsaan CITES dikehendaki mengemukakan kepada Mesyuarat Standing Committee yang ke-58.

Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Malaysia digantung daripada menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan CITES. Malaysia dalam mesyuarat COP yang ke-14 telah memaklumkan bahawa Rang Undang-undang Kebangsaan mengenai perkara ini akan dibentangkan kepada Parlimen sebelum mesyuarat *Standing Committee* yang ke-57 yang akan dijadualkan pada bulan Julai 2008.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan penggubalan Rang Undang-undang Kebangsaan CITES adalah sebagai memenuhi tanggungjawab Malaysia di bawah Konvensyen CITES serta melindungi khazanah biodiversiti negara daripada dieksploitasi secara keterlaluan. Selain dari itu, rang undang-undang ini akan menjadi pelengkap kepada peruntukan perundangan domestik yang sedia ada. Penggubalan akta di peringkat kebangsaan akan mewujudkan keseragaman di dalam melaksanakan tanggungjawab di bawah Konvensyen CITES dan mampu membentuk satu sistem pentadbiran dan pemantauan pelaksanaan CITES secara sistematik dan teratur.

Rang undang-undang ini bagaimanapun hanya terpakai kepada aktiviti perdagangan antarabangsa hidupan liar, fauna dan flora. Manakala aktiviti perdagangan domestik atau di dalam negara adalah tertakluk kepada peruntukan perundangan akta domestik yang berkaitan.

Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini dapat menyelaraskan dan menyeragamkan aktiviti di antara agensi-agensi di Malaysia berhubung dengan tugas dan tanggungjawab dalam mentadbir, mengawal, menguatkuasakan peraturan berkaitan perdagangan antarabangsa spesies-spesies yang dilindungi. Penggubalan akta di peringkat kebangsaan akan membolehkan negara melaksanakan tanggungjawab di bawah Konvensyen CITES secara lebih sistematik dan teratur memandangkan semua agensi berkaitan hanya mengguna pakai satu akta bagi mengawal selia perdagangan antarabangsa yang melibatkan semua jenis spesies sama ada fauna ataupun flora.

Tuan Yang di-Pertua, spesies-spesies yang dilindungi di bawah konvensyen ini dikategorikan secara saintifik di Jadual Ketiga Rang Undang-undang ini. Terdapat tiga jenis spesies seperti yang dibutirkan di lampiran satu, dua dan tiga di dalam rang undang-undang ini. Spesies di bawah lampiran satu adalah spesies yang diancam kepupusan dan aktiviti perdagangan komersial adalah dilarang sama sekali. Bagaimanapun, pertukaran spesies bagi tujuan penyelidikan dan pembiakan seperti pertukaran di antara zoo adalah dibenarkan. Juga dibenarkan adalah perdagangan spesies hasil pembiakbakaan dalam kurungan oleh pihak yang berdaftar dengan CITES.

Spesies di lampiran dua pula adalah spesies yang berpotensi diancam kepupusan dan aktiviti perdagangan berkaitan hendaklah dikawal melalui sistem kuota bagi memastikan kemandirian.

Manakala spesies di Lampiran 3 pula, adalah spesies yang dilindungi sekurang-kurangnya oleh sebuah negara dan kerjasama semua negara ahli adalah diperlukan bagi mengawal aktiviti komersial ke atas spesies tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti perdagangan antarabangsa flora dan fauna dianggarkan bernilai berbilion ringgit dan meliputi haiwan peliharaan, produk seperti produk makanan dan perubatan, peralatan kayu seperti perabot dan alatan muzik serta barangan kulit. Aktiviti perdagangan tidak terkawal boleh mengakibatkan kemusnahan habitat yang dikenal pasti sebagai penyumbang terbesar kepada kepupusan spesies-spesies tertentu.

Di antara contoh spesies flora Malaysia yang banyak diperdagangkan adalah seperti spesies gaharu dan ramin yang disenaraikan di bawah lampiran dua CITES. Kayu ramin telah mendapat permintaan yang tinggi sehingga menimbulkan masalah pembalakan haram dan penyeludupan daripada negara-negara jiran. Spesies gaharu juga mendapat permintaan yang tinggi dan mempunyai pasaran yang besar di negara-negara Asia Barat dan China.

Kayu gaharu pada kebiasaannya digunakan untuk upacara keagamaan, perubatan, dan bahan membuat minyak wangi. Harga bagi gaharu yang berkualiti tinggi boleh mencecah sehingga USD10 ribu satu kilogram. Manakala spesies-spesies fauna yang banyak diperdagangkan di Semenanjung Malaysia adalah seperti ular sawa batik, ataupun *python reticulatus*, biawak air atau *varanus salvator*, ular tedung atau *naja naja*, buaya tembaga atau *crocodylus porosus* ini susah hendak sebut dan juga aligator atau *alligator mississippiensis* minta maaflah kalau tidak betul. Ular sawa batik, biawak air dan ular tedung biasanya diperdagangkan secara hidup atau di dalam bentuk spesimen kulit. Manakala bagi spesies buaya tembaga dan aligator pula biasanya melibatkan kulit ataupun barangan kulit yang telah siap diproses seperti beg, tali jam, dan tali pinggang.

Barangan kulit bernilai tinggi adalah merupakan barangan yang diminati oleh pelancong asing dan ini dapat dilihat dengan pertambahan kedai-kedai yang menjual barangan kulit di KLIA, Suria KLCC dan lain-lain. Bagi tahun 2005, nilai secara langsung daripada perdagangan hidupan liar bagi tiga spesies iaitu ular sawa batik, biawak air dan ular tedung adalah mencecah RM25.1 juta dan bagi tahun 2006 pula mencatat sebanyak RM26.8 juta.

Tuan Yang di-Pertua, penggubalan rang undang-undang ini dapat menyumbang kepada pengawalan dan penguatkuasaan khazanah negara dengan lebih ketat dan terkawal. Ia bukan sahaja bertujuan melengkapkan akta domestik yang sedia ada tetapi memastikan kesalahan-kesalahan berkaitan perdagangan dan penyeludupan hidupan liar menerima hukuman yang setimpal.

Sebagai contoh Jabatan PERHILITAN telah berjaya menahan dua orang warga India di dalam percubaan untuk membawa masuk *Indian star tortoise* pada tahun 2004 dan 2005. Bagaimanapun mereka tidak dapat dihukum di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 (Akta 76) kerana spesies tersebut tidak dilindungi di bawah akta tersebut. Hanya spesimen yang berjaya diseludup masuk berjaya dirampas dan dihantar balik ke negara asal. Pada 7 Mac tahun 2007 Jabatan PERHILITAN berjaya menumpaskan cubaan menyeludup 2,400 ekor ular tikus yang diharamkan pengeksporthannya. Ular ini dilindungi di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar 1974 (Akta 76) dan CITES.

Oleh kerana tiada peruntukan bagi kesalahan cubaan menyeludup di bawah akta berkaitan pesalah telah didakwa di bawah kesalahan memiliki spesies yang dilindungi secara haram atau tanpa lesen yang mana boleh dikenakan denda hanya sebanyak RM3,000 sahaja atau penjara tidak melebihi penjara tiga tahun ataupun kedua-duanya sekali. Hukuman sedemikian didapati tidak cukup berkesan bagi mencegah penyeludupan hidupan liar. Sehubungan itu penggubalan Rang Undang-undang CITES diharapkan akan dapat memberi kuasa pengawalan dan penguatkuasaan ke atas perdagangan hidupan liar fauna dan flora secara komprehensif.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kebangsaan CITES ini juga memperuntukkan pelantikan agensi utama dan agensi-agensi pelaksana mengikut kepakaran masing-masing. Menetapkan garis panduan dalam pengawalan dan pemantauan aktiviti perdagangan hidupan liar. Rang undang-undang ini menetapkan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagai pihak berkuasa pengurusan utama dan pihak berkuasa saintifik utama bagi CITES.

Rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada kementerian ini untuk melantik dan menyelaras pihak berkuasa saintifik CITES yang dianggap kompeten untuk membantu pelaksanaan CITES. Rang undang-undang ini juga turut menetapkan lapan agensi sebagai pihak berkuasa pengurusan CITES mengikut kepakaran dan kawasan geografi masing-masing.

Melalui pengkhususan ini pertindihan kerja dapat dielakkan memandangkan bidang tugas dan kuasa setiap agensi telah dinyatakan dengan jelas dan terperinci melalui peruntukan di bawah rang undang-undang ini. Agensi yang terlibat adalah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Perikanan, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB), Jabatan Pertanian, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Jabatan Perikanan Sabah, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Perbadanan Perhutanan Sarawak.

Pihak berkuasa pengurusan adalah bertanggungjawab mengeluarkan lesen atau permit bagi menjalankan aktiviti perdagangan berkaitan dan penguatkuasaan bagi mengawal sebarang aktiviti perdagangan hidupan atau tumbuhan liar secara haram atau tidak mengikut peraturan yang ditetapkan. Rang undang-undang ini memberi kuasa kepada pihak berkuasa pengurusan menyiasat dan mendakwa pihak yang menjalankan mendakwa pihak yang menjalankan aktiviti perdagangan tanpa lesen atau permit, tidak mengikut peraturan yang ditetapkan atau mempunyai spesimen yang diperolehi secara tidak sah.

Pihak berkuasa berkaitan diperuntukkan kuasa bagi merampas spesimen, dokumen dan peralatan yang dipercayai terlibat. Bagi menunjukkan ketegasan kerajaan di dalam mengawal dan menghapuskan perdagangan spesies flora dan fauna secara tidak sah, setiap pesalah boleh didenda sehingga tidak melebihi RM1 juta atau dipenjarakan tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala badan korporat boleh didenda sehingga tidak melebihi RM2 juta.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai kesimpulan rang undang-undang dapat memberi kuasa pengawalan dan penguatkuasaan ke atas perdagangan hidupan liar fauna dan flora secara lebih komprehensif dan menyeluruh. Lebih penting lagi ia dapat menjamin dan melindungi sumber biodiversiti negara yang amat bernilai daripada dieksploitasi secara keterlaluan terutamanya melalui perdagangan secara tidak sah.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Perdagangan spesies-spesies terancam ini walaupun mampu menjana pendapatan yang tinggi kepada negara, ia perlulah dikawal dan dibuat secara lestari bagi memastikan spesies tersebut tidak diancam kepupusan dan akan terus dapat dinikmati oleh generasi masa hadapan. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk melaksanakan Konvensyen tentang Perdagangan Antarabangsa mengenai Spesies Fauna dan Flora Liar Terancam dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Tuan Khoo Soo Seng dan selepas itu Dr. Haji Mohd. Puad.

9.39 mlm.

Tuan Khoo Soo Seng: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2007. Tuan Yang di-Pertua,

tuhan membina bumi ini untuk kehidupan bukan manusia sahaja, bahkan untuk lain-lain haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Maka sebenarnya haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang lain mempunyai hak yang sama dengan manusia di muka bumi kita. Sebenarnya tanpa haiwan dan tumbuh-tumbuhan yang lain, manusia tidak ada makanan dan persekitaran bumi ini tidak sesuai untuk kehidupan manusia. Haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan adalah teman dan rakan kongsi manusia di muka bumi kita. Masing-masing ada peranan, masing-masing kepentingan dan masing-masing ada tempatnya di bumi ini. Sistem kehidupan secara harmoni dan seimbang oleh semua jenis flora dan fauna dikenali ekosistem. Manusia merupakan benda hidup yang paling bijak di antara semua haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Tuhan berikan kebijaksanaan kepada manusia untuk memimpin dunia ini untuk memastikan semua flora dan fauna terus hidup secara harmonis dan mengekalkan ekosistem yang sedia ada. Di bawah ekosistem itu, semua flora dan fauna ada tempat hidupnya yang sesuai, ada maknanya dan ada cara pembiakkannya.

Tuan Yang di-Pertua, manusia membunuh haiwan dan tumbuh-tumbuhan bukan kerana untuk mendapatkan makanan. Kita memburu gajah kerana gadingnya sahaja, badak kerana kulitnya semata-mata. Manusia memburu dan memusnahkan flora dan fauna semata-mata untuk mencari kekayaan ringgit dan sen. Menurut perangkaan daripada Interpol, perdagangan antarabangsa spesies-spesies terancam dianggarkan di antara RM22 bilion hingga RM75 bilion setahun.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan *black rhino* jatuh daripada 60,000 pada tahun 1970 ke 2,500 sahaja pada tahun 1990. Dan pada tahun 2003, bilangannya naik sedikit kepada 3,610. Bilangan *African elephant* jatuh daripada 1.2 juta pada tahun 1970 ke 10 juta pada tahun 2006. *Asian elephant* tidak melebihi 32,000 ekor pada masa kini. Harimau di hutan pun tidak melebihi 5,000 ekor sahaja sekarang. Sekiranya satu jenis flora atau fauna musnah dan hilang daripada muka bumi ini, kehidupan benda hidup yang bergantung pada dia sebagai makanan pun akan terancam. Sambil sebilangan kecil orang mungkin untung dari segi ringgit dan sen, manusia keseluruhannya akan menghadapi kerugian yang besar di banyak segi yang lain. Mengikut satu kajian yang telah dijalankan, penyakit-penyakit seperti SARS dan mungkin HIV, menyerang manusia kerana kontak manusia dengan haiwan-haiwan liar semasa memburu dan menakutkan haiwan-haiwan liar tersebut.

Sekiranya satu hari harimau masuk ke bandar untuk makan manusia, kemungkinan besar sang harimau itu sudah kehabisan makanan di dalam hutan. Apabila rimba dan hutan dimusnahkan secara berleluasa dan besar-besaran, kesan *global warming* akan semakin ketara dan kejadian banjir semakin kerap dan serius. Satu hari kelak bumi ini mungkin tidak lagi sesuai untuk diduduki manusia, di manakah manusia hendak hidup kelak? Ekosistem sesebuah negara pun sering menjadi tarikan pelancong asing tetapi malangnya segelintir manusia yang kononnya pandai dan bijak tidak sedar tentang kesan buruk kemusnahan spesies terancam dari bumi ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan boleh memelihara spesies-spesies terancam melalui beberapa kaedah. Yang pertama dengan penguatkuasaan undang-undang. Yang kedua, pendidikan untuk menyedarkan rakyat jelata tentang pentingnya memelihara spesies-spesies terancam. Yang ketiga, memberi bantuan kepada individu-individu yang bergantung pada perdagangan haiwan dan tumbuh-tumbuhan terancam untuk punca pendapatan mereka. Yang keempat, daya usaha kerajaan untuk membiakkan spesies-spesies terancam. Segelintir manusia yang tamak dan tidak bertanggungjawab hanya takut kepada penguatkuasaan undang-undang, maka diharapkan bahawa Rang Undang-undang Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2007 akan menjadi penghalang kegiatan-kegiatan perdagangan antarabangsa spesies-spesies terancam tersebut.

Kerajaan bukan sahaja perlu memelihara spesies-spesies terancam bahkan perlu membiakkannya untuk memastikan spesies yang berkenaan terus hidup di muka bumi kita. Kerajaan perlu menyedarkan rakyat tentang kepentingan usaha menyelamatkan spesies-spesies yang terancam. Menyelamatkan spesies terancam akhirnya akan menyelamatkan kehidupan manusia di bumi ini. Penubuhan pihak-pihak berkuasa pengurusan dan pihak-pihak berkuasa saintifik sebagai pihak-pihak berkuasa dan penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan diharapkan akan mendatangkan kesan-kesan positif dari segi pencegahan, perdagangan antarabangsa spesies-spesies terancam. Dengan kata-kata sedemikian, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Mohd. Puad.

9.47 mlm.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin membangkitkan seperti mana yang kita dengar tadi iaitu bahawa pengeksporan spesies-spesies ini hanya dibenarkan jika hanya untuk tujuan penyelidikan. Dan apa yang ingin saya katakan di sini ialah apakah kelonggaran itu tidak menyebabkan akan dipergunakan oleh pihak tertentu untuk mengeksploitasinya, menghantar spesies-spesies ini dengan jumlah yang banyak untuk diperdagangkan atas alasan kononnya untuk penyelidikan. Saya bimbang ini akan dipergunakan sebenarnya dan atas faktor inilah saya ingin bertanya iaitu kenapakah kerajaan, saya difahamkan akan menarik balik larangan untuk mengekspor *primates* ini iaitu yang melibatkan monyet ini dan sebagainya atas tujuan penyelidikan, tetapi saya katakan bahawa mungkin ada pihak nanti yang akan mengeksploitasinya untuk menghantar monyet-monyet yang banyak ini untuk tujuan perdagangan untuk dijual, dijadikan makanan dan sebagainya di negara-negara lain.

Kalau saya menonton filem bagaimana mereka membuktikan bahawa monyet-monyet ini diekspor secara haram dalam keadaan yang cukup menyeksa. Tempat yang sempit dan cara mereka meletakkan di tempat yang panas. Maka itu saya katakan tadi bahawa apakah kerana pembangunan dan pemodenan di negara kita ini menyebabkan monyet ini merebak ke bandar-bandar dan kita tidak ada pilihan maka kita ambil alasan tujuan penyelidikan maka kita hantar monyet ini ke negara lain. Jadi saya bimbang bahawa atas alasan terlampau banyak akhirnya nanti semakin kita membangun, maka semakin pupuslah monyet-monyet ini. Jadi saya harap ini perlu diberi perhatian.

Yang kedua ialah untuk memelihara flora dan fauna ini, spesies-spesies ini. Saya mengambil contoh di Gunung Ledang. Orang-orang Singapura suka pergi ke Gunung Ledang tetapi mereka mencuri spesies seperti bunga-bunga orkid ini yang mereka seludup bawa masuk ke Singapura. Jadi saya tidak tahu bagaimana kita boleh mengawal tindakan mereka ini yang mencuri spesies-spesies seperti ini yang pada kita adalah penting yang sebenarnya mereka tidak ada. Jadi sebab itulah saya rasa oleh kerana bidang ini diberikan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, maka saya harap diberi perhatian dalam isu ini.

Yang ketiga ialah kita maklum bahawa tujuan rang undang-undang ini antaranya ialah untuk memelihara flora dan fauna dan spesies-spesies yang terancam tetapi tidakkah tindakan-tindakan kita sendiri yang pernah juga ditegur oleh Perdana Menteri dari segi pembangunan boleh memusnahkan spesies-spesies dan juga flora dan fauna ini. Saya mengambil contoh pembangunan yang kita rancang iaitu untuk membina Empangan Kelau yang melibatkan Hutan Simpan Lako ataupun FELDA Krau, FELDA Kelau ataupun rizab Orang Asli di Sungai Temiar.

Maka ini melibatkan satu kawasan yang cukup luas, yang mana 16% daripada kawasan ini akan tenggelam dan ini menyebabkan banyak kemusnahan akan berlaku kepada spesies dan flora dan fauna yang ada di kawasan tersebut. Maksudnya bukan soal perdagangan sahaja boleh menyebabkan kita berhadapan dengan masalah seperti ini. Jadi, apakah melihat kepada teguran-teguran yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak terhadap ancaman yang akan dihadapi oleh spesies-spesies dan juga flora dan fauna akibat daripada pembinaan Empangan Kelau ini akan menyebabkan kita membuat keputusan untuk tangguhkan dulu pembinaan Empangan Kelau. Cari pendekatan yang lain kerana saya fikir ini juga menjadi satu faktor yang harus dilihat.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, kalau di Sabah dan Sarawak, mereka ada satu kayu yang kita sebut macam kayu tas. Kayu tas ini sekarang ini pun semakin pupus pada pandangan saya. Kayu tas ini pun sebenarnya ada orang kata kalau kita letak dekat ular, ular pun lari dan ia cukup mujarab. Hendak cabut itu pun ada cara hendak cabut. Cabut daripada belakang. Tidak boleh cabut daripada depan. Ia tidak menjadi. Dia punya *power* itu tidak ada. Ini pun sebenarnya semakin terancam dan saya tahu bahawa ada orang bawa dan jual kepada orang asing sebenarnya. Jadi memang ada kelebihan kepada kayu tas ini. Jadi apakah ini juga tersenarai dalam spesies yang terancam ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya minta pihak Yang Berhormat untuk menjawab.

9.53 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang, dan juga Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Jadi saya hendak cerita sedikit secara menyeluruh dari segi undang-undang yang kita perkenalkan ini ialah yang pertama sekali undang-undang ini bukan untuk haiwan liar dan flora dan fauna. Rang undang-undang ini ialah untuk kita, untuk manusia.

Maksudnya kita tidak boleh kawal haiwan ini dengan undang-undang. Kita hanya boleh mengawal kita. Maksudnya manusialah kita, *you and I*, Yang Berhormat dengan saya kan. Jadi kalau kita tidak buat, memang akan okeylah flora dan fauna kita. Jadi undang-undang ini digubal untuk kita semua tetapi ada di antara kita yang lihat undang-undang ini sebagai penghalang, sebagai ini tidak ada apa benda. Sama juga kita sendiri. Apa yang kita perlu lihat ialah *the balance*, keseimbangan di dalam kita mengejar pembangunan dan di dalam kita menjaga kelestarian alam sekitar kita.

Ini saya hendak sentuh berkenaan Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad dahulu yang cakap pasal pembinaan empangan dan sebagainya. Kadang-kadang empangan kena buat. Macam mana pun empangan kena buat ataupun kawasan perumahan untuk disediakan kepada rakyat kena buat. Kalau tidak, kita *end up*, duduk atas pokok. Jadi kita hendak cari *balance* di mana kerajaan memikirkan bahawasanya dengan tertubuhnya pelbagai undang-undang *zoning* kawasan hidupan liar, kawasan Taman Negara dan sebagainya, kita akan dapat satu *balance*.

Seperti juga dengan cadangan oleh kementerian untuk... kita tidak eksport lagi *that primates*, kera-kera itu belum lagi eksport. Cuma dari segi kita dengan izin, *lift the ban on the export of macaques* sebab kita hendak cari *balance*. Binatang ini hidup untuk makan sahaja. Binatang ini tujuan ia hidup, nombor satu dia, makan. Ia bukan cara hendak pakai, hendak bergaya, hendak pakai jam tangan *Rolex* atau beg *LV* dan sebagainya, tidak ada. Binatang ini kalau ada makanan, di situlah dia pergi. *They fight for food and survival*. Jadi masalahnya, kera-kera ini sudahlah kawasan dia kita membalak, di Soko, di Lojing, di Cameron Highlands dan sebagainya. Jadi mereka ini mula keluar daripada kawasan-kawasan berbukit dan menghampiri kawasan-kawasan yang kita duduki.

Jadi adalah pertembungan di antara manusia dengan haiwan tadi di mana pertembungan ini bukan apa, kera ini pergi dekat rumah kita sebab banyak makanan. Ada yang cerita pasal kambing kampung dengan kambing bandar. Kambing kampung dia makan rumput, kambing bandar ini semua tidak tinggal, plastik pun dia makan. Tin susu pun dia jilat. Maksudnya kerana makanan. Sini bila bertembung di antara kera dengan manusia, kerajaan terpaksa menyebelahi manusia, kepentingan nyawa manusia itu adalah jauh lebih penting. Tidak kiralah kalau ada seekor harimau dalam dunia ini tinggal, di antara manusia dengan harimau, kita terpaksa pilih manusia untuk diselamatkan.

Jadi inilah yang kita anggap apabila ada pertembungan sesuatu penyelesaian hendaklah dibuat. Di antara cadangannya ialah eksportlah kera-kera tersebut. Kita eksport dengan tujuan baik. Vietnam eksport buruk, kera. Negara-negara lain pun banyak yang eksport. Ada yang ada ladang-ladang kera pun ada dan kebanyakan kera yang ada dekat kawasan-kawasan manusia ini mempunyai penyakit-penyakit manusia. Ia sudah dekat sangat dengan manusia, ia jangkit kuman manusia.

Kalau ia dekat hutan sana, kalau kita pergi hantar dekat hutan sana, kera-kera yang dalam hutan yang masih lagi dara dan sebagainya, darah masih baik akan berjangkit dengan jangkitan kuman-kuman yang dibawa oleh kera-kera bandar tadi. Sebab itu kadang-kadang bukannya main taruk biar sahaja. Tangkap sahajalah kera itu pergi buang dekat hutan. Tidak boleh!

Kera-kera ini DNanya sudah lain, darahnya sudah lain, penyakit melalui tidur pun sudah berselimut sekarang ini. Jadi kadang-kadang kera-kera ini kita hendak selesaikan juga masalah. Jadi itulah ada cadangan supaya...

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Laluan.

Dato' Sazmi bin Miah: Okey.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Itu saya kata tadi macam empangan ini, Yang Berhormat, apakah tidak ada alternatif lain. Kita bina empangan pun tidak menyelesaikan masalah juga sebab itu banjir bertambah teruk. Saya ambil contoh Empangan Sembrong, Kenyir, semua ini, makin-makin teruk sebenarnya. Jadi saya tidak tahu apakah tidak ada alternatif lain yang menyebabkan buruk-buruk ini pergi kejar kita pula dan kita pula jadikan alasan kerana buruk sudah terlampau banyak, maka sekarang ini untuk tujuan penyelidikan, boleh pula dieksport. Dulu tidak boleh terus. Terima kasih.

Dato' Sazmi bin Miah: [Menyampuk]

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Duduk atas pokok... [Ketawa]

Dato' Sazmi bin Miah: Terima kasih Yang Berhormat. Memang tidak akan habislah Dewan kita malam ini tetapi saya hendak betulkan. Saya rasa nasib baik kita ada Kenyir, nasib baik kita ada Empangan Sembrong. Kalau tidak, mungkin tenggelam negeri Terengganu. Saya boleh tengok ke arah itu. Kalau Yang Berhormat tengok bahawasanya sebab buat itu lagi jadi banyak banjir. Jadi nasib baik ada Jabatan Alam Sekitar. Kalau tidak, sudah tenggelam sungai kita dengan sampah-sarap walaupun masih ada lagi sampah-sarap dalam sungai.

Jadi sebab itulah *the balance* tadi. Saya tidak boleh hendak cakap bahawasanya kita hendak kena hentikan empangan dan sebagainya, tidak ada tetapi di pihak kerajaan, kita melihat kepada keseimbangan di antara manusia dengan alam sekitar. Jadi saya harap ianya akan memberi kebaikan kepada manusia dan ingin saya nyatakan di sini ia ada tiga apendiks, tiga lampiran. Yang paling penting tadi ialah lampiran yang pertama yang mana tidak boleh diperdagangkan langsung.

Kera-kera tadi saya rasa masuk dalam lampiran yang kedua ataupun yang ketiga di mana boleh diperdagangkan. Maksudnya tidak termasuk di dalam spesies yang terancam. Lampiran pertama ini seperti harimau, gajah yang memang sudah hampir pupus dan sebagainya. Ini tidak boleh langsung. Ini di zoo-zoo sahaja boleh. Macam kita beli gorila hari itu. Ini ingat tak satu hari, empat ekor gorila dekat Zoo Taiping itu? Ini kerana *paper work* yang tidak betul, terpaksa dihantar balik gorila tersebut.

Jadi memang susah untuk diperdagangkan spesies ataupun di lampiran pertama tadi dan ini akan dipastikan. Berkenaan dengan ada orang asing yang masuk ke Gunung Ledang curi orkid dan sebagainya, memang kita akui ada kebenarannya. Bukan sahaja orkid-orkid, Yang Berhormat, ini yang kumbang bertanduk tiga semua itu, serangga-serangga lain, banyak yang dibawa keluar daripada negara kita.

Yang saya belajar baru-baru ini, yang dipanggil serangga ini, yang enam kaki ke bawah. Kaki dia ada enam ke bawah dipanggil serangga. Yang ke atas, tujuh, lapan kaki dia sudah tidak dipanggil serangga. Ini *officer* saya dok *brief* saya. Dia kata, "Yang Berhormat, kaki enam ke bawah itu semua serangga". Ya, yang ada enam kaki, serangga. Oh, kata yang lain-lain itu, sebab kita tidak ada lagi dari serangga dan sebagainya termasuk dalam *lists* serangga. Ini banyak yang dibawa keluar. Jadi sebenarnya macam orkid, dia ada enam spesies orkid yang terletak di bawah Appendix I dari segi flora. Maksudnya, ia orkid, bunga sahaja tidak apa, stem bunga seketul-seketul itu tidak mengapa. Jangan *as a whole*. Jangan dengan batang, daun, akar dan sebagainya. Itu dikira tidak boleh, tetapi bunganya okey.

Jadi, apabila rang undang-undang ini diluluskan, pihak kementerian bercadang untuk mengadakan latihan dan sebagainya kepada penjaga-penjaga pintu masuk ini. Saya cadangkan kepada mereka kita buat gambar walaupun ada 800 jenis spesies yang patut dijaga di pintu-pintu masuk. Kita letakkan gambar yang spesies kita, yang enam jenis orkid ini, macam ini rupa dia. Macam ini rupa dia dan sebagainya di pintu-pintu masuk dan kita juga meminta, akan isi di pintu-pintu masuk dengan pegawai-pegawai yang terlatih daripada jabatan untuk mengenal pasti barangan. Sebab kadang-kadang macam kayu tas tadi, kayu berlian. Kalau Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad pernah pergi Sarawak, dekat tepi *Sarawak River* itu, *Waterfront* itu, yang bulat-bulat, yang besar-besar seperti *guard rail* itu, itu kayu taslah, kayu berlian. Memang betul, kayu berlian itu harimau pun takut, kata merekalah.

Rasanya di sini ia hampir pupus, tetapi di sana banyak lagi. Saya kena beritahu dekat luar Dewanlah sekejap lagi. Saya pun tidak ada maklumat mengenai

kayu berlian Yang Berhormat ya, Namun begitu, kebanyakan macam kayu-kayan ramin dan sebagainya apabila dikeluarkan daripada negara dalam bentuk perabot, susah kita hendak kenal. Apabila perabot tersebut dicat dan sebagainya, memang pegawai-pegawai kastam tidak kenal, pegawai-pegawai hutan pun tidak kenal, tetapi dia masih lagi dalam bahan-bahan di Apendiks 1. Jadi, kadang-kadang inilah *training*, latihan kepada pegawai-pegawai yang menjaga pintu masuk negara amat diperlukan dan kita akan buat daripada semasa ke semasa.

Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang ada cerita pasal penguatkuasaan undang-undang memberikan pendidikan dan membantu mereka yang mencari, mendapatkan rezeki daripada walad, dan membuat pembiakan, ini dilakukan oleh kita. Kita ada kawasan pembiakan, kita ada spesies-spesies yang kita biakkan seperti pelanduk dan sebagainya. Burung ada, burung Merak Hijau. Dahulu tidak ada, sekarang sudah ada di dalam jagaan kita di mana kita boleh biakkan.

Kali terakhir burung Merak Hijau ini kita tengok ialah di Terengganu kalau saya tidak silap, dan seperti burung Kuang dan sebagainya. Banyak spesies yang kita biakkan balik. Cuma spesies burung ini lebih senang lagi untuk dilepaskan balik ke dalam hidupan liar, kita pun senang hendak lepas ke dalam hutan. Bukan macam harimau dan sebagainya. Harimau ini kalau kita biak dalam sangkar, memang tidak boleh lepaslah dia. Matilah dia, tidak dapat makanan. Hendak kejar babi hutan memang tidak boleh, kerana ini dok makan ayam hari-hari.

Jadi, ada spesies-spesies yang kita boleh biakkan dalam kurungan, tetapi hanya untuk tujuan penyelidikan, hanya untuk tujuan *display* dan sebagainya tetapi tidak boleh dilepaskan kembali ke dalam habitat asal. Jadi, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal 1 hingga 55 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG BANK NEGARA MALAYSIA (PINDAAN) 2007

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.09 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2007.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2007 melibatkan pindaan

kepada Akta Bank Negara Malaysia 1958, bagi menubuhkan sebuah institusi pembayaran yang akan dimiliki sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah pun menjajarkan jabatan-jabatannya yang terlibat dalam sektor pengawalseliaan dan pengawasan supaya penekanan yang lebih tinggi dan teratur diberikan kepada fungsi bank negara Malaysia dalam mengekalkan kestabilan sektor kewangan. Penjajaran ini telah melibatkan semakan semula peranan yang dimainkan oleh Bank Negara Malaysia sebagai pengawal selia dan pengendali sistem pembayaran. Bagi mempertingkatkan struktur urus tadbir sistem pembayaran dalam negara, dan juga selaras dengan salah satu prinsip antarabangsa teras bagi sistem pembayaran berkepentingan *system mix* yang dikeluarkan oleh *The Bank For International Settlement* ataupun BIS, Bank Negara Malaysia perlu memisahkan peranannya sebagai penyelia dan pengendali sistem pembayaran.

Dengan itu Bank Negara Malaysia bercadang untuk memindahkan peranan pengendali sistem pembayaran kepada sebuah entiti yang berasingan yang akan dimiliki sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia yang juga akan berfungsi sebagai sebuah institusi pembayaran di peringkat nasional. Tindakan ini adalah sejajar dengan proses penstrukturan semula yang telah diambil oleh bank-bank pusat di negara-negara lain seperti Thailand dan Hong Kong.

Dalam usaha mempercepatkan pemindahan pembayaran yang berasaskan kertas kepada pembayaran secara elektronik dan dalam negara secara menyeluruh adalah amat perlu bagi pihak Bank Negara Malaysia memainkan peranan yang lebih aktif dalam membina infrastruktur sistem pembayaran yang lebih meluas serta memastikan adanya kerjasama dan penglibatan semua bank dan institusi-institusi yang berkenaan dalam bidang sistem pembayaran. Pemindahan kepada pembayaran sistem elektronik merupakan penghijrahan kepada proses yang lebih efisien yang akan menghasilkan penjimatan yang besar di peringkat nasional. Buat masa ini *Malaysian Electronic Payment System 1997 Sdn Bhd (MEPS)* yang dimiliki oleh bank-bank tempatan merupakan pengendali utama beberapa sistem pembayaran runcit dan telah diberikan peranan untuk menggalakkan pemindahan kepada sistem pembayaran elektronik.

Bagi memantapkan lagi usaha mendukung agenda nasional ini secara menyeluruh, peranan ini adalah lebih sesuai dimainkan oleh sebuah institusi pembayaran di peringkat nasional yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia. Dengan cara ini sistem pembayaran tertentu yang dimiliki oleh Bank Negara Malaysia dan MEPS akan digabungkan dan dikendalikan oleh institusi pembayaran tersebut bagi mendapatkan pendekatan dan sinergi yang mampan.

Di samping itu selaras dengan matlamat Malaysia untuk menjadi pusat kewangan Islam antarabangsa pula institusi pembayaran nasional ini juga akan mendukung usaha tersebut dengan menyediakan perkhidmatan depositori dan penjelasan bagi transaksi instrumen kewangan Islam antarabangsa dalam pelbagai mata wang. Peruntukan terperinci Rang Undang-undang Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan) 2007 adalah seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan perkara permulaan peruntukan akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan menggubal semula seksyen 30A untuk memberi Bank Negara Malaysia kuasa tambahan untuk menubuhkan suatu pertubuhan perbadanan atau memperoleh, memegang atau menjual syer suatu pertubuhan perbadanan keseluruhan atau sebahagiannya bagi maksud memajukan dan membangunkan sistem pembayaran dan surat cara pembayaran. Bank Negara Malaysia juga diberi kuasa memberikan, menyumbangkan, meminjamkan atau mendahulukan satu jumlah wang bagi penubuhan atau pengendalian pertubuhan perbadanan itu. Walau bagaimanapun, dalam hal suatu pertubuhan perbadanan yang diperoleh menurut perenggan 30A(1)(c) Bank Negara Malaysia hanya boleh berbuat demikian jika pertubuhan perbadanan itu dimiliki sepenuhnya oleh Bank Negara Malaysia. Kuasa Bank Negara Malaysia yang sedia ada untuk menubuhkan pertubuhan perbadanan bagi maksud latihan, penyelidikan dan sebagainya dikekalkan dalam perenggan baru 30A(1)(a) dan (b).

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 43 atau 519 untuk membolehkan pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan atau diperoleh oleh Bank Negara Malaysia di bawah subseksyen 30A(1) untuk menubuhkan rumah penjelasan ataupun *clearing*

house bagi memudahkan penjelasan cek dan kredit atau surat cara pembayaran lain bagi institusi perbankan. Institusi kewangan lain atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia termasuk untuk menyatakan cara dan tempat bagi penjelasan baki antara institusi perbankan, institusi kewangan lain atau mana-mana orang yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Kuasa ini adalah sebagai tambahan kepada kuasa Bank Negara Malaysia yang sedia ada berkenaan dengan perkara ini.

Oleh yang demikian, bagi merealisasikan objektif-objektif yang tersebut adalah wajar sekiranya Akta Bank Negara Malaysia 1958 dipinda untuk memberikan kuasa yang jelas kepada Bank Negara Malaysia untuk menubuhkan institusi pembayaran ini sebagai badan korporat yang akan dimiliki sepenuhnya oleh Bank Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Norraesah.

10.15 mlm.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menghuraikan sedikit sahaja tentang akta untuk meminda Akta Bank Negara Malaysia 1958.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita sedia maklum Gabenor Bank Negara telah pun diiktiraf sebagai gabenor yang terbaik di Asia dan Asia Tenggara oleh beberapa organisasi. Ini bukan sahaja pengiktirafan kepada gabenor itu, tetapi merupakan pengiktirafan kepada semua warga kerja Bank Negara Malaysia. Tujuan akta yang dibentangkan di hadapan kita hari ini ialah untuk menyempurnakan lagi tugas dan tanggungjawab Bank Negara Malaysia sebagai *central bank* yang baik yang akan diiktiraf sebagai satu bank pusat yang berdaya maju, mempunyai kepakaran dan mempunyai satu pemisahan dalam kuasa antara bank itu sendiri, bank pusat dan anak-anak syarikat mereka. Ini membolehkan Bank Negara menjalankan tugas pengawalseliaan dan pengawasan dengan lebih baik di samping menjalankan tugas-tugas yang lain yang akan menyempurnakan lagi tanggungjawab mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh menyangkal bahawa akta bank ataupun pemindaan akta ini ialah bertujuan untuk memperbaiki perjalanan pengurusan dan pengawalseliaan bank pusat iaitu Bank Negara Malaysia. Jadi Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 30A iaitu *establishment of body corporate for training credit counseling providing payment structure* dan lain-lain ialah suatu yang harus kita alu-alukan oleh kerana ia sebenarnya bertujuan untuk meningkatkan lagi kepakaran dan kemahiran warga kerja Bank Negara Malaysia.

Di samping itu penubuhan rumah penyelesaian *cheque clearing house* iaitu pindaan kepada 43 juga bertujuan untuk menyelaras dengan lebih baik lagi segala aktiviti dalam sektor perbankan itu. Ini jelas menunjukkan bahawa Bank Negara Malaysia tidak statik. Ia sentiasa mengorak langkah untuk menentukan agar keberkesanan perbankan dan sektor perbankan yang dikawal selia dan diawasi oleh *central bank* itu akan bukan sahaja terus maju dalam apa yang sudah dilakukan tapi mengenal pasti cara yang lain, pembaharuan yang hendak diperkenalkan untuk menjadikan ianya lebih berkesan dan efisien.

Tuan Yang di-Pertua, khidmat latihan yang akan diberikan oleh korporat perbadanan ini adalah sesuatu yang harus kita beri pujian oleh kerana sekiranya Bank Negara sekarang ini sudah pun mempunyai seorang gabenor yang memang diiktiraf antarabangsa, tetapi mereka yang akan mengikut langkah untuk menjangkau ke tempat dan kerusinya akhirnya akan juga diiktiraf sebagai pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja *central bank* yang amat disegani di dunia ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, tidak ada celaan kepada rang undang-undang ini. Ia merupakan sebenarnya sungguhpun dalam bahasa legalistiknya amat sukar tetapi ia sebenarnya sesuatu yang mudah kita fahami oleh kerana ia semata-mata bertujuan untuk memberi atau meningkat lagi prestasi sektor perbankan di negara kita. Jadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua seperti yang saya katakan ini adalah sesuatu yang saya rasa kita semua terima. Tuan Yang di-Pertua, hujan sudah, ribut pun sudah, berbahas sudah, faham pun sudah, rang undang-undang tiada ada cacat, baiklah kita lulus cepat-cepat. Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya pohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tak ada? *Okay*, sekarang saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen untuk menjawab.

10.20 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato' Dr. Norraesah kerana walaupun tangan dia patah sebelah kanan itu tapi dia tak pakai *sling*. Itu menyalahi peraturan doktor itu. Terima kasihlah kerana menyokong dan beliau jelas tentang apa tujuan sebenarnya pindaan ini iaitu untuk mewujudkan satu badan korporat, satu syarikat asing yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Negara dan Bank Negara akan belanja lebih kurang RM15 juta untuk mewujudkan pusat ini iaitu mengasingkan kerja-kerja penyeliaan dan kerja-kerja harian yang sekarang ini di bawah Bank Negara untuk menjelaskan segala cek.

Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat, *transaction* yang berlaku tiap-tiap hari yang dijelaskan oleh Bank Negara ialah lebih kurang RM7 bilion dengan 850,000 cek tiap-tiap hari yang dijelaskan oleh Bank Negara. Ini satu beban yang berat. Oleh sebab itu dicadangkan supaya ditubuhkan pusat ini, pusat penjelasan ataupun *clearing house* dalam bahasa Inggerisnya dan ini juga selaras dengan kehendak daripada BIS (Bank for International Settlement) yang kalau ikut contoh yang ada di Amerika, Hong Kong dan di Thailand dah ada dan Malaysia mengikuti jejak itu. Saya yakin dengan cara ini, kita dapat mempercepatkan lagi proses pertukaran atau penjelasan bukan saja cek tapi juga *instruments* kewangan yang lain. Ini selaras dengan kehendak kita untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan antarabangsa dan juga di bawah MIIFC iaitu *Malaysia International Islamic Financial Centre* akan dapat dipertingkatkan dengan kadar yang lebih cepat Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat itu saja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih sekali lagi, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 3 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

(PEMERBADANAN)(PINDAAN) 2007**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****10.25 mlm.**

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) (Pindaan) 2007 untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibaca kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan Yang Berhormat.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan nama Perbadanan Produktiviti Negara kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia. Tukaran nama ini dibuat atas sebab-sebab berikut:

- (i) mengambil sempena nama negara bagi tujuan memudahkan kerja-kerja penerangan tentang bantuan-bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada pelabur terutama semasa promosi menarik pelabur datang ke Malaysia;
- (ii) mengkhususkan nama organisasi untuk mudah dikenali asal negara organisasi di peringkat antarabangsa. Nama *National Productivity Corporation* adalah nama yang generik dan kebiasaan di peringkat antarabangsa, perkataan "Malaysia" perlu diletakkan di belakang bagi tujuan pengenalan asal negara organisasi berkenaan. Oleh yang demikian, dengan pertukaran nama ini, nama organisasi lebih mudah diketahui asal negaranya. Negara-negara yang menggunakan nama negara dan bidang tugas sebagai pengenalan organisasi adalah seperti *Japan Productivity Centre, Korea Productivity Centre, China Productivity Centre* dan *American Productivity and Quality Centre*;
- (iii) menaikkan status organisasi ini sejajar dengan perkembangan organisasi berkenaan yang tidak sahaja tertumpu kepada program peningkatan produktiviti sektor swasta tetapi telah berkembang dengan menguasai bidang peningkatan produktiviti sektor awam;
- (iv) memerlukan satu *branding* bertaraf global selaras dengan rangkaian hubungannya dengan badan-badan antarabangsa seperti berikut, *Asia Productivity Organization Institute for Management Development, World Economic Forum, Japan International Corporation Agency, Fraunhofer Institute* dan *Maastricht School of Management*. NPC juga menjalankan program antarabangsa di bawah *Malaysian Technical Corporation Program, The Third Country Training Program* dan program anjuran *Asian Productivity Organization*.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini ialah fasal 3 dan 4. Pindaan ini bertujuan untuk menggantikan perkataan "nasional" dan "national" masing-masing dengan perkataan "Malaysia" di mana sebutan mengenai nama lama dalam mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan nama baru.

Fasal 5, seksyen baru ini adalah berkaitan dengan implikasi ke atas kuasa, hak keistimewaan, tanggungan, kewajipan dan obligasi perbadanan dan prosiding undang-undang oleh atau terhadap perbadanan tidak akan terjejas dengan perubahan nama perbadanan.

Fasal 6, subseksyen baru ini bertujuan untuk melindungi tanggungjawab yang sedia ada yang dilakukan oleh Perbadanan Produktiviti Negara boleh dikuatkuasakan terhadap Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Fasal 7, pindaan di bawah subseksyen ini adalah pindaan berbangkit berikutan peletakan tanah, harta dan aset adalah dikekalkan daripada Perbadanan Produktiviti Negara kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Fasal 8, subseksyen baru ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi pemindahan wang dan harta dan mana-mana kumpulan wang atau mana-mana kumpulan pinjaman lain adalah bermakna pemindahan dari Perbadanan Produktiviti Negara kepada Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Fasal 9, seksyen ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi Ahli Perbadanan Produktiviti Negara yang hendaklah selepas pindaan ini disifatkan sebagai Ahli Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Fasal 10, pindaan ini bertujuan untuk menjelaskan kedudukan jawatankuasa dan anggota di mana semua jawatankuasa dan anggotanya yang dilantik oleh Perbadanan Produktiviti Negara hendaklah disifatkan sebagai jawatankuasa dan anggotanya dilantik oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia.

Fasal 11, pindaan ini bertujuan untuk penerusan perkhidmatan pegawai dan kakitangan agen dan mana-mana orang lain yang dilantik atau diambil kerja dan memastikan penerusan lantikan dan ambilan tersebut oleh perbadanan produktiviti Malaysia dari tarikh akta yang dicadangkan ini mula berkuat kuasa, Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Sazmi bin Miah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Perbadanan Produktiviti Negara (Pemerbadanan) 1966 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Dato' Dr. Norraesah.

10.21 mlm.

Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbahasan tentang akta atau rang undang-undang pindaan nama ini adalah satu rang undang-undang atau suatu akta yang semata-mata melibatkan pemindaan atau perubahan kepada nama *corporation* ini iaitu daripada *National Productivity Corporation* kepada Malaysia iaitu penggunaan atau pemakaian nama negara kita Malaysia daripada penggunaan perkataan negara itu sendiri. Seperti yang dihuraikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, sewajarnya kita menggunakan Malaysia dan tidak negara oleh kerana negara adalah satu penggunaan bahasa yang generik yang diguna pakai oleh semua negara. Itu terlalu *general*.

Kita harus ingat, negara Malaysia merupakan satu jenama *by itself* dengan izin, satu jenama yang memang dikagumi dunia terutama sekali negara-negara yang membangun. Jadi kalau kita menerima penggunaan Malaysia itu, dengan jelas ia sudah memberi satu jenama yang baik kepada *corporation* ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sesuatu yang elok kita lakukan oleh kerana kita hendak menghidupkan satu jenama yang baik dan Malaysia itu merupakan satu *brand* dan jenama yang sudah pun diguna pakai dan diterima baik oleh dunia antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dengan pemindaan ataupun perubahan nama ini, maka segala pindaan dalam akta ini terutama sekali berkaitan dengan tanggungjawab, ahli-ahli jawatankuasa, warga kerja di NPC itu sendiri harus menjadi warga kerja MPC bukan lagi NPC. Ini merupakan pindaan-pindaan yang *consequential* kepada pemindaan dalam nama syarikat itu. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perubahan langsung dari segi tugas, tanggungjawab, liabiliti, tanggungan dan lain-lainnya.

Apa yang berubah ialah mereka sekarang ini tertakluk di bawah satu *corporation* iaitu MPC Malaysia *Productivity Corporation* yang menjadi nama baru kepada syarikat ini. Jadi ianya harus ditukarlah kepada bersesuaian dengan penukaran nama. Kalau tidak ditukar ini, maka pekerja-pekerja bukan menjadi pekerja MPC tetapi

pekerja NPC yang sudah dilupuskan, tidak lagi wujud an tidak lahir. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan pindaan ini saya ingin mengatakan betapa kagumnya kita terhadap segala kerja, tugas yang sudah pun dilakukan oleh MPC iaitu yang sekarang sudah menjadi NPC.

Mereka sudah pun menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan begitu baik dan mengharumkan nama sebenarnya *corporation* itu sendiri kerana bertindak sebagai satu perbadanan yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan efisien, berkesan dan sudah pun memuat beberapa saranan yang membantu dalam pembangunan produktiviti negara kita kerja-kerja negara kita terutama sekali dalam industri dan sektor-sektor yang sedang kita majukan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana seksyen-seksyen lain yang dipinda itu adalah sesuatu yang bersesuaian dengan pemindahan nama Malaysia *National Productivity Corporation* ini, yang dipinda itu adalah sesuatu yang bersesuaian dengan pemindahan dalam nama Malaysia *National Productivity Corporation*, maka tidaklah banyak yang kita hendak bahaskan. Dengan ini merupakan satu peningkatan, satu *graduation* daripada satu panggilan negara itu kepada *the National*, negara Malaysia itu yang lebih dikenali oleh dunia.

Kalau tidak kita terpaksa memakai *National Productivity Corporation of Malaysia*. Jadi ia merupakan satu yang super '*influence*' dengan izin. Jadi Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa segala-galanya adalah *consequential* kepada pemindahan nama *corporation* itu sendiri, saya dengan ini menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada yang hendak dibantah atau dibangkang. Sokong sahaja, sebab tidak ada apa yang hendak dibantah hendak dibangkang pun. Yang Berhormat boleh menjawab dan menggulung perbahasan.

10.36 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas pindaan Rang Undang-undang Perbadanan...

Tuan Yang di-Pertua: Betulkah persepsi Yang Berhormat tadi itu, seperti diucapkan.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: Ya betul. Perbahasan ke atas Rang Undang-undang Perbadanan Produktiviti Malaysia yang dipinda. Ada tiga perkara yang beliau sentuh. Pertama, mengenai dengan *branding*, memang betul nama Malaysia memang satu yang dikenali diseluruh dunia, malah dari segi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri nama seperti MITI, MIDA, MATRADE terkenal di seluruh dunia. Itu sebabnya apabila kita mengadakan misi perdagangan dan pelaburan, ramai usahawan luar negara yang hadir dan dengan penukaran nama ini kita akan ada lagi identiti yang akan dikenali di seluruh dunia. Tanggungjawab kakitangan akan berterusan dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana beliau faham dengan jelas akan tindakan yang dijalankan oleh perbadanan yang mana telah meningkatkan produktiviti negara. Kita nampak dari segi produktiviti negara, produktiviti *level* kita meningkat daripada USD11,116 kepada USD11,3300 pada tahun 2005 ke 2006. Peningkatan dalam tempoh tiga tahun lebih secara purata 3% lebih dan kita dapat lihat juga total faktor produktiviti negara kita meningkat kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat kuat sedikit, sebab pencatat kita...

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd Hanadzlah: ..meningkat kepada 31.5% bagi tempoh 2002 hingga 2007 daripada 25.9 dari tahun 1997 hingga tahun 2001. Maknanya dari segi daya saing negara kita sudah meningkat tinggi. Jadi saya yakin dengan usaha berterusan yang dijalankan oleh pihak *Malaysian Productivity Corporation* daya saing kita akan meningkat lagi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Masalahnya ialah bahawa kedua-dua rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 12 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana berjaya memandu rang undang-undang. Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut usul maka selesailah urusan kerajaan dan menjadi kewajipan saya untuk menanggungkan Dewan. Namun, sebelum itu bagi pihak Timbalan Yang di-Pertua dan saya bagi diri saya sendiri menyatakan penghargaan kami berdua di atas satu sidang yang sangat memberangsangkan. [*Tepuk*]

Dewan Negara telah menunaikan tanggungjawab kepada negara dengan meluluskan 21 rang undang-undang dan mengikut jadual. Kalau ada terkasar bahasa atau apa-apa bagi kami berdua, saya bagi pihak timbalan mohon maaf, kerana niatnya hanyalah supaya persidangan mengikut jadual dan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian saya minta maaf kalau sudah terlepas *Christmas Eve Dinner*.

Walau bagaimanapun Ahli-ahli Dewan yang lain, saya ucapkan selamat pulang kampung dan pandulah dengan cermat dan selamat. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditanggungkan sehingga satu masa yang belum ditetapkan lagi.

Dewan ditanggungkan pada pukul 10.43 malam.